

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

bersamaan

3, 4, 5 DAN 6 ZULKAEDAH, 1426

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 5 DESEMBER, 2005

Hari Isnin,
5 Disember, 2005

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa. [Muka 5]
3. Ucapan Yang Berhormat Yang Di Pertua. [Muka 5]
4. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. [Muka 6]
5. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - 5.1 *Soalan-soalan Bertulis* [Muka 8]
 - 5.2 *Soalan-soalan Lisan* [Muka 9]
6. Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara Lain. [Muka 32]
7. Rang Undang-Undang:
 1. Enakmen Perbekalan (2006) 2005. [Muka 33]

[Bersambung]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERTHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMI.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT., AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawī bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahtnad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJK.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (Dengan Maaf):

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PIC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PIC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PIK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Marilah sama-sama kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Persidangan kali ini adalah Mesyuarat Yang Ketiga Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas yang akan diadakan selama empat hari, pada 5, 6, 7 dan 8 Disember 2005. Di Persidangan kali ini, Kerajaan Negeri akan membentangkan Bajet 2006 bagi Negeri Terengganu Darul Iman.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan diberi masa untuk meneliti Ucapan Bajet yang akan disampaikan oleh pihak Kerajaan serta akan diberi peluang untuk membahaskan Ucapan Bajet 2006. Selesaiinya Tertib Pekerjaan berkaitan dengan Bajet, Dewan Undangan Negeri akan meneruskan dengan Tertib Pekerjaan lain yang telah ditetapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengingatkan bahawa sesi bagi Soalan-soalan Lisan diperuntukkan masa selama satu jam bagi setiap hari dan soalan-soalan tambahan bagi satu-satu Soalan Lisan hanya dibenarkan tiga soalan sahaja.

Saya mengharapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat mematuhi Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu Darul Iman. Juga diharapkan semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Persidangan Dewan kali ini dapat mencetuskan idea-idea yang bernas yang boleh menjadikan pembangunan Negeri Terengganu serta mengubahkan pemikiran rakyat Terengganu ke taraf dunia demi kesejahteraan semua. Semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur, tertib serta harmoni.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warhmatullahi wabarokatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sebelum saya membentangkan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan, suka saya memaklumkan bahawa saya ada menerima surat memaklumkan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang tidak dapat menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2006.
(D.U.N. Bil.23/2005)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2006.
(D.U.N. Bil.24/2005)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2006.
(D.U.N. Bil.25/2005)
4. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2002 Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
(D.U.N. Bil.26/2005)
5. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2003 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.27/2005)
6. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2003 Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)
(D.U.N. Bil.28/2005)
7. Penyata Kewangan Tahun 2004 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
(D.U.N. Bil.29/2005)

8. Penyata Kewangan Tahun 2004 Majlis Daerah Besut.

(D.U.N. Bil.30/2005)
9. Penyata Kewangan Tahun 2004 Majlis Perbandaran Kemaman.

(D.U.N. Bil.31/2005)
10. Penyata Kewangan Tahun 2004 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.32/2005)
11. Penyata Kewangan Tahun 2003 Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil.33/2005)
12. Penyata Kewangan Tahun 2004 Majlis Daerah Hulu Terengganu.

(D.U.N. Bil. 34/2005)
13. Penyata Tahunan Tahun 2004 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.35/2005)
14. Penyata Kewangan Tahun 2002 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.36/2005)
15. Penyata Kewangan Tahun 2003 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.37/2005)
16. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 Bagi Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.38/2005)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- (1) Yang Berhormat Wakil Kemasik
- (2) Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai
- (3) Yang Berhormat Wakil Air Limbat
- (4) Yang Berhormat Wakil Langkap
- (5) Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang
- (6) Yang Berhormat Wakil Hu'lu Besut
- (7) Yang Berhormat Wakil Jabi
- (8) Yang Berhormat Wakil Air Putih
- (9) Yang Berhormat Wakil Batu Burok
- (10) Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- (11) Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
- (12) Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan dan Persidangan pada 5, 6, 7 dan 8 Disember 2005, sesi Soalan-soalan Lisan akan dibenarkan masa selama 1 jam dan soalan-soalan tambahan hendaklah mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri fasa 27(5). Saya ingatkan sekali lagi, Soalan-soalan tambahan hanya dibenarkan tiga soalan bagi setiap Soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

Pada Persidangan kali ini seramai 18 Yang Berhormat mengemukakan Soalan-soalan Lisan dan saya dengan sukacitanya mempersilakan Wakil Kemasik mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

Isu kemiskinan masih menjadi topik hangat yang diperkatakan.

- a. *Sebutkan jumlah penduduk yang dianggap miskin mengikut pecahan daerah dan bentuk bantuan yang diberikan?*
- b. *Apakah program-program yang dilaksanakan bagi membolehkan golongan berkenaan berdikari. Jika ada, setakat manakah kejayaannya?*

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati lagi dikasihi. Jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kemasik berkaitan dengan kemiskinan ialah jumlah penduduk terkini yang dianggap miskin dan termiskin, datanya banyak di sini tapi saya ambil secara keseluruhannya, di Kuala Terengganu mengikut daerah ialah seramai 6,497 orang, di Kemaman - 3,722 orang, Dungun – 3,718 orang, Hulu Terengganu – 3,770 orang, Besut – 3,677 orang, Setiu – 3,022 orang dan Marang – 2,667 orang. Jumlah keseluruhan miskin tegar dan miskin seramai 27,073 orang.

Jadi, untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, definisi miskin ialah mereka yang berpendapatan RM529.00 sebulan ataupun secara perkapitanya RM115.00. Manakala yang termiskin ialah separuh daripada RM529.00 tersebut iaitu RM264.50. Dan, dalam golongan miskin tegar dan miskin ini, dia ada satu lagi dinamakan miskin relatif yang mana miskin relatif ini ialah miskin yang apabila sesuatu barangan/komoditi itu naik dia keluar daripada kemiskinan tetapi apabila harganya turun maka dia masuk dalam kemiskinan. Contohnya, sekarang harga kelapa sawit dan juga getah alhamdulillah, agak

memberangsangkan dan ramai keluar daripada kemiskinan tetapi apabila harga ini jatuh mereka ini akan masuk dalam kategori miskin.

Soalan yang kedua yang dikemukakan atau ingin diketahui oleh Wakil Kemasik juga ialah program. Program-program yang telah kita laksanakan sepanjang kita telah diberi amanah oleh rakyat untuk mentadbir negeri ini untuk meningkatkan, membolehkan golongan ini berdikari ialah dengan menyediakan bantuan modal ataupun pinjaman modal untuk menjana pendapatan mereka sama ada secara individu ataupun kelompok dalam bidang pertanian, perniagaan yang kecil-kecilan ataupun perkhidmatan. Selain itu kita juga menyediakan latihan-latihan kepada ketua isi rumah ataupun KIR dan ahli-ahli isi rumah bagi memperolehi pekerjaan yang lebih baik yang mana apabila mereka mendapat pekerjaan kita berharap agar mereka dapat membantu ibu ataupun bapa mereka yang miskin agar keluar daripada belunggu kemiskinan. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pembaikan rumah dan juga pembinaan rumah baru untuk rakyat termiskin termasuk dalam program-program yang dilaksanakan. Saya ingin tahu berapakah jumlah rumah-rumah rakyat termiskin yang dibaiki dan dibina baru pada tahun 2000 hingga 2003 dan pada tahun 2004 hingga 2005?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Kemasik. Bantuan-bantuan yang telah kita beri untuk mengeluarkan mereka ataupun golongan miskin tegar dan miskin ini daripada belunggu kemiskinan ialah membina rumah baru dan membaiki pulih yang harga sebuah rumah yang dibina ialah RM13,200.00 manakala baik pulih sehingga RM5,190.00. Kita juga membahagikan makanan tambahan yang seimbang dan kursus motivasi kepada ketua isi rumah dan ahli keluarga isi rumah. Bantuan untuk warga emas dan golongan cacat serta bantuan-bantuan modal untuk peningkatan ekonomi. Jadi ini menunjukkan bahawa kesungguhan, keprihatinan dan kecaknaan kita yang begitu serius untuk nak mengeluarkan rakyat daripada belunggu kemiskinan.

Dan, soalan yang ditanyakan tadi berkenaan dengan bina baru. Sebagai perbandingan ialah pada tahun 2000 iaitu semasa Kerajaan Pas mula mengambil alih pemerintahan cuma sebuah sahaja rumah yang dibina rumah bina baru untuk orang miskin dibina dan untuk dibaiki pulih sebanyak 267 buah. Manakala pada tahun 2002 tidak ada sebuahpun, 2003 ada sebanyak 32 buah, ertinya daripada tahun 2000 hingga 2003 Kerajaan ketika itu hanya mampu membina sebanyak 33 buah sahaja berbanding dengan zaman Umno dan Barisan Nasional mengambil tampuk kuasa bermula pada tahun 2004 dan 2005, yang mana pada 2004 kita dah mulakan program ini separuh jalan setengah tahun iaitu sebanyak 20 buah bina baru dibina dan sebanyak 1,500 buah, saya ulang lagi sekali 1,500 buah rumah bina baru dibina sepanjang tahun 2005 yang sedang berjalan sekarang. Dan, dari segi membaiki pula, sepanjang tahun tersebut kita ada 2004 sebanyak 197 buah baik pulih dan 1,800 untuk 2005. Ini menunjukkan kesungguhan kita, keprihatinan kita, walaupun kita tidak mewarwarkan slogan 'Membangun Bersama Islam' tapi apa yang kita buat ini tuantuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah selaras dan seiring dengan apa yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya iaitu membina '*at-amanahum-mimju' wa-amanahuminqauif*'. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah terdapat pihak tertentu yang dikesan menipu Kerajaan untuk mendapatkan bantuan rakyat termiskin sedangkan mereka tidak miskin dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat Wakil Kemasik setakat ini tidak ada sebarang laporan yang diterima berkenaan dengan daftar ataupun maklumat palsu daripada mereka yang menerima bantuan tapi mereka ini bukan PPRT. Jadi kalau ada daftar ataupun ada maklumat kita akan mengambil tindakan tegas kepada mereka juga kepada mereka yang mengesahkan daftar palsu tersebut iaitu JKKK dan sebagainya. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan tambahan – Seingat saya waktu Pas memerintah dulu kadar kemiskinan yang Umno tinggal 13 peratus, kita berjaya turun kepada 10.6 peratus. Dan, ikut kajian *Economic Planning Unit (EPU)* Jabatan Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini daripada 10.6 peratus kadar kemiskinan di Terengganu naik kepada 16 peratus, mengapa perkara ini berlaku?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, persoalan dikemukakan oleh Wakil Wakaf Mempelam, kenapa hal tersebut berlaku? Sebenarnya dengan usaha-usaha yang kita lakukan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, sepatutnya tidak ada lagi orang yang termiskin di negeri kita ataupun di negara kita. Kerana apa? Kerana ramai penghijrah ataupun mereka yang datang ke sini daripada Indonesia, Myanmar, Thailand dan sebagainya dapat membuat/mencari pekerjaan dan menghantar duit ke negaranya. Jadi apa yang berlaku sekarang ialah sikap, sikap yang ada di kalangan orang-orang kita terutamanya apabila mereka ini terlalu memilih pekerjaan. Lantaran itu kita mengadakan satu banci untuk mengenal pasti golongan-golongan yang betul-betul miskin dan termiskin kerana kalau kita bandingkan dengan apa pengalaman kita ketika berkempen di Pengkalan Pasir yang besok akan diadakan Pilihanraya saya dapat melihat bahawa apa yang berlaku di Kota Bharu, apa yang berlaku di Pasir Mas jauh lebih teruk daripada apa yang berlaku di Terengganu. Di Terengganu saya yakin dan saya percaya tidak ada lagi rumah-rumah yang beratap daun, berdinding pelepah buluh cincang dan bergelegarkan batang nibong dan juga batang buluh tapi masih kedapatan di Pasir Mas yang mana sebuah negeri yang mengisytiharkan bandar Islam yang dikatakan negeri di bawah pimpinan Ulama jadi ini tidak berlaku di tempat kita, kalau ada mereka yang sebegini saya minta Wakil Pembangkang beritahu, maklum kepada kita, insya-Allah kita akan segera luluskan peruntukan untuk memperbaiki rumah tersebut. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Soalan daripada Wakil Bukit Tunggal di tolak. Jadi dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya akan mengemukakan soalan bagi pihak Rhu Rendang, soalan yang pertama –

Sehingga kini sila nyatakan nama agensi-agensi penyumbang, jenis dan jumlah sumbangan masing-masing kepada anggaran Bajet Negeri Terengganu di bawah Kod Hasil 82000 Terimaan dari Agensi Kerajaan yang dianggarkan kutipannya sebanyak RM1,098,232,680.00 (Buku Bajet Tahun 2005)?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, agensi utama penyumbang di bawah Kod Hasil 82000 adalah Kerajaan Persekutuan. Sehingga kini jumlah sumbangan yang diterima di bawah kod tersebut ialah RM859,028,176.64 yang terdiri daripada Pemberian Hitung Kepala ataupun *Capitation Grant* sebanyak RM15,084,360. Pemberian Pertambahan Hasil sebanyak RM51,940,000. Pemberian 50 peratus Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama sebanyak RM21,551,477. Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan sebanyak RM3,354,637.00. Pemberian di bawah Amanah Dana Khas sebanyak RM765,000,000.00 dan lain-lain pemberian sebanyak RM2,097,705.64. Jumlah keseluruhannya sepertimana yang saya katakan tadi ialah sebanyak RM859,028,176.64.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan dan penjelasan sekaligus – Kerajaan Persekutuan bukannya agensi Kerajaan ianya Kerajaan. Soalan yang diberi ialah agensi-agensi Kerajaan yang telah menyumbang kepada Dana Hasil Negeri Terengganu. Yang kedua, apa yang dinyatakan *Capitation Grant*, Pertumbuhan Hasil 50 peratus dan caj itu adalah peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh Perlembagaan dan Majlis Kewangan Negara, oleh itu jawapan adalah tidak relevan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih, Yang Di Pertua. Kadangkala apabila soalan itu ditanya ianya kurang tepat kadangkala, jadi untuk pengetahuan kadangkala ianya ditanya untuk mendapat dan memberi maklumat kepada rakyat tentang jumlah yang telah kita terima. Sebab itulah jawapan-jawapan itu ialah bertepatan dengan apa yang dirasakan perlu dijawab untuk maklumat kepada rakyat keseluruhannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua – Memanglah penjelasan yang diberi untuk Dewan yang mulia ini menggambarkan realiti, kebenaran tetapi apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi bukannya realiti Kepala-Kepala Hasil yang sepatutnya diterima di bawah Penerimaan Agensi-agensi Kerajaan. Saya telah meneliti Buku Bajet dan saya telah meneliti Laporan Ketua Juruaudit. Apa yang saya katakan tadi ialah peruntukan-peruntukan yang wajib dibayar di bawah artikel ataupun perkara 106 ataupun 107 saya lupa, Perlembagaan Persekutuan yang mana *Capitation Grant* ataupun Cukai Kepala yang mesti/wajib dibayar ini perkara yang berlaku setiap tahun bukan Pemberian ianya ada Kepala khusus untuk Kepala Hasil/Kod Hasil.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Itulah, soalan tadi ialah di bawah Kod Hasil 82000, jawapan saya ialah di bawah Kod Hasil 82000 tidak ada perbezaannya. Lainlah kalau Yang Berhormat tidak tahu istilah Kod Hasil, pertanyaan tersebut. Yang tanya tidak ada, yang tanya soalan tambahan, ada, inilah masalahnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Ini telah disalah kodkan kerana di dalam Bajet yang asal yang diperkatakan Kod Hasil 82000 ialah Pemberian Daripada Agensi-agensi Kerajaan sedangkan dimasukkan di bawah Pemberian perkara yang bukannya sumbangan, ini Pemberian wajib. Sumbangan daripada Agensi-agensi Kerajaan, Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan mestilah Agensi-agensi Kerajaan Negeri sendiri dan bukan daripada Kerajaan Pusat yang wajib dibayar di bawah Perlembagaan.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tuan Yang Di Pertua,

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Biar saya jawab, tak habis lagi ni.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penjelasan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebenarnya, saya nak baca soalan kerana yang menjadi masalah sekarang ni kerana Yang Berhormat yang bertanya tidak ada, Yang Berhormat yang bertanya soalan lain itu, ada. Ini maknanya soalan Dewan ini tidak penting kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan ini. Soalannya ialah - Sehingga kini sila nyatakan nama agensi-agensi penyumbang, jenis dan jumlah sumbangan masing-masing kepada Anggaran Bajet Negeri Terengganu di bawah Kod Hasil 82000, saya ulangi Kod Hasil 82000. Jadi jawapan saya ialah di bawah Kod Hasil 82000. Tadi saya katakan, pertamanya ialah 82351 Kod Hasil, yang keduanya - 82352, yang ketiganya - 82353, yang keempatnya 82355, yang kelimanya 82385, yang keenamnya 82386. Semuanya mengikut Kod Hasil yang ditanya oleh Yang Berhormat daripada Rhu Rendang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Saya masih merasakan bahawa Kod Hasil ini tidak menepati kehendak hasil.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya minta Yang Berhormat yang berkenaan meneruskan soalan yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebelum saya kemukakan bagi pihak Wakil Rhu Rendang soalan yang kedua, sepatutnya Yang Amat Berhormat tidaklah mengatakan Wakil Rhu Rendang tanya soalan dia tidak hadir itu kerana tidak penting Persidangan Dewan, jangan beri satu *miss perception*, dengan izin Dato' Yang Di Pertua.

Soalan yang kedua, Dato' Yang Di Pertua -

Berapakah jumlah lot tanah persendirian, bilangan tuan-tuan tanah dan jumlah keluasan tanah yang terlibat dengan Projek Loji Rawatan Air (Water Treatment Plant) di Kampung Seberang Gaung, Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Di Pertua, jumlah lot tanah persendirian yang terlibat dalam Projek Loji Rawatan Air (Water Treatment Plant) di Kampung Seberang Gaung, Mukim Kuala Berang ialah sebanyak 8 lot. Bilangan tuan-tuan tanah adalah seramai 82 orang dan keluasan tanah yang terlibat dengan projek ini ialah seluas 18.2065 hektar. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Saya difahamkan berhubung dengan projek ini pihak kontraktor telahpun memasuki kawasan lebih awal iaitu tarikh milik tapak projek bertarikh 16.2.2004. Tapi tarikh warta pengambilan tanah yang disebutkan tadi 23.9 maknanya masuk kawasan dulu sebelum selesai masalah bayaran pampasan kepada tuan-tuan tanah. Dan, malah tuan-tuan tanah dipanggil untuk beri taklimat hanyalah pada 29.6 itupun tak jadi taklimat itu. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini satu kes *trespassing* dengan izin Dato' Yang Di Pertua. Saya ingin tanya mengapa perkara ini boleh berlaku?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, prinsip dahulu. Prinsipnya yang pertama, pada ketika itu ramai di kalangan rakyat Terengganu yang mengadu kerana mempunyai masalah air kerana pada ketika itu merupakan Kerajaan Pas. Jadi apabila kita bercakap pasal *Delivery System*, apabila kita bercakap pasal memberi kepentingan awam, kepentingan ramai mendahului kepentingan individu, maka kadangkala kita terpaksa membuat sesuatu di luar norma-norma tertentu ini untuk kepentingan orang awam. Sebagaimana yang diperkatakan tadi kontraktor masuk pada Februari, 2004 ketika Kerajaan Pas memerintah, demi untuk menjaga kepentingan awam, kontraktor terpaksa masuk dahulu tetapi yang pentingnya walaupun kita *trespass* Kerajaan tidak pernah menzalimi tuan-tuan tanah jika sekiranya mereka tidak bersetuju dengan harga yang diberi dia boleh bawa kepada mahkamah, yang pentingnya yang pertama, kita menjaga kepentingan awam, yang keduanya kita tidak menzalimi tuan-tuan tanah. Cuma dari segi proses teknikal itu mungkin terjadi tetapi ini kadangkala kita terpaksa membuat keputusan demi untuk menjaga kepentingan awam. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua - Hari ini baru saya dengar 'demi untuk menjaga kepentingan awam', Kerajaan sanggup mencabuli undang-undang dan hak. Apa kata Perlembagaan Malaysia berkait dengan perkara ini? Betullah ada proses teknikal tetapi ianya tidak memberi hak kepada Kerajaan untuk mencabuli hak rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, kita ada proses undang-undang sekiranya ada kesilapan-kesilapan Kerajaan tuan tanah boleh membawa perkara ini ke mahkamah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Saya harap Exco yang berkenaan sedar kos kesulitan, kepayahan untuk rakyat untuk membawa kes ke mahkamah dan bukan semua orang semudah itu untuk pergi ke mahkamah tapi inilah menunjukkan kezaliman yang dilakukan, pencerobohan yang dilakukan walaupun berlaku semasa Kerajaan Pas memerintah tetapi Kerajaan Pas tidak pernah dimaklumkan berkenaan dengan perkara ini dan kontraktor yang diberi kontrak inipun tidak berlesen, tidak berdaftar.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Soalannya apa? Apa soalnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pencerobohan, kontraktor yang tak berlesen, kontraktor tidak berdaftar dan kezaliman kepada rakyat?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini tuduhan tidak berasas dibuat oleh bekas Exco yang mana Februari 2004 ketika itu Kerajaan Pas memerintah Terengganu, jadi alasan Kerajaan Pas tidak tahu menahu hal perkara ini menunjukkan 'komangnya' Kerajaan pada masa itu sampai projek sebesar itupun tak tahu, bukan projek kecil, projek besar. Dan, alasan mengatakan kontraktor yang masuk itu tidak berlesen satu tuduhan tidak berasas. Macam mana sebuah kontraktor yang boleh buat projek jutaan ringgit, kita bukan macam Kerajaan Pas 'ikut-ser ikut-dang' buat kerja. Kita ada benda kita buat, beri bukti nama kontraktor mana yang tak berlesen itu yang buat projek di ini kawasan saya ini, di Hulu Terengganu. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Semasa Kerajaan Pas walaupun rumah kita sendiri tetapi pencuri masuk jarang tuannya mengetahuinya dan perbuatan ini sengaja dilakukan dengan restu Kerajaan Pusat untuk mencabuli hak rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, macam mana Kerajaan Pas tidak tahu yang mengendalikan projek ini merupakan SATU, Syarikat Air Terengganu di bawah Kerajaan Pas yang dipengerusikan oleh Menteri Besar ketika itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara ini dilakukan oleh Kerajaan Pusat tanpa pengetahuan kita.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, panjang isu ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Soalan saya tadi namakan kontraktor yang tidak berlesen? Tak jawab lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kata kontraktor ini carian kita ROC tidak ada.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya nak, bila boleh beri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Insha-Allah, saya akan bagi di *Session* yang akan datang.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bila? Minggu depan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): *Session* yang akan datang.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): *Session* yang akan datang? Dok-rok *boss* begini, cap ayam jugak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalan Wakil Rantau Abang telah ditolak dan sekarang saya persilakan Wakil Hulu Besut mengemukakan soalnya -

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan satu -

Pada tahun 2006 Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Tahun Pertanian Negeri Terengganu dan dalam masa yang sama Kerajaan Pusat sedang giat berusaha untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor utama ekonomi negara.

- a. *Apakah jenis tanaman yang akan diberi tumpuan oleh Kerajaan pada tahun 2006?*
- b. *Kerajaan Negeri pernah menggalakkan rakyat menanam pokok sentang, berapakah keluasan tanah yang telah ditanam dengan pokok sentang dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan dalam menggalakkan penanaman pokok sentang dan apakah status tanaman ini sekarang?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, jawapan kepada soalan 1 (a). Jenis-jenis tanaman yang akan ditanam bergantung kepada permintaan pasaran dan juga kesesuaian jenis tanaman dengan iklim setempat dan juga jenis tanah di negeri ini. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas tanaman yang akan dikenal pasti adalah sebagai berikut:-

Pertamanya, buah-buahan. Kerajaan akan menumpukan kepada buah pitaya ataupun *dragon fruit*, limau madu, salak, longan, pisang, betik dan nenas. Manakala tanaman kontan pula Kerajaan akan memberi tumpuan kepada tembikai, *rock melon*, keledak, labu manis dan jagung. Dan, manakala bagi sayur-sayuran akan diberi keutamaan kepada cili, tomato, kacang, sawi serta satu tanaman baru lagi akan dibaik pulih iaitu bawang dan cendawan. Projek-projek yang diberi tumpuan khas ini ialah melalui sistem fertigasi dengan tanaman utama akan diberi ialah *rock melon* dan juga projek tanaman pitaya.

Dato' Yang Di Pertua, jawapan kepada 1 (b). Projek tanaman pokok sentang telahpun dijalankan pada tahun 1997. Keluasan tanaman dan jumlah peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Keluasan Tanaman</u> (ha)	<u>Jumlah Peruntukan</u> (RM)
1997	1,012.0	966,676.40
1998	404.0	482,013.00
1999	720.0	209,890.00
Jumlah :	<u>2,136.0</u>	<u>1,658,539.40</u>

Kedudukan status tanaman ini sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah berjaya menanam seluas 2,136 hektar, di mana 90 peratus di dalam tanah Kerajaan dan tanah diberi milikan. Manakala 10 peratus lagi di dalam Hutan Simpan Kekal iaitu Hutan Simpan Merchang. Bagi tanaman di dalam Hutan Simpan Kekal, aktiviti rawatan silvikultur seperti menyulam, memangkas, membaja, menebas telah dijalankan bagi menghasilkan pokok yang berkualiti. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan rawatan silvikultur dan juga penjagaan pokok sentang kepada tuan tanah yang menanam pokok tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Di Pertua, soalan tambahan - Di kawasan saya juga ada segelintir penduduk yang menanam pokok sentang, apa yang saya dengar yang diadukan kepada saya penanam pokok sentang ini tidak berjaya dan menyebabkan setengah daripada mereka telah menebas semula pokok sentang ini. Jadi di sini dengan jelas dan nyata perancangan Kerajaan pada masa itu tidak berapa tepat, jadi apakah Kerajaan tidak ada cadangan untuk membayar barangkali saguhati di atas kerugian yang dialami oleh petani?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, sehingga kini Kerajaan masih belum menentukan sama ada untuk memberi bantuan ataupun tidak tetapi yang jelasnya ialah pokok sentang tadi telahpun ditukar kepada pokok karas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Semasa skim ataupun program pokok sentang ini hendak dikemukakan Dewan ini telah ditegas dan diyakinkan oleh Exco

pada ketika itu bekas Yang Berhormat Dato' Mamat Ghazali bahawa hasilnya akan diperolehi dalam masa 5 tahun. Berapa banyak hasil yang diperolehi di bawah skim dan program ini? Yang kedua – Apakah nasib ataupun rancangan Kerajaan mengenai dengan tanah yang telahpun diluluskan sebanyak 2,000 lebih hektar itu?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, kalau Wakil Rakyat daripada Batu Burok nak mengetahui mengenai perkara tersebut saya memerlukan notis untuk memberi jawapan yang tepat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Berhubung dengan projek sentang ini, kita dapat maklumat setelah ianya gagal rupa-rupanya kajian tidak dibuat secara terperinci, kena kecek, kena tipu oleh pembekal Cina yang nak menjualkan anak-anak pokok sentang, sehinggakan rakyat menjadi mangsa. Jadi apakah tindakan Kerajaan untuk mengambil tindakan lanjutan ekoran daripada tindakan yang telah kita kenakan dan rakyat menjadi mangsa.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, saya tidak nampak rakyat menjadi mangsa mengenai masalah sentang kerana kebanyakannya sentang ini ditanam oleh Perhutanan dan sebahagian yang berjaya sehingga kini masih belum dijual itu saja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalan daripada Wakil Manir dan juga Wakil Jabi serta Wakil Paka telah ditolak, jadi saya persilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalnya –

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan satu -

Adakah semua sekolah rendah dan menengah di Terengganu mempunyai makmal komputer? Apakah tahap penggunaan makmal komputer tersebut dan adakah semua pelajar mendapat manfaat dari makmal komputer yang disediakan?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adapun menjawab soalan yang pertama, pada masa kini kesemua sekolah rendah dan menengah di Terengganu telahpun dibekalkan oleh makmal komputer masing-masing dan tahap penggunaannya cukup bagus sekali yakni sampai ke tahap 75 peratus penggunaan di makmal komputer oleh pelajar-pelajar.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Tahap manakah atau darjah berapakah pelajar-pelajar ini mulai diajar komputer?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penyertaan/tahap dari segi kaedah pembelajaran pengajaran menggunakan komputer

dalam makmal. Yang keduanya ialah kesemua pelajar mendapat menafaatnya dari segi ada giliran pelajar-pelajar untuk mengguna makmal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya, darjah berapa mereka dimula diajar?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia ikut kurikulum yang ada, kalau kurikulum itu membolehkan pelajar darjah satu untuk masuk makmal maka darjah satulah yang masuk makmal, daripada darjah satu. Pada asasnya ianya untuk kesemua pelajar tetapi tahap penggunaan pelajar itu tertakluk kepada tahap mana di bawah kurikulum yang KBSR dan KBSM itu pelajar-pelajar itu wajib masuk makmal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Ada satu sekolah yang saya tahu di dalam kawasan saya darjah lima belum lagi sentuh komputer. Saya pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang itu saya kena *check* sekolah mana itu, kalau tidak betul kita akan betulkan sekolah itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Sekarang saya persilakan Wakil Batu Burok mengemukakan soalnya dan soalan nombor dua untuk makluman telah ditolak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum. Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Apakah rancangan jangka panjang dan jangka pendek Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pemasaran yang dihadapi petani-petani buah-buahan setiap tahun bila mana hasil pertanian melebihi keperluan tempatan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang menyeluruh di dalam menangani isu-isu pemasaran pertanian khususnya di dalam hal-hal masalah yang dikatakan lebih penggunaan di dalam negeri. Antara langkah jangka panjang yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

1. Menggalakkan pengeluaran buah-buahan secara komersil yang mampu berdaya saing di dalam pasaran.
2. Memperkenalkan sejenis tanaman ataupun buah-buahan yang mempunyai potensi pasaran yang baik serta sesuai dengan keadaan iklim tempatan.

3. Menggalakkan pengeluaran buah-buahan yang berkualiti tinggi yang dapat memenuhi kehendak pengguna serta penentuan piawaian standard untuk pasaran tempatan dan juga antarabangsa.
4. Kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi terkini di dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pengeluaran hasil dari segi kuantiti serta kualiti dan juga mengurangkan kos pengeluaran.
5. Kerajaan juga mengadakan promosi pemasaran bagi buah-buahan tempatan di dalam negeri dan juga luar negeri apabila diperlukan.
6. Mengadakan penyelidikan dan pembangunan R&D secara berterusan oleh jabatan dan agensi berkenaan serta pihak swasta di dalam bidang-bidang berkaitan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil-hasil pertanian termasuk juga buah-buahan.
7. Kerajaan menggalakkan pembangunan industri hilir ataupun prosesan bagi hasil-hasil yang terutamanya buah-buahan.

Manakala jangka pendek pemasaran adalah seperti berikut:-

1. Memberi khidmat nasihat dari segi pengeluaran kepada petani-petani yang memerlukan.
2. Khidmat nasihat dari segi pemasaran kepada petani-petani yang kurang berupaya untuk memasarkan.
3. Memberi kemudahan kepada petani memasarkan hasil pengeluaran mereka secara terus melalui pasar-pasar tani, expo dan pameran.
4. Membantu petani-petani memasarkan buah-buahan mereka melalui penglibatan pemasaran secara langsung oleh agensi Kerajaan iaitu Fama. Penglibatan agensi pemasaran seperti Fama dalam pembelian buah-buahan tempatan bukan sahaja memberi ruang pasaran yang tambahan kepada petani-petani berkenaan tetapi juga ianya dapat menstabilkan harga buah-buahan berkenaan. Melalui sistem kontrak pemasaran yang dilaksanakan oleh Fama, rancangan pemasaran yang lebih berkesan juga dapat diwujudkan.

Dato' Yang Di Pertua, walaupun demikian kita di Terengganu tidaklah terdesak sangat mengenai pemasaran bahkan satu-dua jenis buah sahaja kadang-kadang mengikut musim terutamanya seperti durian dan pada tahun 2004 dulu ialah duku, pada tahun 2005 kita tidak mempunyai masalah hanya pada tahun 2005 ialah durian. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan yang diberi tetapi fokus yang ditunjukkan di dalam soalan ini belum diberi suatu jawapan yang

positif iaitulah mengatasi masalah pemasaran dan masalah pemasaran ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua yang mana petani-petani Negeri Terengganu telah menerima khidmat nasihat, galakan dan sumbangan bantuan berbagai oleh pihak Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan tetapi kita sentiasa mendengar tanaman-tanaman rakyat yang gagal memenuhi pasaran ini ditebang, ditanam, dipindah dengan tanaman-tanaman yang lain. Dulu suatu ketika kita dengan heboh mengenai dengan limau sekarang ini suatu masalah ditebang dengan salak, salak juga tidak ada pasaran, duku, dokong tidak ada pasaran. Ini soalan yang saya tanyakan bagaimana dan apakah rancangan Kerajaan yang akan memberi kemajuan yang positif kepada petani-petani supaya harapan mereka tidak kecewa.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, pertanian bukanlah satu masalah yang senang walaupun mengikut musim kita merancang dan kita dapati bahawa pada masa tersebut merupakan satu andaian yang paling positif bahawa ianya berdaya maju. Buat masa ini Kerajaan akan menumpukan juga kepada tanaman limau madu walaupun dikatakan terdapat berbagai masalah tetapi yang kita dapati ialah penanam-penanam limau madu dapat menghasilkan 1 hektar sebanyak RM2,500.00 sebulan. Selain daripada itu Dato' Yang Di Pertua, bagi memenuhi jawapan Ahli Yang Berhormat daripada Batu Burok Kerajaan juga akan memperkenalkan lagi seperti yang telah saya sebut tadi tanaman pitaya dan juga tanaman-tanaman yang telah digazetkan dengan jenama '*Malaysia Best*' seperti betik, nenas, *rock melon* dan juga beberapa jenis yang mendapat pasaran di dalam negeri dan juga di luar negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apakah Kerajaan tidak memikirkan dengan pertolongan Mardi sebagai contoh ke arah untuk memproses hasil-hasil buah-buahan tempatan. Kita tengok kalau di Thailand sebagai contoh, dia mengetin beberapa jenis buah-buahan tempatan ataupun sekarang ini produk baru dia mengeringkan, mengeluarkan zat air daripada buah itu dan masuk ke dalam paket supaya tahan lama kerana buah-buahan kita tak tahan lama. Jadi apakah di dalam membantu petani yang mengeluarkan buah-buahan ini agar dapat diproses dan dapat dipasarkan dan secara tak langsung membantu meningkatkan pendapatan mereka.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Jadi terima kasihlah Wakil Rakyat daripada Wakaf Mempelam yang bagus juga ideanya. Sebenarnya kita bukan sahaja kita duduk diam sahaja sekarang ini oleh kerana pada masa 4½ tahun Pas yang lalu petani agak menderita tetapi dengan telah ambil selama 2 tahun Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Barisan Nasional telah mula mengorak langkah dan durian telahpun kita usahakan, duku telahpun kita usahakan dan di dalam proses percubaan. Bukan itu sahaja, bahkan di bawah Exco yang diketuai oleh Datuk Rahin yang telahpun membuat banyak perancangan bagi membantu IKS dalam menolong petani-petani meningkatkan penjualan hasil selain daripada jualan mentah. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan akhir yang ketiga – Saya faham dan mengerti bahawa Kerajaan baru BN hampir 2 tahun tetapi petani-petani yang telah mengeluarkan hasil untuk dipasarkan itu bukan produk pemerintahan Pas, produk pemerintahan Pas tanah belum

ditanam dah dirampas soalan masa ini yang masih berkekalan dan dihantui petani-petani ialah saya nak tanya baru-baru ini suatu promosi yang begitu gembira rakyat tani iaitulah duku Terengganu telah menembusi Paris dan Eropah, sejauh mana *follow-up* susulan yang dibuat oleh Fama, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Pusat untuk membantu petani-petani era BN dulu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Batu Burok kerana memberitahu duku telahpun menembusi pasaran Perancis tetapi sedarkah Yang Berhormat Batu Burok bahawa duku yang ada di Negeri Terengganu tidak mencukupi *volumenya* untuk dihantar keluar. Dan, sebagai contoh dan sebagai makluman bersama saya memberi satu contoh bahawa betapa rumitnya Kerajaan menangani perkara pemasaran ini. Contoh yang paling jelas ialah ramai yang bertanam tembikai tetapi Yang Berhormat Batu Burok tahu ke tidak walaupun dengan harga 40 sen sekilo tetapi mereka mampu untuk mendapat keuntungan dan Kerajaan dapat membantu mereka walaupun di dalam keadaan susah tetapi setahu saya mereka sangat bersyukur kerana bantuan Kerajaan ini mencukupi untuk mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan sahaja – Saya sedar dan saya terlibat dengan tanaman tembikai ini dan saya dapati tak ada pasaran yang memuaskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey Yang Berhormat, soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang ketiga -

Kerajaan Negeri memaklumkan dalam Persidangan Dewan Kedua Penggal Kedua yang lepas bahawa Kerajaan Negeri akan membina sebanyak 29 buah masjid baru dan pembesaran ke atas 3 buah masjid yang sedia ada. Sila nyatakan sama ada sehingga kini:-

- ij Bilangan masjid yang kontrak pembinaan telah diberikan.*
- ii) Kos pembinaan hingga siap bagi tiap-tiap sebuah.*
- iii) Nama kontraktor-kontraktor yang berjaya; dan*
- iv) Kemajuan pembinaan terkini.*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, mula-mula saya ucapkan terima kasihlah kepada Wakil Batu Burok kerana menimbulkan soalan ini cuma soalan ini jawapannya agak panjang kalau boleh Yang Di Pertua, soalan bertulis lagi senang. Sebenarnya sebagaimana yang kita telah umumkan di dalam Dewan dahulu kita akan membina sebanyak 29 buah masjid baru dan pembesaran 3 buah masjid yang sedia ada. Ini bukan reaksi kepada apa yang berlaku

di Kijal tetapi merupakan perancangan yang teliti dan teratur dan alhamdulillah daripada 29 itu, 23 buah sudahpun diberi LA kepada kontraktor-kontraktor dan kontraktor-kontraktor ini kalau saya nak baca satu persatu panjang juga dan masjid-masjidpun dah ada 23 buah yang telahpun dihantar buat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak baca.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Okey, tak menjadi masalah. Untuk masjid-masjid yang telah kita buat yang telah diberi LA yang pertama di Besut - Masjid Bandar Jerteh, yang kedua - Masjid Gong Kepas Besut, ketiga - Masjid Kg. Padang Bual, Besut, yang keempat- Masjid Kg. Batu, Kuala Besut

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak ganggu sikit Yang Bert hormat, minta maaf kerana bilangan-bilangan itu boleh disekalikan dengan soalan kecil yang kedua jadi kalau boleh tak habis masa yang banyak.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Untuk Masjid Bandar Jerteh harganya - RM18,476,303.00 Masjid Kg. Gong Kepas Besut - RM3,264,504.60, Masjid Kg. Padang Bual, Besut - RM2.388 juta, Masjid Kg. Batu Kuala Besut - RM2.86 juta, Masjid Tanah Merah Besut - RM2.4 juta

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, saya ganggu sekali lagi kalau pergi bawah lagi tu ada sekaligus melainkan Yang Bert hormat Exco mahu menjawab sekali lagi nama kontraktor sekaligus.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Allah!

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Di Pertua, saya ingat Yang Bert hormat Wakil Batu Burok ini tak pandai buat soalan, duk main pinda saja soalan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya Ini budak-budak baru susah Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak beri masa pendek kerana Yang Bert hormat Exco dah kata kalau jawab ini panjang masanya. Sekarang ini saya pecahkan soalan saya itu berapa masjidnya nama-namanya, kosnya, kemajuannya dan kontraktornya sekaligus dan Yang Bert hormatpun dengan jelas bijaknya jawab kalaulah soalan ini diberi secara bertulis alangkah mudahnya jawab tetapi kebetulan saya termasuk sini dan disetujui dijawab. Saya pohon dijawab.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Itulah saya kata kalau nak buat soalan itu dia orang lama pandai sangat kita buat biar molek dah lama, pengalaman. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Okey, saya ulangi Dato' Yang Di Pertua, yang pertama Masjid Gong Kepas Besut - Dejed Malindo (M)

Sdn Bhd, RM3.264 juta, Masjid Kg. Padang Bual, Besut – Ramlah Abd. Rahman, RM2.4 juta, Masjid Kg. Baru, Kuala Besut – Sutih Timur Sdn. Bhd, RM2.9 juta, Masjid Tanah Merah, Besut – NSE Property Sdn. Bhd., RM2.4 juta, Masjid Kg. Gerai, Besut – Hampan Mewah Sdn Bhd – RM2.8 juta, Masjid Kubu, Marang – Pemb. Kubang Palas Sdn Bhd, RM2.66 juta, Masjid Kg. Surau Haji Mat Zin – SHK Enterprise Sdn Bhd., RM2.8 juta, Masjid Kg. Kuala Ping, Hulu Terengganu – Fajar Harmoni Sdn Bhd, RM2 juta, Masjid Kg. Tok Gebok, Hulu Terengganu – Ariffin Enterprise, RM2.1 juta, Masjid Kg. Sungai Ular, Hulu Terengganu – Mohamed bin Salleh, RM1.965 juta, Masjid Sungai Lerek, Setiu – Accomstar Sdn Bhd, lebih kurang RM2 juta, Masjid Bintang Setiu – Pembinaan Hj. Othman Awang, RM1.8 juta, Masjid Labohan Kemaman – RSC Construction, RM2.8 juta, Masjid Paya Berenjut Kemaman – Exxec Integrated (M) Sdn Bhd, RM2.8 juta, Masjid Kg. Ibok Kemaman – Sarismo Construction Sdn Bhd, RM2.8 juta, Masjid Batu 7 Dungun – Pembinaan Amin Muda Sdn Bhd, RM3.32 juta, Masjid Kg. Wa Dungun – AD Mega Construction Sdn Bhd, RM2.3 juta, Masjid Tebing Tembah Dungun – Ana Salju Sdn Bhd, RM3.1 juta, Masjid Rantau Abang Dungun – Syarikat Abni jaya, RM3 juta, Masjid Manir Kuala Terengganu – Wirawan Sesma Sdn Bhd, RM2 juta, Masjid Tok Jamal Kuala Terengganu – MHD Construction, RM1.7 juta, Masjid Kg. Gong Pak Jin Kuala Terengganu – Cahaya Bina & Kejuruteraan, RM1.8 juta. Sekarang ini mereka baru sahaja menerima LA lebih kurang bulan sembilan dan tahap pembinaan barulah preliminary. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Wakil Air Putih mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Apakah perancangan Kerajaan dalam sektor pembangunan infra dan pelancongan di kawasan Ketengah yang mana banyak kawasan-kawasan semula jadi yang dapat menarik pelancong seperti kolam air panas, air terjun, tasik dan lain-lain?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Kerajaan Negeri dan Ketengah sentiasa memberi perhatian dan merancang bagi membangunkan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan di kawasan Ketengah khususnya di kawasan Tasik Kenyir. Pembangunan Tasik Kenyir adalah berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Tasik Kenyir sehingga tahun 2010. Pembinaan projek-projek infrastruktur seperti Laluan Simpang Pulai – Kuala Berang yang dijangka siap pada tahun 2007 dan Lebuhraya Pantai Timur II akan merangsangkan lagi pembangunan sektor pelancongan di kawasan pentadbiran Ketengah. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri dan Ketengah akan meningkatkan lagi tahap keselesaan di produk-produk pelancongan yang ada di dalam kawasan Ketengah bagi meningkatkan dan sampai kepada tahap penginapan yang mencapai kepada taraf antarabangsa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang Di Pertua, saya tumpang satu soalan tambahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bagi peluang kepada dia dululah

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih):
Saya dululah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bagi peluang kepada yang buat soalan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Tak apalah, saya mintak dengan dia.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih):
Dato' Yang Di Pertua, tidakkah Kerajaan bercadang untuk lebih memajukan lagi kawasan-kawasan Ketengah ini memandangkan kawasan-kawasan Ketengah ini adalah kawasan-kawasan luar bandar yang perlu dimajukan lebih-lebih lagi kalau kita lihat di kawasan Ketengah ini tidak mempunyai perancangan yang khusus tentang produk-produk pelancongan lebih-lebih lagi perhotelan dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, seperti yang saya kata tadi pembangunan di Tasik Kenyir ataupun di keseluruhan kawasan Ketengah adalah berdasarkan kepada pelan induk yang dibuat dan berdasarkan kepada pelan induk ini beberapa zon ataupun kawasan telah dikenal pasti iaitu untuk memastikan pembangunan bersepadu diadakan di kawasan tersebut. Antaranya telah diadakan Zon Pembangunan Utama yang dikira sebagai pintu masuk untuk kawasan Ketengah ini. Yang kedua, Zon Pembangunan Terhad juga di kawasan Tasik Kenyir, Zon Pemulihan Terhad, Zon Pemuliharaan Menyeluruh dan Zon Taman Negara. Ini adalah kawasan-kawasan yang dikira boleh dibangunkan dan berdasarkan kepada rancangan ini beberapa projek infrastruktur telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan di masa-masa akan datang ini. Setakat ini kawasan pembangunan di Kenyir khususnya telah diperuntukkan sebanyak lebih kurang RM58 juta daripada tahun 2000 hinggalah 2005. Sekarang ini pembangunan tersebut berjalan lancar dan dijangkakan boleh ditambah lagi pada tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Saya merasa kepekaan dan keprihatinan Yang Berhormat Air Putih ini ada suatu benda yang baik dan bagus cuma saya nak tanya dan saya cuba lalu-lalui jalan ini saya duk cari-cari nak singgah, nak beli dan nak menikmati apakah kemajuan dan pencapaian suatu program yang dilakukan yang dipanggil Taman Orkid Integrated Ketengah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Taman Orkid Ketengah itu adalah satu program yang berbeza, apa yang saya sebut ini adalah program pelancongan yang dikira akan membantu kawasan setempat. Jadi soalan itu tidak menepati soalan asal.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya rasa ini pelancongan, saya sebagai pelancong dalam nak beli orkid, nak menikmati Taman Orkid ini, saya tanyanya sejauh mana status dan kemajuan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan itu soalan tetap jadi saya perlu notis untuk soalan tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya bukan soalan matematik tapi soalan yang layak untuk Exco Pelancongan jawab.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tersebut adalah soalan yang khusus minta maaf, sungguhpun begitu saya ingin jawab jugalah apa yang dibangkit tadi. Kalau Yang Berhormat daripada Batu Burok lalu kita ambillah kawasan daripada Cukai sampailah ke Kuala Berang kita akan lihat banyak pembangunan yang berlaku, kita tidak boleh kata tidak ada pembangunan di kawasan Ketengah. Banyak program

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Minta maaf Dato' Yang Di Pertua, saya tidak nafikan pembangunan, empat tahun banyak maju. Tinggal lagi yang orkid ini saya nak belinya, nak ambil nak menikmatinya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Itulah, itu soalan khusus, itu saya minta notislah, saya akan jawab secara notis.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Pada 26 Oktober 2005 (22 Ramadan 1426H) Y.A.B. Menteri Besar Terengganu telah mengisytiharkan Program Pemulihan Bekalan Air Kuala Terengganu Utara .-

- a. Berapakan kawasan-kampung yang terlibat serta jumlah peruntukan yang digunakan?*
- b. Apakah sebab-sebab projek tersebut mengalami kelewatan khususnya beberapa tahun yang lalu?*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana dinyatakan di dalam soalan, memang benar Yang Amat Berhormat pada 26 Oktober baru-baru ini telah mengisytiharkan Program Pemulihan Bekalan Air Kuala Terengganu di beberapa kawasan yang terlibat iaitu terutama di kawasan utara. Kawasan

yang terlibat ialah di Batu Rakit, Darat Batu Rakit, Wakaf Tengah, Maras, Pecah Rotan, Lingai, Bukit Wan, Bukit Nenasi, Bukit Sudu dan Ladang Sentosa. Sebenarnya dalam kawasan Manir pula antara kampung yang terlibat adalah Kampung Pulau Manis, Batu Hampar, Banggol Peradong, Kampung Belara, Kampung Kesom, Bukit Petiti, Kampung Jeram dan Kampung Binjai Manis. Sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, jadual untuk Pemulihan Bekalan Air Kuala Terengganu sepatutnya siap pada tahun 2006 tetapi dengan kesungguhan dan komitmen yang dibuat oleh Kerajaan yang ada hari ini apabila kita mewarisi Kerajaan dahulu yang memang benar mempunyai masalah air yang terlalu ketara sebab itulah kesungguhan Kerajaan yang ada hari ini memastikan dia boleh selesai dan alhamdulillah penyelesaian ini dibuat khusus sebelum raya jadi dapatlah rakyat menikmati kemudahan air walaupun pada jadualnya siap pada tahun 2006. Masalah-masalah kelewatan sebagaimana yang saya katakan dalam jawapan awal tadi masalah terutamanya pengambilan balik tanah untuk beberapa tangki memakan masa yang lama pada ketika itu jadi sebab itulah kita kadangkala terpaksa membuat keputusan-keputusan demi untuk menjaga kepentingan awam. Saya yakin dan percaya ramai pengguna-pengguna yang menjadi pengguna itu apabila melihat raut wajah mereka-mereka apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pergi buka paip di kawasan Tepoh itu begitu ceria dan suka, maknanya sudah 5 – 6 tahun menunggu dengan air keruh dan sebagainya, alhamdulillah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Sebelum soalan tambahan – Saya bagi pihak seluruh penduduk dalam kawasan saya di Kuala Terengganu Utara mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kepimpinan Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telahpun bertungkus lumus menyelesaikan masalah bekalan air ini, inilah Kerajaan yang cakna terhadap rakyat sebenarnya.

Soalan tambahan – Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ekoran daripada projek-projek ataupun kerja-kerja untuk menyelesaikan bekalan air di kawasan Kuala Terengganu Utara tersebut kita dapati ada sebenarnya terdapat jalan-jalan atau lebih kita sifatkan sebagai bahu-bahu jalan yang menghadapi kerosakan. Apakah langkah pihak Kerajaan ataupun pihak kontraktor menyelesaikan masalah yang berlaku tersebut? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, perkara ini memang disedari oleh Kerajaan dan kita telahpun menubuhkan satu jawatankuasa khusus yang dipengerusikan oleh Wakil Seberang Takir untuk menyelaraskan antara Jabatan Kerja Raya dan juga SATU supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dengan baik. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor satu

Pulau Perhentian merupakan salah sebuah pulau peranginan yang maju dan masyhur dengan keindahannya di seluruh pelusuk dunia. Manakala Pekan Kuala Besut pula merupakan pintu masuk utama para pelancong untuk ke Pulau Perhentian.

- a. Apakah perancangan pihak Kerajaan untuk memelihara keindahan semula jadi yang terdapat di pulau tersebut?*
- b. Apakah perancangan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan kepada pengusaha dan pelancong seperti dengan adanya jeti dan lain-lain?*
- c. Bagaimana pula perancangan pihak Kerajaan terhadap Pekan Kuala Besut supaya ianya menjadi sebuah Pekan Pelancongan yang bersesuaian dengan pekan yang menjadi persinggahan utama para pelancong terutamanya pelancong asing?*

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan. Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua, soalan saya tertinggal ke Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya beri kepada yang saya panggil dulu tadi, tak tertinggal.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa ini Kerajaan Negeri sedang menjalankan satu kajian yang dinamakan Kajian Bersepadu Pengurusan Pantai ataupun dalam bahasa Inggeris *Integrated Coastal Management Study* di seluruh pulau-pulau peranginan di Negeri Terengganu ini. Kajian ini adalah bertujuan untuk mewujudkan pembangunan lestari yang bertujuan mengekalkan keaslian alam sekitar di pulau-pulau tersebut. Dalam tempoh kajian ini dijalankan semua projek-projek pembangunan resort dibekukan. Dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeri telah mengadakan Kempen-kempen Penjagaan Alam Sekitar di Pulau Perhentian seperti Program Hari Bumi yang diadakan baru-baru ini pada bulan Jun 2005. Program ini juga adalah bertujuan untuk mendidik penduduk-penduduk tempatan dan para pelancong agar sentiasa meningkat tahap kesedaran penjagaan alam di pulau-pulau. Bagi kawalan batu karang pula Unit Taman Laut juga sentiasa mengawasi aktiviti pelancong agar ia tidak memusnahkan batu-batu karang melalui rondaan dan khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha pelancong. Bagi soalan (b), Kerajaan juga telah merancang untuk membina kemudahan-kemudahan pelancong seperti berikut:-

(i) Jeti

Termasuklah pembinaan baru di Teluk Aur dan menaikkan taraf jeti di Teluk Pauh.

(ii) Trek Pejalan Kaki

Kerajaan juga sedang mengkaji untuk membina trek pejalan kaki di sekitar Pulau Perhentian Kecil dan juga Perhentian Besar.

(iii) Air Bersih

Kerajaan bercadang untuk membekalkan air bersih dari tanah besar ke Pulau Perhentian.

Bagi soalan (c), Perancangan Bagi Pekan Kuala Besut, Kerajaan juga sedang merancang dan telah menyediakan satu kajian melalui Pakar Perunding untuk mempertingkatkan lagi bangunan-bangunan yang ada di sekitar Pekan Kuala Besut. Kedua, bercadang untuk meningkatkan keceriaan bandar tersebut dengan mengadakan tambahan lampu-lampu jalan awam dan juga Kerajaan bercadang untuk membina Pusat Pelancongan di bandar tersebut. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalnya, soalan ketiga telah ditolak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDULWAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan jumlah dan nama-nama pengusaha projek pelancongan yang telah melanggar syarat kelulusan tanah di Pulau Redang iaitu:

- a. *Tidak tukar syarat tanah.*
- b. *LMS tamat tempoh dan tidak diperbaharui.*
- c. *Membina bangunan atas tanah Kerajaan.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bagi soalan (a) - Terdapat 2 pengusaha yang telah melanggar syarat tanah sepertimana di bawah iaitu:-

- (i) Redang Holiday Beach Villa
- (ii) Redang Inn Sdn. Bhd.

Bagi soalan (b) – Terdapat 4 buah pengusaha yang mana LMSnya telah tamat dan tidak diperbaharui iaitu:-

- (i) Laguna Redang Island Resort
- (ii) Redang Bay Resort
- (iii) Venture Holiday Sdn. Bhd.

(iv) Redang Pelangi Resort

Dan bagi (c) – Ada sebuah syarikat yang telah membina bangunan mereka di atas tanah Kerajaan iaitu Redang Camp Sdn. Bhd. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara ini telah lama berlanjutan, bina bangunan atas tanah Kerajaan, LMS tidak disambung, tidak tukar syarat, apa tindakan Kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha yang sewenang-wenang berani untuk melanggar peraturan dan syarat yang telah ditetapkan di Pulau Redang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang saya nyata tadi telah lama berlaku termasuklah semasa pemerintahan Pas lebih kurang 4 tahun lebih. Kita sedar perkara ini berlaku dan kes-kes pelanggaran syarat dan habis tempoh laku ini semuanya kita sedar tapi sepertimana yang saya kata tadi dan saya dah beri jawapan pada awal tadi Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan untuk membuat satu kajian menyeluruh di semua pulau-pulau dan kajian ini akan menentukan termasuklah *carrying capacity* bagi pulau-pulau ini dan apabila kajian ini siap kajian ini akan meliputi cadangan-cadangan yang akan dibuat kepada Kerajaan sama ada sudah mencukupi pulau ini dibangunkan untuk pelancongan dan juga termasuk kajian EIA dibuat bersekali dengan kajian ini dan apabila kajian ini selesai dan dijangka akan selesai dalam tempoh 6 bulan, Mac 2006 ini dan apabila selesai kajian ini Kerajaan akan buat membuat keputusan sama ada untuk menyambung, meluluskan secara kekal atau membatalkan LMS *chalet-chalet* yang berada di Pulau Redang ini. Kita menjangkakan dengan kajian inilah kita akan mengambil tindakan menyeluruh mana yang melanggar syarat kita akan robohkan, mana yang dibina atas tanah Kerajaan kita akan robohkan, ini tindakan kita, kita tidak hendak batalkan sekaligus sebab ini dasar yang telah dibuat, Kerajaan telah meluluskan tanah dulu tapi ada mereka yang tidak menukarkan syarat tanah tapi kita hendak ambil tindakan secara menyeluruh supaya kita selesai sekaligus. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Kita menghormati dasar Kerajaan untuk memajukan pelancongan, tindakan meroboh, menghalau dan semuanya itu mungkin sampai risiko sepertimana yang telanjang dan henjut telinga. Soalannya - Kenapakah berlaku tidak adanya tukar syarat, LMS tamat tempoh, pembinaan di atas tanah-tanah Kerajaan, adakah ini kelewatan-kelewatan dari sudut pentadbiran ataupun mereka tidak pernah memohonnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, seperti yang saya kata tadilah kita sedar ada yang memohon dan yang tidak memohon kita telah nyatakan kepada mereka jadi mereka kena memohon tetapi kita tidak mengambil tindakan secara langsung sekarang kita hendak pastikan ambil tindakan secara tetap, secara yang berhemah kita akan buat. Kita tahu, kita sedar, saya dah cakap tadi kita tahu, kita sedar apa yang berlaku itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa bagi Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa bagi Soalan-soalan Lisan telahpun
selesai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan. Saya pohon penjelasan sikit saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apa Yang Berhormat, masa bagi Soalan-
soalan Lisan telahpun selesai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bukan
soalan Yang Berhormat penjelasan saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apa sama, soalan dengan penjelasan
sama saja. Sila duduk Yang Berhormat daripada Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf
Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya se lagi nak tamat, se lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa Soalan Lisan telah selesai, jadi Yang
Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan
sementara Persidangan Dewan Undangan Negeri ini dan akan disambung semula pada jam
11.15 pagi. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Pukul 11.15 Pagi

**CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG
DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN**

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon membawa cadangan menurut Fasal 16 (3)
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk
mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat
Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri
Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, satu cadangan menurut Fasal 16 (3) Peraturan-Peraturan
Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan
Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain telah diterima dan mendapat
sokongan. Sekarang saya kemukakan kepada undian –

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG
UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG
DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN,
KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA
TERBANYAK.

CADANGAN INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PERBEKALAN (2006) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MENGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG
DI SATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2006 DAN
BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN
BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, saya sekali lagi membentangkan kepada Dewan yang mulai ini, satu Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan (2006) tahun 2005. Pembentangan Enakmen ini adalah untuk mendapat pertimbangan Dewan yang mulia ini bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri Terengganu pada tahun 2006. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2006 ini adalah seperti yang terkandung dalam Buku Bajet Negeri Tahun 2006 (Kembaran Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 23/2005).

(Membaca petikan Surah Hud ayat 88 yang bermaksud)

“Tidaklah dikehendaki kecuali kebaikan yang aku terdaya laksanakan dan hanya Allah tempat aku berharap kepadaNya aku berserah dan kepadaNya jua aku berharap kejayaan.”

Yang Berhormat Dato’ Yang Di Pertua,

Tidak ada mana-mana negara dalam dunia yang boleh dibangunkan tanpa sebarang usaha dan perancangan atau bergantung hanya kepada takdir semata-mata. Oleh sebab itu, manusia digesa untuk merancang sebagaimana pengajaran yang terkandung dalam kisah Nabi Yusuf Alaihissalam. Dalam cerita tersebut, Nabi Yusuf A.S. telah mentafsir mimpi tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, serta tujuh tangkai (bijian) yang hijau dan tujuh tangkai (bijian) yang kering.

Mengambil iktibar dari kisah tersebut, kita menyediakan Belanjawan Negeri sebagai satu bentuk perancangan kewangan untuk memajukan rakyat dan Negeri Terengganu. Adalah penting untuk kita membuat persiapan membina kekuatan menghadapi cabaran masa depan yang tidak menentu. Kalau kita gagal merancang, kita sebenarnya merancang kegagalan kita. Kita perlu merancang masa depan sekiranya kita mahu memahat sejarah dan mencipta tamadun di negeri kita ini.

Di masa yang sama kita boleh mengambil pengajaran dari kata-kata seorang penyair Mesir iaitu Al-Marhum Ahmad Shauqi yang bermaksud :

“Dengan ilmu pengetahuan dan harta kekayaan, manusia menegakkan kuasa dan kedaulatan. Tidak mungkin ditegakkan kuasa dan kedaulatan itu dengan kejahilan dan kepapaan”.

Justeru, Kerajaan Negeri akan menjadikan ilmu dan kekayaan sumber, sama ada sumber kewangan, sumber hasil bumi, sumber modal insan, sebagai senjata untuk menghapuskan dua musuh besar umat Islam iaitu kejahilan dan kepapaan.

Yang Berhormat Dato’ Yang Di Pertua,

SENARIO EKONOMI SEMASA

Meskipun dunia masih dilanda kebimbangan akibat daripada kenaikan harga minyak mentah baru-baru ini, ekonomi negara dijangka masih mampu berkembang dengan unjuran kadar 5%. Sektor swasta, perkhidmatan dan pertanian dijangka akan menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi negara.

Keadaan pasaran kerja juga terus bertambah baik dengan bilangan jawatan kian bertambah pada suku kedua. Di samping itu, pengukuhan pasaran kerja juga disokong oleh pertumbuhan kadar produktiviti yang meningkat.

Bagi Negeri Terengganu, ekonomi negeri dijangka terus mengalami pertumbuhan yang baik pada kadar 5% dalam tahun 2006 berbanding dengan jangkauan 4.5% dalam tahun semasa.

Sebagaimana tahun lepas, kadar pertumbuhan ini berasaskan pertumbuhan 5 sektor ekonomi utama iaitu perlombongan, perkilangan, perkhidmatan (termasuk sub sektor pelancongan), pertanian dan juga pembinaan.

Sektor perlombongan mendapat menafaat dari kenaikan harga minyak di pasaran, sektor perkilangan menyaksikan peningkatan minat pelabur untuk menjalankan operasi perkilangan mereka di Terengganu, sektor perkhidmatan terutamanya sub sektor pelancongan, mengalami penambahan kehadiran pelancong asing dan tempatan; sektor pertanian mendapat suntikan besar ke arah menjadikannya lebih berdaya saing, dan sektor pembinaan berkembang ekoran peningkatan projek-projek prasarana di Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri sehinga suku tahun ketiga 2005 menunjukkan lebihan atau "surplus" sebanyak RM28.78 juta, berbanding tahun lalu di mana akaun ini mengalami defisit sebanyak RM167.35 juta.

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan juga bertambah kukuh hasil dari hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan yang banyak membantu Kerajaan Negeri dalam perancangan kewangan dan ekonominya.

Justeru, saya bagi pihak Kerajaan Negeri, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang sentiasa memberi perhatian besar terhadap rakyat dan Negeri Terengganu. Untuk Y.A.B. Perdana Menteri, saya sampaikan serangkap pantun:

Kembara kota pergi ke Daik,
Bertegur sapa orang budiman,
Kalau kita berhati baik,
Orang tak lupa ke akhir zaman.

InsyaAllah.(Tepukan)

Di masa yang sama Kerajaan Negeri ingin merakamkan Ucapan Takziah kepada Y.A.B. Perdana Menteri di atas pemergian isteri beliau, Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood yang telah kembali ke rahmatullah pada 20 Oktober 2005 yang lalu. Marilah sama-sama kita bertafakur dan kita sedekahkan bacaan Al-Fatihah kepada arwah. Al-Fatihah.

[DEWAN BERTAFAKUR DAN BACAAN AL-FATIHAH]

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

PERUNTUKAN BAJET 2006

Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri menjangka akan dapat memungut Hasil sebanyak RM1.55 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM41.64 juta atau 2.68% adalah Hasil Cukai, sebanyak RM97.63 juta atau 6.30% adalah Hasil Bukan Cukai dan sebanyak RM1.41 bilion atau 91.02% adalah Terimaan Bukan Hasil yang mana RM1.33 bilion adalah merupakan hasil yang akan diterima di bawah Dana Khas Persekutuan. Dari angka-angka di atas, jumlah anggaran Hasil 2006 tersebut telah meningkat sebanyak 24.84% berbanding anggaran Hasil 2005.

Dasar Bajet Seimbang akan diteruskan pada tahun 2006. Dasar perbelanjaan yang mengimbangi kutipan hasil adalah antara untuk memastikan agar pengurusan kewangan negeri mejadi mantap dan berbelanja mengikut sumber pendapatan. *Ukur baju di badan sendiri*. Namun, sebaliknya kerajaan sedar bahawa masih banyak lagi yang perlu dibangunkan; masih banyak keperluan rakyat yang perlu disediakan.

Maka saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, keseluruhan RM1.55 bilion diperuntukkan untuk Bajet 2006. Peruntukan ini terdiri dari Perbelanjaan Mengurus yang merangkumi dari Perbelanjaan Bekalan, Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

AGIHAN BAJET 2006

Di bawah Perbelanjaan Mengurus; sebanyak RM63.52 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, manakala sebanyak RM1.49 bilion diperuntukkan bagi Perbelanjaan Bekalan.

Bagi Perbelanjaan Bekalan, sebanyak RM194.5 juta adalah untuk Emolumen, RM126.1 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM89.5 juta untuk Aset, RM1.08 bilion untuk Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM0.5 juta untuk Lain-lain Perbelanjaan. Perbelanjaan untuk Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan komponen perbelanjaan terbesar.

Saya juga mencadangkan sebanyak RM789.84 juta untuk maksud Belanjawan Pembangunan Negeri termasuklah Pembangunan Bekalan Air sebanyak RM37.05 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

OBJEKTIF DAN STRATEGI BAJET 2006

Dalam tempoh tidak sampai 2 tahun semenjak Barisan Nasional menang dalam Pilihanraya Umum 2004, Kerajaan Negeri telah menunaikan janji-janji sebagaimana yang terkandung dalam manifestonya, alhamdulillah. Lembu dipegang pada tali, manusia dipegang pada janji, Kata dikota, hajat terlaksana. Masa depan Terengganu ialah masa depan untuk kita tentukan bersama.

Dalam Bajet 2005, perbelanjaan Kerajaan telah memberi tumpuan terhadap membangunkan modal insan, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan, meningkatkan pelaksanaan projek infra dan infastruktur dan meneroka bidang ekonomi baru dengan nilai tambah tinggi.

Dalam Bajet 2006 pula, kerajaan berhasrat memberi lebih perhatian kepada penglibatan langsung rakyat di dalam pembangunan. Rakyat adalah penerima dan pengguna hasil dari perancangan-perancangan yang telah dan akan digubal. Rakyat adalah rakan dalam pembangunan. Bajet ini adalah bajet untuk rakyat.(Tepukan)

Atas dasar inilah, maka untuk pertama kali dalam sejarah, penyediaan Bajet Kerajaan Negeri Terengganu dibuat dengan mengambil kira pandangan rakyat. Pada bulan Oktober dan November 2005, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri Dialog Pra-Bajet 2006. Wakil pelbagai pertubuhan telah dijemput hadir untuk memberikan pendapat, cadangan dan juga kritikan terhadap dasar semasa. Idea-idea yang diterima telah diolah dan dijadikan input bagi membentuk halatuju negeri.

Bajet Negeri Terengganu 2006 adalah Bajet dari rakyat untuk rakyat.

3 Objektif Bajet 2006

Atas semangat itulah maka 3 objektif Bajet 2006 telah dikenalpasti:

- Pertama : Membangun keupayaan (capacity building) sumber modal insan terutama dari segi tahap ilmu pengetahuan dan perubahan pemikiran.
- Kedua : Membasmi kemiskinan terutama kemiskinan tegar.
- Ketiga : Membentuk imej Terengganu baru dengan usaha penjenamaan semula Terengganu yang progresif dan dinamik.

5 Strategi Bajet 2006

Untuk mencapai 3 objektif tersebut 5 strategi berikut telah dirangka:

- Pertama : Meneruskan fokus terhadap pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan sebagai teras pembangunan.
- Kedua : Meningkatkan keupayaan sektor pertanian.
- Ketiga : Meningkatkan kualiti latihan terutama kepada kakitangan awam sebagai usaha penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan.
- Keempat : Meningkatkan taraf infrastruktur, tahap komunikasi dan kualiti hidup rakyat.
- Kelima : Meningkatkan usaha-usaha pembangunan syiar Islam.

Bajet pada kali ini telah menggariskan 3 objektif dan 5 strategi. Ianya mengambil kira maklumbalas yang diterima kerajaan melalui beberapa siri Dialog Pra-Bajet yang telah diadakan sebelum ini. Bajet ini ialah bajet dari rakyat, untuk rakyat.

Janji telah ditunai dan Insya Allah sejarah akan terpahat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI PERTAMA: MENERUSKAN FOKUS TERHADAP PENDIDIKAN DAN PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN

Alhamdulillah, untuk kali kelima berturut-turut, Negeri Terengganu berjaya mendapat Nombor Satu dalam UPSR tahun ini. (Tepukan)

Kita telah mengekalkan peratusan tertinggi pelajar yang mendapat 5A dalam UPSR. Pada tahun ini, seramai 3,023 orang atau 11.83% dari 25,546 orang calon yang mengambil peperiksaan telah mendapat 5A/7A dalam semua mata pelajaran. Prestasi ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.8% berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 11% atau 2,834 orang pelajar pada tahun lalu.

Pencapaian yang membanggakan ini adalah hasil kerjasama erat, perancangan yang teliti serta komitmen yang cekat dari semua pihak. Oleh itu, Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada para guru, ibubapa, pelajar-pelajar dan warga Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu.

i) Ke Arah Pendidikan Terbilang

Sebagai teras pembangunan Negeri, bidang pendidikan akan diperuntukkan sejumlah RM136.8 juta dalam Bajet 2006. Peruntukan ini meliputi antaranya program-program kecemerlangan dan kebajikan pelajar, Pusat Sains dan Kreativiti, pembangunan Sekolah-sekolah Agama Negeri dan program Tadika Cemerlang.

ii) **Penubuhan Universiti Darul Iman, Malaysia (UDM)**

Janji untuk menubuhkan sebuah universiti penuh telah pun tertunai apabila pada 26 Mac 2005 Y.A.B. telah membuat pengumuman mengenainya. Penubuhan Universiti Darul Iman, Malaysia atau ringkasnya UDM akan mempunyai pendekatan yang sama seperti universiti-universiti terkenal di dunia, seperti Universiti Al-Azhar, Universiti Cambridge dan Universiti Oxford. InsyaAllah, siswa-siswi sulung UDM akan memulakan pengajiannya dalam tahun 2006, manakala pembinaan kampus tetapnya akan dibiayai melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 oleh Kerajaan Pusat.

iii) **Halatuju Institusi Pengajian Tinggi**

Sementara itu, Institusi Pengajian Tinggi lain seperti TATI dan Kolej Yayasan Terengganu (KYT) akan meneruskan usaha meningkatkan kualiti pembelajaran dan taraf mereka. Jalinan kerjasama dengan kolej-kolej ternama di peringkat antarabangsa akan diteruskan dan diterokai.

iv) **Program Sekolah Elit/Premier dan Tadika Cemerlang**

Program pengwujudan Sekolah Elit dan Premier telah mendapat sambutan menggalakkan dari ibu bapa dan para pelajar. Pada masa ini terdapat 11 buah Sekolah Premier dan 4 buah Sekolah Elit. Kerajaan akan memperluaskan lagi program ini dengan menambah 3 buah lagi Sekolah Premier dan menaiktaraf 2 Sekolah Agama sebagai Sekolah Elit, iaitu Kolej Islam Sains Terengganu (KIST) di Kuala Berang dan KOSPINT di Serada. Penambahan bilangan Sekolah-Sekolah Elit dan Premier ini adalah untuk memberi peluang kepada ramai anak Terengganu yang cemerlang dalam UPSR.

Sekolah Elit dan Premier menggunakan konsep bahawa pendidikan itu menyeronokkan, pendidikan itu kreatif dan pendidikan itu inovatif. Sekolah-sekolah terpilih ini akan dilengkapi dengan komputer berinternet, kelengkapan makmal sains yang mencukupi dan moden, buku-buku yang mencukupi di perpustakaan dan juga kaedah pembelajaran luar bilik darjah dalam aktiviti kokurikulum seperti kelab aeroangkasa dan kelab robotik di samping kegiatan muzik dan sukan memamah. Sebanyak RM8 juta telah diperuntukkan di bawah program ini.

v) **Program Tadika Cemerlang**

Program Tadika Cemerlang juga menunjukkan bahawa anak-anak Terengganu boleh diasuh di peringkat awal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik. Langkah ini telah menyediakan asas yang kukuh kepada mereka untuk mengharungi dunia dan arus globalisasi yang sukar diramal.

Atas kesedaran ini, Program Tadika Cemerlang akan diteruskan dengan pelaksanaan Fasa II. Sebanyak 348 buah tadika lagi, yang melibatkan 300 buah tadika KEMAS, 28 buah tadika Yayasan Islam Terengganu dan 20 buah tadika Perpaduan akan dijadikan Tadika Cemerlang bagi tempoh 2006 sehingga 2010 nanti. Ini merupakan tambahan kepada 150 buah pada tahun lalu. Sebanyak RM12.5 juta telah diperuntukkan untuk program ini.

vi) **Pembangunan Sekolah Agama Negeri**

Kerajaan Negeri sangat prihatin terhadap pembangunan Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri. Terdapat 14 buah Sekolah Menengah Agama di bawah Kerajaan Negeri. Setiap tahun kita menyediakan peruntukan yang besar untuk pengurusan dan pembangunan sekolah-sekolah ini. Tahun ini tidak terkecuali.

Dalam Bajet 2006 kali ini kita memperuntukkan RM51.1 juta untuk Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri iaitu hampir separuh dari peruntukan keseluruhan untuk bidang pendidikan. Justeru, dakwaan yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional mengabaikan pendidikan Islam adalah tidak benar sama sekali.(Tepukan) Kerajaan Barisan Nasional tidak mengabaikan pendidikan Islam malah berusaha mempertingkatkan.

Sepertimana yang kita ketahui hadis yang berbunyi --
(membaca petikan hadis yang bermaksud):

"Barang siapa yang mahukan dunia mereka hendaklah mempunyai ilmu, barang siapa yang mahukan akhirat mereka hendaklah mempunyai ilmu dan barang siapa yang inginkan kedua-duanya maka hendaklah ia mempunyai ilmu."

Itulah strategi pertama Kerajaan Negeri dalam Bajet kita pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI KEDUA: MENINGKATKAN KEUPAYAAN SEKTOR PERTANIAN

i) **2006 Sebagai Tahun Pertanian**

Sektor pertanian boleh memberi sumbangan bermakna bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan seimbang. Sektor yang berkait rapat dengan isu kemiskinan ini seringkali dianggap sebagai penyumbang sampingan ekonomi. Tetapi peranan sektor ini boleh ditingkatkan sekiranya mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Sebagai langkah permulaan, Kerajaan Negeri akan mengisytiharkan Tahun 2006 sebagai Tahun Pertanian Negeri Terengganu. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, sejumlah RM114 juta diperuntukkan bagi sektor pertanian, meliputi perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Langkah ini adalah wajar kerana sektor pertanian melibatkan 88,966 orang atau 24.09% daripada 356,167 orang yang bekerja di negeri ini.

Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan terhadap program-program fertigasi (RM20 juta), program pemasaran produk pertanian (RM5 juta), pembinaan pasar borong baru (RM5 juta), program penternakan ikan dalam tangki (RM20 juta), pembinaan infrastruktur pertanian dan tali air (RM18 juta) dan kilang-kilang untuk memproses makanan ternakan dan hasil pertanian (RM20 juta).

Bagi menggalakkan pengeluaran makanan secara berterusan dan mampan, zon-zon pengeluaran telah dikenalpasti dan diwujudkan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengadakan di setiap daerah, sekurang-kurangnya satu TKPM. Setakat ini, kerajaan telah mewujudkan 14 TKPM yang merangkumi pengeluaran hasil tanaman campuran, ternakan dan perikanan.

Usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup nelayan merupakan satu daripada agenda utama kerajaan. Program penjana pendapatan nelayan melalui projek akuakultur marin bukan sahaja menyumbang kepada pengeluaran akuakultur negeri malah mampu meningkatkan pendapatan nelayan miskin. Program khas ini yang matlamatnya mengurangkan pergantungan nelayan kepada aktiviti penangkapan ikan semata-mata adalah selari dengan penekanan yang diberikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

Usaha serampang dua mata ini akan diperluaskan ke peringkat daerah bagi mencapai objektifnya iaitu membasmi kemiskinan di kalangan nelayan. Pada tahun 2005, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM4.82 juta untuk projek ini dan sebanyak RM5.00 juta lagi diperuntukkan bagi tahun 2006.

Bagi mengekalkan satu ekosistem yang lestari dan tidak mengancam kemusnahan biodiversiti flora dan fauna maka kerajaan akan mewartakan kawasan "*wetland*" yang berpotensi untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem dan warisan alam semulajadi yang penting kepada generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

ii) **Usaha Pemuliharaan Penyu dan Taman Laut**

Penyu merupakan hidupan marin yang sinonim dengan Negeri Terengganu. Sejak kebelakangan ini pendaratan beberapa spesies penyu sangat berkurangan dan menunjukkan tanda kepupusan.

Bagi melindungi warisan marin ini, kerajaan telah mengambil langkah mewartakan sebelas kawasan sebagai kawasan santuari penyu di Negeri Terengganu. Tempat-tempat ini ialah 4 kawasan di Pulau Perhentian, 5 kawasan di Pulau Redang dan di kawasan Pantai Ma' Daerah dan Rantau

Abang. Untuk membiayai khazanah negeri ini, sebanyak RM5.3 juta telah diperuntukkan.

Menyedari pentingnya pembinaan tukun tiruan dalam usaha mempertingkatkan sumber marin; meskipun Perikanan di bawah senarai Persekutuan, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta sebagai tambahan kepada apa yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Pusat. Sehingga kini, sebanyak 174 lokasi unjam dan tukun telah dibina di sepanjang perairan pantai negeri.

iii) **Pembangunan Subsektor Ternakan**

Dalam bidang ternakan, projek ruminan lembu dan kambing, akan terus diberi perhatian. Seramai 14,240 orang penternak ruminan akan mendapat manfaat. Mereka berperanan menyumbang hampir 50% daging ruminan tempatan. Projek penternakan kambing Kaprima diberi penekanan supaya usaha untuk merealisasikan hasrat Terengganu menjadi pengeluar kambing pedaging terbesar negara menjelang tahun 2008.

Kerajaan juga turut membangunkan industri asas tani, iaitu bidang usaha penghasilan baja organik Kamprima-Bio yang sesuai dihasilkan oleh pengusaha kecil dan sederhana.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan terus memainkan peranan pemindahan teknologi dan bioteknologi penternakan. Jabatan akan melatih semula seramai 20 juru pemani, di bawah pendekatan Do It Yourself (DIY) pada tahun 2006. Adalah diunjurkan seramai 1,500 pengusaha ternakan lembu akan mendapat manfaat daripada program ini setiap tahun.

iv) **Pembangunan Aktiviti Industri Asas Tani**

Aktiviti ini akan diperluaskan dan dipertingkatkan dengan meluaskan skop pelanggan merangkumi bukan sahaja petani-petani tetapi juga semua pengusaha, pengeksport dan pengedar. Kerajaan melalui agensi berkenaan akan menyediakan insentif-insentif, usaha-usaha promosi, penjenamaan dan pengiklanan secara agresif. Selain itu, kerajaan akan menggalakkan produk baru berasaskan bahan mentah tempatan seperti jus duku dan jam rambutan.

Kerajaan Negeri juga akan terus menyediakan pelbagai infrastruktur pertanian seperti jalan-jalan pertanian, parit, saluran, jeti dan jeti-jeti pendaratan dan tambatan bot. Kemudahan-kemudahan bilik sejuk bagi kegunaan pemasaran juga akan disediakan. Semua dirancang supaya sektor pertanian menjadi sektor yang lebih berdaya maju, bersifat komersil dan mendatangkan pulangan yang lebih tinggi kepada petani.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

v) **Impak Terhadap Kemiskinan**

Sektor pertanian mempunyai pertalian rapat dengan isu kemiskinan di mana 1,194 orang terlibat dengan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Kerajaan telah mensasarkan seramai 10,000 orang petani yang terlibat dalam pelbagai projek pertanian dengan perolehan tambahan sebanyak RM500 sebulan seorang. Projek-projek yang telah dikenalpasti adalah seperti fertigasi, tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta ternakan. Manakala bagi sub sektor perikanan kerajaan akan meneruskan usaha sedia ada dalam memajukan projek ternakan ikan marin bagi mencapai sasaran 1,000 orang penternak.

Sesuai dengan tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2005 "Pertanian Sebagai Suatu Perniagaan", kerajaan berhasrat untuk merubah tanggapan umum dengan memperbaiki taraf hidup para petani, penternak dan nelayan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Penerusan Usaha Membasmi Kemiskinan

Kadar kemiskinan Negeri Terengganu pada tahun 2004 adalah 10.6%. Angka ini masih jauh ketinggalan berbanding dengan kadar nasional iaitu 5.1%. Justeru itu, tindakan yang lebih drastik perlu diambil agar kadar kemiskinan di negeri ini dapat diperbaiki ke tahap suatu kadar yang lebih baik selaras dengan perkembangan ekonomi yang pesat di negeri ini.

Sayyidina Umar R.A. pernah berkata – (membaca petikan hadis yang bermaksud):

"Jika kemiskinan itu seorang lelaki nescaya aku akan bunuh lelaki tersebut."

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM105 juta menerusi Bajet 2006 ini bagi membiayai program dan aktiviti yang dirancang untuk menangani isu kemiskinan.

i) **Impak Terhadap Kemiskinan**

Pangkalan Data Rakyat Miskin yang dibina pada tahun lalu telah mula menampakkan hasilnya. Pertindihan penyaluran bantuan telah dapat diatasi dan kumpulan sebenar rakyat miskin dan miskin tegar sudah dikenalpasti. Maklumat pemutihan ini akan terus dipertingkatkan kualitasnya bagi memastikan tumpuan program dan aktiviti mengatasi isu kemiskinan dapat dilaksanakan dengan

berkesan dan tepat kesasarannya.

Kini, terdapat seramai 26,000 keluarga di negeri ini yang masih berada di bawah paras kemiskinan. Daripada jumlah tersebut, seramai 19,000 ialah dalam kategori termiskin manakala selebihnya adalah mereka yang dikategorikan sebagai miskin dengan pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan iaitu RM529 sebulan.

ii) **Program Menangani Isu Kemiskinan**

Aktiviti-aktiviti berbagai agensi baik di bawah Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat akan digembleng bersama. Pelaksanaan program pembangunan ekonomi produktif di peringkat lapangan seperti penyampaian sumber-sumber ekonomi yang merangkumi tanah, modal, teknologi, jentera, induk ternakan, latihan kemahiran dan penempatan perniagaan serta bantuan kebajikan/sosial dalam bentuk biasiswa atau pinjaman pendidikan, bantuan makanan, pakaian sekolah, bantuan baik pulih rumah akan diteruskan dan dipastikan sampai kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira latar belakang kaum, agama atau parti.

iii) **Bantuan Bina/Baiki Rumah**

Bantuan bina baru/baiki rumah merupakan salah satu lagi usaha kerajaan dalam memberikan keselesaan kepada golongan termiskin di negeri ini. Pengenalan pembinaan rumah PPRT dalam tahun 2005 akan diteruskan dengan rekabentuk baru yang dibina dengan bahan komposit yang ringan dikenali (*Autoclaved Lightweight Block*) yang menjimatkan tempoh pembinaan. Keluasan rumah terbabit turut dipertingkatkan kepada 560 kaki persegi berbanding 500 kaki persegi sebelum ini.

Selaras dengan peningkatan keluasan rumah terbabit kos pembinaan baru turut ditambah daripada RM12,000 sebelumnya kepada RM13,200. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memastikan golongan miskin di negeri ini memiliki kediaman yang lebih selesa demi kesejahteraan dan keselamatan keluarga mereka.

Bagi menjamin tujuan murni ini tercapai Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk program ini. InsyaAllah pada tahun 2006 nanti kita akan dapat membina lebih 1,000 rumah PPRT seluruh Negeri Terengganu.

iv) **Program Penjanaaan Pendapatan**

Program Penjanaaan Pendapatan merupakan kaedah penting dalam usaha mengeluarkan golongan miskin dari belunggu kemiskinan. Penekanan diberikan agar golongan terbabit menceburi 3 aktiviti yang dijangka mampu memberikan pulangan yang terjamin kepada mereka. Aktiviti yang dimaksudkan ialah perusahaan yang berasaskan pertanian dan perikanan, perniagaan secara kecil-kecilan dan perniagaan yang berasaskan perkhidmatan.

v) **Penempatan Semula Masyarakat Setempat**

Penempatan semula berkelompok adalah projek penempatan semula peserta PPRT, di samping memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Projek ini telah diwujudkan di Daerah Marang, Besut dan Setiu.

Selain itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membuka lebih banyak kawasan penempatan yang berhampiran dengan kawasan peladangan yang mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan miskin ini. Kerjasama ini akan dilaksanakan bersama dengan FELCRA dan anak syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat dalam aktiviti peladangan.

Yang Berhormat Yang Di Pertua,

STRATEGI KETIGA : MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN TERUTAMA KEPADA KAKITANGAN AWAM SEBAGAI USAHA PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Kerajaan berpuashati dengan komitmen dan semangat kerja yang telah ditunjukkan oleh kakitangan awam sekalipun merasa yakin bahawa masih banyak ruang untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.

Kerajaan akan menerapkan konsep TERs dalam perkhidmatan awam sebagai usaha meningkatkan keberkesanan selain penggunaan indikator prestasi utama (*Key Performance Indicators* – KPI). 'T' ialah latihan (*training*), 'E' ialah pengupayaan (*enrichment, empowerment*) dan 'R' bermakna balasan/pengiktirafan (*reward/recognition*). Jika usaha-usaha peningkatan kualiti dan keupayaan ini tidak mampu memperbaiki prestasi dan Petunjuk Prestasi Utama gagal dicapai, maka tiada jalan lain kecuali menggunakan 's' (*shoot*) yang kecil sebagai penalti.

i) **Latihan dan Sistem Penyampaian Kerajaan**

Untuk tahun 2006, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan tinggi terhadap latihan terutamanya kepada kakitangan awam Negeri Terengganu. Sejumlah RM42.6 juta diperuntukkan untuk latihan.

Latihan juga akan melibatkan Ahli Jawatankuasa dan Keselamatan Kampung (JKKK), Ahli Jawatankuasa Masjid, anggota Majlis Penguasa Tempatan dan juga pemimpin masyarakat di peringkat kampung. Dengan pendedahan dan latihan yang bakal diterima, adalah diharap mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih bermutu dan berkualiti.

Pembinaan Pusat Latihan Antarabangsa atau ITC (*International Training Centre*) sedang giat dijalankan. Kerja-kerja fizikal di tapak akan dimulakan pada awal tahun depan. ITC akan menggunakan pendekatan Sekolah Perniagaan Harvard (*Harvard Business School*) untuk membolehkannya bersaing di peringkat global.

Pusat-pusat latihan lain juga akan diperbaiki dan dilengkapi agar pelatih-pelatih dapat menikmati suasana yang lebih selesa dan kondusif untuk latihan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI KEEMPAT: MENINGKATKAN TARAF INFRASTRUKTUR DAN KUALITI HIDUP RAKYAT

i) Sektor Perumahan

Kerajaan Negeri komited untuk terus berusaha menyediakan rumah kepada golongan berpendapatan rendah bagi memenuhi keperluan tempat tinggal serta meningkatkan taraf dan kualiti hidup mereka. Kerajaan berhasrat untuk memastikan setiap keluarga khususnya golongan berpendapatan rendah mempunyai tempat tinggal sendiri yang selamat dan selesa dengan segala kemudahan.

Bagi tujuan penyediaan perumahan kepada rakyat, Kerajaan Negeri akan memperbanyak dan meningkatkan projek-projek perumahan melalui projek Rumah Kos Rendah (RKR) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang akan dilaksanakan melalui peruntukan Kerajaan Pusat dan juga Rumah Mampu Milik (RMM) yang akan dilaksanakan oleh pihak pemaju swasta melalui kaedah penswastaaan pembangunan tanah-tanah kerajaan.

Keutamaan akan terus diberikan kepada pembangunan rumah kos rendah dan rumah mampu milik supaya matlamat untuk menyediakan 10,000 unit rumah kos rendah/rumah mampu milik bagi tempoh 5 tahun akan datang dapat dicapai. Sebanyak RM42.7 juta telah dibajetkan untuk maksud ini.

ii) Pembangunan Infrastruktur

Tiga projek utama yang dianggap sebagai *flagship* projek telah dimulakan pembinaannya pada pertengahan tahun ini sebagaimana berikut:-

Lebuhraya Pantai Timur

Kerajaan Persekutuan telahpun bersetuju melaksanakan projek lebuhraya sepanjang 190 km; bermula dari Jabor, Kemaman ke Gemuruh, Kuala Terengganu dengan anggaran kos sebanyak RM1.7 bilion melalui peruntukan Persekutuan. Kerja-kerja permulaan sudahpun dilaksanakan dan bagi pakej pertamanya telah mencapai 8% kemajuan. Bagaimanapun, pembinaannya akan menjadi lebih ketara menjelang pertengahan tahun hadapan.

Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu

Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan kos sebanyak RM200 juta. Rakyat Negeri Terengganu akan dapat menikmati kemudahan dan keselesaan dan lapangan terbang ini dijangka siap pada tahun 2008 sempena Tahun Melawat Terengganu.

Pembinaan Kompleks Sukan di Gong Badak, Kuala Terengganu

Kerajaan Negeri akan meneruskan pembinaan Kompleks Sukan di Gong Badak, Kuala Terengganu dengan keutamaan pembinaan kepada pembinaan stadium utama. Kapasiti stadium utama ialah 40,000 tempat duduk bumbung melibatkan kos sebanyak RM191 juta. Projek ini telah dimulakan Mac 2005. Komponen yang ada termasuk bowling 48 lorong, gelanggang squash 16 unit, ruang pejabat, Pejabat Majlis Sukan Negeri (MSN), bilik pameran, kiosk/gerai. Stadium ini dijangka siap pada bulan September 2007 sebelum SUKMA diadakan.

iii) Pembangunan ICT

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM35 juta untuk pembangunan ICT Negeri dengan pecahan Peruntukan Pembangunan sebanyak RM25 juta dan Peruntukan Pengurusan sebanyak RM10 juta.

Bagi meneruskan agenda pembangunan negeri dalam bidang teknologi maklumat dan informasi, perancangan yang telah dibuat adalah seperti berikut:-

Open Source Software (OSS)

Penggunaan OSS dalam jangka panjang akan dapat mengurangkan kos. Ini adalah kerana OSS diubahsuai oleh pengguna sendiri dan mendorong pengguna menjadi lebih kreatif dan mencuba perkara baru. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan supaya OSS digunakan dengan meluas. Pada masa ini, sekolah Elit di Lembah Bidong telah menggunakan OSS dan akan dikembangkan ke sekolah-sekolah elit dan sekolah premier lain.

Di dalam pentadbiran negeri, hampir 70% daripada aplikasi-aplikasi Kerajaan Negeri telah menggunakan OSS sebagai *Platform* latihan-latihan di peringkat pentadbiran ICT.

Komuniti Bestari

Kerajaan Negeri telah melancarkan 32 buah pusat Komuniti Bestari yang dikenali nama 'Bestari.Com'. Penggunaan Bestari.Com kini adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

Pendedahan penggunaan diberi secara percuma dengan dibantu oleh dua orang tenaga pekerja dan pengajar di setiap kursus. Selain dari kursus-kursus asas yang diberi ke atas golongan belia dan pelajar, program turut dikembangkan kepada golongan/sasaran yang lain seperti golongan wanita, warga emas dan golongan yang sudah berpenecen.

Pertandingan "*web design*" dan "*web content*" bagi setiap pusat akan diperkenalkan di samping menjadi pusat Bestari.Com sebagai pusat sehenti bagi aktiviti ICT di DUN masing-masing. Aktiviti pendidikan juga akan dijadikan agenda di Pusat Bestari.Com di mana pusat/kelas tambahan akan digunakan dan dibantu dengan kemudahan pembelajaran melalui komputer.

Meningkatkan Keupayaan TerengganuNet

Keupayaan TerengganuNet yang sudah pun dipertingkatkan keupayaannya daripada 2 mbps kepada 8 mbps dan akan dikembangkan ke peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi negeri lain. Pada tahun 2005 ini, 26 jabatan/agensi telah dan sedang ditingkatkan keupayaannya. Keupayaan Sistem VPN telah terbukti dengan penggunaan Sistem Perakaunan Kewangan Standard (SPEKS) yang telah selesai dijalankan tahun ini.

Bagi tahun 2006, *local area network (LAN)* bagi jabatan-jabatan Kerajaan Negeri akan dipertingkatkan disamping memperkemaskan sistem pengoperasian TerengganuNet sendiri dengan penambahbaikan ke atas sistem keselamatan dan memperkemaskan sistem e-mail.

e-kerajaan

Dalam memperkemaskan sistem penyampaian Kerajaan, ICT melalui e-kerajaan telah dikenalpasti sebagai salah satu alat. Penggunaan *short messaging service (sms)* dalam urusan pentadbiran berjalan dengan lancar dan ia seperti menjadi satu kemestian dalam urusan kerajaan sekarang bagi mendapatkan perkhidmatan, keputusan dan maklumat dengan cepat.

Penglibatan masyarakat dalam pentadbiran juga diambil kira dengan pelaksanaan e-aduan. Sistem e-aduan akan dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memudahkan penggunaan dan memastikan setiap aduan ada tindakannya. Bagi tujuan penggunaan e-aduan Bestari.Com adalah pusat yang membolehkan rakyat Terengganu berurusan dengan kerajaan, di samping penghulu-penghulu yang telahpun dibekalkan dengan komputer berinternet.

Cyber Center/Cyber City

Persediaan bagi mewujudkan Koridor multimedia (MSC) Pantai Timur sedang dibuat. Penubuhan Komuniti Darul Iman boleh dijadikan sebahagian dari agenda penubuhan MSC ini. Walau bagaimanapun, cadangan menjadikan Cyber Center/Cyber City di bawah cadangan MSC Pantai Timur perlu melibatkan rakyat Negeri Terengganu sendiri.

PBT: Peruntukan Kebersihan Dan Keindahan

“Kebersihan itu sebahagian daripada iman.”

Dalam usaha mempertingkatkan lagi kemudahan kebersihan yang disediakan kepada rakyat, kerajaan memperuntukkan hampir RM47 juta bagi Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan akan melaksanakan program pembinaan dan penyelenggaraan longkang-longkang yang bertujuan mengatasi masalah longkang tersumbat dan banjir. Di samping itu, peruntukan juga disediakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi meneruskan pelaksanaan program-program pengindahan dan pencahayaan terutamanya di tempat-tempat awam.

Bagi tahun 2006, sebanyak RM5.04 juta diperuntukkan untuk pembelian kenderaan Lori Kompaktor yang akan dibekalkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Sementara pembelian tong sampah diperuntukkan sebanyak RM1 juta.

Kempen menanam pokok teduhan dan hiasan terutamanya bunga raya akan diteruskan. Peruntukan untuk program tersebut sebanyak RM1 juta. Semuanya ini adalah demi memberi keselesaan dan kesejahteraan hidup kepada rakyat.

v) Peruntukan Pembangunan PBT dan Luar Bandar

Bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan kemudahan yang perlu kepada rakyat, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan bagi melaksanakan projek perkedaian, pasar awam, gerai-gerai perniagaan dan jalan. Pembinaan pasar-pasar baru bagi tahun 2006 telah dikenalpasti. Pasar-pasar berkenaan ialah Pasar Pengadang Buloh (RM6 juta), Pasar Paka (RM4 juta) dan Pasar Maras (RM 2 juta).

Infrastruktur di kawasan luar bandar juga tidak dilupakan. Sebanyak RM32 juta telah disediakan untuk memastikan masyarakat desa terus menikmati arus pembangunan.

vi) Pusat Pertumbuhan Baru

Bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat, beberapa buah pusat pertumbuhan baru akan dibina. Untuk tujuan itu, sebanyak RM35 juta telah diperuntukkan ke arah pembinaannya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI KELIMA : MENGGALAKKAN USAHA PEMBANGUNAN SYIAR ISLAM

i) Institut Al-Quran, Terengganu (IQ Terengganu)

Untuk memastikan kehebatan dan keagungan mukjizat al-Quran kekal, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan Institut al-Quran Terengganu (IQ Terengganu). Di Institut ini, InshaAllah al-Quran bukan hanya dibaca tetapi akan dibaca dengan taranumnya sekali. Bukan hanya mengerti maknanya, tetapi memahami tujuan syariahnya (maqasid syariah). Di samping bacaan, penghafazan dan penyelidikan aspek keseniaan al-Quran juga akan diberi perhatian. Pengajian al-Quran akan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, akan memulihara kehebatan al-Quran dan melahirkan ummah cemerlang (khaira ummah), yang bermaruah dan disegani. Institut ini dijangka akan menjadi institut penyelidikan al-Quran yang unggul di rantau ini.(Tepukan)

ii) Muassasah Gadaian Islam (Ar-Rahnu)

Pada awal tahun 2006, kesemua daerah di Terengganu akan mempunyai sekurang-kurangnya satu Muassasah Gadaian Ar-Rahnu. Kita merancang untuk menyelaraskan semua institusi gadaian dengan mempraktikkan sepenuhnya konsep syariah, Ar-Rahnu dan Al-Wadi'ah Yad Dhamanah. Kita juga akan menjadikan muassasah Ar-Rahnu sebagai skim mikro kredit paling utama di Negeri Terengganu.

Terengganu mahu menjadi *benchmark* kepada institusi pajak gadai Islam mahupun bukan Islam di dalam dan juga di luar negara. Kita berharap supaya skim ini akan menjadi salah satu program sosio ekonomi rakyat di Negeri Terengganu dalam usaha Kerajaan Negeri mengurangkan kadar kemiskinan rakyatnya.

iii) Aktiviti Pembangunan Insan dan Khidmat Masyarakat

Pihak kerajaan sangat memberi perhatian dan fokus kepada pembangunan rakyat dalam ertikata Pembangunan Modal Insan. Masyarakat seharusnya didedahkan, dipandu dan dididik dari awal lagi, dengan program-program yang terancang dan tersusun. Iltizam untuk melahirkan generasi Ulul Albab bukan hanya dicakap dan diilhamkan, malah ianya lebih bersifat merancang dan melaksana dengan cara yang bijaksana.

Program-program pembangunan insan, khidmat masyarakat dan dakwah yang dijalankan melalui Yayasan Islam Terengganu merangkumi aktiviti seperti pendidikan pra sekolah, pusat pendidikan lanjutan, khidmat masyarakat, program MARPA dan MARPANITA serta program-program dakwah.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM15.7 juta kepada Yayasan Terengganu bagi membiayai program-program kemasyarakatannya. Sementara itu, Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program kecemerlangan ibu bapa/keluarga dan program kecemerlangan komuniti masyarakat. Sebanyak RM1.2 juta diperuntukkan oleh kerajaan bagi tujuan pembiayaan program berkenaan.

iv) **Pembinaan Masjid**

Untuk Bajet 2006, RM60 juta telah diperuntukkan untuk membina 30 buah masjid di seluruh negeri. Kerajaan membina masjid sebagai memperkukuhkan lagi syiar Islam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

PENUTUP

Bajet 2006 adalah bajet dari rakyat untuk rakyat. Ia telah menggariskan 3 objektif iaitu:-

- Pertama : Membangun keupayaan (*capacity building*) sumber modal insan terutama dari segi tahap ilmu pengetahuan dan perubahan pemikiran.
- Kedua : Membasmi kemiskinan terutama kemiskinan tegar.
- Ketiga : Membentuk imej Terengganu baru dengan usaha penjenamaan semula Terengganu yang progresif dan dinamik.

Untuk mencapai 3 objektif tersebut, 5 strategi telah dirangka iaitu:

- Pertama : Meneruskan fokus terhadap pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan sebagai teras pembangunan.
- Kedua : Meningkatkan keupayaan sektor pertanian.
- Ketiga : Meningkatkan kualiti latihan terutama kepada kakitangan awam sebagai usaha penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan.
- Keempat : Meningkatkan taraf infrastruktur, tahap komunikasi dan kualiti hidup rakyat.
- Kelima : Meningkatkan usaha-usaha pembangunan syiar Islam.

Bajet 2006 juga adalah Bajet yang seimbang. Kerajaan Negeri percaya sekiranya semua pihak memberikan komitmen penuh, objektif Bajet ini akan tercapai.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Penghargaan yang sama juga saya sampaikan kepada semua pegawai dan juga kakitangan kerajaan yang telah menjalankan tugas dengan penuh disiplin dan dedikasi.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada pasukan keselamatan yang telah bertugas dan berkorban dengan penuh taat setia di dalam usaha mengawal keamanan dan kesejahteraan Negeri Terengganu.

Tidak ketinggalan tahniah dan terima kasih juga kepada kakitangan Kerajaan sama ada kakitangan Kerajaan Negeri dan Pusat yang telah memberi kerjasama, yang telah memberi sokongan dan telah bekerja kuat untuk menjayakan Program Monsoon Cup yang berakhir semalam. Tidak ketinggalan pihak-pihak swasta, rakyat sama ada menyokong ataupun pembangkang yang telah meletakkan Terengganu sebenarnya di peta dunia. Dengan semangat baru kita insyaAllah, Terengganu Boleh! Marilah kita sama-sama pada pagi ini menadah doa kepada Allah Subhanahuwataala Ihdinassiratalmustaqim agar kita sentiasa diberi petunjuk olehNya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan hari ini ke esok hari.

Saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada pukul 9.30 pagi esok, 6 Disember 2005 dan marilah sama-sama kita sudahi dengan bacaan surah Al-Asr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.27 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 6 DESEMBER, 2005

**Hari Selasa,
6 Disember, 2005**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 53]
2. Soalan-Soalan Lisan. [Muka 57]
3. Rang Undang-Undang:
 1. Enakmen Perbekalan (2006) 2005. [Muka 76]
[Perbahasan Enakmen]

[Bersambung]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERTHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN., PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURAB

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (Dengan Maaf):

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula bagi Soalan-soalan Lisan pada pagi ini. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca umul kitab – Al-FATIHAH.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi Soalan Lisan pada pagi ini ialah selama 1 jam dan soalan-soalan tambahan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. Sekarang saya persilakan Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan saya yang pertama -

Pada bulan Ramadhan yang lepas, berapa ramaikah Amil yang dilantik dan apakah kriteria mereka serta berapakah jumlah Amil tahun 2003 yang dikekalkan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah, dengan pelantikan Amil-amil tambahan pada bulan Ramadhan baru-baru ini seramai 89 orang kita dapati bahawa kutipan zakat sehingga bulan November 2005 telah dapat dipungut sebanyak RM32,743,309.07 dan seterusnya soalan (b), kriteria pelantikan Amil-amil yang kita lantik baru-baru ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria:

1. Mereka mestilah rakyat Terengganu.
2. Boleh membaca dan menulis jawi dan rumi serta dapat mengira dengan baik.
3. Sihat tubuh badan dan tidak cacat anggota fizikal termasuk mental.
4. Berumur 30 tahun ke atas tetapi tidak boleh melebihi 65 tahun.
(Mereka yang melebihi had 65 tahun diberi pertimbangan atas budi bicara Pegawai Zakat Negeri).
5. Berakhlak dan berkelakuan baik. Mempunyai sifat amanah, jujur dan ikhlas.
6. Seorang yang dihormati dan mempunyai hubungan yang baik dalam masyarakat.

7. Mempunyai minat untuk menjadi Amil dan bertanggungjawab penuh untuk melaksanakannya.
8. Berpengetahuan agama Islam yang baik.
9. Seorang yang sentiasa mengimarahkan masjid atau surau.
10. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Jawatankuasa Masjid/Surau dengan mengisi borang khas yang boleh didapati dari MAIDAM ataupun tempat Urusan Zakat Daerah.

Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Boleh Yang Berhormat nyatakan jumlah kutipan zakat yang diterima oleh Kerajaan tahun 2000, 2001, 2002, 2003, dan 2004?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, jumlah pungutan zakat bagi Negeri Terengganu untuk tahun 2001 sebanyak RM28.2 juta, untuk 2002 berjumlah RM32.9 juta, untuk tahun 2003 berjumlah RM40 juta dan tahun 2004 berjumlah RM36.1 juta.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Kalau kita bandingkan kutipan zakat yang dibuat pada tahun 2003 berjumlah RM40.01 juta dengan kutipan zakat yang dibuat pada tahun 2005 berjumlah RM32 juta berlaku perbezaan di antara kedua-dua tahun tersebut, apakah sebab-sebabnya?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, banyak sebab-sebab mengapakan kekurangan itu tetapi sebab yang paling besar, saya berpendapat bahawa kerana terdapat di kalangan ahli-ahli parti Pembangkang yang tidak lagi mengeluarkan zakat pada MAIDAM, malah bukan setakat ahli-ahli Pembangkang sahaja malah termasuk juga pemimpin-pemimpin mereka sendiri yang tidak menunaikan zakat kepada Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Mengikut kata Yang Berhormat bahawa ada pemimpin-pemimpin Pas yang tidak mengeluarkan zakat kepada Kerajaan, boleh Yang Berhormat sebut nama?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana soalan itu sensitif walau bagaimanapun saya terpaksa menjawabnya. Mengikut

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya minta nama secara peribadi tidak payah disentuh.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Cuma di antara Wakil-wakil yang tak bayar zakat itu Dato' Yang Di Pertua termasuk yang berada di dalam Dewan kita pada hari ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang tidak membayar zakat kepada Kerajaan dan juga terdapat Amil-amil yang dilantik baru-baru ini, dalam tahun ini yang mengutip zakat tetapi tidak mengeluarkan resit rasmi Kerajaan, apakah tindakan Kerajaan?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Soalan lebih dah itu Dato' Yang Di Pertua, lebih daripada 3 boleh jawab ke tidak? Minta kebenaran sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya rasa jawab setakat yang sepatutnyalah. Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal untuk mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Semenjak April 2004 sehingga kini, berapakah jumlah usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah dibantu melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU)?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sejak April 2004 sehingga 1 Disember 2005 seramai 125 usahawan telah menerima dan menikmati faedah daripada Skim Pembiayaan Pinjaman Peniaga Kecil, sementara Skim Pinjaman Persekutuan dan Negeri sebanyak 8 orang yang berjumlah RM3.2 juta. Secara keseluruhannya iaitu seramai 125 yang menikmati pinjaman SPK dan Skim Pinjaman Tanpa Faedah yang berjumlah RM690,000.00.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk meningkat kemampuan usahawan negeri ini dalam bidang industri kecil dan sederhana termasuk dalam tadi pasal modal, prasarana dan pasaran?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perubahan minda adalah satu perkara yang amat perlu kepada usahawan-usahawan. Yayasan Pembangunan Usahawan dalam usaha untuk merubah sikap ini telah membawa usahawan-usahawan menyertai *showcase-showcase* yang telah diadakan. Sebanyak 4 *showcase* telah diadakan iaitu di Shah Alam, Pulau

Pinang, Johor Bharu dan juga di Singapura dan ianya melihatkan suatu peningkatan serta pembaharuan kepada usahawan-usahawan yang telah dapat menjual barangannya di tempat-tempat yang telah disebutkan tadi. Dan yang keduanya adalah soal penjenamaan barangan ataupun dalam sektor *product development*, dengan izin dan dalam *product development* ini sebelum promosi yang begitu hebat dibuat kita telahpun mengadakan satu penjenamaan semula ataupun *rebranding* kepada usahawan-usahawan yang terlibat dengan makanan tradisional iaitu T'Lekor ataupun keropok lekor dan T'Dagang untuk nasi dagang. Pada peringkat awal Kerajaan Negeri telahpun melancarkan program ini di tiga tempat utama iaitu di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Restoran Terapung Puteri, dan yang terakhir adalah Pelancaran Pangkalan Keropok Losong dan ianya menampakkan satu perubahan. Kita yakin bahawa dengan membantu usahawan-usahawan sahaja dan melalui penjenamaan dan promosi-promosi yang hebat sahaja barulah *product development* ini akan terserlah dan dapat membantu usahawan-usahawan kita.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah YPU bercadang untuk pertingkatkan kerjasama pintar dengan Badan-badan Ngo Perniagaan seperti Dewan Perniagaan, Dewan Perniagaan Islam Malaysia dan juga mungkin Persatuan Kontraktor untuk melahirkan lebih ramai usahawan IKS?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, baru-baru ini kita telah mengadakan satu seminar peringkat kebangsaan iaitu Seminar Halal Hub yang telah dihadiri oleh pengusaha-pengusaha, para peniaga di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Dan, seminar itu berjaya iaitu dengan kerjasama Dewan Perniagaan Islam Malaysia dan kita akan teruskan mengadakan kerjasama ini. Sementara usaha dengan Dewan Perniagaan Melayu Negeri Terengganu sememangnya Program Vendor (VDP) dengan Petronas yang telahpun ditutup. Petronas pada peringkat awal telahpun menutup program ini tetapi kita telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama di antara negeri dan Petronas lebih kurang 10 nama telahpun dihantar peringkat pertama untuk Program VDP ini dan 2 telahpun diluluskan dan berjalan sekarang ini dan ini adalah di antara nama-nama yang diberikan oleh Dewan Perniagaan kepada kita dan kita mengharapkan *viability* dengan izin, ataupun daya maju perniagaan usahawan-usahawan bumiputera khususnya dipertingkatkan lagi melalui program ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Wakil Alur Limbat mengemukakan soalnya dan soalan satu ditolak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang kedua dalam senarai.

Sejauh manakah pengenalan dan penjenamaan E'Lekor dapat membantu peniaga-peniaga keropok di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, T'Lekor telah dilancarkan mulai 25 Jun 2005. Semenjak pelancaran T'Lekor beberapa usaha telah dilaksanakan ke arah memastikan perkembangan perniagaan perusahaan keropok tempatan yang merupakan makanan yang termasyhur sejak dahulu lagi. Pelaksanaan T'Lekor merupakan satu langkah penjenamaan ataupun *rebranding*. Dan kita telahpun mengadakan usahasama dengan universiti-universiti tempatan untuk membantu kita di dalam kajian atau R&D. Kerajaan Negeri melihat perkara ini dengan lebih serius bahawa penjenamaan ini setelah kita dapat melakukan jenama yang baik kita akan terus mempromosikan bukan sahaja di dalam negeri malah di luar negara. Kini pihak YPU telah berjaya melibatkan ramai pengusaha-pengusaha keropok dan pengiklanan keropok diadakan melalui mass-media-mass media tempatan tambahan pula sebagai langkah susulan pihak YPU dalam menarik usaha-usaha keropok terutama di kawasan pengusaha-pengusaha di Losong seramai 20 pengusaha diberikan imej baru. Kita akan mengubah minda pengusaha-pengusaha ini supaya menerima khususnya menerima penjenamaan, menerima sistem promosi dan kita galakan dan menerima *labelling* serta *packaging* ataupun pembungkusan yang terbaik yang telahpun dibuat kajian. YPU juga sedang merangka pelaksanaan program T'Lekor sebagai satu peluang kerjaya keusahawanan di kalangan para belia menganggur. Fasa Pertama akan bermula pada tahun 2006, insyaAllah akan memperlihatkan seramai 28 usahawan baru bakal dilahirkan menerusi Program Pengembangan Penjenamaan Semula (*Rebranding Development Programme*) dengan izin, yang akan mengendali kiosk T'Lekor yang akan ditempatkan di lokasi-lokasi berdaya maju di seluruh Terengganu malah di luar Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah penjenamaan semula ini ataupun *rebranding* dengan izin, turut menitik beratkan soal kualiti barangan dan juga soal pasaran?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sememangnya *rebranding* ini tidak boleh lari dengan kualiti pemakanan. Sebagai contoh, keropok umpamanya, sebelum kita mendapatkan hak untuk kita franchise, kita seharusnya mendapat kelulusan GMP (*Good Manufacturing Practice*) ataupun HACCP yang mana setelah kita *dicertifykan* dengan kualiti yang baik, sistem memproses yang baik barulah kita dapat memfranchisekan keropok itu. Itu sebab Dato' Yang Di Pertua, sebagai satu produk yang boleh diterima ramai kualiti dengan nilai pemakanan ataupun *nutritional value* dengan izin hendaklah dikawal dan kita sedang giat mengadakan kerjasama dengan Mardi supaya mempergiatkan R&D dan membentuk satu sistem pemprosesan yang boleh diterima. Kita mengharapkan bahawa dengan mengawal kualiti makanan kita dengan jenama yang baik sahaja dapat diterima oleh orang ramai.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN ABDULLAH (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, suka saya membetulkan ejaan bukan E'Lekor tapi T'Lekor, Dato' Yang Di Pertua. T'Lekor maknanya Keropok Lekor Terengganu T'Lekor. Pohon pembetulan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Setakat ini sejauh mana E'Lekor ini dapat, T'Lekor saya minta maaf, T'Lekor ini dapat menembusi pasaran dalam negeri maksud saya di luar Terengganu ataupun pasaran di luar negeri, di seberang laut?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Apa yang pasti Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, 'T' yang *stand for* Terengganu telahpun diterima baik. Masalah pokok tentang penerimaan barangan adalah jenama dan kualiti, kita telahpun memperkenalkan kepada pelancong-pelancong, pengusaha-pengusaha tempatan untuk melihat satu proses keropok yang bukan sahaja digunakan tangan tetapi menggunakan satu teknik yang *hygenic*, yang bersih dengan menggunakan mesin. Terima kasih kepada Mardi kerana telah memberikan kerjasama yang baik kepada kita dan kita yakin bahawa dengan memperkenalkan satu teknik yang bersih dapat diterima oleh pelancong dan akhirnya ia akan menjadi satu buah mulut bahawa keropok ini bersih yang telah mempunyai kelazatannya, yang telah mempunyai nilai pemakanannya yang baik. Akhirnya dengan kerjasama yang sekarang ini sedang kita buat dengan Limkokwing University satu universiti tempatan yang terkenal dengan penjenamaannya, dengan promosinya dengan *packaging* yang baik akan dapat membuka minda pengusaha-pengusaha keropok lekor, nasi dagang dan lain-lain makanan tradisional dan kita akan pergi jauh lagi di luar daripada Malaysia, insyaAllah.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mempersilakan Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalnya. Sila wakilnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekali lagi saya mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Rhu Rendang menanyakan soalan, soalan yang pertama Dato' Yang Di Pertua -

Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyerahkan pentadbiran pengurusan air kepada Kerajaan Pusat serta bersetuju dengan cadangan Kerajaan Pusat untuk menyetaraskan kadar tarif air di semua negeri?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adalah terlalu awal untuk Kerajaan Negeri membuat keputusan sama ada untuk SATU berhijrah ataupun *migrate* ke SPAN. Sekarang ini kita sedang membuat kajian terperinci tentang buruk baiknya dengan izin, *migration* itu dan saya yakin dan percaya Kerajaan akan membuat keputusan yang baik demi untuk kesejahteraan rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana mengikut Perlembagaan

Negara, air ini hak negeri dan ada dah negeri-negeri lain yang diperintah oleh Barisan Nasional mengambil sikap tidak akan serah dan tidak setuju dengan pengambilan balik pengurusan dan pentadbiran air seperti Pulau Pinang. Jadi bilakah agaknya kajian itu dapat diketahui tentang sikap Kerajaan Negeri berhubung dengan penyerahan pentadbiran air ini kepada Pusat?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya harap Wakil daripada Wakaf Mempelam itu dia buat kajian dulu sebelum kata apa-apa. Sebenarnya hak air tetap hak Kerajaan Negeri kita tidak boleh pindah air kepada Kerajaan Pusat. Ini cuma merupakan pengurusan yang di bawah Akta IPA dan Akta SPAN yang belum lagi dibentang di Parlimen. Jadi tidak timbul masalah nak menyerahkan air kepada Pusat dan sebagainya. Sebenarnya dari segi *migration*, penghijrahan ini tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri masing-masing, yang mana yang boleh memberi keuntungan kepada rakyat keseluruhannya maka pilihan itulah yang dipilih oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan kedua -

Apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memperkasakan dan memajukan sekolah-sekolah agama di bawah Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adapun usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi memperkasakan dan memajukan Sekolah-sekolah Agama Negeri ialah yang pertama, mengkaji keseluruhan sistem Sekolah Agama yang ada di Negeri Terengganu dari segi kemudahan infrastruktur, jawatan guru-guru, dari segi kurikulum dan ko-kurikulum dan alhamdulillah kajian telahpun selesai. Yang keduanya, kita juga telah mengemukakan cadangan MoU dengan Kerajaan Pusat supaya kita juga mendapat suntikan modal daripada Kerajaan Pusat terutama dari segi bantuan untuk guru-guru dan juga bantuan peralatan dan *maintenance*. Alhamdulillah, respon dari Menteri Pelajaran cukup positif dalam hal ini, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang pertama -

Pada suatu masa dahulu Negeri Terengganu begitu terkenal dalam Tilawah Al-Quran di peringkat nasional dan antarabangsa:

- a. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan itu menjadi merosot di akhir-akhir ini?*
- b. Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengembalikan semula kegemilangan ini?*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan Wakil daripada Langkap terdapat dua bahagian (a) dan (b). Saya berpendapat bahawa mutu Qari dan Qariah Terengganu dalam perujian Tilawah Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa keseluruhannya tidaklah merosot berbanding dengan masa-masa yang lampau tetapi saya lebih bersetuju bahawa mutu Qari dan Qariah kita tidak banyak meningkat malah boleh dikatakan berada pada tahap yang sama. Ini dapat dibuktikan bahawa melihat kepada pemarkahan yang diperolehi oleh Qari dan Qariah kita dalam setiap Musabaqah ataupun dalam perujian Tilawah diadakan hanya berkisar di dalam lingkungan 70 ke 80 peratus sahaja dari dulu sampai sekarang. Memang kita tidak dapat nafikan terdapat beberapa orang Qari dan Qariah kita yang telah berjaya di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa seperti Dato' Rogayah Sulong, seperti Tuan Haji Mohamad Awang Teh, seperti Hajah Aminah Omar, seperti Hajiah Maziah Awang dan lain-lain lagi. Dan masa-masa terakhir ini seperti Mohamad Hafaz dan lain-lain tetapi kemenangan mereka ini adalah dalam tahun-tahun tertentu dan tidaklah konsisten, berterusan tahun demi tahun. Dato' Yang Di Pertua, faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan Qari dan Qariah dalam perujian Tilawah Al-Quran ini seperti faktor mutu bacaan termasuk dari segi tajwid, fasuhah, taranum, dari segi faktor suara yang mana faktor suara, mutu suara ini lebih kepada anugerah Allah di samping mereka sentiasa menjaga kesihatan sepertimana juga kalau kita lihat penyanyi hari inipun sebagai contoh mereka yang mempunyai mutu yang tinggi seperti Siti Nurhaliza sebagai contohnya maka kita dapat lihat mereka dapat bertahan populariti beliau sehingga ke hari ini begitu juga dari segi kebolehan ataupun faktor nafas pendek dan sebagainya. Jadi bermakna di sini bahawa faktor-faktor lain, faktor semasa dan seterusnya yang mempengaruhi kepada mutu pembacaan setiap perujian yang telah diadakan tersebut. Untuk melahirkan semula tokoh-tokoh Qari dan Qariah sebagaimana kejayaan yang diperolehi oleh beberapa Qari dan Qariah kita dahulu beberapa langkah telah dilaksanakan di antaranya ialah dengan mencari bakat-bakat baru dalam bidang ini di peringkat sekolah lagi dengan mengadakan kelas-kelas tahsin al-Quran di beberapa tempat di Terengganu. Kepakaran pensyarah-pensyarah Maahad Tahfiz Al-Quran Padang Midin dipergunakan semaksimumnya untuk dimenafaati oleh Qari dan Qariah kita yang berbakat. Seterusnya memberi pengiktirafan dan galakan kepada mereka yang berjaya dalam bidang ini dan diberi ganjaran oleh Kerajaan dalam bentuk elaun bulanan. Dengan mengadakan tilawah di peringkat sekolah-sekolah secara berterusan. Dengan mengadakan tilawah al-Quran di peringkat daerah dan negeri setiap tahun. Qari dan Qariah yang berjaya dijemput untuk memperdengarkan bacaan mereka dalam setiap majlis-majlis besar yang dianjurkan oleh Kerajaan seperti Sambutan Maulidur Rasul, Ma'al Hijrah dan sebagainya. Setiap Qari dan Qariah yang berjaya menjadi Johan Negeri akan diberi kemudahan menunaikan Fardhu Haji ke Makkah secara percuma. Mengadakan kursus-kursus dan latihan tahsin al-Quran secara berterusan dari semasa ke semasa. Seterusnya mengadakan guru-guru pakar qiraat tahsin al-Quran di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Seterusnya kita yakin bahawa dengan mewujudkan Persatuan Qari dan Qariah Negeri

Terengganu dan memastikan persatuan tersebut cergas terutama dalam mempertingkatkan lagi mutu pembacaan al-Quran dengan sendirinya akan membantu mempertingkatkan mutu tilawah al-Quran di kalangan qari-qari kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan saya – Semasa Kerajaan Pas memerintah Terengganu ada dua perkara yang dibuat keputusan pada masa itu pertamanya, melarang/menghalang Qariah Negeri Terengganu daripada menyertai Ujian Tilawah. Yang keduanya, membatalkan elaun yang dibayar kepada Tokoh Qariah Negeri Terengganu. Soalan saya apakah pandangan Kerajaan mengenai dua langkah ini?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, saya berpendapat bahawa tidak patut dan suatu tindakan yang *double standard* kerana pada masa yang sama bahawa muslimat Pas masih lagi ataupun berceramah di khalayak ramai malah dalam t.v.pun mereka terlibat dalam forum sebagaimana yang dihoskan oleh Johan Jaafar dan sebagainya. Jadi dengan itu, saya berpendapat bahawa tindakan tersebut tidak patutlah dan begitu juga kepada elaun kepada Qariah yang dimaksudkan iaitu Dato' Rogayah Sulong sepatutnya pada masa Kerajaan Alternatif tidak sepatutnya bertindak demikian tetapi alhamdulillah, kita telah mengembalikan semula elaun tersebut kepada Dato' Rogayah Sulong malah kita tambah lagi kepada Qari dan Qariah kita(Tepukan) yang menunjukkan bakat dan juga telahpun berjaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan saya – Kalau itulah pandangan Kerajaan sekarang ini jadi adakah tindakan Pas dulu yang mengambil dua tindakan tadi bersesuaian dengan slogan yang dimainkan Pas pada masa itu kononnya Kerajaan Pas hendak meninggikan dan menegakkan syiar Islam di Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, saya berpendapat tindakan Pas tersebut tidak relevan dan tidak membantu untuk menaikkan syiar Islam di negeri ini malah di negara. Malah ianya lebih menimbulkan kontroversi dalam masyarakat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah pihak Kerajaan bercadang menjemput Qari-qari yang terkenal dari luar negara untuk membimbing Qari-qari kita ataupun adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menghantar Qari atau Qariah kita yang berpotensi berkursus di luar negara? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih kepada Wakil Sura, insyaAllah pandangan tersebut akan diberi perhatian oleh Kerajaan dan sekarangpun dalam perhatian/tindakan kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman soalan daripada Yang Berhormat Wakil Rantau Abang ditolak dan saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya soalan satu -

Setiap tahun Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Terengganu melaksanakan program ternakan lembu pawah.

a. *Apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang menjadikan Terengganu sebagai pengeluar daging di Malaysia dan jika Ya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi merealisasikan hasrat ini?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu tidak bercadang menjadikan Negeri Terengganu sebagai pengeluar daging lembu yang terbesar di Malaysia. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadi Negeri Terengganu sebagai pusat pembakaan lembu yang terbesar di Malaysia.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan kita menjadi pembekal baka yang terbesar?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, pada masa ini Kerajaan Negeri dengan bantuan Kerajaan Pusat akan membangunkan di sebuah kawasan di Tersat iaitu membekalkan keseluruhan baka lembu induk dan baka bermutu serta mempunyai baka yang produktif. Sasaran yang akan dijalankan ialah termasuklah melaksanakan projek tumpuan kawasan sasaran. Yang keduanya, projek penjantan baka. Yang ketiganya, projek lembu anak. Dan yang keempatnya, bagi tujuan bekalan feeder kepada projek feed-lot yang ada di Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua, baka itu baka ramai ke beka lembu itu besar?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, pertamanya, baka yang tahan daripada serangan penyakit dan yang kedua baka yang menarik serta membesar dengan cepat.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Apakah kedudukan KUSZA, TATI, KYT dan KSI sesudah penubuhan Universiti Darul Iman?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama, bahagian satu samalah jawapannya dengan jawapan bertulis Wakil Kemasik semalam tentang kedudukan KUSZA setelah Universiti Darul Iman ditubuhkan. Yang kedua, TATI dan Kolej Yayasan Terengganu tidak terlibat dengan penubuhan Universiti Darul Iman sementara Kolej Sri Iman dijadikan sebagai Canselori sementara untuk Universiti Darul Iman.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Setakat ini bagaimanakah perundingan-perundingan yang telah dibuat dan bagaimana kedudukan aset yang dimiliki oleh KUSZA bila KUSZA menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pada masa kini pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan juga EPU dan Kementerian Pelajaran Tinggi sedang berbincang dengan pihak KUSZA dan juga pihak jabatan LA di Terengganu memastikan bahawa aset itu tadi bagaimana caranya untuk kita timbang sebelum diambil alih sepenuhnya oleh universiti baru ini. Masih dalam perbincangan antara pihak universiti baru dengan pihak KUSZA, EPU dan Kementerian Pelajaran Tinggi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, apakah setakat ini Kerajaan telah kenal pasti sebanyak mana aset yang dimiliki oleh KUSZA dan jenis-jenisnya?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Mengikut penilaian yang dibuat KUSZA, setakat daripada tahun 1981 sampai sekarang, aset termasuk tanah, bangunan dan sebagainya kira-kira dalam RM150 juta lebih kurang ini dibuat oleh pihak KUSZA.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apakah Kerajaan bercadang untuk membuat pampasan ataupun KUSZA bercadang mendapat pampasan daripada pihak Universiti Darul Iman nanti atau daripada JPA apabila perundingan ini selesai?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): InsyAllah, Kerajaan akan memutuskan apabila tiba masanya nantilah. Kajian sedang dibuat ke arah itu, insyaAllah keputusan muktamad akan ditentukan setelah mendapat pandangan daripada LA, daripada EPU, pihak KUSZA dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kajian itu bila boleh siap?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tengah buat le-ni, insyaAllah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan, sila wakil dia.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya telah diberi mandat lisan untuk mewakili Wakil Jabi mengemukakan soalan pada hari ini dan soalan yang pertama -

Berapakah jumlah keluarga miskin yang telah berjaya membebaskan diri mereka daripada kemiskinan hasil bimbingan agensi Kerajaan Negeri dan Pusat sepanjang 2004 sehingga 2005?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, buat masa ini tiada satu data tepat berhubung dengan keluarga miskin yang telah berjaya membebaskan diri daripada kemiskinan. Walau bagaimanapun kita sedang berusaha, sedang melakukan satu inisiatif berkerjasama antara UFEN dan juga Amanah Ikhtiar Malaysia untuk mendapat data-data tepat yang berkaitan dengan mereka yang miskin dan termiskin yang telah dibantu oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang terkeluar daripada garis kemiskinan. Cuma apa yang ada pada saya hari ini dengan data kemiskinan ini iaitu daripada Amanah Ikhtiar Malaysia yang sekarang sedang berkerjasama dengan UPEN yang mana hari ini dengan bantuan Amanah Ikhtiar Malaysia, alhamdulillah, sebanyak 50 peratus daripada sahabat-sahabat yang dibantu oleh Amanah Ikhtiar Malaysia telah terkeluar daripada garis kemiskinan. Pun begitu mereka ini perlu kepada bantuan dan juga konsultasi yang berterusan daripada Pegawai-pegawai Amanah Ikhtiar Malaysia untuk memastikan mereka ini kekal berada keluar daripada PPRT kerana daripada daftar yang diberi ataupun daripada pengalaman yang telah diterima oleh kita bahawa mereka yang PPRT ini apabila dibiarkan mereka berdikari tanpa apa-apa bantuan dan juga pandangan mereka akan termasuk balik ke dalam PPRT. Jadi alhamdulillah, setakat ini 50 peratus telahpun terkeluar dengan bimbingan dan juga ehsan dan bantuan modal daripada Amanah Ikhtiar. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Apakah ada insiden setakat ini di mana keluarga miskin yang telah terkeluar daripada garis kemiskinan tapi masih enggan untuk membebaskan minda mereka daripada belunggu kemiskinan?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Sebenarnya ada, kerana makmurnya rakyat Malaysia, bertuahnya rakyat Malaysia mereka suka mengaku miskin kerana apabila mereka dikategori miskin mereka mendapat banyak bantuan daripada bantuan basikal, bantuan hamper makanan, bantuan persekolahan sehingga suatu masa dulu ada bantuan beruk dan bantuan gigi palsu kepada orang-orang yang mengkategorikan mereka ini miskin. Ini menunjukkan makmurnya Malaysia dan baiknya Kerajaan Malaysia dalam membantu dan bersungguh-sungguh memastikan rakyat terkeluar dari kemiskinan. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau

ada lagi hamba Allah yang mengatakan Kerajaan Malaysia ini zalim, saya rasa orang itu adalah orang-orang yang tidak waras. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Sejauh mana konsultasi yang dikatakan berjaya menarik mereka yang telahpun terkeluar daripada garis kemiskinan untuk merasakan diri mereka ini betul-betul telahpun terkeluar daripada garis kemiskinan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya kita mengadakan kesedaran-kesedaran dengan mengadakan program-program motivasi dan juga kefahaman-kefahaman agama yang menegaskan bahawa "*Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah.*" Jadi kita berharap agar rakyat kita lepas daripada ini akan menjadi mereka-mereka yang menghulur bukan mereka-mereka yang menadah. Dan kajian yang dibuat juga mengatakan bahawa hari ini bukan sahaja setakat itu bahawa ramai anak-anak muda di kalangan rumah PPRT, di kalangan keluarga yang PPRT ini yang kajian yang dibuat mengatakan bahawa secara *average* atau puratanya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ada 1.9 – 3 orang remaja ataupun anak muda yang mereka sepatutnya berada di alam pekerjaan tetapi mereka tidak bekerja, mereka ini berada di rumah alasannya mereka susah mendapat kerja dan sebagainya walhal di tempat kita sebagaimana yang saya katakan kelmarin banyak kerja-kerja disediakan di sektor perladangan, kelapa sawit dan sebagainya. Jadi kita berusaha di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengubah minda rakyat agar mereka tidak memilih kerja, agar masalah pengangguran di kalangan remaja akan dapat di atasi, insyaAllah. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan – Apakah pihak Kerajaan pernah membuat kajian ataupun berhasrat untuk memperkenalkan Skim Industri Pemeliharaan Burung Walit kepada keluarga-keluarga miskin di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Di Pertua. Kita sedang buat kajian dan di bawah UPEN saya difahamkan, ada perancangan untuk menyediakan burung walit ataupun penternakan burung ini untuk diagih-agihkan kepada PPRT. Jadi inilah maknanya Kerajaan pelbagai cara, pelbagai program dilakukan bersungguh-sungguh untuk pastikan bahawa di Terengganu Darul Iman ini tidak ada lagi orang-orang yang dikatakan miskin dan termiskin, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Untuk makluman juga soalan-soalan daripada Yang Berhormat Wakil Paka, Yang Berhormat Wakil Seberang Takir ditolak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengemukakan soalannya dan soalan nombor dua ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Sila nyatakan kemajuan terkini pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa II, mengikut pakej dan nama kontraktor pakej-pakej berkenaan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekarang ini kerja-kerja pengukuran tanah dan menetapkan laluan sebenar (*confirm alignment*) serta kerja-kerja teknikal sedang giat dijalankan kepada 12 pakej LPT Fasa II. Status terkini pembinaan Lebuh Raya dari Jabur ke Gemuroh adalah seperti berikut:-

1. MTD telah ditawarkan sebanyak 63 kilometer pembinaan lebuh raya daripada Bukit Besi ke Bukit Payong dan kerja-kerja awalan telah bermula. Kerja di Jambatan Sungai Telemong bermula pada 1 Jun 2005 dan kemajuan kerja sehingga kini ialah 15 peratus.

Untuk mempercepatkan lagi proses pembinaan LPT Fasa II ini, Kerajaan telah memberi keizinan kepada MTD untuk memulakan kerja di tanah-tanah Kerajaan dan hari ini kerja-kerja di *Interchange* Bukit Besi sudahpun bermula.

2. Bagi pakej 11 dan 12 dekat Gemuroh, iklan tender telahpun ditutup pada Oktober 2005 dan kini di peringkat penilaian untuk dibawa ke Jawatankuasa Tender untuk diputuskan. Pelan pengambilan balik tanah pakej 11 dan 12 telahpun dikemukakan kepada PTG oleh KPTG Negeri.
3. Manakala pakej-pakej lain dalam proses iklan tender.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Berapakah bilangan syarikat-syarikat tempatan yang diberi peluang khusus ataupun keutamaan dalam projek ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, buat kali pertamanya di dalam pembinaan lebuh raya sama ada Lebuh Raya Utara-Selatan, LPT I tidak pernah ada kuota untuk negeri masing-masing. Tetapi hari ini alhamdulillah, dengan pembelaan Kerajaan Negeri dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat maka 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pembinaan ini dikhususkan kepada rakyat Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Apakah jenis 20 peratus yang diberi ini sebagai *sub-cons* ataupun kontrak kecil ataupun pakej penuh?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, kesemuanya ada 12 pakej dan untuk di bawah JKR dan tolak MTD dan daripada 12 itu 4 pakej diberi kepada kontraktor Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalan nombor tiga? Soalan Yang Berhormat ada tiga soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan yang kedua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalan kedua ditolak, yang ketiga.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang kedua untuk hari inilah.

Setiap kali hari raya tiba dan berlaku 'balik kampung' oleh perantau, jalan-jalan khususnya dalam bandar Kuala Terengganu berlaku kesesakan yang cemas dan menyusahkan. Apakah langkah segera dan jangka panjang yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sebut yang ketigalah, jangan hari ini pulak. Saya kata dah soalan nombor dua ditolak tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan sedar bukan setakat masa hari raya tiba sahaja maka bandar Kuala Terengganu di dalam kesesakan. Sekarang ini memang bandar Kuala Terengganu sentiasa sesak, ini satu petanda bahawa Negeri Terengganu sudahpun mula maju ke hadapan. Untuk mengatasi kesesakan ini Kerajaan telahpun melantik satu perunding, bahkan dua perunding untuk membuat kajian. Di antara kajian ini ialah yang pertama untuk merumuskan Pelan Pengangkutan Kuala Terengganu yang komprehensif. Mencadangkan supaya projek-projek yang perlu dilaksanakan mengikut keutamaan. Dan, mencadangkan supaya polisi pengangkutan utama bagi bandar Kuala Terengganu. Buat masa ini pihak perunding telah memulakan 'Desk Study' pada 1 November 2005 dan selepas 1 bulan pihak perunding akan mengemukakan laporan itu iaitu *Inception Report* kepada Bahagian Perancang Jalan ke Kementerian Kerja Raya. Perunding memaklumkan bahawa banci trafik tidak dapat dijalankan pada November dan Disember berikutan cuti sekolah. Kajian ini akan dijalankan pada Januari 2006. Selain daripada kajian yang sedang dibuat secara jangka panjang, beberapa jalan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan terutama MPKT sekarang ini ialah pertama, melebarkan Jalan Lingkaran Pulau Kambing kepada 4 lorong yang insyaAllah akan hampir siap. Menyalakan lampu hijau (*traffic light*) yang berdekatan secara serentak. Mengkaji laluan-laluan tertentu dalam bandar untuk *direstructure* semula secara jangka pendek. Dan mengawal kenderaan yang parking di luar petak parking

dalam bandar khususnya di hadapan MPKT dan juga di hadapan Maybank. Sekian, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sejauh mana Kerajaan peka bahawa jalan dua hala (*carriage way*) daripada persimpangan Titian Hangus ke Bukit Payong yang tidak mempunyai jalan susur dan ianya menyebabkan jalan dua hala itu sebahagian sahaja boleh digunakan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Boleh tolong ulang, Yang Berhormat Wakil Batu Burok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sejauh manakah kepekaan Kerajaan dan usaha untuk mengatasinya bahawa jalan dua hala daripada Persimpangan Titian Hangus ke Bukit Payong tidak mempunyai jalan susur dan ini menyebabkan jalan dua hala itu terganggu oleh perletakan kereta?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, ini merupakan salah satu masalah yang timbul apabila Kerajaan mengambil tanah-tanah di tepi-tepi jalan kemudian setelah pampasan dibayar mereka mula membuat bangunan semula di situ mengakibatkan ianya menjadi sempit. Jadi cadangan Kerajaan apabila mengambil tanah di tepi-tepi jalan pada masa akan datang ialah untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Apakah usaha-usaha dan tindakan awal bagi mengatasi kesesakan ini dalam mengenal pasti jalan-jalan sementara alternatif?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Sebagaimana yang saya maklumkan tadi Dato' Yang Di Pertua, kita telah membuat beberapa cadangan jangka pendek untuk menyelesaikan masalah sekarang ini sementara kita menunggu kajian yang dibuat oleh konsultan secara jangka panjang. Yang pertama, sebagaimana yang saya katakan tadi, menyalakan lampu *traffic light* yang berdekatan, tapi sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, punca *traffic jam* di Kuala Terengganu ini bermula 4 – 5 tahun dahulu apabila jalan-jalan kerana nak tunjuk pandai sangat banyak benda jalan-jalan jadi kohor tambah umpamanya dekat Jalan SATU ditambah jadi semuanya jalan masuk ke Jalan Sultan Ismail dan dibuat bentang di hadapan Pejabat Ketengah, saya tak tahu apa rasionalnya sehingga menyebabkan perkara-perkara ini boleh memporak-perandakan keadaan kesesakan bandar. Jadi hari ini kita cuba membuat kajian balik untuk memastikan kelancaran perjalanan trafik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tidak nak berbahas di sini tapi soalnya sekarang ini ialah perancangan dan perangkaan, 4 – 5 tahun dahulu memang trafik ataupun lalu lintasnya telahpun meningkat tetapi rancangan *master plan* (pelan induk) bandar Kuala Terengganu tidak dipatuhi dengan sepenuhnya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya dah jawab dah tadi, yang pertama kita telahpun melantik konsultan iaitu RSI Consultant dan Perunding Atur Sdn. Bhd. pada bulan Oktober lalu untuk membuat kajian dan kajian ini 12 bulan bermula 1 November 2005. Selepas kajian ini dibuat baru kita boleh membuat perancangan dengan baik. Kalau kita buat *impromptu*, buat rombak, buat rombak itu bukan perancangan namanya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, saya mempersilakan Wakil Air Putih mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang pertama –

Tahun 2006 adalah merupakan Tahun Pertanian untuk Negeri Terengganu

- a. *Apakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan peruntukan yang akan dibelanjakan?*
- b. *Huraikan pecahan agihan peruntukan mengikut perancangan dan daerah?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana jawapan ini telahpun dengan jelas telah diterangkan dalam Ucapan Belanjawan semalam maka saya tidak berhasrat untuk mengulanginya lagi cumanya untuk menambahkan beberapa perkara iaitu jumlah peruntukan semua sekalinya iaitu RM114 juta dan yang paling penting ialah sasaran kita untuk meningkatkan pendapatan tambahan kepada 10,000 petani, penternak dan nelayan untuk memberi pendapatan tambahan tidak kurang daripada RM500.00 sebulan. Dan perkara yang keduanya, sasaran kita pergi ialah kepada pengeluaran buah-buahan secara yang bermutu melalui sistem fertigasi secara besar-besaran dan seterusnya ialah kita fokus kepada ternakan kambing, Negeri Terengganu sebagai pengeluar terbesar pada tahun 2008. Penekanan juga akan diberikan kepada ternakan ikan dalam tangki. Seterusnya Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri melalui pertanian akan membaiki infrastruktur iaitu pembaikan muara-muara sungai, jeti-jeti nelayan, jalan ladang dan parit-parit serta taliair.

Mengenai pecahan agihan peruntukan mengikut daerah Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana program ini masih lagi di peringkat negeri, sebahagiannya saya ingin maklumkan bahawa Pusat Ternakan Kambing Jenang diletakkan di Daerah Marang yang melibatkan RM100,000.00, Ladang Integrasi Veterinary di Dungun, Pembangunan Baka-baka diletakkan di semua daerah, PSE DEWA Bukit Kemuntong di Besut, Program Transformasi Ternakan Unggas di semua daerah, Program Transformasi Penternakan Lembu Pedaging dan Sistem Ibu-anak juga di setiap daerah, Program Transformasi Penternakan Tenusu iaitu di Daerah Marang juga Besut, Projek Kambing Pedaging Komersil di semua daerah,

PSE DEWA Tok Has di Besut, Program Pemprosesan Silage dan Pemakanan Ternakan di semua daerah, Program Pemulihan Padang Ragut di semua daerah dan yang terakhir Program Peningkatan Pendapatan Melalui Bioteknologi di semua daerah.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua - Tidakkah Kerajaan bercadang untuk menjadikan pertanian ataupun produk pertanian ini sebagai produk pelancongan pada tahun 2006?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Memang menjadi hasrat Kerajaan bidang pertanian dicampur dengan bidang pelancongan kerana antara pertanian dan pelancongan adalah mempunyai hubungan yang rapat.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Industri Pelancongan di persisiran sungai, Industri Pembuatan Makanan, keropok, pembuatan bot serta kemahiran batik amat berstrategi dan berpotensi besar di Negeri Terengganu.

- a. *Apakah Kerajaan bercadang untuk memulakan (River Cruise) untuk membawa pelancong-pelancong melawat ke tempat-tempat ini?*
- b. *Sila nyatakan nama Pusat Industri Tradisional ini dan bilakah perusahaan-perusahaan ini akan dimulakan?*
- c. *Berapakah kos yang terlibat dengan persediaan untuk menghidupkan balik industri perusahaan bot tradisional, Pangkalan Keropok dan Kompleks Makanan Tradisional yang telah dibuat?*

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang Kerajaan bercadang untuk memulakan perkhidmatan bot yang menyusuri Sungai Terengganu (*River Cruise*) untuk membawa pelancong-pelancong melawat ke tempat-tempat yang merupakan tempat yang menjadi tarikan. Pusat Industri Tradisional yang menjadi tempat persinggahan (*sport points*) dengan izin, bagi perkhidmatan *River Cruise* ini adalah seperti berikut; yang pertama, Muzium Negeri yang telah beroperasi sedia ada. Yang kedua, adalah yang baru dirasmikan, Pangkalan Keropok Losong. Yang ketiga, Kompleks Makanan Tradisional Terengganu (KMTT) yang telah beroperasi pada 11 Februari 2005. Yang keempat, adalah yang berdekatan iaitu Tapak Monsoon Cup ataupun Kelab Teluk Warisan. Yang kelima,

Restoran Terapung Puteri. Yang keenam, Pasar Payang. Yang ketujuh, Kompleks Tenunan (Kraf Ladang) dalam proses tender dan dijangka siap akhir 2006.

Kos yang terlibat dengan persediaan untuk menghidupkan balik Industri Perusahaan Bot Tradisional ini adalah bergantung kepada kos yang dibiayai oleh Kementerian-Kementerian yang membantu menghidupkan balik pembinaan bot tradisional. Di antara Kementerannya; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang telahpun menyediakan sebanyak RM10.97 juta. Sementara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM890,000 dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebanyak RM4 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Oleh kerana industri ini berpotensi besar untuk dimajukan, apakah usaha yang telah Kerajaan lakukan terutamanya untuk menarik golongan-golongan muda agar terlibat dalam industri ini?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Industri Pelancongan termasuklah pembinaan bot tradisional. Kerajaan Negeri telahpun menempah dan telahpun siap sebanyak 3 buah bot Gondola yang keseluruhan kosnya sebanyak RM387,125.00 dan sebuahnya telahpun bersedia untuk beroperasi dan modul yang digunakan untuk meramaikan lagi pengusaha-pengusaha bot tradisional ini adalah dengan kerjasama Pusat Latihan di Negeri Terengganu ataupun Pusat Latihan Pusat iaitu melalui Giat Mara. Dan, kita akan menggunakan peruntukan latihan supaya pengukir-pengukir, pembuat-pembuat bot tradisional ini akan memperturunkan ilmunya kepada pelajar-pelajar Keushawanan, Giat Mara dan pelajaran ini akan dibukukan dan akan diberikan sijil-sijil yang sepatutnya dan seterusnya akan memperkembangkan ilmu-ilmu ini setelah pelajar-pelajar ini habis menuntut di sini dan akan membuka perusahaan-perusahaan baru.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang terhormat. Masa bagi Soalan-soalan Lisan telahpun cukup, 1 jam. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pukul 10.50 pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

PUKUL 10.50 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pagi kelmarin Rang Enakmen Perbekalan (2006) 2005 untuk bacaan kali yang kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk bahasan. Sila Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian untuk bahasan. Sila Yang Berhormat Wakil Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan sidang hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Alhamdulillah, genap pada hari yang ke-364 selepas pembentangan Bajet yang pertama di era Kerajaan Terengganu di bawah Barisan Nasional iaitu pada tanggal 6 Disember 2004 yang lepas. Maka pada hari semalam, pada tanggal 5 Disember 2005 bersamaan 3 Zulkaedah 1426 buat tahun kedua berturut-turut Dewan yang mulia ini menyaksikan suatu Ucapan Bajet 2006 oleh pemimpin yang dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Besar Terengganu dalam ucapan yang bertajuk 'Janji Ditunai Sejarah Terpahat'.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan menyokong Ucapan Bajet tersebut izinkan saya mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri di atas pembentangan Bajet 2006 pada hari semalam. Bajet 2006 yang berjumlah RM1.55 bilion sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam boleh difahami dalam bahasa yang paling ringkas sebagai suatu 'Bajet Rakyat Untuk Rakyat'. Dalam erti kata lain sebelum Bajet tersebut *difinalize*, dengan izin, ianya telah terlebih dahulu mendapat pandangan daripada rakyat Terengganu. Dan, ternyata Bajet 2006 ini merupakan suatu kesinambungan Bajet Seimbang yang pernah diamalkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2005. Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya sekali lagi merujuk kepada anggaran Hasil keseluruhan yang dianggarkan diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu iaitu sebanyak RM1.55 bilion daripada jumlah tersebut pecahan anggaran pemerolehan adalah seperti berikut:

- Hasil Cukai RM41.64 juta mewakili 2.68 peratus.
- Hasil Bukan Cukai RM97.63 juga mewakili 6.30 peratus.
- Terimaan Bukan Hasil termasuk Dana Khas Persekutuan berjumlah RM1.33 bilion yang berjumlah keseluruhannya RM1.41 bilion mewakili 91.02 peratus.

Dan saya mohon izin untuk merujuk Ucapan Bajet 2006 di muka surat 5, para 15. Manakala anggaran Perbelanjaan pula melibatkan kos yang seimbang dengan anggaran

Hasil seperti mana yang terkandung di muka surat 6, para 18, 19 dan 20 kandungan ucapan tersebut. Dan, tepatlah seperti mana yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar '*ukur baju di badan sendiri*', jangan belanja melangkaui kemampuan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang jelas dari pembentangan Bajet 2006 ini menunjukkan tahap keyakinan atau dengan izin, *level of confidence*. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan terhadap kemampuan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Kerajaan Negeri dan seluruh pentadbir Negeri Terengganu ini dalam menguruskan soal kewangan negeri bagi faedah negeri dan rakyat dan ternyata *level of confidence* dengan izin, Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri Terengganu sekarang adalah di tahap tertinggi.(Tepukan) Ini terbukti daripada anggaran Terimaan Bukan Hasil yang akan diterima dalam Bajet 2006, insyaAllah. Juga kemampuan Kerajaan Negeri juga terbukti daripada indikasi Hasil Disatukan Kerajaan Negeri sehingga suku tahun ketiga 2005 menunjukkan akaun Kerajaan Negeri masih mempunyai *surplus* dengan izin, ataupun lebih sebanyak RM28.78 juta berbanding tahun 2004 ketika negeri berada di bawah pemerintahan Pas, Kerajaan Negeri mengalami defisit sebanyak RM167.35 juta. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bajet 2006 yang dirancang dan diformulasi serta memberi penekanan kepada penglibatan rakyat secara langsung dalam arus pembangunan negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Tahun 2004 itu di bawah pemerintahan siapa?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): 2004 awal tahun, Bajet yang dibentangkan dalam tahun 2003 bagi tahun kewangan 2004, masih di bawah pemerintahan Kerajaan Pas Terengganu pada masa itu. Tak ingat barangkali.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya 2004, tak tanya 2003.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, Bajet 2006 yang dirancang dan diformulasi serta memberi penekanan kepada penglibatan rakyat secara langsung dalam arus pembangunan negeri. Bertepatan dengan pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan setiap individu rakyat dalam membangunkan Negeri Terengganu saya sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan khusus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri yang sanggup mengambil kira pandangan rakyat sebelum penyediaan Bajet dibuat. Inilah bukti suatu *transparency* dengan izin, ataupun ketelusan Kerajaan dalam membentuk hala tuju negeri dan melakar sejarah baru dalam sejarah pembentangan Bajet Negeri Terengganu.

Dato' Yang Di Pertua, Bajet kali ini seperti mana yang terkandung di dalam Ucapan Bajet Tahun 2006 telah memfokuskan secara jelas kepada 3 objektif. Yang pertama, membangun keupayaan atau dengan izin *capacity building* sumber modal insan terutama dari segi tahap ilmu pengetahuan dan perubahan pemikiran. Kedua, membasmi kemiskinan terutama kemiskinan tegar. Dan yang ketiga, membentuk imej Terengganu baru dengan usaha penjenamaan semula Terengganu yang progresif dan dinamik. Dalam usaha untuk mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, Kerajaan Negeri melalui Bajet Tahun 2006 ini telah menggariskan 5 strategi. Pertama, meneruskan fokus terhadap pendidikan

dan penguasaan ilmu pengetahuan sebagai teras pembangunan. Kedua, meningkatkan keupayaan sektor pertanian. Ketiga, meningkatkan kualiti latihan terutama kepada kakitangan awam sebagai usaha penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan. Keempat, meningkatkan taraf infrastruktur, tahap komunikasi dan kualiti hidup rakyat. Dan yang kelima, meningkatkan usaha-usaha pembangunan syiar Islam. Dato' Yang Di Pertua, dalam masa yang terhad ini saya akan membahaskan sebahagian daripada strategi-strategi yang telah digariskan dalam Ucapan Bajet tersebut. Pertama, meneruskan fokus terhadap pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan sebagai teras pembangunan. Alhamdulillah, terima kasih kepada pimpinan dan Kerajaan Negeri yang membuat pelaburan yang besar dalam bidang pendidikan melalui Bajet 2005 yang lepas. Bahkan sebelum kita menguasai Kerajaan kita telah banyak melabur dalam bidang pendidikan ini. Terima kasih kepada seluruh warga pendidik, terima kasih kepada seluruh pelajar-pelajar yang berusaha gigih mahu mencipta kejayaan, terima kasih kepada seluruh ibu bapa yang tak henti-henti memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi semata-mata untuk melihat kejayaan anaknya dalam UPSR, terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu yang merancang kaedah pembelajaran berkesan dan terima kasih kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu yang mendoakan pelajar-pelajar ataupun calon-calon UPSR Terengganu 2005 yang lepas terus mengekalkan kecapaian buat kali kelima berturut-turut sebagai negeri yang dapat dan mengekalkan peratusan tertinggi pelajar yang mendapat 5A dalam UPSR. Hasil sokongan semua pihak sekali lagi Terengganu mengukir kejayaan seramai 3,023 orang pelajar Terengganu atau 11.83 peratus dari keseluruhan calon yang menduduki UPSR tahun 2005 memperolehi 5A atau 7A iaitu suatu peningkatan 0.8 peratus berbanding pencapaian tahun 2004. Kita meraikan kejayaan ini dengan penuh kesyukuran dan keinsafan bahawa segala kejayaan itu tidak datang bergolek tanpa ada perancangan, usaha yang gigih dan tawakal kepada Allah S.W.T. Kita tidak pernah mendabik dada kejayaan ini berkat sipulan bin sipulan, kita tidak pernah mendabik dada kejayaan ini berkat tok guru itu dan tok guru ini, bahkan kita yakin kepada firman Allah S.W.T. (membaca petikan ayat yang bermaksud:) "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubah nasib mereka sendiri". Di samping itu juga, kejayaan pencapaian UPSR tahun 2005 jelas memperlihatkan nilai Iqra' yang menjadi salah satu nilai Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang diterapkan oleh Kerajaan Negeri mulai menuai hasil. Namun begitu, kita tidak harus berpuas hati dengan kecapaian di tahap awal pembelajaran tersebut malah kita semua perlu memikirkan bagaimana untuk melakar sejarah kecapaian yang hebat di peringkat PMR, SPM dan STPM. Inilah cabaran baru yang perlu disambut oleh Kerajaan dan rakyat Terengganu keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekali lagi saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat kerana telah mengumumkan penubuhan UDM yang sebelum ini disebut UDI tetapi telah disalah sebut dan disalah tafsirkan sebagai Universiti Dato' Idris. Maka perlu penjenamaan semula di atas nama UDM (Univerisi Darul Iman Malaysia). Dan, pada 3 Disember 2005, Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Shafie Mohd Salleh telah mengumumkan pelantikan Profesor Dato' Dr. Alias Daud, anak jati Negeri Terengganu sebagai Naib Canselor pertama UDM berkuatkuasa mulai 1.1.2006, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan. InsyaAllah, hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan seluruh rakyat Negeri Terengganu untuk melihat pengambilan pertama,

pengambilan sulong siswa-siswi UDM akan menjadi kenyataan pada tahun pengajian 2006 ini, insyaAllah. Dengan perkembangan ini, menolak dakwah Pembangkang yang mendakwa di dalam lidah rasmi mereka Harakah yang berbunyi 'Mungkir janji di Terengganu bukti Umno bohong' di muka surat 3 bertarikh 29 Syawal hingga 13 Zulkaedah 1426 atau 1 hingga 15 Disember 2005. Saya ingin memetik sebahagian daripada kandungan akhbar tersebut 'Sebaik BN memenangi Pilihan Raya 2004, Kerajaan BN Terengganu telah membuat kenyataan yang sebuah universiti penuh akan dibangunkan di Bukit Kor, Marang walaupun pada hakikatnya hampir 2 tahun tiangnya masih belum kelihatan apatah lagi kampusnya'. Itulah tahap pemikiran mereka sebab mereka tak pernah rancang barangkli

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Di Pertua – Setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa apa yang disiarkan oleh Harakah semuanya bohong belaka.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bukan setakat semua bohong tetapi pembohongan yang melangkaui pembohongan oleh manusia yang waras. (Tepukan Sokongan) Barangkali mudah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Penubuhan Universiti Darul Iman merupakan suatu penyerahan harta benda, hak milik Kerajaan Terengganu kepada Kerajaan Persekutuan kerana Kerajaan Terengganu di bawah kepimpinan Barisan Nasional tidak berupaya tidak mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh KUSZA, maka dia serah kepada ayah dia.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang Di Pertua. Kita kadangkala membuat sesuatu keputusan tetapi kita juga tertakluk kepada *review* terhadap keputusan yang dibuat sebelum ini. Mungkin tindakan Kerajaan BN sebelum Pas menguasai Terengganu tepat pada ketika itu mengikut kehendak semasa pada ketika itu. Tetapi setelah kita menguasai semula kepimpinan negeri, politik negeri, kita melihat soal pendidikan seperti mana KUSZA sebagai contoh adalah soal yang harus dipikul tanggungjawabnya oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi kalau setakat nak pikul semata-mata nak bermegah dengan mendokong dengan satu-satu institusi-institusi pendidikan sampai '*heret reng*', maknanya tidak mempunya sebenarnya masih rasa dengan izin, '*something proud of*' oleh kerana maruah tak nak lepas sampai kita tidak mampu untuk memberi pendidikan terbaik kepada pelajar-pelajar di institusi berkenaan. Maka itu bukan dasar kita

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Tidak ada rekod bahawa KUSZA tidak mampu membawa diri.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, ada rekod dengan saya ni. Semasa Pas memerintah dulu KUSZA nak kena tutup. Dia ada rekod ni

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Itu bukan Kerajaan Pas nak tutup, Kerajaan Persekutuan nak ambil tindakan. Itu bapak kamu yang zalim dan jahat.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pasal dia dokrok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan dokrok, khianat, tak matipun, maju boleh tambah pengajian.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tuan Pengerusi, Pengerusi ada, saya bukan cakap pelawok macam orang Pas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan cakap pelawok, tapi itu nak tutup siapa yang nak tutup? Kerajaan Pas Terengganu yang nak tutup ke ataupun Kerajaan Persekutuan yang nak tutup.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Deme dokrok nak jalan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dokrok jalar macam mana, takdok seorang pegawaipun yang diberhentikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Marah ke macam mana ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan marah, cakap tak betul. (Dewan Gelak) Ini bukan marah, angkat suara sikit sebab Dewan sejuk sikit ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, salah satu daripada bukti dokrok ni pelajar tak lepas SPMpun bawa masuk di dalam institusi KUSZA.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini bukan dokrok, keupayaan lebih hak SPM boleh takdok SPM boleh. Ini Lawyer apa begini. (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Lawyerpun jangan jadi 'Lawyer buruk'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Rohok kalau macam tu, ini hak lebih, kata tidak mampu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Barangkali mudah bagi mereka mudah macam isytihar KUDQKI (Kolej Universiti Darul Quran Kubang Lembek). Rupa-rupanya sudah ada pada zaman 2000 – 2004 sebelum ini universiti baru di Negeri Terengganu, mungkin orang tidak tahu dan sebahagian sahaja yang tahu. Sebab apa bagi mereka hanya *bull-doz* dengan izin, dia pakai gomol je, berasa nak isytihar, isytihar. Tetapi kita sebuah Kerajaan yang mempunyai perancangan, perancangan bagaimana untuk mendirikan sesuatu institusi-institusi pendidikan dan dalam hal ini kita sudah semestinya menyambut baik hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan universiti penuh di Terengganu ini yang dinamakan Univerisiti Darul Iman.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Di Pertua – Kubang Lembek dekat mana dan hak siapa, kalau boleh tidak menjadi masalah dan diterangkan ke Dewan yang mulia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – KUDQKI bukan universiti Kerajaan Pas tetapi *private* institusi, oleh itu tidak timbul soal Kerajaan buat universiti, *private* kita boleh buat universiti sendiri dan penuntut kita diterima. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan sekejap

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sekejap, sekejap. KUSZA ini bukan dibina di zaman Pas, 30 tahun BN yang memerintah menubuh dan membesarkan KUSZA dan bila kita ambil alih KUSZA berjalan dengan baik melainkan ugutan untuk memusnahkan, idea pemimpin-pemimpin Umno ketika itu. Tiba-tiba pada hari ini pemimpin baru, Terengganu baru, mematikan pewarisan, idea, pemimpin Umno Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – KUDQKI tadi sudah dapat kelulusan daripada Kolej Universiti Darul Quran, KUDQKI apa? Kubang Lembek, Kubang Lembek tu, hak Kubang Lembek bukan Kubang Keras, Kubang Lembek (Dewan Gelak) Pihak Universiti Kerajaan Malaysia sudah lulus dah untuk tubuh universiti kolej ni, hak swastapun kena tunggu kelulusan dulu ke pakat isytihar begitu saja Dato' Yang Di Pertua? Nikahpun kena ada sijil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, orang nikah di Golokpun ada.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ada sijil jugak di Golokpun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam ada pengalaman nampaknya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nikah di Terengganu, ramaipun.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat teruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua. Saya penuh yakin tulisan yang terkandung dalam Lidah Rasmi Pas ini merupakan tulisan yang bertujuan politik terutama untuk mempengaruhi pengundi-pengundi Pengkalan Pasir yang membuang undi pada hari ini. Tetapi apa yang ingin saya tekan di sini jangan biarkan penubuhan dan pelaksanaan ataupun perjalanan universiti ini, Universiti Darul Iman Malaysia di Terengganu ini menjadi bagaikan benih yang disemai, pokok yang ditanam dan dibaja tetapi apabila sampai ke suatu peringkat ianya mengeluarkan buah ada orang lain mari curah racun atau mari tebang mudah meracuni pemikiran-pemikiran pelajar di institusi berkenaan di masa akan datang.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Kerajaan Negeri kerana turut mengumumkan KOSPINT di Serada yang kebetulan dalam DUN Alur Limbat, DUN saya sebagai salah sebuah Institusi Agama Negeri yang diletakkan di bawah program Sekolah Elit pada tahun 2006 ini. InsyaAllah, pelajar-pelajar di sini rata-ratanya terpilih di kalangan mereka yang memperolehi 5A dalam UPSR mampu mencipta kecemerlangan dalam kecapaian PMR dan SPM, insyaAllah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Kena sebut KIST retek, KIST itu siapa dia buat dulu, tubuh?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Nak suruh sebut jugak. Saya hanya sebut KOSPINT yang kebetulan berada dalam DUN saya dan KIST salah sebuah. Dato' Yang Di Pertua, stragegi kedua Kerajaan Negeri menerusi Bajet 2006 ini ialah meningkatkan keupayaan sektor pertanian. Pengumuman Kerajaan untuk mengisytiharkan tahun 2006 sebagai Tahun Pertanian haruslah dipuji dan adalah diharapkan peruntukan sejumlah RM114 juta bagi tahun 2006 ini mampu membela dan memperbaiki nasib golongan tani, penternak dan nelayan yang melibatkan 88,966 orang atau 24.09 peratus daripada keseluruhan pekerja Negeri Terengganu yang berjumlah keseluruhannya 356,167 orang. Strategi kedua ini merupakan satu faktor pencepat ataupun dengan izin *catalystical factor* untuk mencapai objektif membasmi kemiskinan terutama kemiskinan tegar di Terengganu. Bagi menangani isu kemiskinan Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM105 juta melalui Bajet 2006 ini. Berdasarkan kepada statistik kadar kemiskinan di Terengganu pada tahun 2004 ialah 10.6 peratus manakala kadar kemiskinan nasional ialah 5.1 peratus. Dan, berdasarkan kepada statistik juga menunjukkan 26,000 keluarga masih berada di bawah paras kemiskinan di Terengganu dan daripada jumlah tersebut seramai 19,000 keluarga masih berada dalam kategori termiskin dan selebihnya sebagai miskin. Bagaimanakah jalan penyelesaian masalah ini? Ada satu golongan yang hanya meletakkan kesalahan atas takdir semata-

mata tanpa berusaha mengatasi masalah tersebut. Ada satu golongan politik pula hanya tahu menuding jari kepada orang lain untuk melindungi kelemahannya sendiri kerana gagal berbuat sesuatu terutama semasa mereka diberi peluang oleh Allah S.W.T. dan juga rakyat Negeri Terengganu untuk mengeluarkan masyarakat daripada belenggu kemiskinan semasa pemerintahan mereka. Bila ditunjuk kelemahan, "Oh! Kelemahan ini kerana diwarisi daripada zaman Barisan Nasional sebelum ini". Kelemahan selalu diletakkan di atas kepala orang lain begitulah sifat-sifat ataupun sikap manusia lemah. Manusia lemah dia tidak berusaha untuk mengatasi cabaran yang diletakkan ke atasnya. Oleh kerana itu, Kerajaan Barisan Nasional sekarang cukup sedar dengan hanya menuding jari kepada pihak lain tidak akan membawa apa-apa perubahan kepada masalah ini. Pada pengamatan saya, kemiskinan di Terengganu ini berkait rapat dengan sikap atau *mentality*. Lebih suka memilih tidak bekerja daripada kerja yang berpendapatan ataupun bersikap memilih kerja dan kadang-kadang marah kepada kepimpinan kampung atau Penghulu atau Wakil Rakyat atau Kerajaan kerana tidak mengklasifikasikan atau kategorikan mereka sebagai golongan miskin. Dan kadangkala data yang dibekalkan kepada pengkalan data Rakyat Miskin agak kurang tepat kerana wujudnya masalah ini. Oleh yang demikian, dicadangkan supaya pemutihan maklumat di pengkalan data Rakyat Miskin dibuat secara berterusan bagi memastikan maklumat yang tepat dan langkah yang berkesan dapat diambil.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang membina baru 1,500 buah rumah dan membaik pulih 1,800 buah rumah pada tahun 2005. Pengenalan kaedah pembinaan Rumah PPRT dengan reka bentuk baru yang dibina dengan bahan dengan izin, *Autoclaved Lightweight Block* (bahan komposit ringan) dan dikatakan menjimatkan tempoh pembinaan dan keluasan turut dipertingkatkan kepada 560 kaki persegi. Namun begitu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sehingga ke saat ini tidak ada sebarang daripada 40 buah rumah yang diperuntukkan dalam kawasan saya boleh diduduki. Saya menerima aduan mutu pembinaan yang kurang baik kerana dikatakan sub-kontraktor yang berlainan membuat kerja-kerja pelantaian, membuat kerja-kerja atap dan dinding. Dan, masalah yang ketara juga ialah masalah bekalan air dan elektrik yang tidak seragam. Oleh yang demikian, bagi membolehkan rakyat yang telahpun dibina Rumah-rumah PPRT pada tahun 2005 ini merasa nikmat daripada pemberian Kerajaan maka saya memohon suatu tindakan drastik supaya rumah-rumah tersebut disiapkan seberapa segera bagi membolehkan ianya diduduki.

Dato' Yang Di Pertua, dalam usaha untuk mencapai objektif yang ketiga, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga telah menggariskan strategi yang ketiga iaitu meningkatkan kualiti latihan terutama kepada kakitangan awam sebagai usaha penambahbaikan Sistem Penyampaian, *Delivery System* dengan izin. Kita penuh yakin bahawa Pegawai-pegawai Perkhidmatan Negeri Terengganu mampu menjadi pegawai cemerlang sekiranya diberi peluang dan perangsang. Pengiktirafan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri semasa *Monsoon Cup Gala Dinner* pada 8.12.2005 baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa apa yang saya sebutkan tadi peluang dan perangsang menjadi satu faktor kecemerlangan seseorang pegawai perlu dititik beratkan. Oleh yang demikian, Konsep T E R 's atau sebutannya TER's dalam Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu yang baru diperkenalkan haruslah dipuji dan semoga ianya dapat melahirkan

pegawai yang benar-benar berkebolehan di masa-masa yang akan datang. Dato' Yang Di Pertua, berkaitan strategi yang keempat, meningkatkan taraf infrastruktur dan kualiti hidup rakyat. Penghargaan kepada pihak Kerajaan haruslah diberi kerana telah memulakan 3 projek *flagship* yang diumumkan pertama kalinya pada Bajet 2005 yang lepas dan ternyata pada tahun ini LPT Fasa II, Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu dan juga Projek Kompleks Sukan Gong Badak hampir menjadi kenyataan. Kemudian bagi sektor perumahan, diharapkan supaya Kerajaan Negeri dapat menekankan pelaksanaan projek tersebut pada tahun 2006 ini. Seterusnya, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh tentang kewujudan 32 buah Pusat Bestari.Com. Ianya merupakan suatu langkah yang baik apabila Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Bestari.Com di seluruh DUN-DUN dalam Negeri Terengganu. Ianya telah di manfaatkan oleh lebih daripada 16,000 orang bagi seluruh Negeri Terengganu dan ternyata projek *pioneer* dengan izin, ini telah menarik minat rakyat untuk menceburkan diri dalam bidang IT. Namun begitu, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap faktor keselamatan premis yang menempatkan Bestari.Com ini. Saya difahamkan DUN yang pertama menjadi mangsa pencerobohan pecah masuk dan curi adalah DUN Tepoh. Perkara ini amat membimbangkan kerana ianya bukan sahaja telah menyebabkan kesulitan kepada perjalanan Bestari.Com tetapi ianya juga menyebabkan kerugian. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya suatu peruntukan khas diberi kepada setiap Bestari.Com untuk mendapatkan perkhidmatan Pengawal Keselamatan bagi menjaga harta benda dalam Bestari.Com tersebut. Insyallah, selepas kejadian seumpama itu tidak berulang lagi. Dalam melaksanakan strategi keempat, Kerajaan Negeri juga memberi keutamaan kepada peruntukan kebersihan dan keindahan

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, mohon laluan -- Setakat ini berapa dah Pusat Bestari.Com yang kena ceroboh ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, setakat yang saya tahu hanya satu baru, tetapi dengan izin, *I stand to be corrected*, sekiranya ada tempat-tempat lain yang terlibat. Dato' Yang Di Pertua, dalam melaksanakan strategi keempat ini, Kerajaan Negeri juga memberi keutamaan kepada peruntukan kebersihan dan keindahan di mana dalam Bajet 2006 sejumlah RM47 juta diperuntukkan kepada PBT seluruh Negeri Terengganu. Apa yang perlu saya menarik perhatian di sini ialah masalah-masalah longkang ianya merupakan masalah *secondary* kepada pembinaan dua *carriage way* dengan izin, terutama di sekitar laluan Wakaf Mempelam ataupun Simpang Tok Ku ke Bukit Payong. Kita amat berterima kasih kepada Kerajaan yang membina dua *carriage way* bagi kemudahan lalu lintas tetapi apa yang menimbulkan masalah baru kepada penduduk-penduduk terutama penduduk di sekitar DUN saya ialah masalah banjir disebabkan oleh tidak ada aliran keluar air daripada longkang dalam taman-taman ataupun dalam kampung ke longkang utama ataupun longkang jalan yang disediakan oleh pihak JKR. Ini menyebabkan masalah banjir kilat yang sering berlaku dan sehingga kini masalah ini masih belum berjaya di atasi. Oleh yang demikian, saya memohon izin Dewan yang mulia ini supaya pihak PBT terutama PBT/MPKT dapat melihat kemungkinan mendalamkan lagi longkang-longkang JKR, longkang-longkang jalan bagi membolehkan air-air daripada kawasan perumahan ataupun kawasan kampung

di sekitar dua *carriage way* tersebut dialirkan terus ke longkang jalan dan terus dialirkan ke sungai-sungai berdekatan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana saya sejak bulan Disember 2004 yang lepas hari ini baru saya *start* bercakap sekali. Saya mohon masa untuk menyentuh tentang Terengganu Baru

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya dah bagi peluang 40 minit sebagai penyokong Rang Undang-Undang. Sila Yang Berhormat sikit lagi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, sebagai rakyat Terengganu saya berasa bangga dan ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana berjaya menganjurkan Kejohanan Kapal Layar Piala Monsoon iaitu suatu kejohanan berprestij dunia di bawah Swedish Match Tour di lokasi Pulau Duyong dan ianya berakhir pada 4hb Disember baru-baru ini. Ternyata Terengganu bukan sahaja tercatat di atas peta dunia Sukan Perahu Layar sebagai salah satu daripada 9 lokasi Swedish Match Tour di mana kejohanan tersebut telah disaksikan oleh hampir 1 bilion penonton seluruh dunia menerusi saluran ESPN (*Star Sports*) dan juga TV3. Memang benar apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini 'Terengganu telah dibawa ke dunia luar dan dunia luar telah dibawa ke Terengganu' melalui kejohanan tersebut. Lebih jauh daripada itu, terserlah mutu kepimpinan arkitek baru Kerajaan Negeri Terengganu sebagaimana yang digambarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan Pegawai-pegawai Kerajaan di Wisma Darul Iman pada 4hb Disember baru-baru ini yang mana arkitek baru Arkitek Negeri Terengganu ini disifatkan sebagai seorang pemimpin muda yang mencipta kejayaan demi kejayaan. Seorang pemimpin yang sanggup mencari ataupun menghadapi cabaran dan berusaha mengatasi cabaran tersebut. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua Ahli Dewan baik pihak Kerajaan ataupun Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri atau Pusat, seluruh pegawai dan kakitangan negeri dan swasta serta seluruh rakyat jelata Negeri Terengganu supaya memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ke arah merealisasikan 3 objektif Bajet(Tepukan Sokongan) 2006 ini. Oleh yang demikian, saya sudahi perbincangan saya dengan wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dan, saya mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, ada Yang Berhormat lain yang ingin bercakap? Yang Berhormat Hulu Besut, silakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta sidang Dewan sekalian.

Pertama-tama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu kita yang telah membentangkan Bajet 2006 pada pagi semalam. Daripada pembentangan Bajet yang dibentangkan kepada kita semalam menggambarkan dengan jelas cita-cita murni Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat. Bajet yang bertemakan 'Janji Dikota Sejarah Terpahat' adalah jelas roh Bajetnya ingin melihat Negeri Terengganu ini akan membentuk satu masyarakat yang gemilang. Jadi ini kita boleh lihat daripada objektif yang dikemukakan semalam iaitu antara objektif yang menarik perhatian saya ialah membangun keupayaan modal insan terutama dari segi tahap ilmu pengetahuan dan perubahan pemikiran. Objektif yang ketiga ialah membentuk imej Terengganu baru. Daripada objektif ini dengan jelas betapa Kerajaan ingin melihat rakyat Negeri Terengganu akan berlaku perubahan minda seterusnya akan membentuk Terengganu baru. Dan, ini bersesuaian dengan tahun hadapan sebagai tahun bermulanya Rancangan Malaysia Ke-9. Dengan jelas juga, Yang Amat Berhormat telah mengisytiharkan tahun 2006 sebagai Tahun Pertanian Terengganu. Bukan sahaja mengisytiharkan Tahun Pertanian sebagai Tahun Terengganu tetapi dalam masa yang sama juga bagi memastikan Tahun Pertanian Terengganu berjaya di dalam Bajet yang disebut semalam kita boleh lihat sebanyak RM114 juta diperuntukkan di bidang pertanian. Peruntukan ini melibatkan banyak bidang di dalam pertanian dan yang lebih utamanya ialah penglibatan rakyat Terengganu seramai 88,966 orang akan terlibat yang merangkumi hampir 30 peratus daripada gunatenaga Negeri Terengganu. Dan, ini menggambarkan betapa kepada kita usaha untuk menjadikan Terengganu sebagai Tahun Pertanian pada tahun depan bolehlah kita katakan suatu usaha yang bersungguh-sungguh. Bagi memastikan untuk berjaya satu perkara yang utama pada pandangan saya ialah perubahan minda sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin iaitu dalam objektif yang pertama. Minda rakyat Negeri Terengganu perlu diubah supaya setiap daripada rakyat Negeri Terengganu akan berubah sikap daripada yang barangkali yang ada hari ini kepada sikap yang lebih baik. Dan ini bukan suatu perkara yang mudah, kalau tidak silap saya pernah Sayyidina Ali berkata "Kalau aku diberi pilihan untuk mengubah rakyatku dengan meruntuhkan Bukit Uhud semestinya aku pilih Bukit Uhud", betapa sukarnya mengubah fikiran rakyat. Dan, inilah yang terjadi di kampung-kampungpun, pernah saya diberitahu oleh penduduk di kampung saya, ada seorang Tok Imam dia sebut "Kalau demo mati esok-esok Mungkar-Nangkir akan tanya demo. Demo mati dalam Islam?". Dia kata hamba boleh sebut "Hamba mati dalam Islam. Demo akan sebut demo mati dalam Islam Hadhari." Dan ini dengan jelas betapa rakyat negeri kita ini dikotorkan minda oleh pemimpin-pemimpin di Negeri Terengganu yang tidak faham tentang perubahan yang hendak dilakukan oleh Kerajaan. Kalau minda tidak berubah bagaimana untuk memastikan kejayaan sesuatu bangsa. Kita lihat dengan jelas daripada tema yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat, kita ingin memahat sejarah di negeri kita, kita ingin bina rakyat baru di Negeri Terengganu, kita ingin melihat Terengganu Baru pada zaman-zaman yang mendatang. Tetapi kalau sesetengah pemimpin kita mengotorkan minda rakyat dengan perkara-perkara yang saya sebutkan itu bagaimana untuk membentuk dan memahat sejarah. Rakyat kita telah ada kekuatan, rakyat kita telah ada kekuatan minda yang sedia ada pada minda rakyat kita. Kita lihat bagaimana pencapaian UPSR baru-baru ini, nombor satu di Malaysia dan ini dengan jelas bahawa rakyat kita telah ada kekuatan minda untuk mencapai kegemilangan. Dan, ditambah lagi dengan hasrat pimpinan kita untuk membina, memahat sejarah, insyaAllah, objektif Terengganu akan menjadi suatu sektor pertanian yang baru

pada tahun-tahun depan kita juga boleh memahat sejarah. Barangkali kita mahu lihat Negeri Terengganu apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat ingin menjadi pengeluar Kambing Pedaging Kaprima yang terbesar di Malaysia pada tahun 2008, insyaAllah berjaya. Tetapi kalau minda rakyat kita tidak boleh bersedia menjayakan wawasan, cita-cita untuk melihat Terengganu sebagai pembekal Kambing Pedaging Kaprima yang terbesar ini tidak akan berjaya kalau minda tidak boleh berubah. Kita lihat bagaimana Thailand berjaya di dalam bidang pertanian ini, sayapun sempat pergi sekali ke Thailand, tengok. Dia lebih berjaya daripada kita dari segi pertanian ini kerana rakyat mereka dari segi mindanya, dari segi kesungguhannya memang kita bukan kata tak boleh lawan, boleh lawan tetapi itulah yang seadanya di negeri kita. Dan, mungkin pada tahun depan pegawai-pegawai kita boleh kita hantar ke Thailand untuk melihat apa yang dibuat oleh pegawai-pegawai di sana. Dengan sebab itu saya percaya pegawai kita juga akan boleh kita hantar ke Thailand apabila Yang Amat Berhormat memperuntukkan sebanyak RM42.6 juta untuk latihan pegawai, insyaAllah. Pegawai kita berubah minda, dapat latihan rakyat juga turut sama menjayakan syarat ini, insyaAllah Terengganu kita akan dapat memahat sejarah. Satu lagi perkara yang nak saya sebut ialah peluang kepada rakyat dalam bidang pertanian. Pada tahun 2006, jika dilihat daripada buku Bajet, rakyat negeri kita akan berpeluang turut sama dalam bidang pertanian walaupun dari segi kita ingin melihat negeri kita ini maju barangkali dalam bidang lain tetapi bidang pertanian akan dapat melibatkan golongan muda terutamanya apabila Kerajaan memperuntukkan RM20 juta untuk peruntukan kilang dan memproses makanan dan hasil pertanian. Kerajaan juga barangkali akan dapat melahirkan usahawan kecil dan sederhana apabila Kerajaan juga memperuntukkan bagi melaksanakan penghasilan baja organik Kaprima-Bio. Kerajaan juga akan berusaha, akan mewujudkan barangkali kilang-kilang jus duku dan jus rambutan dan ini membuka peluang kepada golongan belia di negeri kita.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini, kita selaku Kerajaan juga perlu melihat golongan-golongan belia perlu kita gunakan tenaga dengan sepenuhnya. Sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Manir tadi daripada sebuah rumah PPRT, 1.9 peratusnya tidak bekerja dan ini sesuatu perkara yang perlu kita ambil Minta maaf, bukan Yang Berhormat Manir, Yang Berhormat Ajil. Dan, ini kita perlu ambil suatu usaha, untuk memastikan gunatenaga ini digunakan dengan sepenuhnya dan ini boleh dimainkan oleh pada pandangan saya DUN boleh memainkan peranan ini. Apa lagi sekarang ini Kerajaan memperkenalkan Pusat Komuniti Bestari, Pusat.Com, kita boleh membina satu DUN dengan satu kompleks misalnya dan di situ kita letakkan pusat komuniti dan di situ juga kita bina satu dewan yang barangkali boleh memuatkan permainan futsal yang menjadi permainan masa depan golongan belia. Dan di dalam kawasan kompleks ini juga kita boleh tempatkan seorang daripada U-Best kita membina sebuah rumah untuk kita tempatkan seorang U-Best menetap di kompleks ini dan dalam masa yang sama U-Best ini dapat menjadi jaga kepada Bestari.Com. Jadi pusat ini juga boleh setiap ADUN mengumpulkan belia-belia di kawasanya dapat mengasuh minda, barangkali juga dapat melibatkan aktiviti-aktiviti belia di kawasan DUNnya dan seterusnya dalam masa yang sama dapat menyumbang untuk barangkali menambah minda kepada belia-belia kita. Dan kalau ini boleh dibuat, kita boleh buat kita tengok di Hulu Besut dulu dan kita memperuntukkan sebahagian peruntukan untuk DUN mengurus kompleks ini dan insyaAllah, saya penuh yakin kalau Kerajaan membuat, membina kompleks yang melibatkan sebagaimana yang saya sebut tadi masalah belia, masalah pengukuhan minda

di kalangan rakyat kita, DUN boleh memainkan peranan. Dan ini kalau kita pernah melalui jalan-jalan di Negeri Perak, di Negeri Perak jika kita melalui jalan-jalan di negerinya kita dapat melihat dengan jelas mukim-mukimnya ada kompleks tempat komunitinya menjalankan aktiviti, bangunannya seragam dan ini boleh kita buat di Negeri Terengganu. Setiap DUN ada bangunannya untuk Pusat Aktiviti DUN, seragam bangunannya, dan kalau kita nak tambah seragam lagi kita cat dengan warna biru pulak baru nampak seragam. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan di sini kalaulah ini boleh kita buat masalah jarak IT antara desa dan bandar dapat kita kurangkan. Masyarakat bandar, masyarakat desa akan dapat kita kurangkan jarak ITnya dan seterusnya kita dapat bangun bersama rakyat di Negeri Terengganu kita ini. Apa lagi dalam DUN saya kalau bangunan ini dapat kita buat bebanan penduduk DUN saya akan lebih ringan bebanannya bila DUN Hulu Besut ini dikenal sebagai DUN yang mempunyai jalan yang mati.

Akhir sekali saya juga ingin menyokong tentang hasrat Kerajaan untuk melihat sektor pertanian ini menjadi sektor yang akan memberi sumbangan kepada rakyat pada masa depan. Saya pohon Kerajaan memperuntukkan banyak sedikitlah kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Saya tengok daripada buku Bajet, Pejabat Perkhidmatan Haiwan hanya diberi peruntukan RM1.5 juta, tak cukup pada pandangan saya, RM1.5 juta untuk satu negeri. Biarlah kita libatkan ramai golongan-golongan belia walaupun kita nak memberi faedah kepada penternak yang sedia ada tetapi dalam masa yang sama kita bukalah peluang-peluang kepada belia, siswazah yang tidak terlibat dalam bidang ini untuk kita tarik minat golongan ini untuk terlibat sama di dalam sektor pertanian ini. Apa lagi Kerajaan Pusat telah menjadikan suatu motto 'Pertanian Sebagai Suatu Perniagaan'. Dan ini boleh menarik minat golongan belia, golongan-golongan yang barangkali tidak ada minat kepada bidang pertanian menarik minat di dalam bidang pertanian sebagai suatu peluang kerja, sebagai suatu peluang perniagaan, sebagai suatu peluang yang akan menjadi seorang yang berjaya, kaya-raya dan akan menjadi jutawan dalam bidang pertanian. Dengan sebab itu, saya memohon Kerajaan menambah peruntukan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan RM1.5 juta tidak cukup untuk satu negeri. Dan ingin saya cadangkan di sini supaya Jabatan Perkhidmatan Haiwan mencari peserta menternak Kambing Kaprima ini yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadi pengeluar terbesar pada tahun 2008 kita buat ala Risda ataupun Felda. Kita cari tanah milik Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kita cari peserta yang barangkali terdiri daripada siswazah, daripada belia-belia yang tidak berkerja, kita tempatkan di suatu tanah Pejabat Perkhidmatan Haiwan yang ada kita jaga belia, siswazah kita yang tak ada kerja ini kita jaga ala Felda/Risda. Dan ini boleh dibuat di Hulu Besut ada satu kawasan yang hampir 500 ekar. Kita buat contoh yang pertama di Negeri Terengganu dan insyaAllah hasrat cita-cita ingin melihat Negeri Terengganu sebagai pengeluar Pedaging Kaprima ini akan berjaya, kita cuba dulu dan saya boleh turut sama memberi sokongan buat di Hulu Besut dulu pasal tanah kosong sudah ada. Jadi itu sajalah dan saya memohon menyokong Bajet 2006 ini. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat lain yang ingin bercakap? Yang Berhormat Pengkalan Berangan, sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang

Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut membahaskan Ucapan Bajet Tahun 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Saya juga bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana pada kali ini kita telah diperdengarkan di dalam Dewan ini Bajet Negeri Terengganu 2006 adalah 'Bajet Dari Rakyat Untuk Rakyat'. Sebelum ini kita belum pernah mendengar Bajet seumpama ini apatah lagi di zaman pemerintahan kegelapan Kerajaan Pas dahulu. Untuk itu saya bagi pihak seluruh rakyat Negeri Terengganu menghulurkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, Menteri Besar Terengganu kerana telah berjaya membentangkan Bajet yang mengutamakan suara rakyat untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Terengganu keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam tempoh tak sampai 2 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu, pembangunan demi pembangunan terus berjalan. Setiap perbelanjaan Kerajaan telah memberi kesedaran kepada rakyat dan seterusnya membuka mata rakyat dan mengakui bahawa tidak ada mana-mana parti lain yang benar-benar mampu memerintah Negeri Terengganu kecuali Barisan Nasional (Tepukan Sokongan) Tahun 2005 'Bajet Seimbang' dan tahun 2006 'Dari Rakyat Untuk Rakyat', dalam kata lain berbelanja mengikut kemampuan, keluhan rakyat diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sektor pertanian telah menjadi tumpuan Kerajaan di mana sebanyak RM114 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2006, dengan sejumlah yang besar itu amat bersesuaian sekali diisytiharkan tahun 2006 ini sebagai Tahun Pertanian. Saya selaku Wakil dari Pengkalan Berangan merasa bangga kerana sudah tentunya kawasan-kawasan saya turut dapat dinikmati dengan program-program dalam sektor pertanian dan perikanan. Sementara itu, jalan-jalan utama ke kawasan-kawasan pertanian perlu diubah wajah kalau dulu jalan-jalan masuk ke kawasan pertanian hanya berupa simen ataupun terdiri daripada jalan yang berbentuk tanah merah hendaklah dinaik tarafkan ke jalan yang lebih baik iaitu bertar ataupun *premix* tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah semata-mata untuk memberi kemudahan pengangkutan hasil jualan dan juga aspek-aspek keselamatan kepada kaum petani. Begitu juga dengan keadaan muara-muara sungai yang sebelum ini kita pernah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini perlu diberi perhatian serius di tahun hadapan iaitu pada tahun 2006 supaya masalah-masalah pendaratan bot-bot nelayan dikurangkan dari tahun ke tahun. Manakala jambatan-jambatan yang usang ataupun yang telah rosak perlu dibaiki dan ditingkatkan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam usaha pembangunan PBT dan luar bandar saya juga meminta Kerajaan mengkaji semula terutamanya dalam Rancangan Pembangunan Dan Penyusunan Semula Pekan-pekan Kecil di kawasan luar bandar. Jawatankuasa Bertindak hendaklah dibentuk semula dengan mengambil kira kesesuaian ahli-ahli jawatankuasanya supaya hasrat dan kehendak rakyat boleh diberikan keutamaan. Contohnya dalam DUN saya, Jawatankuasa Penyusunan Semula Pekan Wakaf Tapai dan Mercang hendaklah dipulihkan semula yang telah lenyap semenjak zaman pemerintahan Pas dahulu lagi. Dengan adanya jawatankuasa tersebut sudah tentunya soal penyusunan semula pekan kecil dapat diatasi sekaligus dapat menyahut seruan Kerajaan dalam

meneruskan pelaksanaan program-program pengindahan, perpindahan serta kebersihan terutamanya di kawasan pekan-pekan kecil yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sejumlah RM42.6 juta telah diperuntukkan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Saya amat merasa bangga dengan cadangan Kerajaan untuk menerapkan konsep TER's sebagai usaha meningkatkan keberkesanan selain penggunaan Indikator Prestasi Utama dengan izin, *Key Performance Indicator* (KPI). Dengan jumlah peruntukan yang besar ini saya amat yakin dan saya menyeru semua kakitangan awam di negeri ini bersedia untuk memperbaiki prestasi kerja masing-masing dengan mengambil peluang menduduki latihan-latihan pembangunan sumber manusia yang akan disusun dan diatur oleh Kerajaan nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bajet 2006 bagi saya merupakan Bajet yang sangat kena pada masanya, suara rakyat dipulangkan kepada rakyat. Ini sudah tentunya dapat memberi kepuasan isi hati rakyat dalam erti kata lain rakyat dapat menikmati hidup dari pemimpin yang berjiwa rakyat manakala pemimpin pula sudah tentunya merupakan manusia yang cemerlang kerana dapat memberi jasa dan manfaat kepada manusia lain. Golongan manusia ini tidak lain dan tidak bukan adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional. Benarlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah S.A.W. (membaca petikan ayat yang bermaksud) – "Manusia yang baik dan cemerlang itu adalah manusia yang boleh memberi jasa dan manfaat kepada manusia yang lain". Oleh itu, Dato' Yang Di Pertua, saya kira cukuplah ucapan saya pada hari ini. Dengan ini saya memendekkan ucapan saya dan mohon menyokong Bajet 2006 ini dan saya sudahi ucapan saya, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:Terima kasih Yang Berhormat. Dua lagi nak berucap, saya ingat sempat kita berhenti, jadi saya beri peluang kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Berang dulu. Sila.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah-rabbil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dari Alur Limbat ke Hulu Besut
Sehingga sebentar makan ikan Baung di Kuala Berang
Zaman Pas rakyat kecut perut
Kini BN rakyat kohor sayang doh weh (Tepukan Sokongan)

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kerana memberi izin kepada saya untuk turut sama membahaskan Ucapan Bajet 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari semalam. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita dan juga Kerajaan Negeri yang saya jangka telah berjaya membentangkan Bajet ini pada tahun ini. Di mana kalau kita lihat ia merupakan satu Bajet yang pastinya 'Bajet Dari Rakyat Untuk Rakyat'.

Alhamdulillah, di atas kejayaan dan juga keupayaan Kerajaan Negeri di mana kalau kita lihat Bajet ini adalah merupakan Bajet yang realiti yang bukan Bajet Khayalan dan juga Bajet Angan-angan Mat Jenin macam tahun-tahun zaman demē mulalah. Ini telah terbukti

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Di Pertua – Zaman demē itu zaman siapa tu?

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Zaman dua-tiga orang inilah (Dewan Gelak) Ini terbukti setelah hampir 2 tahun kita memerintah Terengganu boleh dikatakan semua yang telah kita janjikan telahpun dilaksanakan. Pendek kata takdok benda dah yang tidak kita buat lagi dan mungkin lebih banyak lagilah yang kita tidak janjipun kita buat, insyaAllah. Dan difahamkan juga Negeri Terengganu merupakan di antara negeri yang tertinggi jumlah Bajet yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya pada hari ini rasanya tak mahu pergi dalam skop yang lebih luas kerana saya yakin dan percaya perkara ini telahpun kita semua fahami dan telah diterangkan dengan panjang lebar dalam Ucapan Bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Jadi hari ini rasanya eloklah saya fokuskan ucapan saya ini ke daerah sayalah Daerah Hulu Terengganu dan khususnya di DUN Kuala Berang. Jadi melihat kepada Bajet semalam saya yakin dan percaya sebenarnya boleh kita lihat kembali kerana saya dapati kalau mengikut buku Bajet ini, saya tengok-tengok dalam ini untuk pembangunan yang berjumlah RM789 juta yang dikemukakan itu saya tengok-tengok tak lebih dari RM20 juta sahaja yang benar-benar untuk Hulu Terengganu. Di mana dalam erti kata 0.025 persen saja. Jadi bukan saya bermaksud untuk tidak menyokong tapi saya sebenarnya menyokong penuh Bajet ini tapi saya mahu kalau boleh dibuat penilaian kembali oleh Kerajaan pada masa ini dan juga pada tahun-tahun yang akan datang kerana kami kalau boleh mahu juga keadilan dan juga keseimbangan dalam agihan Bajet daripada Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru juga hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup luar bandar dan juga membasmikan kemiskinan.

Dato' Yang Di Pertua, Hulu Terengganu khususnya di Kuala Berang adalah merupakan bandar utama dan juga pusat pentadbiran bagi Kerajaan Tempatan atau bandar segala urusan berkaitan dengan Kerajaan serta urusan kewangan dan lain-lain, mungkin boleh diringkaskan dengan urusan manusia. Sebenarnya masih jauh tertinggal, sayu juga rasa hati saya selaku Wakil Rakyat dan juga hati rakyat kebanyakannya juga akan sayu melihat corak perubahan dan pembangunan yang tidak setanding kepesatannya. Kami tidak memiliki sebarang kilang yang dapat menjana peluang pekerjaan kepada rakyat. Pasaraya jauh sekali, unit pekedaian yang disediakan masih terlalu sedikit, bangunan-bangunan Kerajaan jauh ketinggalan dan terlalu usang, contohnya bangunan Pejabat Polis, Pejabat Pertanian, Kebajikan Masyarakat, Pejabat Pendaftaran Negara termasuk Mahkamah Syariah. Dan juga dalam Bajet ini kita bersyukurlah ada juga diluluskan untuk pembinaan bangunan Pejabat Agama jikalau kita bandingkan dengan tiga daerah lain, Hulu Terengganu RM800,000 orang lain RM2 juta. Jadi apa yang ingin saya utarakan di sini ialah supaya kami orang-orang Hulu tak meleleh air liur sajalah.

Dato' Yang Di Pertua, di Hulu Terengganu kalau kita lihat hari ini adalah merupakan sebahagian dari tempat yang sangat sesuai untuk menjadi pusat destinasi pelancongan

yang mungkin boleh diperhebatkan lagi kerana di samping kita mempunyai tasik kita juga mempunyai sungai-sungai yang indah sebagaimana mungkin yang diwar-warkan Hulu Terengganu juga ada lembah semacam Lembah Amazon. Jadi sehubungan dengan itu kita sangat-sangat berharaplah supaya banyak perkara-perkara yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan bahawa dengan adanya kegiatan-kegiatan yang berasaskan pelancongan maka kita dapat mempergiatkan lagi kegiatan ekonomi bagi penduduk-penduduk di Hulu Terengganu. Dato' Yang Di Pertua, Hulu Terengganu dari sudut sejarahnya sehingga kini masih tanpa segan-silu mengekalkan budaya pertanian sebagai amalan dan juga pendapatan harian bagi majoriti penduduknya. Namun yang sering menjadi persoalan saya mengapa dan kenapa penduduknya untuk terus mengekalkan amalan pertanian sara diri. Apakah mereka ini merasakan satu keseronokan atau tidak berdaya menentang kehendak takdir. Faktanya jelas ialah sekitar 50,040 hektar ataupun 12.9 peratus dari keseluruhan kawasan tanah pertanian Hulu Terengganu telah dimajukan untuk sektor tani. Pada dasarnya jumlah keluasan ini terlalu rendah sekiranya diambil kira dari jumlah keseluruhan kawasan Hulu Terengganu yang menjangkau 385,454 hektar. Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah merancang dan beriltizam menjadikan sektor pertanian sebagai sektor penting dalam pembangunan negara. Maka saya sekali lagi sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana semalam kita telah diperdengarkan bahawa sebanyak RM114 juta telah diperuntukkan untuk sektor ini dan juga tambahan pula lebih kurang RM2.8 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat mulai tahun depan. Ini adalah merupakan satu hasrat yang bertepatan dengan kehendak serta hasrat pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Ini semua adalah untuk melihat para petani atau semua rakyat yang terlibat dengan aktiviti tani turut merasai agihan perkembangan ekonomi yang setara dengan masyarakat yang terlibat dengan sektor lain. Sokongan berterusan dari Kerajaan perlu bagi merealisasikan sektor ini. Jadi saya anggap Bajet RM114 juta ini oleh Kerajaan Negeri mungkin menjadi angka permulaan sebelum wujudnya, tambahan angka-angka lain bagi menyokong hasrat ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Hulu Terengganu sebagaimana yang kita tahu sejak dahulu adalah antara lembah pertanian yang penting bagi Negeri Terengganu yang terkenal dengan kawasan pertanian padi, pertanian jagung, tanaman durian, langsung, rambutan, duku, limau langkat, limau madu, duku-dokong, manggis, salak dan bermacam-macam lagi. Pernahkah kita terfikir adakah hasil tanaman tersebut dapat mereka golongan petani dan penanam ini merasa tuaian hasil tanaman mereka sepanjang tahun. Adalah amat malang atas rezeki Tuhan yang semakin berganda semenjak kebelakangan ini mungkin petanda restu atas Kerajaan Barisan Nasional hasil tuaian mereka berganda tetapi nilai wang semakin susut dan berkurang disebabkan nilai harganya semakin jatuh akibat lebihan pengeluaran. Apakah yang telah berlaku cukupkah sekadar kita berkata ruginya mereka atau kita hanya mampu bersimpati, berpeluk tubuh atau melihat sahaja kehampaan mereka. Hari ini mereka telah jatuh, perlukah mereka terus rebah ke bumi dan kita terus melihat dan melihat. Jadi kita memerlukan satu strategi yang betul agar Kerajaan mencapai kejayaan. Senario yang saya ingin paparkan mungkin hanya sebahagian daripada penderitaan mereka. Disebabkan itu saya selaku Wakil Rakyat Kawasan Kuala Berang meminta Kerajaan supaya melihat beberapa pengesyoran saya sebagaimana berikut supaya dapat dipertimbangkan dalam memastikan kejayaan berganda kepada petani-petani. Projek-projek Berkelompok atau usaha-usaha kecilan

petani wajar segera ditransformasikan kepada sistem pengurusan tanaman secara sistem berpusat. Ini mungkin dapat dilaksanakan dengan penubuhan syarikat-syarikat, ini diyakini dapat mengatur langkah pengurusan tanaman yang lebih berkesan. Syarikat pula bukan sekadar bertindak sebagai pemodal tetapi dapat bertindak sebagai penentu piawai atau menentukan sistem kawalan kualiti. Secara tidak langsung pula petani kecil akan bertindak sebagai sebahagian pemegang syer syarikat dan boleh juga menjadi sebahagian kerja di dalam syarikat. Syarikat dapat bertindak sebagai payung, badan utama kepada aktiviti hiliran yang bersesuaian dan ini mungkin dapat menyokong beberapa program-program yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri masa kini. Petani-petani kecil ini tidak perlu lagi memikirkan soal pengumpulan, tidak perlu lagi memikirkan soal pemprosesan dan tidak perlu memikirkan soal pemasaran kerana sudah wujud pihak-pihak yang bertindak sebagai agen mereka. Dalam masa yang sama kita melihat kewujudan satu-satu pihak yang bertindak sebagai badan pengawal akan dapat mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi satu-satu kawasan. Jadi disyorkan juga agar satu Lembaga Kemajuan Pertanian ataupun Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri bagi sesuatu daerah segera diwujudkan. Badan atau lembaga ini dapat diberikan amanah untuk melaksanakan tugas-tugas merangka, menyelaras dan mengawal semua program dan aktiviti pertanian. Ini bukan bermakna ketidakmampuan Jabatan Pertanian atau badan-badan yang diamanahkan bagi menyelia tugas ini. Tetapi kita tidak boleh membiarkan pegawai dan kakitangan sahaja melakukannya kerana perubahan secara drastik tidak berlaku. Kita perlukan transformasi segera, jangan bertanggung lagi kerana yang merasa akibat kelewatan keputusan kita adalah rakyat-rakyat kampung yang memberi undi kepada kita atas dasar keyakinan kita boleh merubah mereka dan boleh membawa cahaya, harapan kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hari ini gah seluruh negara malah sudah ke luar negara kita mempromosikan makanan tradisi Terengganu, antaranya ingin saya sebutkan di sini sebagai contoh iaitu T'Dagang dan T'Lekor. Marilah kita sama-sama mengemblengkan tenaga, buah fikiran, menjana minda mewujudkan lebih banyak 'T' lagi bagi membantu rakyat di negeri ini. Di Hulu Terengganu mungkin boleh diwujudkan berbagai 'T' daripada produk pertanian tempatan seumpamanya T'Jagung, T'Ubi Torok (Dewan Gelak)..... Tahu ubi torok? T'Ubi Kayu, T'Pisang, T'Empeng, T'Petai, T'Jering (dalam loghat Hulu Terengganu) (Dewan Gelak) dia orang ulu jugak, dok mengaku ulu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, ucapan ditujukan kepada Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bagi Hulu Terengganu makanan tradisi ini ada kaitan dengan kegiatan pertanian maka sewajarnya kegiatan ini segera dimartabatkan pelaksanaan sebuah lembaga ala Ketengah, Ketara, Kemubu adalah langkah yang perlu disegerakan. Kita tidak boleh menoleh ke belakang lagi. Pada masa ini terdapat kira-kira 1,061 hektar tanah terbiar di Hulu Terengganu. Kerajaan perlu lebih agresif kerana angka ini akan semakin bertambah kerana pertanian bukan impian kerjaya anak-anak muda sekarang. Kerajaan perlu segera mengadakan dan membangunkan industri berasaskan bahan-bahan pertanian, industri asas tani mungkin ianya boleh dibangunkan secara bersepadu di mana hasil pertanian dan industri hilirannya disepadukan. Aktiviti hiliran ini akan memberikan nilai tambah bagi menceriaikan

kehidupan golongan petani. Dedahkan golongan petani miskin ini dengan penggunaan teknologi ICT, penggunaan bio-teknologi dan R&D. Sokongan berterusan rakyat sewajarnya disokong dengan pertumbuhan setempat yang menjadi pemangkin kepada kewujudan pekan-pekan atau bandar-bandar baru pada masa depan. Kewujudan pusat-pusat pertumbuhan baru di kawasan pedalaman ini akan menyediakan ruang pasaran kepada para penduduk bagi menjadi tempat pengumpulan dan pemasaran produk pertanian mereka. Hulu Terengganu khususnya, pusat pertumbuhan baru mungkin boleh didirikan di Kuala Ping, Kuala Telemong, Persimpangan Kampung Pelai dan Menerong. Kalau tidak mampu menyediakan kemudahan dan segala pra-sarana yang perlu dalam jangka masa waktu yang singkat maka saya suka mencadangkan agar dilaksanakan secara berkala atau sedikit demi sedikit.

Akhir kata sebagai peringatan dan sebagai imbasan sejarah tahun 1970an, jangan pisang berbuah dua kali ingin saya kongsi sejarah atas kesilapan yang berlaku di zaman pemerintahan Pas baru-baru ini kerana kita sebenarnya Hulu Terengganu sangat memerlukan satu perubahan yang lebih ketara kerana di zaman Kerajaan Pas memerintahpun Daerah Hulu Terengganu kurang diberi perhatian kerana kononnya Hulu Terengganu telah dimenangi dua kerusinya oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi atas alasan itu kita sangat berharaplah kepada pihak Kerajaan supaya selepas ini dan mungkin seterusnya akan lebih memfokuskan penumpuannya kepada Daerah Hulu Terengganu demi pembangunan yang seimbang dengan daerah-daerah yang lain. Dengan itu, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya terlebih dahulu ingin memohon ampun dan maaf dari hujung kaki sampai ke hujung rambut bagi yang ada rambut, ... (Dewan Gelak) yang tiada rambut sampai ke hujung kepala. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para-para Pemerhati.

Pertama-tama saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi peluang kepada saya walaupun masa yang agak terbatas untuk saya sama-sama memberikan pandangan dalam membahaskan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam. Bila saya teliti Bajet yang dibentangkan dan saya tidaklah akan bercakap seperti mana rakan-rakan saya, kawan-kawan daripada anggota Parti Kerajaan yang memang bercakap daripada dulu puji pimpinan, minta projek, lepas itu kutuk ke Pas, gomol ke Pas itu perkara biasalah, wirid dia. Saya nak sebut dalam perspektif yang agak berbeza bila saya teliti Bajet yang dibentangkan jelas menunjukkan tidak kemampuan Kerajaan Negeri untuk menjana Hasil Negeri. Saya teliti Bajet, anggaran Hasil Tahun 2006 Carta 2, Anggaran Hasil Tahun 2006 Carta 2 -- Hasil Cukai RM41.64 juta (2.68 %), Hasil Bukan Cukai RM97.63 juta (6.30 %), jumlahnya RM139.26 juta yang menjadi campurnya 8.98 peratus, tak sampai 9 peratus Hasil yang diusahakan oleh negeri yang lainnya ialah

Terimaan Bukan Hasil RM1.41 bilion termasuklah Dana Khas yang jumlah besarnya Hasil yang dicadangkan di dalam Bajet 2006 inilah sebanyak RM1.55 bilion. Saya perhatikan juga Anggaran Perbelanjaan Mengurus Carta 3 – Emolumen RM194.518 juta (12.55 %), kalau diperhatikan pendapatan Hasil daripada usaha Kerajaan Negeri, nak bayar gaji pun tak cukup kalau tidak dapat sumber/bantuan daripada Kerajaan Pusat, 12.55 peratus daripada Anggaran Bajet tapi Hasil tak sampai 9 peratus, 8.98 peratus. Itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dulu apabila hendak mengenakan semula Cukai Pintu Rumah Kediaman kepada rakyat Terengganu, saya teringat saranan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sendiri yang menyatakan kena ubah *mentality*, pemikiran di kalangan rakyat. Tadi beberapa orang Ahli-ahli Dewan menyatakan payahnya nak ubah sikap, kena ubah *mentality*, pemikiran rakyat, di kalangan rakyat supaya jangan ada lagi *mentality* subsidi ini di kalangan rakyat. Kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya ingat lagi 'Rakyat kena bayar cukai jangan nak *free* saja, kena bantu Kerajaan untuk sama-sama bangunkan negeri'. Tapi hakikatnya memandangkan Bajet yang dikemukakan pemikiran Kerajaan sendiri yang bermentalitikan subsidi. Pemimpin yang ada sekarang ini tak dapat nak fikir usaha nak tambah Hasil Negeri. Kalau dengan kadar hak ada dah ini nak bayar gaji pun tak cukup saya rasa inilah menunjukkan Bajet yang dibentangkan ini jelas tidak menunjukkan kecekapan, kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mencari dan mempertingkatkan Hasil Negeri. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalaulah keadaan ini berterusan maka kita boleh terima kebenaran kenyataan yang pernah dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan yang jugak Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri Terengganu yang menyatakan bahawa Negeri Terengganu di ambang muflis, ambang bangkrap, walaupun dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam persidangan yang sebelum daripada ini.

Kami dari Parti Pembangkang, kita mengalu-alukan bantuan daripada Kerajaan Pusat dan memang Kerajaan Pusat berkewajipan untuk membantu negeri-negeri dalam Sistem Federalisme yang ada sekarang kerana cukai diambil daripada semua rakyat dan beberapa bantuan dalam bentuk Geran yang diberi balik kepada Kerajaan Negeri. Tetapi kita juga meminta Kerajaan Negeri agar berusaha untuk dapat balik usaha untuk kembalikan semula royalti petroleum yang negeri ini pernah nikmati selama 22½ tahun berjumlah RM7.2 bilion. Kita pernah nikmati dulu sepatutnya tidak ada masalah kerana parti yang memerintah sekarang ini sama partinya yang memerintah di Kerajaan Pusat. Dan, kalau royalti kita dapat balik Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan dan rakyat Terengganu akan dapat lebih daripada RM2 bilion kerana harga minyak mentah dunia sekarang ini baru-baru ini mencecah sampai *US70 dollar* satu tong. Tapi oleh kerana Umno Terengganu khianat waktu kita memerintah kerja khianat yang mereka lakukan royalti dirompak, rampas waktu kita memerintah tapi kita

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya minta penjelasan – Apakah yang dimaksudkan dengan dirompak itu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Rompak itu, orang ambillah. Benda hak ada jadi takdok. Siang-siang hari dirompak.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Macam mana Umno boleh merompak? Umno tidak ada kuasa untuk merompak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia tak reti lagi antara parti dengan Kerajaan, parti yang memerintah.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Tadi kata Umno yang khianat. Macam mana Umno mengkhianat, Umno tak memerintah

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Memang Umno Terengganu yang khianat, dia sebut dalam Mesyuarat Agung Umno, sebut secara khusus di kalangan pemimpin Umno Terengganu yang minta supaya dikenakan tindakan

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Siapa sebut?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pemimpin, wakil yang bercakap bagi pihak Umno Negeri Terengganu dalam Perhimpunan Umno Terengganu

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Siapa dia yang sebut?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, saya tak mboh layan nak sebut-sebut nama ini. Saya ada masa yang terbatas. Jangan, biar kita *fair*, saya tak ganggu orang-orang lain bercakap.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Sebab ini tuduhan yang melulu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan soal tuduhan, ini faktanya

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Apa faktanya, faktanya

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Umno Terengganu bersubahat untuk rompak hasil masyhul Negeri Terengganu

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Faktanya Kerajaan Persekutuan memberi/menghulur kepada Sekolah-sekolah Agama

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita tak kisah kita dirompak waktu kita memerintah tapi sekarang ini kita meminta Kerajaan yang ada sekarang ini untuk dapatkan balik royalti itu, demi untuk kebaikan Kerajaan dan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Biar usaha dapat balik supaya faedahnya dapat kepada rakyat Negeri Terengganu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya mintak laluan Dato' Yang Di Pertua. Dato' Yang Di Pertua, kita patut menghormati Dewan kalau nak marah sekalipun jangan tumbuk meja, tak molek sangat ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya terima teguran kawan saya ini, hari ini dia berhalus molek tak macam dulu. Dulu dia kata maki-hamun ke saya sampai ajak bergocoh, saya terik ini saya cabar kalau dia ajak gocoh saya lak sungguh.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, betul ke tidak dia ajak gocoh ni. Hai! Nak provok jugak ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah! Orang kenal belakakan Dato', Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sama-sama kita ni, Allah! Jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan yang ada ini usaha dapat balik royalti. Kalau lambat sangat kes nak bicara di mahkamah, biar selesai di luar mahkamahpun tak apa. Apa carapun biar dapat balik, *settle out of court*, dengan izin Dato' Yang Di Pertua supaya hasil ini kita dapat balik, royalti ini seperti mana Sabah dan Sarawak nikmati sekarang ini secara berterusan dan berkekalan, insyaAllah. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam keadaan Hasil Negeri banyak bergantung kepada bantuan Pusat dan kadar kemiskinan masih tinggi dan makin tinggi. Kadar pengangguran makin bertambah, Kerajaan Negeri pada pandangan saya masih lagi tidak ada kesungguhan dan mentadbir tidak mengikut *priority* untuk menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat. Saya masih ingat lagi waktu Pas, Parti Barisan Alternatif pimpinan Pas ditakdirkan mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 1999, kita waktu itu menerima pesaka peratusan kemiskinan di Terengganu sebanyak 13 peratus. Tapi kita memerintah 4 tahun dengan kadar kena rompak royalti dan dalam keadaan kesusahan kita, kita pisah juga tapi kita berjaya turun kadar kemiskinan daripada 13 peratus menjadi 10.6 peratus. Dan, saya terkejut bila membaca laporan *Economic Planning Unit*, Jabatan Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini, Terengganu kadar kemiskinan naik kembali kepada 16 peratus.....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Di Pertua, saya minta penjelasan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Saya minta penjelasan, Dato' Yang Di Pertua – Wakil dari Wakaf Mempelam membawa dua statistik yang berbeza, satu statistik daripada UPEN, satu statistik daripada Kuala Lumpur macam mana nak *match*. Kalau nak buat satu sumber, satu sumber sahaja dia tak boleh, sebab cara pengiraan statistik berbeza. Jadi sebab itulah tidak boleh *compare orange* dengan *apple*. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa itu pandangan masing-masing. Saya sebut ini, fakta ni tepat. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tadi Kerajaan dalam jawapan menyatakan bahawa Kerajaan sendiri akui bahawa tidak ada angka tepat jumlah keluarga miskin di Negeri Terengganu, tidak ada angka tepat. Tapi di dalam Buku Bajet muka surat 18

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Dalam buku Bajet ke dalam Ucapan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dalam Ucapan Bajet, minta maaf sebab pegang buku, jadi saya sebut bukulah. Jadi Ucapan Bajet Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di muka surat 18 dengan izin, menyatakan bahawa terdapat 26,000 keluarga di negeri ini masih berada di bawah paras kemiskinan dan seramai 19,000 dalam kategori termiskin. Paras kemiskinan yang masih tinggi dan disambung lagi dikatakan program dalam menangani isu kemiskinan ini, berbagai aktiviti yang digembelngkan bersama Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri macam-macam. Penyampaian sumber ekonomi yang merangkumi tanah, modal, teknologi, jentera termasuk bantuan pendidikan, pinjaman-pinjaman pendidikan, biasiswa dan sebagainya.

Saya ingin nak rujukkan Soalan Lisan saya semalam yang tak sempat dijawab, saya tak tahu macam mana giliran saya jadi terlangkah tapi pagi ini ada terima jawapan lisan secara bertulis bila soalan saya kemukakan – Berapa pelajar negeri ini mendapat tajaan Yayasan Terengganu untuk belajar di Kolej UUM dulu dikenali sebagai Kolej Yayasan Saad di Lembah Beringin. Yayasan Terengganu, jawapan yang diberikan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, menaja seramai 9 orang pelajar Terengganu di Kolej UUM untuk mengikuti pengajian 'A' Level. Mereka terdiri daripada 6 lelaki dan 3 pelajar perempuan. Saya tanya soalan ini dalam keadaan kata kita nak tolong rakyat miskin, bantu, beri termasuklah biasiswa dan sebagainya. Saya mendapat maklumat ada 2 orang pelajar daripada 9 yang diberi jawapan ini ialah anak kepada 2 orang Exco yang dapat biasiswa RM20,000 setahun. Kita hak cakra rakyat, berilah peluang kepada rakyat dulu yang sama-sama cemerlang belaka tapi anak 2 orang Exco ciberi keutamaan. Jadi itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau kita kata 'Bajet dari rakyat untuk rakyat' saya takut jadi bertukar 'dari rakyat untuk Wakil Rakyat hak jadi Exco'.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang terhormat Dato' Yang Di Pertua laluan - Rasanya adalah lebih baik biasiswa kerana yang dapat ini adalah anak-anak mereka yang layak berbanding dengan apa yang dibuat oleh zaman Pas mula-mula

duit zakat diberi kepada anak Exco, ini adalah lebih teruk daripada duit biasiswa diberi kepada anak Exco saya rasa tak ada masalah. Sebab zakat ini telah tercatat dalam Quran, golongan-golongan yang layak terima zakat. Jadi cuba bandingkan dua perkara tersebut, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Zakat ini dia ada asnaf, hak layak mengaji agama tak berapa sen boleh sikit seorang ini RM20,000 setahun. Allahuakbar, jadi

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, bukan masalah tak berapa sen, ini masalah prinsip

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Masalah hukum, bukan masalah prinsip tapi hukum.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hukumlah ni

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hukum guana anak Exco boleh zakat? Yang Berhormat bergaji RM2 – 13,000 boleh zakat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Dewan dulu dah dua-tiga kali dah kita jawab tapi bangsa degil tak reti jugak kita ajar. Itu *asnafisabilillah*, orang menuntut ilmu ini *fisabilillah* hak dia bukan hak ayah dia, ini mengaji agama secara mentah-masak ini Islam Hadhari tak berjurus ni.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah! Ketua Dewan Ulama kena banyak sabar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masa saya agak terbatas jadi saya nak habiskan ucapan saya. Jadi ada jugak satu lagi soalan saya pagi ini pasal tak sempat, soalan saya tak sempat belaka berhubung dengan meluluskan Rancangan Tanah Pertanian kepada pegawai kerajaan. Saya sendiri dan kawan-kawan memang kita tak ada masalah untuk Kerajaan mengadakan Rancangan Tanah Pertanian ke, lot perumahan ke untuk pegawai kerana kita menghargai jasa pegawai khidmat, bakti yang diberikan untuk sama-sama menyumbang ke arah pembangunan negeri. Tapi apa yang saya nak sebut ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan tindakan Kerajaan rampas tanah yang pernah Pas berikan kepada rakyat sehingga sekarang ini rakyat telah ambil tindakan untuk saman Kerajaan berhubung dengan tanah-tanah yang dirampas dan juga rumah-rumah yang dirobokkan. Dan, saya nak rujuk jugak soalan sahabat saya, soalan lisan daripada Kuala Besut yang menyatakan secara khusus soalan dia menggambarkan soal nelayan yang tidak bertanah, tumpang tanah orang, teroka tanah Kerajaan secara haram, menggambarkan kemiskinan yang berlaku. Bila kita nak selesaikan, dulu kita bagi tanah kepada rakyat maka itulah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan baru. Ini yang saya nak sebut ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mesra rakyat yang kita nak tunjukkan tapi menggambarkan sifat *double standard* yang ditunjukkan oleh Kerajaan. Soalan saya

berhubung dengan kes tanah-tanah pengusaha-pengusaha pelancongan di Pulau Redang yang jelas melanggar syarat kelulusan tanah, tidak tukar syarat, LMS tamat tempoh tidak diperbaharui, bina bangunan atas tanah Kerajaan. Kelmarin Exco Pelancongan kata, 'akan kaji dulu, tengok dulu' baru nak ambil tindakan, bukan main berhalus bercakap, hak Kerajaan kalau hak rakyat biasa hak miskin baham begitu saja. Itulah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, 'mesra rakyat'. Soalan Lisan Rhu Rendang begitu juga, yang saya tolong jawab dan saya tolong tanya berhubung dengan Loji Rawatan Air di Seberang Gaung, Mukim Kuala Berang. Scalan yang sama dikemukakan oleh sahabat saya ni, Kuala Berang 'jagung', bercakap hal jagung, hal T'torok tak torok, macam-macam tadi. Soalan nombor 3 dia, Soalan Bertulis yang berhubung dengan projek-projek pembangunan Kerajaan yang dilaksanakan tanpa terlebih dahulu menyelesaikan bayaran pampasan kepada tuan-tuan tanah juga ditolak. Jadi saya kesalnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila Exco beri jawapan alasan tindakan itu diambil masuk pakai ikut dang begitu kerana ramai yang mengadu masalah bekalan air Hulu Terengganu terpaksa buat tindakan tertentu demi untuk kepentingan awam. Sanggup cabuli hak rakyat, zalimi tuan-tuan tanah 82 orang tuan tanah dengan keluasan 18.2065 hektar. Semalam Wakil Ajil pulak sebut dia kata zaman Pas, betul tiga minggu sebelum pilihan raya, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lepas itu pulak dia kata itu projek SATU takkan Kerajaan Pas tak tahu, bukan projek SATU itu projek Kerajaan Pusat, saya sebagai bekas Ahli Lembaga Pengarah SATU, itu projek Pusat.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia buat lepas itu bila siap serah kepada SATU tapi itu bukan projek SATU. Dato' Yang Di Pertua, saya ada lima minit lagi, saya ada beberapa perkara lagi, sabar-sabar lepas ini boleh jawab.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bagi laluan, dulu supaya senang, bagi laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): 82 orang yang dikatakan dirampas oleh Kerajaan tanah-tanah mereka itu, adakah mereka ini tidak mendapat apa-apa pampasan? Adakah Kerajaan sekadar ambil begitu saja ataupun ada pampasan dan kalau tak berpuas hati Dato' Yang Di Pertua, kita ada mahkamah bawalah ke mahkamah bukan menjadikan Dewan ini sekadar modal untuk berpolitik, kita ada duit jutaan ringgit lagi tunggu untuk bayar dengan duit-duit ini, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pampasan itu hal lain ini maruah, soal tanah orang, mari rintah *tresspassing* begitu saja. Saya teringat apa yang berlaku

waktu kita memerintah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini kerja jenis-jenis perompak belaka ni bukan main dulu masa isu sekolah dulu tuduh Kerajaan Negeri pimpinan Pas tak beri kerjasama masuk tanah Kerajaan, masuk tanah hak milik orang untuk buat projek tanpa apa-apa kebenaran, nak kejar kepada kontrak. Saya tanya soalan saya tetapi ditolak berapa sekolah yang dibina, jumlah sekolah yang begitu banyak di Negeri Terengganu ni yang anak muridnya tak sampai 150 orang, tolak soalan itu dan hak saya tahu 44 buah sekolah di Negeri Terengganu, anak murid/pelajar tak sampai 150 orang. Hebatnya Terengganu dari segi pembangunan, kejar kepada kontrak kerja macam perompak dulu Yahudi, saya minta maaf Dato' Yang Di Pertua, ini mesra rakyat yang ditunjukkan oleh Kerajaan yang ada sekarang ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, siapa yang bekerja macam perompak tu? Jadi saya rasa perkataan-perkataan yang diguna yang tidak jelas, takdok asas itu jadi gunalah Tertib Pekerjaan Dewan ini biarlah sempurna sebelum saya buat teguran kepada Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi saya nak uruskan sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua berhubung dengan Bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di muka surat 2, yang menyebut bahawa kita kena buat persiapan, dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, " untuk menghadapi masa depan yang tidak menentu. Kalau kita gagal merancang, kita sebenarnya merancang kegagalan kita", *if we fail to plan, we plan to fail* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Saya nak tanya Kerajaan Negeri adakah penganjuran Monsoon Cup yang belanja berjuta ringgit dirancang dengan rapi? Anjur Perlumbaan Kapal Layar yang pesertanya tidak ada seorangpun rakyat tempatan, hadiahnya RM400,000 hanya semata-mata untuk dapat *glamour* dan nama, jauh sekali apa yang dikatakan dari rakyat untuk rakyat. Saya tak tahu apa manfaat secara langsung yang rakyat dapat Kerajaan anjur Sukan Kapal Layar Monsoon Cup atas alasan untuk memanfaatkan musim tengkujuh untuk tarik pelancong. Saya terbaca dalam Warta Hadhari yang keluaran Bilangan 10, dia sebut Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tajuk dia 'Terengganu Global', dengan izin Dato' Yang Di Pertua, saya baca, "12 pasukan Kapal Layar dengan 6 tempat lagi masih terbuka akan bersaing dalam merebut hadiah wang tunai RM400,000 dalam format satu lawan satu yang menjadi lambang kehebatan Sukan Kapal Layar Dunia yang akan diadakan di Pulau Duyong merentasi Laut Cina Selatan ke Pulau Kapas, asalnya nak pergi pulau akhirnya main saja dalam sungai. Angin takdok sampai terpaksa tangguh, takdok berangin, dengar kata sembahyang hajat, panggil Tok Bomoh suruh mari angin, mari ribut, ya Allah! Apa perancangan

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul ke tu Yang Di Pertua? Tak betul tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu, nak habis masa dah ni ...

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cakap pelawok sokmo ni, Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah! Jawablah sikit lagi pelawok tak pelawokpun. Orang tahu belaka apa yang berlaku dalam Negeri Terengganu ni. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, takdok *thrill* langsung, takdok sambutan sudahlah tiket RM500, RM200, RM100, RM50, orang kampungpun kena RM3. Lepas itu bagi baju hujan hak nipis melayang, suruh pakai waktu musim panas, hujanpun tak, Allah ya Allah! Tapi nak suruh orang mari ramai dianjurkan macam-macam acara sampingan *Gold Cup, Exotic Car Display, Silat Festival, Konsert Mawi*, tadi Exco Hadhari mintak Siti Nurhaliza, *Lucky Draw, Futsal, Mini Bike* dengan izin Dato' Yang Di Pertua, *Terengganu Culture Heritage Festival*. Bila saya kemukakan soalan bertulis pihak Kerajaan jawab belanja hanya RM14 juta tapi kos sebenar pembangunan infrastruktur Monsoon Cup tidak dapat ditentukan lagi, saya tengok t.v. jelas dikatakan RM220 juta, tak tahulah pasang khemah saja RM1 juta, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi inilah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ramai yang tak berpuas hati saya dengar sungutan wakil daripada Persatuan Pelancongan Terengganu merungut tak puas hati cara pengurusan dibuat tak profesional langsung. Kontraktor tempatanpun tak berpuas hati tak dapat apa, pasang paip boleh ke orang, pasang itu boleh ke orang, pasang ini boleh ke orang, sampai catering makananpun boleh ke orang luar. Bila bersungut, saya dapat maklumat Exco Pelancongan sebut dia kata 'Tahun ini pasal kita nak kejayaan, biarlah beri ke orang luar dulu, tahun depan kita beri ke orang Terengganu pulaklah'. Allah jawab hak itu setakat mana T'Lekor, 'T' apa benda lagi tak tahulah. Jadi seolah memperlekehkan keupayaan rakyat Terengganu sendiri, dah-lah main hak dalam sungai takdok berangin begitu. Yang jelasnya yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dapat keuntungan hanyalah seorang-dua di kalangan individu, hanya seorang-dua yang mendapat faedah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu lagi yang saya tersentuh dalam membahaskan Bajet terpaksa kaitkan dengan soalan-soalan, banyak soalan saya kena tolak berhubung dengan kos untuk membangunkan Pulau Wan Man dan apakah pulangan kepada Kerajaan Negeri juga ditolak. Saya bab ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya memohon pihak Kerajaan yang sekarang ini dikatakan banyak duit beri penjelasan sama ada projek ini telah diluluskan kepada mana-mana pemaju? Saya difahamkan kerana cadangan asal projek ini hendak diadakan secara *Turn-key* tetapi telah ditukar menjadi JV (joint venture) dengan izin, dengan nilai RM200 juta. Saya bimbang Dato' Yang Di Pertua, kalaulah pemaju akan cagar Pulau Wan Man ini seperti mana berlaku dalam kes Kompleks Paya Bunga Plaza, ini saya rujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh Wakil Alur Limbat. Jawapan yang diberi, jawapan bertulis, Wakil Alur Limbat tanya soal perkembangan Kompleks Paya Bunga Plaza yang memang kompleks ini dimulai zaman Tan Sri Dato' Wan Mokhtar, Menteri Besar dulu. Tanah milik SEDC dia serah kepada ABI Construction untuk dibangunkan, cagar caj yang pertama digadai oleh kontraktor untuk buat pinjaman cagar ke bank untuk dapat *working capital*, ini untuk dapat modal kerja tapi terbengkalai. Lepas itu cagar kali kedua untuk dapat modal, berhutang kali kedua untuk bayar hutang. Lepas itu kali ketiga cagar sekali lagi. Saya difahamkan pihak SEDCpun pada peringkat awal tak berapa nak *sign* tapi terpaksa tandatangani kerana atas desakan Kerajaan Negeri untuk menyiapkan projek itu yang telah lama terbengkalai, akhirnya *sign* dan pihak bank sekarang ini telahpun ambil alih dan lantik kontraktor baru untuk siapkan projek yang jadi masalah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sikit lagi walaupun siap projek tapi

kepentingan SEDC dah takdok apa-apa dah oleh kerana sekarang ini liabiliti telah melebihi aset, tiga kali cagar. Itulah saya nak beri peringatan, kita nak membangunkan negeri, macam Pulau Wan Man bimbang takutnya cagar pulau sebutir habis begitu saja. Apa kepentingan kepada negeri, kepada rakyat nak buat masjid takkan pulak sikit lagi nak dapat hasil nak pergi masjidpun kena kutip tol jugak?

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang akhir sekali, saya nak dua minit lagi tentang membahaskan ucapan ini ialah tentang apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi penghargaan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan. Kami sendiripun menghargai jasa pegawai yang tidak berbelah bagi waktu kami memerintah dan waktu kami jadi Pembangkang, pegawai sama digunakan. Mereka berkhidmat, bekerja dengan cukup tekun, dedikasi untuk sama-sama membangun dan memajukan negeri. Tetapi di dalam kerajaan BN yang ada sekarang ini, kata mesra pegawai, mesra rakyat ada pegawai yang ditekan, yang didera. Dalam Persidangan yang lepas saya kemukakan soalan berhubung dengan status jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas-Tugas Khas) tapi ditolak. Saya sebutkan perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kerana saya nak timbulkan cara menganyianya, mendera di kalangan pegawai yang sepatutnya tidak berlaku. Kronologinya bermula sejak BN ambil alih bila kita kalah dalam pilihan raya pada April 2004 mula-mula nak tukar Pesuruhjaya pada waktu itu Pesuruhjaya Jabatan Hal Ehwal Agama kepada Pegawai Tambahsentara Pejabat SUK tapi

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan. Mintak laluan, penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, nak suruh perhabis ke nak beri laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sekejap deh. Zaman Barisan pegawai kena dera, saya takmboh tanya banyak nak tanya Wakil Rakyat Kawasan Sura masa zaman Pas jadi guana? Cuba jawab gok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia Pegawai Agama Daerah pada waktu itu. Biasalah pertukaran biasa

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi saya nak sebut ni, kes berlaku hak dera ni Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya minta penjelasan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta dari sanalah, sila-sila.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Saya sebenarnya tidak berminat bercakap dengan perompak macam ini tapi oleh kerana ditanya saya masih ingat lagi zaman dahulu saya pernah tanya dengan bekas Exco, katanya bukan didera tetapi dijeruk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jeruk boleh tahan lagi, kohor sedap pada sesetengah orang, kalau orang perempuan tanya hak jeruk ni, nak hak jeruk daripada tak jeruk (Dewan Gelak) Sedap Dato' Yang Di Pertua. Ini hak dera ini berat, berat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Pergi hak akhir Yang Berhormat, pergi hak akhir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang akhir, yang akhir saya nak perhabis hak yang mana? Saya nak sebutnya Oktober tahun 2004, mula-mula beri peruntukan kereta khaslah *personal to holder* kerana jawatan dia, lulus tukang kebun secara *pool*. Lepas itu Januari tahun ini, tahun 2005, permohonan telefon talian terus ditolak, Jun 2005 arah tarik balik kemudahan keistimewaan pegawai bermula 1 Julai, bayaran telefon di rumah kediaman, bayaran elaun tidak berpacen, kegunaan kereta rasmi ditolak dan November 2005 baru-baru ini hantar surat saya difahamkan pinda gelaran jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Tugas-Tugas Khas) kepada Pegawai Tambahsantara di Pejabat SUK berkuat kuasa 1.12. Tapi dalam senarai pertukaran pegawai baru-baru ini tidak ada senarai kerana dia hantar surat khusus untuk pinda jawatan dan sedihnya sampai letak keretapun ditarik balik, tak beri tempat letak keretapun kepada hamba Allah ini. Dulu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kes Pegawai Tambahsantara ini wujud kerana pegawai bercuti panjang sambung belajar sementara ditempatkan di mana-mana jabatan

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID .BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): tapi ini tambahsantara ini memang semata-mata untuk dera

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan. Ramai di kalangan Pegawai Pas yang bekerja untuk Pas, berjuang untuk Pas kita naikkan pangkat sekarang ini tapi ada hak degil 'po'oh' kerjapun tak mari, hak tu yang dia kena, tak pecatpun mujur, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa guna istilah, 'po'oh', 'po'oh' ke apa?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, dalam *Standing Order* takdok perkataan 'po'oh' jadi boleh gunalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh guna? Dia tolong jawab bagi pihak Dato' Yang Di Pertua. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa ada lagi beberapa perkara tapi oleh kerana sudah melebihi masa, saya mengucapkan terima kasih kerana peluang yang telah diberikan kepada saya, mana-mana yang baik itu daripada Allah S.W.T. dan yang tak berapa sedap didengar saya mohon maaf mungkin atas kedhaifan dan kelemahan diri saya sendiri. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada jam 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.09 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula dan marilah sama-sama kita memulakan dengan membaca umul kitab -- Al-Fatihah.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk perbahasan Bajet 2006 diteruskan dan saya menjemput Yang Berhormat yang hendak bercakap sila angkat tangan? Sila Yang Berhormat Wakil Langkap.

YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir sekalian.

Pertama-tamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana mengizinkan saya, memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Ucapan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, biarlah saya memulakan ucapan saya dengan mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Terengganu kerana berjaya membentangkan Bajet Negeri Terengganu bernilai RM1.5 bilion untuk tahun depan. Walaupun pagi tadi Wakil daripada Wakaf Mempelam tidak berhasrat untuk mengucapkan terima kasih, tidak berhasrat untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar dan juga kepada Kerajaan Negeri atas pembentangan Bajet saya berasa tidak berkecil hati kerana memang tabiat dia dah, memang bangsa dia dah Parti Pembangkang begitu dia barangkali sudah menjadi budayanya tidak boleh berterima kasih kepada orang. Dan, kepada saya, saya diajar, dipesan kepada orang yang buat baik, kepada orang yang berjasa kita kena berterima kasih dan mengucapkan tahniah atas keberanian itu. Kerana itulah saya cukup-cukup terhutang budi atas keberanian Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Bajet pada tahun ini dengan temanya 'Bajet dari rakyat untuk rakyat'. Perkara ini sudah berulang kali disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini dan Bajet ini merupakan perancangan teliti oleh Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membangun Negeri Terengganu, membangun rakyat Terengganu kerana yakin kalau kita gagal merancang bermakna kita merancang kegagalan dan saya berasa perkara inilah yang berlaku sebelum ini. Perancangan ada tapi perancangan untuk gagal, dah tahu dah pith takdokpun buat jugak perancangan, bentangkan juga Bajet yang akhirnya tidak dapat dilaksanakan. Kita harap, kita yakin Kerajaan hari ini tidak begitu. Pada tahun lepas kita bentang Bajet dan akhirnya kita berjaya mencapai matlamat Bajet yang kita bentang. Pada tahun lalu kita bentang Bajet matlamatnya untuk pendidikan ternyata mutu pendidikan, taraf pendidikan, taraf pelajaran anak-anak Terengganu tercapai, tahun yang kelima berturut-turut dapat nombor satu

UPSR. Kita harap Bajet pada tahun ini yang fokusnya kepada bidang pertanian juga akan memberi hasil yang baik.

Dato' Yang Di Pertua, dalam ucapan saya pada petang ini mungkin banyak saya menyentuh bidang pertanian bersesuaian perisytiharan Kerajaan Negeri bahawa tahun depan 2006 ialah Tahun Pertanian kerana itu Bajet yang dibentangkan ini jumlahnya agak besar disediakan bagi sektor pertanian. Bajet ini sudah tentu sekali di nanti-nanti oleh seluruh rakyat Terengganu khususnya bagi rakyat luar bandar, rakyat yang keseluruhannya bekerja dalam sektor pertanian. Kawasan saya sudah tentu Bajet ini sangat dialu-alukan dan dinanti-nantikan. Untuk tahun depan peruntukan disediakan RM114 juta bagi sektor pertanian dengan fokus ataupun kumpulan sasar untuk meningkatkan pendapatan para petani seramai 10,000 orang. Ini jelas bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sungguh-sungguh dan serius dalam hal nak menjadi para petani, penternak, nelayan kita nak beri peluang kepada mereka untuk menikmati kehidupan yang lebih baik. Kalau kita bahagikan RM114 juta itu kepada 10,000 sasaran tumpuan kita sudah tentu memberi pendapatan kepada mereka RM950 seorang, sebulan. Tak payah buat kerja apa, tak payah pergi menoreh, tak payah pergi ke laut, ambil duit RM114 juta bahagi seorang-seorang, dia boleh RM950, sudah dapat kita keluarkan mereka ini daripada belunggu kemiskinan. Tidak perlu kepada infrastruktur itu-ini, pegawai, kursus dan sebagainya, ambil piti bahagi saja boleh RM950 seorang. Tapi sebagai sebuah Kerajaan sudah tentu kita bukan niat nak bahagi piti, nak cari duit nak bahagi duit begitu saja, saya fikir bukan itu matlamat kita. Kita nak bangunkan penghidupan para petani supaya kehidupannya lebih berjaya, keluarganya menjadi keluarga yang berjaya, anak-bini akan hidup lebih selesa serupa orang-orang lain juga kerana itu kita menyediakan berbagai-bagai kemudahan lain untuk memastikan kejayaan ini. Dalam hal ini Dato' Yang Di Pertua, saya mungkin ada beberapa perkara yang nak saya timbulkan ini mungkin boleh menjadi sempadan ataupun ingatan kepada kita dalam melaksanakan kerja besar ini untuk kumpulan nelayan ataupun petani. Yang pertamanya, kerja ini amat besar dan penting untuk seluruh rakyat Negeri Terengganu. Sudah bersediakah setakat persiapan jabatan-jabatan yang berkenaan, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan dalam memikul tanggungjawab besar ini. Saya cukup bimbang dengan peruntukan yang banyak ini kalau kita tidak bersedia ataupun kita lambat membuat persiapan duit itu sudah turun sampai setengah tahun kita masih tengah mencari-cari apa yang kita nak buat, apa yang kita nak laksanakan.

Dato' Yang Di Pertua, saya teringat satu perkara yang saya rasa khususnya orang Melayu di luar-luar bandar sudah terlepas. Pada peringkat awal Kerajaan memperkenalkan ICT, IT Kerajaan beri galakan yang sungguh-sungguh untuk nak memperkenalkan ICT kepada rakyat jelata tapi kita orang Melayu khususnya di kawasan saya, di kawasan lain saya tidak pasti kita tak tahu apa dia yang kita boleh ambil peluang daripada dasar yang nak diperkenalkan oleh Kerajaan. Kita tidak tahu ICT tu gapo dia, benda apa, bisnes apa, jadi akhirnya dalam keadaan tertunggu-tunggu kita ternyata sudah terlepas peluang perniagaan yang cukup besar, sekarang ini baru kita tahu bahawa ICT itu sebenarnya besar, niaganya besar, untungnya juga besar. Sehingga sekarang ini baru kita tahu budak-budak jual telefon kad itupun nampaknya hidupnya boleh selesa tetapi apa nak buat perkara itupun sudah mungkin terlepas dan saya tidak kesal sebab yang terlepas itu bidang ICT itu bukan bidang saya, bukan bidang kita orang-orang Melayu khususnya di luar-luar bandar. Perkara itu perkara baru bagi mereka kalau kita terlepas peluangpun apa nak

buat. Dato' Yang Di Pertua, saya bimbang dalam hal pertanian ini, Kerajaan Pusat sudahpun nak beri penekanan, Kerajaan Negeri jugak sudah umumkan peruntukan yang begitu besar nak beri tumpuan dalam hal pertanian. Saya bimbang kalau kita lambat bersedia, kalau terlepas pulak peluang ini saya berasa kita akan marah di orang sebabnya bidang pertanian ini adalah bidang kita, bidang pertanian ini ialah dunia kita orang Melayu di luar-luar bandar, bidang orang Langkap, bidang orang Setiu. Kalau bidang pertanian ini terlepas pulak saya berasa orang marah ke saya. Jadi kerana itu saya mintak sungguh-sungguh jabatan-jabatan yang berkenaan buat persediaan rapi dalam hal ini supaya kita tidak terlepas peluang kerana keadaan hari ini saya berasa masih belum cukup bersedia untuk memikul tanggungjawab besar ini. Saya tengok kemudahan-kemudahan kenderaannya, pegawai-pegawainya cukup ke tidak, saya ragu kerana itu saya mintak supaya perkara ini diberi perhatian. Satu lagi yang saya nak sebut selalunya di jabatan-jabatan kita ukur prestasinya berdasar kepada perbelanjaan yang dilaksanakan oleh jabatan, bila akhir tahun kita tengok peruntukan yang sudah kita guna 99 peratus, jawab dia bagus. Dalam hal ini saya mintak bukan itu sahaja ukuran, bukan sekadar kita mampu berbelanja sahaja menjadi ukuran prestasi kita dalam hal pertanian ini saya mintak biarlah hasil itu, biarlah perbelanjaan itu setakat mana dapat dinikmati ataupun dikecapi oleh kumpulan sasar kita yang kita jadikan ukuran sama. Kita boleh belanja duit tapi kita nak tengok juga setakat mana duit yang kita belanja itu sampai kepada sasaran kita. Saya fikir itu juga perlu diambil kira dalam menentukan prestasi perbelanjaan kita, prestasi jabatan kita sebab kalau tidak biasanya akhir-akhir tahun barulah kita pakat nak belanja hak mana ada pith lagi tu belanja perhabis kerana sudah akhir tahun walaupun kadang-kadang kita tengok perbelanjaan kita itu tidak begitu diharapkan, tidak begitu diperlukan oleh rakyat.

Dato' Yang Di Pertua, saya nak minta maaf kerana ada beberapa perkara yang saya nak sebut ini mungkin tidak berapa elok tetapi saya sebut ini untuk menjadi panduan kepada kita supaya dalam pelaksanaan program pertanian selepas ini tidak berulang lagi kesilapan-kesilapan kita yang lalu yang akhirnya sasaran kita tidak tercapai. Satu - Jabatan Pertanian melaksanakan Program Penanam Pengawet Tembakau dan tumpuannya pesertanya semuanya diambil daripada orang-orang miskin di bawah Program PPRT. Maknanya peserta itu kita ambil kerana dia miskin kita nak tolong dia supaya keluar daripada kemiskinan. Kita masukkan dia, kita beri tanah, kita usaha carikan modal, diapun bertanam tembakau. Sekarang ini ada di antara peserta-peserta itu menanggung hutang sampai RM80,000 saya duduk tengok-tengok mereka ini tidak mampu lagi tidak akan berjaya menyelesaikan hutang itu sampailah akhir hayat dia kalau kita tidak bantu. Sebab alasannya ada dia sudah masuk projek itu sudah hampir 20 tahun masa mula-mula masuk dia muda, anak ramai, kudratpun kuat lagi, tanahpun masih elok lagi dia tidak mampu bayar pinjaman bank, tidak boleh bayar. Le-ni dengan pinjaman itu sudah berganda-ganda, kesihatannya sudah tidak stabil lagi, umurnya sudah 60-70 tahun, anak-anak sudah kahwin habis dah, pembantupun takdok dah, tanah itu sendiripun sudah bermasalah, saya fikir untuk mereka nak selesaikan hutang ini rasanya tak boleh. Kalau dulu dia masuk menjadi peserta kerana dia miskin, mampu lagi pakai motosikal tapi sekarang ini dia akan menjadi mufliis. Kalau kita tidak bantu saya rasa dia akan mati dalam mufliis, sudah ada dah 2-3 orang yang meninggal dunia dalam keadaan hutang yang tidak berbayar. Jadi dalam hal ini saya mintak supaya kita carilah jalan untuk bantu mereka dan masalah yang timbul ini bukan kerana apa, saya duduk rasa-rasa mungkin kerana kemampuan kita untuk nak buat seliaan, nak beri panduan kepada mereka mungkin agak

terbatas barangkali kerana kelemahan-kelemahan ataupun kerana ketidakcukupan peralatan di jabatan-jabatan saya rasa - satu. Yang kedua, banyak bantuan yang kita beri, kita beri bantuan *sprinkler* kepada projek-projek pertanian, tanaman sayur, tanaman dusun, setengah-setengahnya peralatan yang harganya tidak kurang daripada RM120,000 itu tidak digunakanpun. Ada *sprinkler-sprinkler* yang masih injinnya, motor belum lagi beroperasi dan setengah-setengahnya kawasan itu sudah naik dengan pokok senduduk dan tiang-tiang *sprinkler* duduk dalam lalang. Mungkin ini masalah pengawasan ataupun bergantung kepada sikap petani-petani sendiri. Saya harap perkara ini dapatlah kita beri perhatian supaya selepas ini duit RM114 juta itu tidak hangus begitu sahaja. Dalam Bajet kita, kita juga nak beri tumpuan kepada pembangunan Dusun Nukleus. Pada satu peringkat dulu Dusun Nukleus yang paling berjaya saya rasa ialah di Pelong kerana pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mari ke Terengganu terus pergi ke Pelong kerana nak pergi tengok Dusun Nekleus Pelong, tanamannya dokong dan durian. Tapi sekarang ini cukup menyedihkan, Dusun Nukleus itu duriannya sudah banyak yang mati, dokongnya sudah banyak yang mati dan baru-baru ini para peserta ada berjumpa dengan saya mintak supaya Dusun Nukleus itu disodok, dibuang habis durian dan dokong nak tanaman kelapa sawit. Ini menunjukkan betapa kecewanya para peserta apabila Dusun Nukleus itu tidak memberi hasil seperti yang diharap-harapkan, mungkin ini juga masalah pengawasan kita. Jadi saya minta perkara ini juga diberi perhatian supaya tidak lagi berlaku. Satu perkara yang cukup menyedihkan dalam kawasan saya khususnya, kita beri galakan kepada petani-petani suruh bertanam nampaknya mereka sudahpun buat kerja kuat tapi sekarang ini mereka menghadapi masalah besar bila gajah liar, saya terpaksa sebut ini walaupun perkara ini bunyinya aga remeh-temeh. Gajah liar berkumpulan 17 ekor masuk sampai ke dalam kampung di Langkap, di Pelong, Merbau Menyusut dan Chalok Barat. Sekali masuk satu malam 20 ekar kelapa sawit kalau baru tanam habis dan berbagai ikhtiar sudah dibuat sehinggalah sampai kepada peringkat mereka berpakat nak tembak sendiri. Kita tahu perkara itu memang tidak boleh tapi mereka terpaksa berfikir antara kelapa sawit, antara kehidupan mereka, antara harta mereka dengan gajah liar itu, mana yang lebih penting. Jadi melalui Dewan yang mulia ini saya mintak supaya ikhtiar sungguh-sungguh, bantuan sungguh-sungguh untuk mengatasi masalah gajah liar ini dapat kita ambil perjalanan. Sekarang ini sudah mula masuk kampung, Sekolah Kebangsaan Payong ada nyior dalam sekolah itu gajah pergi ambil nyior dalam sekolah, maknanya gajah sudah masuk kampung. Dato' Yang Di Pertua, saya

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Maaf Dato' Yang Di Pertua, gajah masuk kampung ke gajah masuk sekolah?

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Gajah masuk ambil daun nyior dalam sekolah. Satu perkara yang dititik beratkan dalam Ucapan Bajet menjadikan bidang pertanian sebagai satu perniagaan. Saya menyokong penuh konsep ini sebab selama ini kita tengok petani-petani sebut saja kerjanya petani kita nampak selalu rupa dia, petani mesti miskin kalau naik motor, motor takdok *mud-guard*, lesen takdok, *road-tax* takdok, baju buruk, anak sekolahpun tidak cerdik itulah gambaran yang kita tengok kepada petani. Jadi melalui konsep ini saya harap wajah petani akan berubah selepas ini dan untuk mencapai hasrat ini saya cadangkan supaya matlamat pertanian itu dapat kita ubah. Sebelum ini kalau ada kertas kerja yang dibuat untuk satu-satu projek pertanian selalunya ditulis matlamatnya untuk menambah pendapatan para petani. Saya rasa matlamat ini

kena ubah sekarang ini, bukan lagi untuk menambah pendapatan petani tetapi matlamatnya ialah sebagai sumber pendapatan kepada petani, itulah sumber pendapatan dia tidak ada sumber yang lain. Sebab kalau kita masih mengekalkan matlamatnya untuk menambah pendapatan bila musim getah mahal ni orang tidak akan bertanam sayur lagi, orang tidak cara lagi dah kepada durian, kepada dokong, kepada cempedak semua orang tinggal pergi ke getah. Orang sanggup menoreh getah, pagi menoreh, petang menoreh, malampun menoreh, orang tinggal habis bidang pertanian. Jadi kerana itu saya cadangkan supaya matlamat pertanian diubah menjadi sebagai sumber pendapatan kepada para petani. Dato' Yang Di Pertua, itu ialah bab pertanian dan dalam masalah ini kadang-kadang kita menjadi satu dilema bagi kita di luar-luar bandar. Bila satu orang dialah sebagai kontraktor kelas 'F'nya, dialah jugak nak pelihara ikan, dialah jugak nak pelihara lembu, dialah jugak tanam kelapa sawit, dialah juga tanam cempedak, seorang buat semua perkara. Dan, dialah yang akan berjaya di kampung itu kerana dia ada pendapatan dan saya rasa perkara ini juga perlu diberi perhatian supaya bukan seorang buat semua perkara biarlah ramai orang buat banyak perkara supaya agihan pendapatan di luar-luar bandar dapat kita sama rata.

Yang kedua, saya nak bercakap hal bidang pendidikan. Sekali lagi saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kejayaannya dalam bidang pendidikan baru-baru ini. Seperti yang disebut Negeri Terengganu sudah lima kali berturut-turut nombor satu UPSR. Jelas bidang pendidikan di Negeri Terengganu sudah cukup meningkat, di Setiupun sudah meningkat, di kawasan saya pada tahun lalu 50 orang yang dapat 5A, pada tahun ini sudah jadi 61 orang dapat 5A, ada sekolah yang pelajarannya 70 orangpun ada yang dapat 5A. Maknanya semangat orang-orang kampung digemblengkan oleh kesungguhan guru-guru, pelajar-pelajar mungkin Wakil-wakil Rakyat-pun ada sumbangan, ada saham dalam kejayaan ini. Dan saya nak sebut dalam hal ini untuk di Langkap, Dato' Yang Di Pertua, pada suatu masa dulu orang Langkap tertunggu-tunggu kerana ada sebuah sekolah, sekolah menengah yang cantik disebut-sebut sekolah menengah itu nak dijadikan Sekolah Menengah Sukan Negeri Terengganu tapi ternyata tak menjadi, tak menjadi lagi. Ada sebuah sekolah menengah di Pelong saya sudah sebut perkara ini pada tahun lalu, Sekolah Menengah Pelong itu disebut sebagai Sekolah Berasrama Penuh, di Setiupun tidak jadi. Jadi saya nak sebut sekali supaya Sekolah Menengah Pelong itu dibantu dengan segala kemudahan-kemudahan yang setaraf dengan Sekolah-sekolah Berasrama Penuh. Alasan saya sebab pengambilan pelajar-pelajarnya ialah sama dengan pelajar yang diterima masuk ke asrama penuh kerana pada masa itu kita galakkan anak-anak orang Langkap supaya kalau tak boleh masuk asrama penuhpun biarlah asal boleh masuk Sekolah Menengah Pelong, kita menjanjikan kemudahan-kemudahan yang sama dengan Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Saya minta perkara ini juga diberi perhatian.

Akhir sekali, saya nak bercakap sedikit hal Islam Hadhari. Biarlah saya sudah terlewat bercakap hal Islam Hadharipun kerana saya sempat mengikuti satu-dua program politik di Pasir Mas. Perkara ini disebut-sebut lagi dalam ceramah-ceramah politik di Pasir Mas yang memperlekehkan hal Islam Hadhari. Saya tidak percaya pemimpin-pemimpin yang berceramah itu faham pasal Islam Hadhari, saya tidak percaya takkanlah pemimpin-pemimpin tidak faham bahawa Islam Hadhari itu bukan agama, ini buat main-main macamlah Islam Hadhari itu agama baru yang dibawa oleh Perdana Menteri kita. Saya

tidak fikir sampai begitu orang tidak faham tapi mungkin kerana kepentingan politik orang sanggup bercakap sampai begitu. Seperti yang disebut tadi, mati esok-esok tanya "Ugama apa? Islam. Awak Islam Hadhari". Maknanya diperlekehkan, dipermain-mainkan sampai begitu. Saya fikir dalam hal Islam Hadhari pasal apa Parti Pas marah sangat apabila kita bercakap pasal hal Islam Hadhari? Apabila orang Umno, apabila orang Barisan Nasional bercakap pasal Islam Hadhari marah sangat. Sepatutnya pada anggapan saya apabila orang Umno pasal Islam - Islam Hadhari, orang Pas sepatutnya berterima kasih 'Oh Baguslah!' Le-ni bukan sahaja kita, bukan sahaja orang Pas bercakap Islam, orang Umnopun bercakap Islam dah le-ni sepatutnya orang Pas jugak ajak DAP ke parti apa belajar bercakap Islam. Ini apabila Umno bercakap Islam marah, maknanya saya sendiripun berasa cukup terkilan dalam hal ini dan saya fikir sampailah masa kita berpolitik dalam hal agama kita kembalilah kepada jalan yang betul. Saya rasa itulah saja ucapan saya saya mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sekali lagi telah dapat membentangkan satu Bajet yang baik dan insyaAllah akan dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri ke arah lebih teguh dan mantap. Seperti mana yang kita maklum, merancang dan melaksanakan satu Bajet yang seimbang memerlukan disiplin fizikal yang tinggi dan tidak banyak Kerajaan mahupun Kerajaan Negeri ataupun Pusat dapat melaksanakannya. Adalah diharapkan bahawa Bajet Seimbang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam dapat menggerakkan ekonomi Negeri Terengganu ke satu mercu yang dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat Negeri Terengganu. Ekonomi Negeri telah menunjukkan prestasi yang baik dengan pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus pada tahun 2004 berasaskan strategi-strategi yang telah dirancang oleh Kerajaan. Usaha Kerajaan untuk menggerakkan ekonomi negeri melalui peningkatan penglibatan sektor swasta serta pelaburan asing akan dapat memastikan kemampuhan pertumbuhan ekonomi ini.

Industri pelancongan adalah salah satu sektor yang dapat dijanakan dengan majunya oleh pihak swasta dengan membangunkan prasarana dan memberikan kepakaran yang diperlukan bagi industri tersebut. Insentif-insentif yang diberikan kepada sektor swasta adalah diharapkan dapat memacu industri pelancongan dengan lebih mantap namun Kerajaan Negeri masih merupakan penjana ekonomi negeri yang paling utama. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan negeri dapat digiatkan dengan lebih efektif dan dinamik.

Salah satu langkah yang berkesan bagi mencapai pembangunan mampan dan berterusan ini adalah dengan menekankan prestasi anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk terus berkembang dan berjaya. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat dalam pelbagai industri termasuk sektor pembinaan, pertanian, perlombongan, perkhidmatan, perdagangan dan prestasi cemerlang anak-anak syarikat akan meninggikan keyakinan rakyat mengenai kebolehan Kerajaan mentadbir dan mengurus kerana anak syarikat yang berjaya akan membuktikan kakitangan yang berkebolehan, berkemampuan dan berupaya untuk mendokong polisi-polisi Kerajaan yang telah digariskan. Justeru itu, perhatian khusus terutama dari segi pemantauan perlu diberikan kepada anak syarikat Kerajaan agar keupayaannya dapat dipertingkatkan dan ia dapat membantu menjana ekonomi dengan lebih jitu serta dapat menyokong usaha Kerajaan untuk membangunkan negeri menjadi lebih cemerlang. Pandangan ataupun tindakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mengkomersilkan Terengganu di luar negara harus dipuji dan diberi perhatian yang serius oleh kakitangan Kerajaan Negeri sudah sampai masanya kita cuba untuk berdikari daripada mengharap belas ihsan daripada Kerajaan Pusat semata-mata. Pegawai-pegawai Kerajaan seharusnya diberi *exposure* dengan izin, di dalam dunia korporat dengan menempatkan mereka berkursus di dalam syarikat-syarikat besar dan juga Bahasa Inggeris seharusnya diberi penekanan ke atas Pegawai-pegawai Kerajaan bagi membolehkan mereka menguasai ilmu korporat. Saya percaya bahawa dengan strategi Kerajaan Negeri untuk meneroka bidang ekonomi baru dengan nilai tambah yang tinggi usaha-usaha yang dilaksanakan dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan pelancongan dapat menjana ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Usaha Pembasmian Kemiskinan Kerajaan telah digariskan dalam Bajet 2006 dapat memastikan faedah pembangunan ekonomi dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat. Namun terdapat beberapa perkara masih perlu diberi perhatian, pertama dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Pembasmian Kemiskinan. Kajian mendapati terdapat setengah golongan sasaran menyalahgunakan bantuan yang diberi. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kurangnya pemantauan dari pihak pelaksana terhadap peserta-peserta yang menerima bantuan tersebut. Oleh yang demikian, perancangan lebih teliti oleh pihak pelaksana dan pemantauan yang berkesan amatlah penting dalam memastikan keberkesanan program yang dijalankan. Kedua, adalah dalam melaksanakan program yang bersifat berterusan, kajian mendapati program-program yang berunsur jangka masa panjang lebih berkesan berbanding dengan program yang bersifat jangka pendek. Sebagai contoh, Program Bantuan Pertanian Melalui Peladangan Berkelompok dilihat lebih berkesan kerana program ini dijalankan secara berterusan untuk satu tempoh masa yang lama. Di samping itu, pengelompokan ini juga memudahkan pihak pelaksana juga mengendalikan program dan seterusnya membuat pemantauan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya program-program yang bakal dirancang seharusnya menitik beratkan aspek jangka masa yang lama. Ketiga, adalah menyerap golongan miskin dalam sektor moden seperti perindustrian, peladangan dan perkhidmatan. Penyerapan tersebut boleh dilakukan dengan membawa masuk sektor moden ke kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, persediaan awal dari segi kemahiran dan membentuk nilai-nilai positif perlu dipupuk supaya golongan sasaran dapat bersaing dengan tenaga buruh lain untuk merebut peluang pekerjaan. Di sini peranan yang dimainkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab

amat penting untuk melahirkan tenaga buruh yang berdaya saing di kalangan golongan sasar. Di samping itu, pemilihan lokasi dan jenis industri juga perlulah bersesuaian dengan tingkat kemahiran yang mampu dimiliki oleh golongan yang disasarkan. Langkah keempat, adalah tidak mengabaikan golongan sasar yang berjaya meningkatkan pendapatan mereka melalui pendapatan garis kemiskinan. Golongan miskin yang telah berjaya membebaskan dari belunggu kemiskinan juga harus diberi perhatian. Adalah dicadangkan supaya golongan ini dipantau untuk satu jangka masa tertentu ini adalah untuk memastikan mereka benar-benar bebas dari belunggu kemiskinan dan dengan cara ini adalah diharapkan tidak berlaku kemiskinan berulang. Langkah terakhir yang ingin saya cadangkan di sini ialah revolusi sikap. Masalah kemiskinan dapat diatasi sekiranya setiap individu bersikap positif dengan nilai-nilai murni seperti rajin berusaha, berdikari, gigih dan berdaya maju. Faktor kemalasan merupakan alasan yang lemah dan boleh diperbaiki dengan memberi suntikan semangat motivasi kepada penduduk yang miskin. Usaha ini perlu dilakukan dari masa ke semasa secara berterusan kerana 'Melayu Mudah Lupa'. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu menekankan aspek perubahan sikap di kalangan golongan miskin dengan menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan sikap yang lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk memastikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan yang terulung maka saya ingin mencadangkan supaya Perpustakaan Awam dipermajukan. Memandangkan Negeri Terengganu mempunyai banyak khazanah, khazanah menarik yang merangkumi berbagai aspek maka usaha membangunkan koleksi digital bahan-bahan berkaitan sejarah tempatan, lagenda personaliti yang terdapat dalam Negeri Terengganu perlu disimpan dalam bentuk digital untuk generasi akan datang. Kedua, bertepatan dengan jolokan perpustakaan sebagai gedung ilmu, ia seharusnya berfungsi sebagai tempat rujukan paling sesuai bagi pelajar dan orang awam maka perpustakaan perlu mempunyai koleksi yang mencukupi dan diperbaharui. Adalah tidak menasabah sekiranya tidak terdapat buku rujukan dicari di perpustakaan awam tetapi ditemui di kedai buku di Jalan Banggol. Ketiga, mengadakan pameran di perpustakaan untuk menggalakkan orang ramai ke perpustakaan. Amat menyedihkan apabila orang ramai lebih beranggapan Pusat Dagangan Terengganu sebagai perpustakaan kerana di sana seringkali mereka dijemput untuk menghadiri pameran buku dan komputer. Keempat, agar aspek keselamatan pengunjung diberi perhatian yang serius oleh pihak perpustakaan kerana saya difahamkan, dimaklumkan bahawa banyak berlaku kecurian motosikal dan juga difahamkan bahawa CCTV pun tidak berfungsi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah proaktif dalam melaksanakan pelbagai program bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani, pekebun kecil dan nelayan. Dalam penggubalan rancangan struktur Negeri Terengganu perhatian khusus telah diberi kepada sektor pertanian. Dalam rancangan tersebut terdapat banyak program, projek, aktiviti telah dirancang. Ingin saya cadangkan agar kesemua program yang telah dijalankan atau yang dilaksanakan kelak dipantau dengan baik agar objektif program tercapai dan kumpulan sasaran dapat menikmati hasil dari pelaksanaan program tersebut. Maklumat asas mengenai dengan kemajuan dan prestasi projek perlu diberikan secara berkala agar pihak-pihak yang berkepentingan dapat mengetahui sama ada agensi pelaksana telah menjalankan tanggungjawabnya dan golongan sasar telah

mendapat faedah dan menafaat daripada pelaksanaan daripada projek tersebut. Data dan statistik menunjukkan bahawa keluasan tanah untuk pertanian tidak bertambah dari tahun ke tahun kecuali untuk tanaman sayur, buah-buahan dan kelapa sawit. Bagi meningkatkan hasil dengan input tanah yang tidak berubah maka produktiviti pertanian perlulah digandakan. Perancangan Kerajaan untuk menggunakan teknologi yang tinggi bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian mestilah selaras dengan kebolehan dan kemampuan para petani dan pekebun-pekebun kecil yang masih mengusahakan tanah mereka secara kecil-kecilan. Mekanisasi, otomasi dan teknologi dalam pengeluaran pertanian amatlah dialu-alukan. Namun kita perlu juga pastikan bahawa petani dan pekebun kecil kita dapat menggunakan teknologi baru tersebut dengan mudah. Golongan-golongan muda lebih selesa dengan teknologi baru perlu ditarik minat untuk mereka bersama-sama skim belia dan usahawan tani.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Negeri Terengganu menyumbang sebanyak lebih kurang 9 peratus dari segi pendaratan ikan daripada jumlah berat tangkapan ikan di seluruh negara. Negeri yang paling kecil di Malaysia iaitu Perlis telah menyumbang lebih kurang 6 peratus terhadap hasil perikanan negara. Ini menunjukkan bahawa sumbangan sektor perikanan Negeri Terengganu masih di tahap yang rendah dan masih berpotensi untuk dijadikan sebagai satu sektor penting dalam menyumbang terhadap KDNK negeri. Harapan rakyat adalah Kerajaan akan terus memberikan komitmen dalam membantu golongan nelayan dalam meningkat sumber perikanan dan memodenkan industri perikanan negeri. Langkah Kerajaan untuk memasarkan T'Lekor dan T'Dagang harus diberi pujian kerana produk-produk hiliran inilah yang akan dapat memastikan pembangunan mampan bagi sub-sektor perikanan. Kualiti produk perlulah sentiasa dipertingkatkan dengan pengeluaran yang *hygenic*, pembungkusan yang menarik dan promosi yang agresif. Negeri Terengganu memerlukan pakar-pakar dalam bidang pertanian serta perikanan dan juga tenaga buruh yang mempunyai kemahiran teknikal dalam pertanian. Pembangunan dan penyelidikan di peringkat negeri adalah penting bagi memastikan sektor ini sentiasa berkembang dan maju di era globalisasi ini. Bagi tujuan memberikan fokus dan tumpuan terhadap sektor pertanian negeri ingin saya cadangkan agar satu fakulti pertanian industri asas tani ditubuhkan di bawah Universiti Darul Iman Malaysia bagi menggerakkan dan mentransformasikan sektor ini untuk mencapai objektif Kerajaan dalam penggunaan inovasi dalam pertanian melalui sains dan bio-teknologi. Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itu saja. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabrokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Ada lagi Yang Berhormat nak berucap? Sila Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin-hadirat sekalian.

Saya ingin memulakan ucapan saya petang ini dengan menyokong apa yang diluahkan perasaan oleh Wakil Seberang Takir tadi iaitulah Negeri Terengganu sepatutnya berdikari

dan jangan terus menerus mengharapkan belas ihsan Kerajaan Pusat. Dalam Bajet yang lepas saya menyarankan supaya hubungan Kerajaan BN Pusat dan BN Negeri dan hubungan mesra di antara Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dapat menyelesaikan suatu masalah yang paling besar yang telah berlaku semasa hilangnya Kerajaan BN berpindah kepada Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan Pas di Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, cuba kita lihat kepada apa yang disimpulkan oleh Ketua Audit Negara yang mengatakan dan mengulanginya bahawa kedudukan kewangan Negeri Terengganu adalah tidak stabil. Aset semasa yang berjumlah, ini laporan 2004 RM176.92 juta tidak dapat menampung tanggungan semasa berjumlah RM304 juta di dalam intisari Laporan Ketua Audit Negara. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2004 dengan defisit sejumlah RM163.1 juta. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan Kerajaan Negeri 571.35 juta berbanding hasil yang diperolehi berjumlah RM408.34 juta bagi tahun 2004. Dato' Yang Di Pertua, dalam sidang Bajet yang lepas seperti mana yang saya tegaskan tadi antara suatu kesalahan dan pemikiran ketika itu yang seolah-olah Terengganu boleh dilupakan maka Umno-BN Negeri dan Pusat bersepakat untuk mencabuli sistem demokrasi dan mencabuli undang-undang khususnya Akta Pembangunan Petroleum 1973, mengeneipkan dan membelakangi Perjanjian Royalti 1974. Membelakangkan Tanggungan Perlembagaan (*Constitutional Obligation*) dengan izin,

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara ini sedang dalam proses mahkamah, apakah Wakil daripada Batu Burok boleh menimbulkan perkara ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya tidak membincangkan fakta perundangan tetapi menyatakan perkara-perkara yang berlaku berkait dengan dasar dan polisi. Perkara 109, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Perlembagaan Malaysia

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, *it is a matter of sub judice* dengan izin, *a matter of sub judice* yang tak perlu dibincangkan dalam Dewan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak berbangkit Dato' Yang Di Pertua, saya tak bincangkan perkara mengenai dengan kes mahkamah. Perkara 109 bukannya *sub judice*, iaitulah pemberian-pemberian wajib di bawah Perlembagaan kepada negeri-negeri. Yang pertama, pemberian *Capitation Grant* (Cukai Bilang Kepala), Pemberian Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri, Kumpulan Wang Rezab Negeri, pemberian diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara. Empat butiran ini yang dimasukkan sebagai Hasil bukanlah hasil usaha yang dijalankan oleh negeri tetapi pemberian-pemberian yang sewajibnya disumbangkan dan diberi oleh Persekutuan akibat daripada perjanjian menjadikan Negeri Terengganu sebahagian daripada Persekutuan. Pada Laporan Audit itu 2003, pemberian-pemberian ini dengan sengajanya dinafikan kepada Kerajaan Negeri. Jumlah keseluruhannya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ialah sebanyak RM285.6 juta, dengan izin saya perelaskan Pemberian Pertumbuhan Hasil

RM17.81 juta tidak dibayar pada 2003 dan saya masih ingat saya menghadiri bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang diputuskan dan saya bangkitkan ini bayaran wajib yang diputuskan tetapi ia tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri ketika itu

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, laluan. Terima kasih. Ucapan Bajet 2006 ke Ucapan Bajet 2003 Yang Di Pertua? Kita hari ini berbincang tentang Bajet 2006 jadi apa yang diperkatakan oleh Wakil Batu Burok berkenaan sejarah, keluhan, rintihan dan kesedihan beliau jadi saya rasa tidak relevan dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, Ahli Exco boleh jawab selepas ini. Saya memberi imbasan apa yang diperuntukkan, apa yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara untuk menjadi panduan dan garis panduan ini sepatutnya dilihat dan diterangkan di dalam kita menerajui kewangan negeri. Pemberian 50 peratus Perbelanjaan Mengurus RM36.08 juta langsung tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri, Pemberian Caj Perkhidmatan daripada RM39.85 juta, RM10.69 juta berbaki dan diakrukan/dimasukkan ke dalam pendapatan 2004. Pemberian Dana Khas RM150 juta tentulah tidak diberi ketika itu kepada Kerajaan Negeri, Terimaan Daripada Agensi Kerajaan yang biasa

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini Bajet 2006, bukan Bajet 2003. Jadi saya tak faham, bekas Excopun tak tahu nak berbahas Bajet, jadi sebut hal 2002, 2003 sekarang ini Bajet 2006 berdasarkan kepada Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar jadi kalau duk sebut dok bayar, dok bayar tu, hak itu hak lepas dah jadi macam mana seorang yang lama dalam Dewan tak tahu hal dan peraturan Dewan. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang cerdik boleh beri semasa dia cerdik Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Masalah sekarang dok cerdik sokmo ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya nak menggambarkan, tunggu dulu, apa yang saya sokong, apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat daripada Seberang Takir tadi. Jangan kita menjadi pengemis untuk mengemis hak kita dan pemberian ini boleh datang dan pergi tetapi hak kita adalah hak kita mengikut undang-undang dan perlembagaan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat boleh duduk dulu sekejap. Jadi Yang Berhormat boleh sambung selepas ini, jadi saya tangguhkan dulu Persidangan Dewan sementara sehingga jam 4.00 petang.

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula dan saya menjemput Yang Berhormat Wakil Batu Burok untuk menyambungkan perbahasannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya sambung semula. Saya ingin mengambil kesempatan di petang yang berbahagia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana berjaya mengembalikan, betulkan jika angka yang saya beri ini tak tepat, sebanyak RM765 juta daripada Dana Terkumpul yang disimpan di Pusat tanpa dimasukkan kepada Kumpulan Wang Disatukan tetapi diletakkan di bawah Dana Khas Kerajaan Pusat. Seperti mana yang kita tahu Dana Khas ini *not subject to audit* dengan izin, tidak tertakluk kepada audit. Saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, telah membuat pertanyaan ini kepada Ketua Audit Negara dalam sesi Mesyuarat Majlis Kewangan Negara suatu ketika dulu. Wang ini hanyalah *it's only a fraction*, hanyalah sedikit sahaja daripada apa yang terkumpul pada hari ini akibat daripada pembekuan bayaran oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Mengikut kira-kira yang saya kirakan mengambil pengiktibaran harga petroleum dunia semasa Negeri Terengganu memperolehi lebih kurang RM500 juta satu tahun harga minyak dunia ketika itu hanyalah US18 dolar satu tong. Peningkatan yang berterusan dan tahun 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekali lagi saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada *Standing Order No.46(7)* dengan izin, "*Reference shall not be made to any matter which is sub judice*". Jadi apa yang telah cuba dibincangkan oleh Wakil Batu Burok tadi adalah jelas ianya berkaitan dengan royalti petroleum yang mana perkara tersebut masih dalam mahkamah dan itulah yang dikatakan "*it is a matter of sub judice*" dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, membincangkan sama ada hak kita, hak kita dari segi fakta undang-undang bukannya *sub judice* ini dijelaskan Dato' Yang Di Pertua oleh Laporan Ketua Audit Negara muka 5, dengan izin saya baca "Terimaan daripada Kerajaan Pusat

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ketentuan sama ada ianya hak ataupun tidak hak adalah perkara yang akan diputuskan oleh mahkamah. Jadi Yang Berhormat Batu Burok tak ada hak untuk bercakap ini adalah hak kita ataupun sebagainya sekarang. Saya pohon *ruling* daripada Dato' Yang Di Pertua terhadap persoalan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apa Yang Berhormat, terima kasih. Biar dia teruskan ucapan dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, muka 5 Laporan Ketua Audit Negara dan inilah yang saya mintak supaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri meneliti dengan sempurna Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan – Dana Khas. Dana Khas adalah butiran Hasil yang baru diwujudkan bagi mengakaunkan Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan. Dana ini diwujudkan pada bulan September 2000 berikutan dengan pemberhentian bayaran royalti petroleum. Ia bertujuan untuk membiayai projek pembangunan program khas yang berbentuk infrastruktur, sosial serta kebajikan dan disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu. Bagaimanapun pada tahun 2004, Dana ini disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri dan ia merupakan penyumbang utama kepada pungutan Hasil Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya sekadar nak memperingatkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri kepada peruntukan Perkara 97 Perlembagaan Malaysia - "Segala Hasil dan wang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh sesuatu negeri tertakluk kepada fasal 3 dan kepada mana-mana undang-undang hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu Kumpulan Wang dinamakan Kumpulan Wang Disatukan bagi negeri itu". Ini pandangan dan nasihat yang diberi oleh Ketua Audit Negara yang sepatutnya kesusilaan pengurusan kewangan mematuhi. Tak boleh Terimaan ini yang sekarang ini disalurkan secara langsung kepada negeri tidak mempunyai butiran khusus oleh itu saya mencadangkan supaya butiran khusus ini dikembalikan kepada Kod Hasil yang selama 22 tahun telah diterima dan bukannya suatu ciptaan Kod Hasil baru. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dengan adanya kemasukan yang sebegini besar, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang kali ini akan membawa RM1.3 bilion masuk tetapi kita masih lagi mempunyai *areas* (tunggakan) lebih kurang RM7 bilion yang dimasukkan dalam Dana Khas, ini duit kita bukan ihsan Yang Berhormat Seberang Takir, hak kita tetapi kita mengemis pada hari ini. Dato' Yang Di Pertua, rancangan Bajet yang begitu *ambitious* yang begitu bernafsu besar, saya ucapkan tahniah tetapi kita akan berdiri di atas kaki kita sendiri, hak kita inilah tuntutan rakyat dan inilah tuntutan negeri.

Dato' Yang Di Pertua, sektor pertanian yang digambarkan sebagai suatu usaha untuk mengembalikan sumber ekonomi rakyat sangat-sangat dipuji tetapi kita sedia maklum, kita mempelajari revolusi industri, revolusi pertanian yang berlaku di Eropah, siapa yang mendahului siapa? Kita tahu bahawa negeri kita negeri yang kecil, geografinya tidak sebegitu kondusif untuk pertanian yang besar dan pada hari ini kita lihat minda masyarakat untuk bertani hampir *zero* dengan izin, Dato' Yang Di Pertua. Bagaimana nak memulihkan semula anak-anak kita yang sekarang ini lintahpun dia takut nak menjadi petani semula sedangkan kita tahu bahawa tanah-tanah padi yang terbiar pada hari ini lihatlah di mana saja, kebun-kebun buah-buahan yang ditebang silih berganti kerana tidak ada pemasaran, tidak ada pulangan yang lumayan yang boleh membiayai familinya untuk bersekolah apatah lagi untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Oleh itu, tumpuan masih lagi kepada negeri yang kecil yang tidak kondusif ini Dato' Yang Di Pertua kepada pertumbuhan industri dengan asas petroleum yang kita ada. Saya rasa baiklah kita *review* semula tanpa kita mengenyakan seluruhnya usaha pertanian ini kerana untuk membina masyarakat, membina rakyat kita lihat kepada laporan yang diberi oleh Kerajaan pada hari ini, 27,000 masyarakat kita, rakyat kita di Terengganu ini yang dikategorikan sebagai miskin sama ada tegar ataupun sebaliknya. Tetapi di dalam menyambut hari raya lepas angka yang diberikan oleh Kerajaan 160,000 setiap DUN 5,000 rakyat yang layak menerima bantuan

untuk menyambut Hari Raya. Bayangkanlah siapa yang mengajar rakyat kita menjadi subsidi ini, ianya diluahkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir pada hari ini yang diluahkan secara kekecewaannya semasa 22 tahun memerintah, rakyat kita menjadi rakyat subsidi. Siapa yang menciptanya ianya tidak lain dan tidak bukan melainkan untuk mengejar dan menyimpan mereka ini sebagai aset politik pilihan raya.

Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan pendidikan ataupun *education*. Negeri Terengganu pencapaian yang kita dapat dan kita perolehi dalam pendidikan ini membanggakan tetapi kita lihat ianya diperintah oleh Umno, Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan selama 37 tahun sebelum Pas mengambil alih dan berterusan semula pada hari ini, mana dia anak Terengganu yang menguasai jabatan-jabatan penting, perkhidmatan-perkhidmatan penting di peringkat Pusat dan Negeri. Pada hari kita boleh bilang kepala Ketua-ketua Jabatan berapa orang yang datang daripada Kelantan? Kelantan yang diperintah oleh Pas. Cuba kita lihat pemaju-pemaju, ahli-ahli korporat yang besar-besar lebih daripada 50 peratus orang Melayu daripada Kelantan. Katakanlah apa saja nak dikatakan *backward* (kebelakang) miskin tetapi rakyat Kelantan menguasai pasaran tenaga manusia pada hari ini dan menguasai jabatan-jabatan Kerajaan, korporat dan sebagainya. Mencontohi inilah saya rasa Kerajaan BN yang dahulu mengadakan sekolah-sekolah, institusi-institusi KUSZA, TATI dan sebagainya walaupun ianya tanggungjawab Kerajaan Federal tetapi kita telah diketepikan, disisihkan, kita terpaksa membelanjakan sebegitu banyak peruntukan untuk membela anak watan Negeri Terengganu tetapi sekarang ini kita nak serah balik kepada Pusat kerana kita rasa kita ada kemesraan dengan Pusat bukannya pembuat dasar ketika itu tidak membuat kajian, kajian tidak bersama-sama dengan kita pada ketika itu.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, laluan. Apa yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok tadi bahawa ramai pegawai-pegawai tinggi Kelantan, untuk makluman jugak hasil produk daripada apa yang dibuat oleh Kerajaan Pusat bukan apa yang dibuat oleh Kerajaan Pas Kelantan kerana Kerajaan Pas Kelantan baru 15 tahun bukan hasil dia, hasil hak kita, betul atau tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tidak pertikai apa-apa dengan Yang Berhormat Ajil Dato' Yang Di Pertua tetapi fakta boleh menyuluh kita. Apa yang nak kita pertikaikan, mana dia tenaga kita, mana dia rakyat kita, saya tanya? Bila dikatakan tadi kita mahu *dissolve*, kita mahu tukar KUSZA kepada sebahagian daripada UDM dan kita mengeneipkan usaha-usaha yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang terdahulu, kena fikir perkara ini dengan lebih mendalam. Tentulah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pendidikan ini menelan belanja yang banyak, *budgeting* yang besar takkanlah sesebuah Kerajaan tak tahu risiko ini tetapi melihat anak-anak kita ketinggalan di belakang. Saya rasa dasar itu betul dan semasa kita mengambil alih Kerajaan kita memupuknya, kita membesarnya, melebarnya

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan. Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Batu Burok itu dengan melebar dan membentuk anak-anak sekolah rendah dengan menghalaunya daripada tadika itu bermaksud membentuk kanak-kanak itu daripada kecil? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini perkara kecil masih ditimbulkan lagi Dato' Yang Di Pertua, saya tak nak layanpun orang muda, kadang-kadang tu dia terpaksa nak tahu, jadi saya akan jawablah

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nanti, nantilah saya nak jawab orang muda, saya nak jawab Yang Berhormat, insyaAllah saya nak jawab. Jangianah dijadikan isu video tayangan lakonan itu sebagai suatu fakta yang menyelar pemerintahan Pas ketika itu. Saya bertanggungjawab yang merundingi perkara ini

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pelawok lagi Yang Di Pertua, kelmarin pelawok dah, hari pelawok pulak. Wakil Batu Burok ini pandai pelawok dalam Dewanpun. Mana ada lakonan, boleh tanya seorang-seorang Wakil Rakyat hak ada dalam ini DUN masing masing semua kena hambat belaka, dikunci pintu dan sebagainya. Kelmarin pelawok dah kata projek di Gaung takdok berlesen hari ini pelawok pulak. Jadi Pak Pelawok dah kita ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini hak darat, orang hulu ini saya nak layanpun susah juga. Jenis hulu-darat inikan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggai): Tuan Yang Di Pertua, taluan Tuan Yang Di Pertua memang berlaku

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah, tanya, ini pelawok sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak marah, saya kata hulu-darat, susah apa dia memang orang hulu sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dia salah satu tanda orang munafik adalah suka cakap pelawok. Cakap pelawok tanda munafik jadi kelmarin pelawok hari ini nak pelawok lagi. Jadi tak patutlah sebagai Wakil Rakyat yang tua, yang lama, yang berpengalaman di Dewan yang mulia ini berbohong. Terima kasih Yang D Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bohong, apa bohong?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bohong tu pelawoklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pelawok benda? Apa benda pelawok?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kelmarin Yang Berhormat kata kontraktor yang buat kerja di Gaung, SATU itu takdok lesen. Hah! Pelawok. Hari ini pula kata berlakon.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Carian kita, carian

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Carian guana, tak betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dengarlah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak betul. Tak betul, pelawok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, ini kurang ajar, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak duduk dulu, berikan laluan.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak betul, kita ada data, kita ada bukti syarikat hak buat di situ semuanya berlesen. Bukannya kita Kerajaan Cap Ayam bukan macam Pas, Cap Ayam buat sesuatu tidak 'makan siku'. Ini khabar pulak hari ini bahawa kita hambat budak-budak, pelawok, berlakon, mana lakonan? Berat Cap Ayam Wakil Rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan. Saya pohon Yang Berhormat Wakil Batu Burok tarik balik perkataan 'kurang ajar' tadi kerana ia tidak boleh digunakan di dalam Dewan yang mulia ini, Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua, tadi Yang Berhormat daripada Batu Burok mengatakan lakonan, sebenarnya ia berlaku di kawasan saya, kawasan Bukit Tunggal apa yang berlaku ditunjuk oleh video itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nanti saya jawab dulu, kalau nak tanya sungguh-sungguh saya akan jawab. Saya kata, saya bertanggungjawab. Saya berunding dengan Pengarah KEMAS dan kita beri kepada dia 2 tahun kerana kita mahu gunakan balai-balai raya ini untuk tujuan asal ianya dibina iaitulah kegunaan kemasyarakatan bukannya pendidikan. Kenapa Kementerian

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya pohon Wakil Batu Burok tarik balik perkataan 'kurang ajar' itu tadi terlebih dahulu sebelum meneruskan ucapannya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat nak berucap, Yang Berhormat Batu Burok? Saya tak nak suruh tarik baliklah cuma saya ingatkan supaya gunalah bahasa yang sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan Dewan supaya perkara ini tidaklah menjadi satu yang menggambarkan kewibawaan seorang-seorang Yang Berhormat dalam Dewan ini berucap, menggambarkan keperibadian yang kurang baik. Teruskan ucapan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tidak berniat untuk menjatuhkan maruah manusia tetapi perkataan-perkataan yang digunakan itu melayakkan suatu benda jawapan yang juga tidak begitu baik didengar. Dato' Yang Di Pertua saya nak jawab sekejap pasal kena tanya. Setelah kita berunding dan berurusan saya kata ini kita mahu kembalikan dan susulan daripada itulah diarahkan budak-budak ini berpindah dan diambil gambar, ada motif *behind that*, dengan izin. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ambil gambar guana, pergi hambat, pergi hambat macam lembu budak-budak sekolah. Islam guana gitu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak ganggu dia Dato' Yang Di Pertua, saya sudahkan sikit lagi. *Just a matter of one yard*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Pohon laluan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak bagi laluan buat seketika saya nak *wind-up*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang akhirnya Dato' Yang Di Pertua, saya juga rasa sedih bila tengok gambar Terengganu le-ni. Terengganu le-ni, ni saya baca sikit Utusan Malaysia dengan izin, 5 haribulan - "Satu peristiwa orang melawat perpustakaan kita dia kata dia ni jenis 'Ulat Buku' nak pergilah ke Perpustakaan Awam kerana di luar ni Perpustakaan Awam, tiba-tiba sampai di sana dia kata Terengganu le-ni, "Minta maafah tak boleh masuk deme tak ahli". Sila rujuk Utusan Malaysia 5 Disember 2005 supaya perkara ini tidak berlaku lagi sebagai Terengganu le-ni. Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Batu Burok. Ada Yang Berhormat nak berucap? Sila Yang Berhormat Kawasan Paka.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan, Pemerhati-pemerhati yang turut hadir sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran saya ke hadrat Allah S.W.T. dan terima kasih saya kepada Dato' Yang Di Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Ucapan Bajet 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kelmarin yang bermula pada jam 11.23 pagi dan tamatnya pada 12.25 tengah hari ianya memakan masa selama 1 jam 2 minit yang melibatkan peruntukan yang begitu besar iaitu sebanyak RM1.55 bilion. Saya juga nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang terus mengamalkan dasar Bajet yang seimbang yang disebut sebagai 'ukur baju di badan sendiri'. Walaupun Kerajaan sedar masih banyak yang perlu dibangunkan, masih banyak keperluan rakyat yang perlu disediakan namun Kerajaan terus berhati-hati dalam menyusun perbelanjaan demi untuk kebaikan rakyat dan negeri. Apatah lagi kita dapat lihat peruntukan yang lebih besar dari tahun lepas dapat disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Inilah Bajet yang terbesar yang pernah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini walaupun Wakil Batu Burok tadi menyatakan Bajet yang bernafsu besar tetapi inilah keberanian yang berasaskan kepada keyakinan hubungan yang rapat di antara Negeri dan Pusat. Ertinya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai tenaga yang amat besar, syabas dan tahniah kepada Dato' Seri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di dalam pembentangan Bajet 2006 kita dapat mendengar satu perisytiharan tahun 2006 sebagai Tahun Pertanian sebanyak RM114 juta diperuntukkan. Berbagai prasarana dan infrastruktur akan disediakan dari penyediaan tapak sehinggalah kepada pemasaran. Begitu besar hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan bidang pertanian, penternakan ikan dan juga haiwan ini. Dengan jumlah peruntukan yang begitu besar di samping Kerajaan terus membela golongan petani dan nelayan yang sedia ada. Kerajaan juga harus memikirkan bagaimana untuk menarik minat golongan yang berpendidikan yang selama ini tidak menjadikan bidang pertanian ini sebagai pilihan kepada mereka agar mereka dapat menyertai sama di dalam bidang pertanian ini, agar hasrat Kerajaan untuk menjadikan bidang pertanian sebagai bidang perniagaan yang menguntungkan mencapai matlamat. Kita tidak mahu peruntukan yang begitu besar hanya sekadar untuk meningkatkan pendapatan kepada petani, nelayan tradisional yang ada sahaja, kita juga berhasrat untuk melahirkan usahawan pertanian, usahawan penternakan haiwan, usahawan penternakan ikan yang berjaya di dalam skala yang besar. Namun semua ini adalah risikonya, mungkin bencana alam sebagai salah satu risiko, mungkin penyakit kepada ternakan juga satu risiko yang amat tinggi, kekurangan modal dan sebagainya. Risiko-risiko inilah mungkin dilihat oleh kumpulan yang berpendidikan ini tidak berminat untuk menjadikan bidang pertanian ini sebagai pilihan yang pertama kepada mereka. Maka Kerajaan harus memperkemaskan lagi pakej pertanian ini bagi memastikan sektor pertanian mendapat kejayaan yang seimbang dengan peruntukan yang dikeluarkan. Kita tidak mahu berlaku seumpama peristiwa di Kemaman baru-baru ini apabila penyakit kuku dan mulut menyerang ternakan lembu dan penternak

pergi melaporkan penyakit yang dihidapi oleh ternakan mereka ini ke Jabatan Haiwan Daerah mungkin, ini ada laporan di dalam TV3 - Berita jam 8.00 malam dan sebagaimana jawapan yang saya dengar di t.v., melalui penternak, jawapan yang diberikan oleh pegawai, tiada ubat yang boleh dibekalkan kerana tiada peruntukan. Inilah risiko yang amat ditakuti oleh setiap pengusaha, jadi dalam suatu bentuk pakej perlu disediakan bagi menarik golongan yang berpendidikan ini untuk sama-sama menyertai bidang pertanian ini yang kita lihat ianya boleh menyumbang kepada ekonomi negeri dan juga memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Belanjawan 2006 masih meneruskan fokusnya terhadap pendidikan sebanyak RM136.8 juta diperuntukkan yang melibatkan pendidikan di semua peringkat dan berbagai bentuk bantuan dari pra-sekolah sehinggalah ke pengajian tinggi. Oleh kerana pendidikan dan ilmu adalah asas dan teras untuk membasmi kemiskinan untuk menjayakan program-program Kerajaan, rakyat mestilah yang berilmu. Sebab itulah Kerajaan Negeri terus memperkasakan pendidikan bagi menyediakan masyarakat yang mampu bersaing di zaman mereka yang sudah pasti cabaran yang lebih hebat terpaksa mereka bersaing. Dengan penyediaan Bajet yang besar kemiskinan bukan lagi menjadi penghalang untuk melahirkan anak-anak yang cemerlang bandar dan luar bandar bukan lagi menjadi sempadan pemisah untuk mencari kejayaan. Di peringkat sekolah tidak terkecuali dari menjadi perhatian Kerajaan Negeri, di peringkat pra-persekolahan sebanyak RM12.5 juta untuk menjayakan Program Tadika Cemerlang, peruntukan yang disediakan ini untuk meningkatkan keupayaan tenaga pengajar dan juga menyediakan peralatan. Namun kita di peringkat kampung mempunyai masalah premis, apabila pihak KEMAS memberhentikan peruntukan menyewa premis yang ada, maka balai rayalah yang menjadi pilihan kepada mereka. Kalau saya tak silap di dalam Dewan yang mulia ini saya pernah mencadangkan supaya pihak KEMAS mengambil tindakan segera untuk melihat kawasan-kawasan yang menasabah bagi mereka bagi membina bangunan-bangunan tambahan untuk menampung keperluan anak-anak kita. Maka pada hari ini saya sekali lagilah memohon supaya pihak berkenaan mengambil tindakan untuk mengatasi kekurangan premis ini. Saya lihat masih lagi balai balai raya kita menjadi fokus utama kepada pihak KEMAS ini untuk menempatkan anak-anak mereka sedangkan kita di dalam kawasan sebenarnya sudah tidak cukup tempat lagi dah untuk dijadikan tempat masyarakat mengadakan aktiviti-aktiviti. Jadi kita terpaksa berkongsi tempat ini dengan KEMAS, jadi saya merayu sekali lagi supaya pihak KEMAS serius mengambil tindakan ini sebab ia adalah penyediaan pra-persekolahan yang berterusan ianya bukan bermusim. Maka satu bentuk perancangan jangka panjang perlu dibuat oleh pihak KEMAS untuk mengatasi tentang tidak kecukupan ini.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Saya ucap terima kasih kepada apa yang telah diluahkan oleh Wakil daripada Paka terhadap ketidakpekaan pihak KEMAS dalam berebut tempat dengan orang kampung untuk balai raya dijadikan kelas. Untuk maklumat kalau boleh sebut daripada 790 buah semuanya 200 buah kelas-kelas KEMAS menjadikan balai raya sebagai kelas biar jelas tu, khabor ke KEMAS tu biar buat kerja itu sikit.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan juga menyediakan peruntukan yang besar untuk latihan dan sistem penyampaian Kerajaan. Bagi tahun 2006, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan tinggi terhadap latihan terutamanya kepada Kakitangan Awam Negeri Terengganu dan sejumlah RM42.6 juta diperuntukkan untuk latihan ini. Latihan ini mungkin untuk menambahkan mutu perkhidmatan Kakitangan Kerajaan ini. Walaupun kita rasa setakat yang ada hari ini ianya sudah baik tetapi oleh kerana memandangkan rancangan Kerajaan dengan jumlah perbelanjaan yang begini besar ianya memerlukan kakitangan yang lebih mempunyai *efficiency* yang lebih tinggi. Jadi saya menyokong peruntukan yang begini besar diberikan untuk latihan kepada Kakitangan Kerajaan ini. Saya nak beritahu satu pengalaman saya baru-baru ini di dalam menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyat di dalam kawasan saya. Apabila banjir tahun lepas, habis saja Persidangan saya masih ingat kita habis Persidangan pada tahun lepas ialah pada 10 Disember dan saya pulang ke kawasan saya tak boleh lagi dah balik ke rumah saya oleh kerana rumah saya naik air terpaksa saya menginap di salah sebuah hotel di Paka. Kemudian saya melihat banjirnya begitu teruk sekali dan saya memohon daripada rakan, Yang Berhormat daripada Kijal membantu saya untuk mendapatkan satu peruntukan yang amat besar bagi melaksanakan untuk mengatasi banjir yang melanda di kawasan saya. Dan, alhamdulillah Yang Berhormat daripada Kijal turun melihat sendiri kawasan yang saya katakan dilanda dengan begitu teruk ini. Saya masih ingat turunnya daripada bulan 1 dan akhirnya peruntukan diluluskan pada bulan 1 secara lisan dan projek yang kita rangka pada bulan 1, bulan 11 baru boleh dilaksanakan, sepuluh-sebelas bulan kemudian baru boleh dilaksanakan setelah melalui berbagai kaedah dan cara di peringkat jabatan ini, waktu pelaksanaannya sudah lagi tidak sesuai bulan 11-pun dikenali sebagai bulan banjir. Jadi saya lihat satu bentuk kelambatan yang ada di dalam jabatan kerajaan ini sehingga boleh mengendalakan segala hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada rakyat. Oleh yang demikian, dengan adanya peruntukan yang begini besar latihan kepada kakitangan kerajaan ini kita berharap dengan Bajet 2006 yang cukup besar ini dapat kita laksanakan mengikut masa dan ketentuan yang kita kehendaki. Semoga ianya mendapat kejayaan dan memberi menafaat tepat kepada masyarakat semua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, akhir sekali ukuran garis kemiskinan berasaskan kepada pendapatan. Pendapatan yang dikatakan sebanyak RM529 ini adalah dikategorikan kepada miskin dan separuh lagi RM295 lebih kurang adalah yang termiskin. Kerajaan berusaha untuk meningkatkan pendapatan dalam waktu yang sama kadang-kadang baru-baru ini apabila kenaikan petroleum begitu mendadak dan ianya juga melibatkan kenaikan barangan dan apabila berlaku kenaikan harga barangan akan menyebabkan kekurangan kuasa membeli kepada kita semua, apatah lagi kepada golongan yang dikatakan miskin ini. Maka pada waktu itu ukuran garis kemiskinan yang berasaskan kepada pendapatan ianya sudah tidak relevan lagi maka kalau boleh saya cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini sebab kenaikan harga barangan ini kita biasanya amat sukar untuk melihat ianya turun semula. Saya tidak tahu bila bermulanya ukuran garis pendapatan ini dibuat sudah berapa tahun. Tetapi kalau bolehlah dicadangkan semoga ukuran garis kemiskinan berasaskan kepada pendapatan supaya dikaji semula untuk dinaikkan ianya selari dan selaras dengan kenaikan harga. Itulah cadangan saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat ingin mengambil bahagian, sila angkat tangan kalau ada? Sila Yang Berhormat Kawasan Kemasik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi kesempatan dalam masa yang begitu singkat untuk saya turut sama membahaskan Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kelmarin. Bajet sebagaimana yang diterangkan oleh rakan-rakan saya mengatakan bahawa dan sebagaimana tercatat dalam Ucapan Bajet merupakan 'Bajet Rakyat'. Saya percaya seluruh rakyat Negeri Terengganu akan menerima baik Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab ini merupakan Bajet Rakyat setelah diminta daripada rakyat, perjumpaan dengan rakyat dan dimasukkan kehendak-kehendak rakyat di dalam Bajet yang dibentangkan kelmarin. Tetapi masih ada rakyat yang tak terima baik, yang takut, takut Bajet yang begitu indah akan dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kita lihat hari ini dua Wakil Pembangkang, Wakaf Mempelam dan Batu Burok seolah-olah mencari kesalahan dan mengharapkan supaya Bajet yang sebegini indah tidak akan dapat dilaksanakan di Negeri Terengganu. Seolah-olah kedua-dua Wakil Pas tersebut iri hati dengan kejayaan Negeri Terengganu tak sampai dua tahun dapat melaksanakan pembangunan-pembangunan kepada rakyat tidak sebagaimana di bawah pemerintahan Pas dahulu. Sebab itu saya kata kedua-dua Wakil Pembangkang tadi menghujahkan berbagai-bagai faktor seolah-olah iri hati dengan pencapaian Kerajaan hari ini berbanding dengan pencapaian semasa Pas memerintah. Terus terang saya katakan Wakil Wakaf Mempelam mempertikaikan penubuhan Universiti Darul Iman Malaysia, katanya seolah-olah untuk menggadaikan KUSZA. Sedangkan rakyat terima dengan begitu baik dan terbuka dengan hati yang begitu gembira apabila diumumkan oleh Perdana Menteri bahawa universiti akan didirikan di Negeri Terengganu tetapi Pas menolak mentah-mentah. Ini suatu pengkhianatan kepada rakyat Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, begitu juga dengan peruntukan yang begitu besar RM1.55 bilion inilah peruntukan yang paling besar semenjak saya berada di Dewan Undangan Negeri ini. Tapi dipertikaikan katanya, Hasil yang dapat hanya 8 peratus, emolumen 12 peratus tidak seimbang dengan Bajet yang dibentangkan. Tapi RM1.3 bilion yang dihulurkan oleh Kerajaan Pusat menandakan bahawa Kerajaan Pusat puas hati dengan kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu yang ada pada hari ini sebab itu dia bagi RM1.3 bilion (Tepukan Sokongan) Itu atas kebijaksanaan Menteri Besar kita yang boleh mempengaruhi Kerajaan Pusat dengan hubungan yang begitu baik hingga kita dapat RM1.3 bilion. Tidak seperti mana Pas memerintah dulu nak dapat 1 sen pun susah sebab perhubungan begitu ketara, macam-macam kata ke Kerajaan Pusat. Ini yang menyebabkan kedua-dua Wakil Rakyat Pas habis-habisan menentang Bajet yang ada, timbullah berbagai-bagai anggapan dan tuduhan dan sebagainya. Lupakah Pas semasa memerintah 4 tahun dulu, apa yang dia buat kepada rakyat Negeri Terengganu? Rakyat bosan dengan kepimpinan Pas. Bahagi tanah tak betul, wang zakat dibelanjakan begitu

rupa, anak pemimpin Pas dapat wang zakat. Tadi keluar anak Exco dapat biasiswa, biasiswa dengan zakat lain. Zakat atas budi bicara biasiswa atas kebijaksanaan, atas kecemerlangan yang diberi. Kalau kita tengok, kita baca Bajet ini Muasassah Gadaian Islam akan dibuka di tiap-tiap daerah. Masa Pas dulu berapa Muasassah Gadaian Islam yang dibuka melainkan Gadaian Konvensional yang diberi kepada taukeh-taukeh Cina. Ini suatu pengkhianatan kepada rakyat Negeri Terengganu yang kita buat semua tak betul.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pencapaian UPSR 5 tahun berturut-turut. Kita tahu Pas kata tahun 2001, 2002 bawah dia perintah tapi masa dia perintah berapa sen dia beri kepada anak-anak kita untuk belajar, apa sumbangan dia kepada kelas-kelas UPSR? Tak ada. Hari ini kita berjaya apabila peruntukan begitu besar diberi untuk pelajaran macam-macam dipertikaikan. Keluar balik royalti tahun 2003, 2000 dan sebagainya seolah-olah untuk menutup, menuduh kelemahan semasa dia perintah dulu. Ini yang berlaku sebab itu saya berharap kita rakyat Negeri Terengganu jangan mudah terpengaruh sebab masalah ini, perkara yang disebutkan tadi akan disebar ke seluruh negeri kepada rakyat. Ini satu tindakan yang boleh mengecewakan kita orang Islam. Apa yang kita nak buat betul macam-macam dibangkang dan sebagainya. Masa dia ada peluang buat satupun tak buat. Balak diberi begitu rupa, yang kecil, yang besar semua dapat balak. Macam-macam lagi penyelewengan yang berlaku semasa pemerintahan Pas dulu sebab itu rakyat Negeri Terengganu tolak Pas mentah-mentah dalam pilihan raya yang lalu. Sebab itu saya katakan tadi, hari ini kita perintah dengan cemerlang di bawah kepimpinan orang muda, Dato' Seri Menteri Besar dapat melaksanakan pembangunan yang melibatkan keuntungan kepada rakyat seluruh Negeri Terengganu. Menang sahaja pilihan raya lebuh raya diisytiharkan, lepas itu lapangan terbang diperbesarkan, kompleks sukan didirikan. Pada masa Pas perintah dulu takkan nak beri ke sukan, 5 senpun tak beri, takdok peruntukan langsung yang diberi kepada pertubuhan sukan, pertubuhan belia dan sebagainya di Negeri Terengganu. Hari ini Kerajaan dapat menyediakan satu tempat bersukan yang begitu besar. Begitu juga dengan projek-projek lain yang akan menyusul dari masa ke semasa. Dan, tahun 2006 kita akan melihat pembangunan yang lebih pesat dari tahun 2005 akan berlaku dengan lulusnya Bajet yang dibentangkan ini. Ini akan menaikkan kelemahan Pas selepas daripada ini sebab itu hari ini macam-macam kata ke Kerajaan yang ada hari ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita jangan mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah daripada orang yang kecewa, orang yang gagal, orang yang tak reti memerintah, yang tak tahu memerintah, tak tahu dan tak dapat membangunkan rakyat Negeri Terengganu semasa pemerintahan dulu hanya pandai bercakap.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itulah secara ringkas dalam masa yang terhad yang suka saya sampaikan. Saya mintak perkara ini tidak akan terus berlanjutan daripada tindakan yang dilakukan oleh kedua-dua Wakil Rakyat Pas ataupun Pembangkang daripada Wakaf Mempelam dan Batu Burok. InsyaAllah, kita percaya rakyat akan terima baik Bajet yang dibentangkan ini Bajet ini akan memberi keuntungan kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan Yang Di Pertua, kalau tak silap saya semasa jadi Pembangkang dulu Kerajaan Pas ada bercadang dan saya

yakin Wakil Kemasik masih ingat untuk membina satu lebuhraya yang dinamakan *Motorway*. Setakat ini bagaimana perkembangan pendapat Wakil Rakyat Kemasik? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dulu Kerajaan Persekutuan nak buat lebuhraya bermacam-macam syarat dikenakan oleh Kerajaan Pas ketika itu. Lepas itu isytihar dalam Dewan ini untuk membina lebuhrayanya sendiri dengan jarak 257 kilometer daripada Kemaman ke Besut. Mengambil laluan dalam hutan luasnya 3 kilometer ini diakui sendiri oleh pemimpin Pas ketika itu, nak buat lebuhraya ambil laluan 3 kilometer jarak dia sedangkan laluan sebenarnya hanyalah dalam jarak 200 kaki

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Laluan Dato' Yang Di Pertua, macam nak buat landasan kapal terbang je ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Mintak laluan. Berapa lorong? (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau 3 kilometer kapal terbang boleh turun. Tujuannya bukan nak buat lebuhraya, beri kepada syarikat Diamond Link yang bermodalkan RM2, pejabatpun takdok di Kuala Lumpur hanya ada bilik kecil saja ada dua butiran meja tujuannya untuk ambil balak. Hari ini kita perintah isytihar lebuhraya, dah buat dah sebahagian. Ini pembohongan, penyelewengan, kegagalan oleh Kerajaan dulu. Sedarlah sikit kita gagal memerintah, kita tak reti memerintah jangan kita komen orang yang pandai memerintah. (Tepukan Sokongan) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, cukuplah setakat itu. Nak lagi? Dengan harapan supaya pemerintahan yang ada hari ini akan terus berkekalan berdasarkan pembangunan yang kita lakukan kepada seluruh negeri dan untuk rakyat. InsyaAllah Pas tak akan bangun selepas ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada berapa orang lagi yang nak mengambil bahagian? Empat orang. Oleh kerana saya rasa masa cuma tinggal 10 minit saja lagi dan besok kita masih ada dua hari lagi untuk Persidangan Dewan kita yang telah kita isytiharkan. Jadi saya rasa oleh kerana masa sudah sampai ke peringkat penghujungnya kalau kita beri barangkali tak sampai ke mana. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Persidangan kita pada hari ini dan akan disambung semula pada pagi besok 7hb Disember 2005 di mana selepas sesi Soalan-soalan Lisan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk meneruskan perbahasan Bajet 2006. Jadi saya tangguhkan Dewan kepada 7hb Disember 2005 pukul 9.30 pagi. Dan, marilah sama kita membaca surah Al-Asr. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 4.50 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI RABU, 7 DISEMBER, 2005

**Hari Rabu,
7 Disember, 2005**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 129]
2. Soalan-Soalan Lisan. [Muka 133]
3. Rang Undang-Undang:
 1. Enakmen Perbekalan (2006) 2005. [Muka 152]
[Sambungan Perbahasan Enakmen]

[Bersambung]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERTHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN., PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawī bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (Dengan Maaf):

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Mokhtar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca umul kitab – Al-FATIHAH.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengenakan bayaran bagi tempat letak kereta.

- a. *Sila nyatakan jumlah kutipan bayaran tersebut bagi semua PBT pada tahun 2004 dan tahun 2005?*
- b. *Apakah langkah yang diambil oleh pihak PBT dalam menangani kekurangan petak tempat letak kereta memandangkan ramai pengguna yang disaman sedangkan tempat letak kereta tidak mencukupi?*
- c. *Apakah langkah yang diambil terhadap pengguna yang ingkar terhadap saman yang dikeluarkan dan berapa ramaikah yang telah diambil tindakan tahun ini?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, sehingga kini 3 majlis sahaja yang melaksanakan bayaran tempat letak kereta iaitu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Besut.

Bagi tahun 2004, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah berjaya memungut hasil daripada tempat letak kereta sebanyak RM2,455,823, Majlis Perbandaran Kemaman RM658,757 dan Majlis Daerah Besut sebanyak RM148,581.

Bagi tahun 2005 sehingga Oktober, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah berjaya memungut sebanyak RM2,088,764, Majlis Perbandaran Kemaman RM490,566 dan Majlis Daerah Besut sebanyak RM130,204.

Langkah yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengatasi kekurangan petak letak kereta ialah dengan mengenal pasti kawasan-kawasan baru yang boleh dijadikan tempat letak kereta dan mengenakan syarat penyediaan tempat atau petak letak kereta bagi bangunan perniagaan dan bangunan pejabat dengan keluasan 929 meter

persegi dengan satu tempat letak kereta. Pembinaan hotel 3 bilik satu tempat letak kereta dan pembinaan *hyper market* bagi setiap 15 meter persegi dengan satu tempat letak kereta dan 20 peratus daripadanya tempat letak motosikal. Di samping itu, bagi peniaga-peniaga yang membina bangunan pejabat dan perkedaian, mereka juga diberi pilihan sekiranya tidak disediakan tempat letak kereta mereka dikenakan bayaran sebanyak RM15,000 bagi setiap tempat letak kereta yang tidak dapat disediakan. Bagi pengguna yang ingkar akan dikenakan surcaj dan juga notis kompaun. Jika notis tersebut masih lagi gagal dipatuhi, pihak Majlis akan mengambil tindakan saman di mahkamah. Sehingga kini pihak Majlis Perbandaran Kemaman telah mendaftar dua kes kesalahan tempat letak kereta di mahkamah. Manakala pihak MPKT telah mengambil tindakan mengunci sebanyak 10 buah kenderaan yang ingkar membayar kompaun. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah Kerajaan bercadang untuk membina tempat letak kereta bertingkat bagi mengatasi masalah yang dihadapi pada hari ini?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Adalah menjadi hasrat pihak PBT untuk menyediakan tempat letak kereta secara bertingkat dan ianya bergantung kepada kemampuan kewangan PBT berkenaan pada masa depan kerana ianya melibatkan kos yang tinggi tapi ini adalah merupakan alternatif yang terbaik yang ada pada pihak PBT sendiri kerana pengambilan balik tanah di kawasan PBT untuk dijadikan kawasan lapang tempat letak kereta kosnya lebih tinggi daripada itu, Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Wakil Bukit Tunggal mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatuillahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Semenjak April 2004 sehingga kini, berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membekalkan komputer dan perkakasan ICT di sekolah-sekolah Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatuillahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Bukit Tunggal mahu bertanya -- Semenjak April 2004 sehingga kini, berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membekalkan komputer dan perkakasan ICT di sekolah-sekolah Negeri Terengganu?

Dato' Yang Di Pertua, jumlah peruntukan telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi Kerajaan Negeri semenjak April 2004 hingga kini adalah berjumlah RM3,436,202.30. Pecahan daripada ini ialah melalui:

<u>Jabatan</u>	<u>Tahun</u>	<u>Sekolah</u>	<u>Peruntukan (RM)</u>
Jabatan Hal Ehwal Agama	2004	Sekolah Menengah Agama Negeri Maahad Tahfiz	1,000,000 10,000
Yayasan Terengganu		Sekolah Menengah Imtiaz Dungun	100,918
		JUMLAH (2004) :	1,110,918
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri & UPEN	2005	Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Bidong	215,710
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu		Sekolah Menengah Agama Negeri Maahad Tahfiz	1,900,000 12,000
		SRABT	32,000
Yayasan Terengganu		Sekolah Menengah Imtiaz Dungun	28,387.60
		Sekolah Menengah Imtiaz Besut	115,413
	Kolej Islam Sains Terengganu (KIST)	17,109.80	
	Asrama Y.T. Kemaman	4,663.90	
		JUMLAH (2005) :	2,293,284.30
		JUMLAH BESAR	3,436,202.30

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sejauh manakah Kerajaan Negeri memantau pembinaan bantuan komputer serta perkakasannya dan keberkesanan penggunaan bantuan yang telah disalurkan ke sekolah-sekolah?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Bajet tahun lepas dan juga tahun ini, penekanan kita adalah pada OSS. Jadi melalui unit UPMN kita memantau dari masa ke semasa dari segi penggunaannya supaya

dia selari dengan dasar ICT Negeri Terengganu. Dan juga *maintenance* nya kita tidak akan biarkan sekolah kita bekalkan komputer kita lok saja. Pasti kita akan pastikan penggunaannya ke maksima mungkin. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Wakil Alur Limbat mengemukakan soalan bagi soalan nombor 2.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Yang Di Pertua, soalan nombor 2 dalam senarai -

Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri ke arah mengekalkan keseimbangan alam sekitar Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri berazam untuk mengekalkan keseimbangan alam sekitar dalam proses pembangunan negeri ini. Pengurusan alam sekitar dan sumber asli secara mampan atau lestari dijadikan sebagai salah satu daripada dua belas teras bagi merealisasikan hala cara pembangunan dalam Rancangan Pembangunan 5 Tahun Negeri Terengganu. Antara rancangan jangka panjang yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah menubuhkan Terengganu Riverine And Coastal Authority (TREVICOSTA) satu badan berkuasa untuk memastikan segala pembangunan fizikal tidak akan menjejaskan eko sistem semulajadi semua sungai, tasik, laut dan pulau-pulau.

Langkah yang kedua ialah mengadakan program-program kesedaran seperti Kem Kesedaran Alam Sekitar, Kempen Kitar Semula, Program Meningkatkan Kualiti Air Sungai dan Program Pengurusan Alam Sekitar Yang Baik.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang berusaha sedaya upaya untuk memastikan keseimbangan eko sistem dan pembangunan lestari. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada zaman 'Membangun Menurut Islam', yang mana pada masa itu Kerajaan Negeri pernah meluluskan kawasan balak seluas 43,000 ekar di kawasan yang dikatakan kononnya tapak Kenyir Dam kedua kepada sebuah syarikat yang bernama Ria Padu Sdn. Bhd. Soalan saya adakah kelulusan kawasan balak tersebut dibuat dengan terlebih dahulu mengambil kira kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, walaupun kajian EIA diperlukan sebelum suatu aktiviti pembalakan dijalankan terutama di kawasan sensitif seperti Hutan Simpanan tapi bagi projek pembalakan yang diluluskan pada masa Kerajaan Pas dahulu memang tiada kajian EIA yang dikemukakan. Ini menunjukkan perbezaan antara Kerajaan yang bertanggungjawab dengan Kerajaan Pas dulu yang hanya pentingkan penyokong-penyokong mereka dan menolong mereka baham balak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato'

Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah tempat untuk dibuang sampah sekarang ini di Sungai Ikan telah mendapat EIA dan adakah semasa Program Monsoon Cup baru-baru ini duk korek muara sungai telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bagi projek pelupusan sampah di Kubang Ikan memang telah diadakan satu kajian EIA dan bagi projek mengorek muara Sungai Terengganu, satu kajian telah diadakan 2 tahun yang lepas masa pengorekan pasir di Sungai Terengganu itu dijalankan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia tak faham soalan saya. Saya tak tanya ada kajian atau takdok kajian saya tanya kelulusan. Adakah telah mendapat kelulusan?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Jikalau tidak ada kelulusan memang kerja itu tidak dapat dijalankan. Itulah jawapan dia. (Tepukan Sokongan)

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang orang Melayu Terengganu kata 'ismi', apabila kena atas kepala diapun cari pasal 'dah mu buat jugak?' Jadi soalan tadi walau di luar konteks soalan asal yang saya kemukakan. Saya sekali lagi Dato' Yang Di Pertua, juga pada zaman 'Membangun Bersama Islam' pada ketika itu jugak pernah meluluskan kawasan seluas 3,000 ekar di Mukim Besol kepada Syarikat North East Plantation yang dimiliki oleh taukeh Harakah, Dato' Hishamuddin Yahya. Jadi soalan saya apakah kelulusan tersebut dibuat setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Di Pertua, jawapannya sama saja semasa Kerajaan Pas dulu memang tidak ada apa-apa kajian EIA dikemukakan sebelum kelulusan aktiviti pembalakan kecuali wakil kita yang di hadapan saya ada jawapan yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya persilakan Wakil Langkap kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya nak minta penjelasan kerana ini adalah hak Dewan, Yang Berhormat Bandar supaya menjawab dengan jelas kerana Dewan. EIA telah diluluskan ataupun tidak pembuangan sampah di Sungai Ikan, tak boleh jawab macam tu kerana saya yakin ada tidak ada kelulusan EIA sehingga kini biar Dewan ini, tempat yang mulia ini dijawab dengan betul.

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Di Pertua, pelupusan sampah itu merupakan satu projek yang kita perlu jalankan untuk kegunaan pembuangan sampah untuk kawasan seluruh Bandar Kuala Terengganulah. Jadi kajian memang telah diadakan dan Jabatan Alam Sekitar selalu memastikan dan memantau keadaan di kawasan pelupusan sampah supaya mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan jawapan. Kajian boleh dilakukan soalnya adakah kelulusan diperolehi? Jangan bohong Dewan ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Lawyer Islam boleh bohong barangkali. Tiga kali dah Dewan ini dengar pembohongan daripada Wakil Batu Burok, sudah tiga kali Dewan ini menyaksikan pembohongan, pertama pasal surat kononnya seorang kontraktor membekalkan *Communicator* kepada Wakil-wakil Rakyat. Yang kedua, kononnya Menteri Pelancongan telah membenarkan tari-menari di Terengganu dan yang ketiga kelmarin, kononnya kontraktor yang tidak memiliki

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya pohon Yang Di Pertua menggunakan kuasa Dato' Yang Di Pertua mengadakan kesusilaan Dewan ini. Soalan saya kata belum dijawab dengan tepat, Dewan perlu mengetahui secara benar, cuma jawabnya tidak ada kelulusan lagi kajian telah dibuat, cukuplah tetapi jangan bohong hentam ke lain, makan balak ke, makan sampah ke.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jawapan telah diberi soal Yang Berhormat boleh terima ke tak boleh terima itu bergantung kepada Yang Berhormatlah. Jadi sila Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor 1 -

Berapa ramaiakah pelancong asing yang datang ke Terengganu 2004 dan 2005 dan perbandingannya dengan pelancong tempatan.

- a. Berapakah anggaran perbelanjaan yang telah mereka belanjakan di Terengganu?*
- b. Apakah produk pelancongan yang paling digemari oleh pelancong asing berbanding dengan pelancong tempatan di negeri ini?*
- c. Apakah faktor yang menyebabkan tempat-tempat pelancongan di kawasan bukit semakin terbiar dan tidak terjaga?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang dikemukakan adalah berkaitan dengan kehadiran pelancong ke Negeri Terengganu khususnya pelancong asing. Pada tahun 2004 kehadiran pelancong di Terengganu adalah seramai lebih kurang 1.58 juta orang manakala 1.418 juta adalah pelancong domestik manakala bakinya seramai 162,000 orang adalah pelancong asing. Sehingga Oktober 2005, kehadiran pelancong di Terengganu adalah seramai 1.58 juta

orang dan ini telah melebihi angka kehadiran tahun lepas dan pelancong asing adalah seramai 182,000 orang dan pelancong domestik seramai 1.4 juta orang. Kalau dilihat dari segi peratusannya kehadiran pelancong asing adalah seramai 14 peratus daripada jumlah pelancong yang hadir di Terengganu ini.

Berkaitan dengan soalan nombor 2 - Anggaran perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pelancong-pelancong ini. Purata setiap pelancong yang hadir di Terengganu berbelanja lebih kurang RM300.00 seorang bagi setiap pelancong asing dan RM200.00 seorang bagi setiap pelancong domestik.

Soalan nombor 2 (b) - Berkaitan dengan produk-produk pelancongan yang digemari oleh pelancong asing adalah pelancong-pelancong asing ini mereka lebih gemar kepada produk-produk pelancongan seperti *eco-tourism* iaitu pulau-pulau peranginan, *culture tourism* seperti budaya, adat resam dan juga berkaitan dengan pantai-pantai kita. Manakala pelancong tempatan pula lebih menggemari produk-produk *edu tourism* berkaitan dengan tempat-tempat bersejarah, mengadakan kursus-kursus dan sebagainya dan juga termasuk tempat-tempat perkelahan dan *sports tourism*.

Berkaitan dengan soalan nombor (c) – Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tempat pelancongan di kawasan bukit semakin terbiar. Ini adalah disebabkan masalah persepsi rakyat kita sendiri, kawasan-kawasan berbukit ini adalah jauh di pedalaman yang menyebabkan susah untuk kita menyenggara tempat tersebut dan yang keduanya adalah masalah vandalism. Inilah dua perkara yang menyebabkan kawasan berbukit ini susah dijaga dan agak terbiar berbanding dengan kawasan-kawasan pelancongan di bandar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Setengah-setengah pihak mengaitkan kehadiran pelancong-pelancong asing dengan aktiviti perjudian dan pelacuran. Dalam hal ini apakah sebenarnya pandangan Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini adalah satu persepsi sahaja yang dikira pandangan keadaan setempat. Bagi Negeri Terengganu ini kita merasakan dia tidak berlaku dan ini merupakan satu perkara yang kita pantau. Kerajaan Negeri Terengganu mengasaskan pelancongan kita ini ataupun cara-cara kita nak tarik pelancong ini adalah dengan beberapa produk yang berkait dengan alam semulajadi dan kebudayaan kita. Dan ini dapat kita tarik pelancong-pelancong yang lebih *matured* dengan izin, yang memang tidak dikaitkan dengan pelacuran dan judi ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Macam mana pihak Kerajaan mengatakan bahawa apa yang diucapkan oleh Wakil Langkap itu tadi sebagai satu persepsi sedangkan rata-rata penceramah-penceramah Pembangkang mereka mengeluarkan fitnah berceramah dan seumpamanya menuduh seolah-olahnya negeri ini merupakan tempat yang melahirkan perjudian dan seumpamanya dan ini dilakukan oleh orang-orang yang digelar sebagai Tuan-tuan Guru dan seumpamanya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini adalah sebahagian daripada kerja-kerja merekalah Dato' Yang Di Pertua dan kalau apa yang kita buatpun mereka tidak akan kata benda itu baik. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Setakat manakah kerosakan terhadap nilai-nilai budaya tradisional tempatan akibat daripada kemasukan begitu ramai pelancong asing?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, setakat ini kita tidak menerima apa-apa laporan berkaitan dengan sejauh mana kerosakan berlaku. Kita juga pantau keadaan ini dan kemungkinan perkara-perkara yang disebut-sebut mungkin berlaku di pulau-pulau tapi kita ada pantau keadaan ini dan itu merupakan juga satu tuduhan saja. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Cukup dah soalan tambahan. Saya persilakan Wakil Rantau Abang mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih setelah Soalan Lisan pada 5 dan 6 ditolak, soalan saya nombor 1 -

Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan Rimba Bandar Bukit Bauk di Dungun pada 7 Ogos 2006 sebagai hutan warisan yang akan dipelihara dengan cermat bagi kepentingan generasi akan datang.

- a. Sudahkah Kerajaan Negeri memubuhkan satu badan pengurusan bagi memberi tumpuan khusus dalam soal ini?*
- b. Apakah elemen penting Pembangunan Lestari (Sustainable Development) yang dicadangkan?*

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa ini Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan satu badan khas untuk tujuan mengendalikan pengurusan kursus untuk Rimba Bandar Bukit Bauk di Dungun. Elemen penting Pembangunan Lestari yang dicadangkan untuk Rimba Bandar Bukit Bauk adalah sebagai pembangunan pusat sumber pengajian bioteknologi hutan, pendidikan dan rekreasi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Berapa lamakah lagi kajian akan dibuat

supaya satu badan pengurusan bagi Rimba Bandar Bukit Bauk ini dapat disediakan kerana saya percaya mengikut kajian yang telah dibuat aset bagi kawasan Rimba Bandar Bukit Bauk ini bernilai hampir RM4 bilion.

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, badan pengurusan sedang ditubuhkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih, Dato'.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Apakah nasib Sekolah Rendah Agama Bersepadu Terengganu (SRABT) selepas tahun 2005?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Adapun soalan pertama mengenai Sekolah Rendah Agama Bersepadu Terengganu selepas 2005. Jawapannya Sekolah-sekolah Rendah Agama Bersepadu Terengganu (SRABT) diteruskan sekarang cuma pengambilan tidak diambil. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Sekolah Rendah Agama Bersepadu diteruskan ini semua orang tahu, saya tanya selepas 2005 setelah pengambilan baru tidak diambil mulai beberapa tahun kebelakangan ini. Dulu kita dengar Kerajaan buat kajian melalui KUSTEM apakah keputusan kajian itu dibuat apakah cadangan mereka kepada Kerajaan, makna 2005 ini kalau tak ambil pelajar baru bagaimana kedudukan dia?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): 2005 tidak ambil, 2006 tidak diambil, 2007 tidak diambil tetapi yang berjalan sekarang masih berjalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini satu langkah ke arah penutupan ataupun pembangunan?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Ke arah pembangunan kerana kita terbukti dengan arus-arus Sekolah Perdana sekarang yakni daripada darjah 1 hingga darjah 6 Sekolah-sekolah Terengganu mendapat kejayaan yang cukup cemerlang. Jadi insyaAllah dengan itupun sudah mencukupi untuk menjadi *feeders* kepada mana-mana sekolah menengah di Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Sekolah SRABT ini belum ada ujiannya untuk UPSR.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita tengoklah ujian tahun depan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan satu.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Di Pertua Dewan, sebelum soalan satu, saya ingin menarik perhatian Dewan terdapat kesilapan menaip 'Masih ada lagi kawasan pekan yang tidak *terlihat* dipinda kepada *terlibat*.' Soalan satu -

Draf struktur pembangunan kawasan 2006 peringkat negeri telah dipamerkan baru-baru ini "Masih ada lagi kawasan pekan yang tidak terlibat"

- a. *Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan kawasan pekan yang tidak disenaraikan?*
- b. *Apakah jenis pembangunan yang akan menjadi tumpuan dalam perancangan tersebut?*

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan akan mengkaji semula dan memasukkan mana-mana pekan yang tidak disenaraikan dalam Rancangan Tempatan yang berkenaan bagi Rancangan Pemajuan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Pembangunan yang menjadi tumpuan ialah dalam perancangan tersebut Rancangan Pemajuan yang disediakan adalah memastikan kesesuaian perancangan kawasan kediaman, perniagaan, perindustrian, rekreasi, kemudahan awam dan infrastruktur dirancang dengan teratur bagi keselesaan penduduk dan dapat meningkatkan kegiatan ekonomi setempat. Di samping itu, menyusun semula pembangunan pusat-pusat pertumbuhan sedia ada dan dapat mengenal pasti pusat-pusat pertumbuhan baru selaras dengan projek-projek perdana seperti Lebuhraya Pantai Timur dan juga Universiti Darul Iman Malaysia. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua Dewan, berapa lamakah jangka masa yang diambil oleh pihak Kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, kajian ini bergantung kepada besarnya saiz sesuatu Rancangan Tempatan iaitu antara setahun hingga 18 bulan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Paka mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Tidakkah Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya bercadang untuk mewujudkan Hospital Pakar Swasta bagi memenuhi keperluan rakyat negeri yang terpaksa ke Kuantan untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmtullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil Paka ingin mengetahui berkaitan dengan – Adakah cadangan pihak Kerajaan Negeri ataupun mana-mana badan dalam usaha untuk mewujudkan sebuah Hospital Pakar di Negeri Terengganu?

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya Kerajaan sememangnya mengalu-alukan mana-mana syarikat ataupun anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Hospital Pakar yang mana sehingga kini kita tidak mempunyai walaupun satu buah Hospital-Hospital Pakar dan ini menimbulkan masalah kepada rakyat kita untuk mendapat perkhidmatan pakar dengan membayar mereka terpaksa pergi sama ada ke Kuantan ataupun ke Kota Bharu. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Kalau tak silap saya pada tahun 2003 saya pernah terlihat sepanduk ataupun banting pada ketika itu sebuah Hospital Pakar yang ditubuh oleh Kerajaan Negeri melalui salah sebuah anak syarikatnya yang kalau tak silap saya namanya Darul Iman Medical Centre. Apakah perkembangan penubuhan hospital yang dicadangkan pada ketika itu?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua, Darul Iman Medical Centre ataupun DIMC adalah suatu projek yang dirancang oleh Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Pas yang sehingga kini statusnya mati dah. Ertinya tidak ada apa-apa perkembangan walaupun ketika itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu telah merasmikan projek tersebut tapi selepas perasmian projek itu tidak berjalan. Dan, hari ini bangunan tersebut telah dibeli ataupun telah disewa kepada satu syarikat lain yang insyaAllah pada September 2006 tahun depan satu Hospital Pakar yang mengandungi 2 dewan bedah, 1 bilik *high dependency unit* dan 12 hingga 15 pakar akan ditubuhkan di situ. Di samping itu, TDM juga telah mengambil inisiatif untuk membina dan membuka hospitalnya di Lot 4566, Jalan Tengku Ampuan Mariam, Kuala Terengganu dalam bulan Jun tahun depan, insyaAllah. Jadi ini menunjukkan kesungguhan kita yang mana kita merancang dan insyaAllah, kita bukan berjanji kosong kita akan mengotakan janji-janji kita kepada rakyat, kita bukan seperti macam Kerajaan Pas dahulu 'perasmian tapak' dan rakan-rakan saya apabila dikatakan Hospital DIMC (Darul Iman Medical Centre) ini dibuka ramai rakan saya pergi ke sana tapi apabila sampai ke sana bangunan kosong yang ada. Jadi ini juga satu penipuan yang dilakukan oleh Kerajaan ketika itu kepada rakyat. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Wakil Paka. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Berapakah keluasan keseluruhan tanah yang diberi kepada Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) oleh Kerajaan Negeri yang belum dibangunkan oleh YPK sehingga kini?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Seberang Takir ingin mengetahui keluasan keseluruhan tanah yang diberi kepada Yayasan Pembangunan Keluarga oleh Kerajaan Negeri yang masih belum dibangunkan?

Setakat ini kita ada 5 kawasan ataupun lokasi yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada YPK untuk dibangunkan iaitu di:-

- (i) Mukim Chendering seluas 2,664 meter persegi.
- (ii) Teluk Ketapang, Mukim Kuala Nerus seluas 1.3792 hektar.
- (iii) Rhu Tapai, Mukim Merang seluas 138,100 meter persegi.
- (iv) Kerteh seluas 16,722 meter persegi.
- (v) Pak Tuyu, Mukim Batu Rakit seluas 2,560 meter persegi.

Jadi semuanya ini akan dibangunkan sebagai pusat aktiviti YPK seperti Pusat Program Jaya Diri, Taska dan program-program yang berada di bawah YPK. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengemukakan soalnya bagi soalan nombor 2.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Soalan yang pertama? Yang pertama tolak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalan nombor 2.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pertama yang tertinggal.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Macam tak pernah jadi Wakil Rakyat ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya takmbah jawab sebab dia kata soalan pertama. Soalan kedua, saya jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan nombor 2, yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Apa maksud soalan itu? Saya tengok soalan tak ada pecahan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan nombor 2, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ya, Yang Berhormat mengemukakan soalan nombor berapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan nombor 2 -

Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak meneruskan dengan pembinaan Menara MPKT (Majlis Perbandaran Kuala Terengganu) di tapak yang diluluskan oleh Kerajaan semasa pemerintahan Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Jalan Batas Baru, Kuala Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua. Soalan nombor 2. Memang Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Menara Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan perkara tersebut dalam perancangan Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun, tapak bangunan Menara MPKT belum dikenal pasti secara khusus dan ia bergantung kepada hasil kajian Pembangunan Bandar Kuala Terengganu yang sedang berjalan sekarang ini. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Air Putih mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya nombor 1 -

Sektor pelancongan berbentuk Home Stay dilihat semakin berkembang pesat dan mampu menjana sumber ekonomi negeri.

- a. *Sejauh manakah Kerajaan bercadang untuk memperhebatkan usaha dalam memperluaskan lagi sektor pelancongan Home Stay seperti yang telah dijalankan di tempat-tempat lain?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan berbentuk sektor pelancongan ini berkaitan dengan *Home Stay*. Memang Kerajaan memberi penekanan yang berat terhadap produk berbentuk *Home Stay* ini dan program *Home Stay* ini merupakan satu produk pelancongan yang dapat memberi kesan langsung kepada rakyat dan dengan itu Kerajaan sedang mengenal pasti penduduk-penduduk kampung yang berminat untuk mengusahakan konsep *Home Stay* ini. Di samping berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha-pengusaha yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu dan Tourism Malaysia juga mengadakan latihan-latihan berkala kepada pengusaha-pengusaha *Home Stay* dan juga pihak Kementerian Pelancongan juga ada menyediakan pinjaman kepada pengusaha *Home Stay* untuk meningkatkan lagi kemudahan asas yang ada seperti tandas dan sebagainya di rumah-rumah mereka yang boleh meningkatkan lagi konsep *Home Stay* ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga mempopularkan satu lagi konsep yang dipanggil *Home Visit* seperti konsep lawatan harian yang juga boleh menampung ekonomi penduduk-penduduk kampung. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Kita melihat Kerajaan hari ini lebih memberi tumpuan kepada konsep pelancongan di pantai-pantai dan di pulau-pulau. Apakah perancangan Kerajaan di dalam memastikan *Home Stay* ini yang saya kira untuk memberi lebih keselesaan pelancongan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang mana kalau kita lihat hari ini banyak kawasan-kawasan *Home Stay* seperti di Kampung Raja yang saya kira telah terbengkalai dan di kawasan-kawasan lain. Kalau boleh pihak Kerajaan cuba huraikan seberapa banyak manakah *Home Stay* ini telah berjalan pada masa kini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mungkinlah masa yang lepas itu ada program-program yang terbengkalai semasa pemerintahan Pas dahulu tetapi kita lihat sekarang ini Program *Home Stay* ini telah berjaya. Kalau kita lihat di Dungun sahaja misalnya di kawasan Pasir Raja kita ada lebih kurang 25 pengusaha di bawah Gerakan Desa Wawasan, di Setiu kita ada 15 pengusaha di Rhu Sepuluh dan juga di Penarik ada 4 pengusaha dan pengusaha-pengusaha ini telah berjaya di dalam bidang ini dan kita menganggap ini adalah satu kejayaan yang besar kepada penduduk-penduduk di dalam meningkatkan pendapatan bulanan mereka. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Wakil Air Putih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Pendidikan merupakan salah satu daripada ciri penting dalam Slogan Islam Hadhari Terengganu Bestari. Dalam usaha memastikan seluruh rakyat Terengganu agar mendapat pendidikan yang terbaik dan peluang kesamarataan pendidikan tersebut.

- a. *Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu terutamanya golongan miskin atau berpendapatan rendah untuk mendapat peluang pendidikan yang selesa?*
- b. *Sila perincikan bantuan Kerajaan Negeri terutamanya di bawah Yayasan Terengganu untuk program kecemerlangan pendidikan anak-anak Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini ada dua bahagian. Yang pertama, mengenai bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang miskin. Yang kedua, mengenai bantuan kepada untuk kecemerlangan pendidikan anak-anak Terengganu.

Jadi soalan yang pertama, pelajar-pelajar daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah tetap dibantu oleh Kerajaan sama ada Pusat ataupun Negeri seperti termasuklah buku-buku teks, pakaian dan basikal sekolah, kupon makanan, tuisyen secara berkala, bimbingan motivasi, bayaran yuran peperiksaan, ini kepada pelajar-pelajar yang ibu bapanya kurang berpendapatan. Adapun pelajar-pelajar cemerlang datang daripada kesemua latar belakang ada yang kaya juga yang kurang berpendapatan tapi bagi semua pelajar yang berjaya contoh memasuki IPT, memasuki sekolah berasrama penuh, memasuki peringkat diploma dan juga sijil-sijil agensi Kerajaan mereka juga diberi bantuan, yang dipanggil Bantuan Persediaan Kemasukan Ke IPT/Asrama Penuh tanpa mengira latar belakang keluarga dan juga tanpa mengira fahaman politik mereka. Pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan yang agak kurang baik dalam SPM juga dibantu melalui program Bantuan Pendidikan Yayasan Terengganu melalui pinjaman.

Yang kedua, Yayasan Terengganu juga sedang memperhebatkan lagi tajaan dan juga program kecemerlangan untuk anak-anak Terengganu seperti yang pertama sekali Bantuan Program Kecemerlangan Pendidikan Terengganu yang mendapat 5A UPSR, yang mendapat 8A PMR juga 6A paling minimum, yang mendapat 6A SPM ke atas STPM dan juga mereka yang mendapat Kelas 1 Ijazah Pertama di universiti-universiti di dunia, bukan di Malaysia, di dunia. Ini yang dibuat oleh Yayasan Terengganu dan mereka juga mendapat hadiah dari segi kalau dulunya pinjaman kalau dapat Kelas 1 ditukar kepada bentuk biasiswa, tak payah bayar. Juga mereka yang berhajat untuk membuat Ijazah Sarjana, daripada Kelas 1 tadi dapat Sarjana dan juga PHD di dalam dan luar negeri juga

dibantu oleh Yayasan Terengganu di samping pelajar-pelajar cemerlang untuk program pra-universiti. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Pada tahun ini Terengganu sekali lagi berjaya mengekalkan kecemerlangan dalam UPSR 5 tahun berturut-turut. Apakah perancangan oleh Kerajaan untuk mengekalkan kecemerlangan pendidikan di Terengganu ini dalam peperiksaan PMR dan juga SPM?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Alhamdulillah, bermula daripada bulan 12 ini juga Jabatan Pelajaran Terengganu telahpun membuat perancangan untuk memulakan gerak kerja ke arah memperkasakan lagi peperiksaan-peperiksaan awam di Terengganu, dah *start* dahpun.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua -- Semalam kita telah mendengar semasa pemerintahan Kerajaan Pas di Terengganu dua-tiga tahun yang lepas telah didakwa telah menyusun Sistem Pendidikan Terengganu untuk menjana kecemerlangan pendidikan di Terengganu. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan satu persatu apakah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri pada masa tersebut untuk membantu kecemerlangan pendidikan pada masa tersebut? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Minta maaf, tak boleh nak sebut, tak tahu tak ada apapun rekod.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Telemong. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang pertama (a), (b) dan (c), terima kasih -

- a) Berapakah jumlah terkini pelajar tajaan Yayasan Terengganu di Mesir?*
- b) Selain Rumah Negeri yang ada di Kaherah, apakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menyediakan penempatan asrama yang sama di Muhaajahah lain seperti di Iskandariah, Mansurah, Damamhur dan Tanis?*
- c) Apakah Kerajaan Negeri berakang untuk menyerahkan pengurusan Rumah Negeri di Mesir kepada pihak Kedutaan Jabatan Pemutus Malaysia di Mesir?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Di Pertua, soalan ini panjang jugak ni, 3 juzu' ni. Juzu' yang pertama ialah mengenai jumlah pelajar tajaan Yayasan Terengganu di Mesir. Bilangan dia setakat inilah 142 orang termasuk yang baru pergi baru-baru ini 47 orang. Yang kedua, Rumah Negeri yang ada di Kaherah tu, kita tak bercadang untuk alih ke tempat lain, duduk dekat situ lah kerana tumpuan pelajar Malaysia ialah di Kaherah. Dan yang ketiganya, Rumah Terengganu tidak bercadang untuk kita serah kepada Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) diuruskan sendiri oleh Yayasan Terengganu tetapi baru-baru ini ada satu mesyuarat di antara JPM dengan Yayasan Negeri-negeri dan kita bersetuju bahawa ada hubungan yang rapat di antara pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan juga aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh anak-anak negeri juga dimaklumkan kepada JPM Pusat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan saya – Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjual asrama ataupun Rumah Negeri yang ada di Ayyusabe'? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tidak lagilah tapi kita nak baiki balik biar lebih tertib, lebih baiklah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam pengamatan saya di Iskandariah terdapat ramai di kalangan pelajar-pelajar kita yang berada di sana dan kebanyakannya pelajar-pelajar wanita. Apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengadakan satu penempatan khas kepada pelajar-pelajar wanita tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Itu cadangan yang baik, insyaAllah apabila Pengarah Yayasan Terengganu nanti buat tinjauan insyaAllah ini akan diambil kira dan dalam tindakan kita yang selanjutnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan saya yang terakhir – Terdapat di kalangan pelajar-pelajar khususnya pelajar Terengganu yang berada di Mesir adalah terlibat dalam aktiviti-aktiviti *Anti Establishment* dengan izin, apakah perancangan Kerajaan bagi maksud untuk mengawal atau membendung kegiatan-kegiatan pelajar yang berkaitan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bersama-sama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri lain dan juga Kerajaan Pusat, beberapa program telah diatur untuk bukan sekadar dari segi ceramah tetapi dari segi mendekati diri mereka inilah dengan kerjasama pihak JPM yakni Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyusun program berpanjangan di Mesir, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Tepoh. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama (a), (b) –

Terdapat banyak tempat menarik tinggalan sejarah, pusat-pusat perkelahan berasaskan air terjun dan persekitaran alam semula jadi di Hulu Terengganu yang berpotensi besar untuk menjana kegiatan pelancongan.

- a. Apakah usaha-usaha dan perancangan pembangunan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk memastikan tempat-tempat tersebut menjadi salah satu destinasi pelancongan yang menarik?*
- b. Nyatakan kos-kos yang telah dan akan dibelanjakan oleh Kerajaan serta agensi-agensinya Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut sejak tahun 2000 hingga sekarang?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang dikemukakan ialah berkaitan dengan produk pelancongan di Hulu Terengganu dan jawapannya adalah Daerah Hulu Terengganu mempunyai banyak produk pelancongan yang menarik. Dalam jangka masa panjang Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan Daerah Hulu Terengganu sebagai destinasi pelancongan berasaskan *eco-tourism*, *culture tourism* dan *edu-tourism* dengan izin, yang sekarang ini amat popular di negara kita ini. Usaha-usaha promosi sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Pusat seperti Tourism Malaysia, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu dan Ketengah. Tasik Kenyir khususnya sedang dipromosikan sebagai 'Pintu Masuk' ke Taman Negara dan ini adalah selari dengan garis panduan yang dibuat di bawah Panduan Pembangunan Tasik Kenyir ataupun di bawah Pelan Induk Pembangunan Tasik Kenyir sehingga tahun 2010. Dalam jangka masa pendek pula, Kerajaan Negeri akan meningkatkan tahap penyelesaian di produk-produk pelancongan ini dan meningkatkan tahap kemudahsampaian ke produk-produk yang saya sebut tadi.

(b) Jumlah perbelanjaan oleh semua agensi Kerajaan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi membangunkan produk-produk pelancongan di Daerah Hulu Terengganu ini dari tahun 2000 hingga sekarang ini berjumlah lebih kurang RM61.259 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak tahulah saya nampak tadi penjelasan yang diberi oleh Wakil Cukai tadi lebih kepada Tasik Kenyir tapi yang saya nak tahu Wakil Cukai ini telah berapa kali dah pergi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Wakil Kerajaan bukan Wakil Cukai, jawapan oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya nak tahu, Wakil Kerajaan ini telah pergi ke belum ke kawasan-kawasan yang disebut tadi selain dari Tasik Kenyir?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, walaupun kawasan saya jauhlah di kawasan Cukai tapi saya banyaklah kali dah pergi ke Hulu Terengganu. Di Kenyir banyak kali dah sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Berang tadi tapi saya dah pergi juga ke tempat-tempat lain seperti di Hutan Lipur Sekayu saya dah pergi dan juga saya dah pergi ke di Kampung Bukit, dua tempat itu saya dah pergi dah. Dan, insyaAllah dalam tahun 2006 ini kita akan pergi lagilah lihat kawasan-kawasan yang saya sebut tadi akan dibangunkan sebagai kawasan pelancongan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Saya bercakap begini sebabnya adalah kerana saya dapatlah usaha Kerajaan untuk memastikan tempat-tempat tinggalan sejarah, pusat-pusat perkelahan yang berasaskan air terjun dan juga persekitaran alam semulajadi ini dilihat Kerajaan tidak berapa bersungguh-sungguh kerana mengikut Bajet yang diberipun saya rasa sangat sedikit maknanya tidak berbaloi dengan keadaan sekarang ini yang kita lihat pelancong-pelancong ramai datang dan kalau boleh supaya diberi lebih tumpuan lagi ke tempat-tempat yang disebut tadi dan tidak hanya lebih tertumpu kepada pelancongan berasaskan pantai dan juga pulau-pulau sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Kita ambil maklumlah Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah perkembangan tarikan pelancong iaitu rusa-rusa peliharaan di dalam kawasan Mini Zoo di Hutan Lipur Sekayu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, setahu saya tak adalah lagi dah yang di Hutan Lipur Sekayu, di zoo itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey terima kasih kepada semua Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat sekalian, sesi soal jawab Soalan Lisan telahpun selesai. Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sekarang saya buka untuk perbahasan bagi Bajet 2006. Sesiapa Yang Berhormat untuk mengambil bahagian, sila angkat tangan? Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati dan sidang Dewan yang dimulihkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, atas rasa terpenggil untuk turut berucap membahaskan terhadap Ucapan Bajet Tahun 2006 yang telahpun disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada dua hari yang lalu. Maka dikesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana mengizinkan dan memberikan laluan kepada saya untuk berbahas terhadap Ucapan Bajet tersebut. Di permulaan ini saya kira saya cukup tertarik untuk mengajak seluruh warga Dewan sekalian bagi maksud untuk kita menghayati apa yang telahpun disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang kepada saya permulaan Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menjadikan dua ayat suci Al-Quranulkarim sebagai landasan berpijak untuk bantangan Bajet pada tahun 2006. Ayat yang saya maksudkan itu ialah ayat Al-Quran di dalam Surah Hud ayat 88 yang mana ayat ini dikaitkan dengan kisah Nabi Allah Shu'aib tatkala menyeru kepada kaumnya untuk beriman kepada Allah lalu disebutkan kepada kaumnya yang dinukilkan oleh Allah S.W.T. dalam ayat tersebut (*Membaca petikan Surah Hud ayat 88*) yang membawa maksud - "*Sesungguhnya aku hanyalah sekadar untuk membawa kebaikan setakat kemampuan yang ada kepadaku dan tidaklah mendapat taufik melainkan diberikan oleh Allah ke atasnyalah aku berserah dan kepadaNya lah aku kembali.*" Ayat ini secara kesimpulannya bolehlah kita faham betapa membentang Bajet sebuah Kerajaan Negeri adalah merupakan suatu kerja yang cukup besar dan cukup berat tetapi atas dasar untuk memikul amanah, tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat kepada kepimpinan Kerajaan yang ada khususnya Kerajaan Barisan Nasional, Yang Amat Berhormat memulakan ucapannya dengan rasa merendah diri ke hadrat Allah S.W.T. bahawa apa yang dilakukan itu adalah lebih kepada untuk berikhtiar membawa kebaikan dan kebaikan itu akan dapat diperolehi dengan taufik dan hidayah daripada Allah S.W.T. mudah-mudahan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Bajet 2006 ini merupakan Bajet yang mendapat rahmat dan berkat daripada Allah S.W.T. dan sebagai rakyat termasuk seluruh warga Dewan sepatutnya merasakan bahawa Bajet ini adalah untuk kebaikan kita bersama. Kalau kita tidak boleh untuk nak memuji orang jangan sekali-kali kita mengambil kesempatan untuk mengeji orang lain, itulah pendirian kita sebagai seorang Islam sepatutnya bukan sebagaimana apa yang dilakukan oleh pihak Pembangkang, bukan puji tapi dia keji pula. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk melengkapkan Bajet ini dalam suasana merancang dan berikhtiar merancang Yang Amat Berhormat tidak lupa untuk mengungkap kisah yang berlaku kepada Nabi Allah Yusuf A.S. dengan

kaumnya dan termasuklah dengan pemerintah Mesir yang ada ketika itu. Lalu Nabi Allah Yusuf sebenarnya adalah seorang yang diberikan kekuatan oleh Allah S.W.T. untuk mentadbir mimpi dan satu ketika mimpi seorang Raja Mesir yang menyatakan bahawa "Akan aku bermimpi bahawa ada 7 ekor lembu yang kecil memakan lembu yang gemuk dan 7 tangkai bijian yang hijau dan yang kering." Lalu mimpi tersebut dibawa untuk ditadbirkan oleh Nabi Allah Yusuf dan apa yang disebutkan oleh Nabi Allah Yusuf yang dibawa oleh sahabat Nabi Allah Yusuf di dalam firman Allah Surah Yusuf ayat 46 (*membaca petikan ayat Surah Yusuf ayat 46*) yang bermaksud – "Wahai Yusuf orang yang benar, khabarkanlah tentang mimpi bagaimana 7 ekor lembu yang kurus pada masa yang sama memakan 7 ekor yang gemuk dan terdapat 7 tangkai bijian yang hijau dan 7 tangkai yang kering. Beritahulah kepadaku tadbir kedudukan mimpi tersebut mudah-mudahan aku kembali kepada manusia yang lain kepada Maharaja dan aku khabarkan kepada mereka mudah-mudahan mereka mengetahui." Lalu Nabi Allah Yusuf menyatakan tentang khususnya 7 ekor lembu kurus memakan 7 ekor lembu gemuk tersebut digambarkan tentang berlakunya musim kemarau yang panjang sekitar 7 tahun lalu diminta untuk Kerajaan Mesir yang ada ketika itu bersiap sedia membuat persiapan khususnya dalam soal-soal menyediakan peruntukan, peruntukan makanan sama ada dalam bentuk pertanian dan seumpamanya untuk menghadapi 7 musim kemarau tersebut. Inilah merupakan suatu gagasan bahawa apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar lebih menjurus kepada suatu perancangan bagi maksud mengambil kira masa depan yang sebenarnya tidak dapat kita tentukan. Dan, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang memulakan Ucapan Bajet Tahun 2006 dengan meletakkan dua landasan ayat Al-Quran tersebut bagi maksud untuk kita mencari kebaikan bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, melalui tiga objektif yang digariskan yang disambung dengan lima strategi bagi membantu proses Bajet ini berjalan dengan baik. Di antara tiga objektif tersebut saya amat tertarik kepada objektif pertama yang telahpun dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar iaitu 'Membangun Keupayaan' (*Capacity Building*) dengan izin, yang menggambarkan keupayaan untuk membangunkan semua modal insan, dalam usaha untuk meningkat tahap ilmu pengetahuan dan pada masa yang sama adalah untuk merubah minda umat secara keseluruhannya. Apa yang menyebabkan saya tertarik kepada objektif ini pada saya inilah objektif yang paling utama kalau dalam maksud untuk kita membasmi kemiskinan, dalam maksud untuk kita mewujudkan tamadun Terengganu yang baru, maka yang paling utama ialah untuk kita berusaha terlebih dahulu membangunkan keupayaan itu sendiri kerana sumber modal insan adalah merupakan sumber yang paling hebat untuk membangun sumber-sumber yang lain. Pada saya objektif-objektif ini sebenarnya ialah akan melahirkan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di dalam buku Bajet di muka surat 30 iaitu bagi mewujudkan golongan ataupun 'Generasi *Ululalbab*'. *Ululalbab* adalah merupakan suatu kumpulan ataupun manusia yang sebenarnya mempunyai kekuatan-kekuatannya yang tersendiri. Di dalam Al-Quranulkarim tidak kurang daripada 16 kali Allah S.W.T. menuliskan kata-kata ataupun *Ululalbab* yang ditujukan kepada kita semua. Di dalam Surah Al-Baqarahnya ada, di dalam Surah Ali-Imrannya ada, di dalam Surah Ar-Ra'dunya ada, di dalam Surah Saadnya ada, Az-Zumar, Al-Maaidah,

Yusuf, Ghaafir dan Ath-Thalaaq. Di antaranya Allah berfirman (membaca petikan Surah Yusuf ayat 111) - "*Mudah-mudahan bagi kamu itu kisah-kisah yang berlaku kepada Nabinahi itu menjadi iktibar kepada orang-orang yang berfikir.*" Begitu juga Allah menyebutkan (membaca petikan Surah Ali-Imraan ayat 190) "Dan berlakunya pertukaran malam dan siang itu adalah menjadi tanda-tanda bagi orang-orang yang berfikir." Kepada saya generasi *Ululabab* adalah generasi yang mampu untuk merubah masyarakat bagi maksud membina tamadun baru Negeri Terengganu. Generasi yang ada konsep *Ululabablah* yang sebenarnya akan meninggalkan unsur-unsur kemiskinan dan akan meninggalkan unsur-unsur kejahilan dan tidak kurang sebenarnya generasi *Ululabablah* yang dapat menahan diri daripada merebaknya penyakit-penyakit yang berjangkit. Justeru itu generasi *Ululabab* pada saya mempunyai dua konotasi yang cukup penting, yang pertama dia mempunyai kekuatan zikir, yang kedua generasi *Ululabab* ialah mempunyai kekuatan fikir. Zikir dalam makna menetapkan pengabdianya kepada Allah S.W.T. dan fikir dalam makna menggunakan akal fikiran yang ada kepadanya untuk melihat tentang kebesaran yang ada bagi merubah, bagi memperbaiki masyarakat sebab itulah generasi *Ululabab* merupakan generasi yang cukup penting diwujudkan dalam zaman-zaman kebelakangan ini. Oleh yang demikian, saya kira untuk mewujudkannya melalui Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ada tanda-tanda sebenarnya yang cukup jelas yang dipaparkan melalui paparan Bajet. Antaranya ialah penubuhan Institut Al-Quran Terengganu (IQ Terengganu) dengan peruntukan yang diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam buku Bajet yang telahpun diedarkan sebanyak RM5 juta, ini boleh dilihat dalam buku Bajet. Begitu juga mendirikan bangunan baru MARFA Yayasan Islam Terengganu di Kemaman dengan anggaran peruntukannya juga sekitar RM5 juta. Sebenarnya ini merupakan langkah-langkah bagi menyiapkan diri untuk membina dan mewujudkan generasi *Ululabab*. Inilah sebenarnya yang disebutkan sebagai kita bercakap pada masa yang sama kita berikhtiar meletakkan landasan yang kukuh terhadap apa yang kita cakapkan. Inilah sebenarnya parti yang memerintah Kerajaan Negeri Terengganu parti Barisan Nasional.(Tepukan Sokongan) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, begitu juga dengan kewujudan Unit Bestarinya, menambahkan lagi peruntukan untuk Tadika Cemerlangnya, kesemuanya ini adalah gambaran-gambaran yang cukup jelas halatuju Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bagi mewujudkan generasi *Ululabab* itu, insyaAllah generasi itu mampu untuk kita lahirkan dalam tempoh masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya suka juga untuk menjelaskan di sini betapa sebenarnya kita sentiasa mengambil cakna terhadap pembangunan syiar Islam dalam Bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Kita sebenarnya tidak pernah mengurangkan bahkan kita sentiasa meletakkan kelebihan-kelebihan kepada mewujudkan pusat-pusat ataupun perkara-perkara yang boleh meningkatkan syiar Islam. Peruntukan yang terus diberikan sebanyak RM60 juta bagi membina 30 buah masjid di seluruh negeri adalah merupakan suatu gambaran syiar yang cukup besar dan sekiranya perkara ini tidak dianggap sebagai suatu syiar oleh pihak-pihak tertentu maka sebenarnya pandangan yang sedemikian adalah merupakan pandangan yang cukup dangkal bagi maksud memahami tentang pembinaan syiar Islam itu sendiri. Begitu juga penerusan terhadap hasrat Kerajaan Negeri mewujudkan Muasassah Gadaian Islam di setiap daerah dalam Negeri Terengganu ini dengan peruntukan yang diteruskan diberikan, tambahan

sebanyak RM5 juta. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan rakyat jelata secara keseluruhannya hendaklah mengambil kesempatan di atas kewujudan Muasassah Gadaian ini bagi maksud untuk mencernakan ekonomi rakyat itu secara keseluruhannya. Begitu juga dengan bantuan-bantuan yang lain, bantuan *routine* sebagaimana biasa Maal Hijrahnya, Maulidur Rasulnya, Tilawah Al-Qurannya, Elaun Guru Agama dan Al-Quran, Elaun Bulanan Tokoh dan Ulama, Bantuan Berbuka Puasa Kepada Masjid-masjid, setiap masjid sebanyak RM1 juta Bantuan Penyelenggaraan Masjid kesemuanya ini merupakan langkah-langkah yang sentiasa diambil cakra oleh pihak Kerajaan bagi memastikan syiar Islam itu terus dinobatkan dan dimertabatkan di negeri kita ini. Inilah sebenarnya tugas pemerintah iaitu untuk memastikan syiar Islam itu terus dapat ditegakkan dan sebenarnya melalui pemerintah yang berhemahlah, dengan melalui pemerintah yang berwawasanlah sebenarnya syiar Islam itu mampu untuk terus dipertahankan di negeri kita ini, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam kesempatan yang sama saya suka juga untuk menyebutkan tentang beberapa perkara yang lain yang pada hemat saya sebenarnya cukup penting untuk kita ambil perhatian bersama. Di antara perkara yang ingin saya sebutkan ialah berdasarkan kepada cadangan-cadangan sebagaimana berikut:

Yang pertama, saya bagi pihak yang berada di Parlimen Kuala Nerus walaupun ini bukanlah kali yang pertama saya masih terus untuk terus menyebutkan di Dewan yang mulia ini supaya hasrat seluruh rakyat Parlimen Kuala Nerus ataupun dalam konteks Kuala Terengganu Utara untuk mempunyai sebuah pentadbiran sendiri paling tidaknya Pihak Berkuasa Tempatan sendiri, Majlis Daerah sendiri perlu direalisasikan oleh pihak Kerajaan (Tepukan Sokongan) Ini merupakan bukan kehendak Wakil Rakyat Tepoh tetapi adalah kehendak seluruh rakyat. Sebab itu kalau kita lihat peruntukan dalam Daerah Kuala Terengganu, kedudukan rakyat miskin dalam Daerah Kuala Terengganu, pertambahan penduduk dalam Daerah Kuala Terengganu memang dari segi dalam bertukar perbandingannya dengan daerah-daerah yang lain, Daerah Kuala Terengganu memang mempunyai pertumbuhan penduduk ataupun mempunyai pembangunan yang cukup besar berbanding dengan daerah yang lain dan di antara yang besar itu sebenarnya sebahagian besar separuh daripadanya duduk di Kuala Nerus, maka wajarlah Kuala Nerus itu mempunyai Majlis Daerahnya sendiri. Saya tidak berhasrat untuk menolak tempat pembuangan sampah tetapi saya minta supaya diberikan juga Majlis Daerah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini melihat kepada, lebih-lebih lagi merujuk kepada pembentangan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam muka surat 28 perenggan 92 yang berkaitan dengan soal-soal urusan kebersihan dan juga keindahan negeri secara keseluruhannya. Disebutkan tentang soal pembinaan dan penyelenggaraan longkang dan seumpamanya. Saya dapati sebenarnya di dalam Parlimen Kuala Nerus khususnya di sebelah-sebelah utara sana bermula di sekitar Wakaf Tembesu sehinggalah kepada Wakaf Tengah, Batu Rakit dalam DUN sahabat saya, DUN Batu Rakit, saya dapati sebenarnya kawasan itu adalah kawasan yang begitu hebat dari segi pertumbuhan penduduknya itulah satu-satu kawasan tempat pertumbuhan penduduknya. Tetapi apa yang saya dapati sebenarnya dari segi kecaknaan Pihak Berkuasa Tempatan, saya tidak menafikan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu tidak mengambil cakra tetapi tidak mempunyai kemampuan yang begitu besar untuk cakra secara keseluruhannya kerana bandar Kuala Terengganupun banyak urusan-urusannya

yang tersendiri. Kakitangan yang ada kadang-kadang tidak mampu untuk memberikan tumpuan yang sama dengan bagaimana tumpuan yang diberikan di Daerah Kuala Terengganu. Akhirnya, Parlimen ataupun kawasan Kuala Nerus seumpama dijadikan semacam, kalau tidak menyalahi saya sebutkan semacam 'anak tiri'. Dalam kes ini saya mendapati beberapa kali kes sebagai contoh di musim-musim tengkujuh yang seumpama ini. Oleh kerana di kawasan saya itu kawasannya adalah tanah-tanahnya adalah tanah-tanah yang begitu diminati untuk dibuat rumah. Masing-masing orang yang mempunyai tanahnya berlumba-lumba buat rumah. Masing-masing menambun tanah dan masing-masing mendirikan rumah tetapi apa yang berlaku sebenarnya longkang tidak ada, *outlet* longkangpun tidak ada. Inilah yang menyebabkan bahawa banjir berlaku, bah berlaku, ada rumah yang asal yang rendah yang dua tahun yang lepas tak ada airpun di hadapan rumah mereka tetapi dalam kebelakangan ini air sudah bertakung di hadapan rumah mereka. Apabila diminta kepada Pihak Berkuasa Tempatan, saya ada SMS kepada orang-orang tertentu, katanya insyaAllah, ambil tindakan tetapi sehingga ke hari ini tidak juga diambil tindakan. Saya bukan nak katakan bahawa mereka tidak bekerja tetapi mereka tidak dang nak buat kerja kerana banyak do'oh lalu tumpuan diberikan. Kalau begitu elok benarlah sebuah Majlis Daerah Kuala Nerus itu diwujudkan secara sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, seterusnya saya juga ingin mencadangkan di sini tentang apabila soalan saya yang semalam Soalan Lisan tidak sempat untuk dijawab di dalam Dewan ini yang mungkin bersamaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Batu Burok kalau tidak silap saya iaitu tentang kesesakan lalulintas di bandar Terengganu khususnya dan yang lebih utamanya ialah tentang kesesakan yang berlaku di atas dua jambatan yang menjadi jambatan penghubung utama kepada kawasan utara dengan Kuala Terengganu iaitu Jambatan Manir dan juga Jambatan Sultan Mahmud. Di hari-hari perayaan, juga di waktu pagi dan juga di waktu petang ketika kakitangan pejabat balik dari pejabat ataupun dalam keadaan-keadaan tertentu kedua-dua jambatan ini sebenarnya berada di dalam kesesakan yang terlalu nyata.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan sedikit - Jambatan yang mana, jambatan hak yang kata membazir hari itu?

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Inilah sebenarnya Yang Berhormat, yang kata membazir dahulu orang orang hak balik sebelah kanan saya, kita secara keseluruhannya kata tidak membazir

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Hak naik mula-mulapun puak-puak dia jugak.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi saya kira sebenarnya sudah sampai masanya Kerajaan bukan setakat merancang tetapi sudah sampai masanya Kerajaan membuat satu keputusan ataupun satu dalam ertikata kelulusan yang perlu diambil dengan langkah yang segera iaitu bagi maksud menyediakan sebuah jambatan yang baru bagi maksud menghubungkan kawasan utara ke Kuala Terengganu kalau tidak menyalahi sebagai contohnya kita cadangkan daripada Seberang Takir sampai ke Syah Bandar. Kita buat jambatan tinggi begitu biar comel macam Jambatan Tok Bali, itu hak Kerajaan Pusat buat tu bukan hak

Kelantan, Kelantanpun hari ini dengar-dengar khabar macam berat jugak tu Pengkalan Pasir balik pemerintah negeri tu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon supaya cadangan tersebut diambil perhatian segera oleh Kerajaan kerana rungutan di kalangan rakyat di sebelah utara sana terhadap laluan yang tidak mencukupi sedangkan semakin ramai di kalangan rakyat yang telahpun mendiami di kawasan sebelah utara sana.

Berikutnya saya suka mencadangkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kepada pihak Kerajaan supaya bagi maksud untuk meningkatkan ataupun kerana tahun 2006 merupakan Tahun Pertanian Negeri saya kira sebenarnya suatu ketika dahulu pada tahun 1995 satu dapatan kajian daripada Jabatan Pertanian Negeri yang menyatakan bahawa di dalam Negeri Terengganu ini terdapat lebih kurang 293,000 hektar tanah yang ada dalam Negeri Terengganu ini adalah sesuai untuk ditanam dengan tanaman limau khususnya limau madu dan juga limau langkat, 293,000 hektar. Kebanyakan daerah-daerah yang berada di dalam Negeri Terengganu tidak terkecuali kesemuanya bermula daripada Besut sehingga ke Kemaman mempunyai tanah yang cukup sesuai untuk ditanam dengan tanaman tersebut berdasarkan kepada fakta tanah topografi dan iklim yang ada di negeri kita. Saya difahamkan pokok limau ini ia boleh menghasilkan hasilnya dalam tempoh 4 tahun dan selepas itu dari tahun ke setahun ia boleh meningkatkan hasil daripada 8 metrik tan sehektar kepada 24 metrik tan sehektar dari tahun ke setahun. Dan ia boleh memberi pulangan yang cukup lumayan kepada petani-petani yang terlibat sekitar RM1,000 hingga RM1,500 untuk sebulan. Sebab itulah apabila dilihat kepada dapatan yang dibuat oleh pihak Audit didapati bahawa sehingga ke tahun 2002, tanaman limau di Negeri Terengganu sehingga sekarang ini hanyalah menggunakan tanah sekitar 1,374.74 hektar sahaja berbanding 273,000 hektar yang mampu ditanam. Sebab itulah saya kira limau ini adalah kegunaan semasa tak kira dalam majlis apapun kita rehatpun ada makan limau lepas sidang Dewan, kita kenduri kahwinpun nak makan limau, limau kita adalah limau yang sebenarnya mempunyai mutu yang cukup tinggi. Justeru itu, saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan khususnya di bawah Jabatan Pertanian untuk mengambil serius terhadap perkara ini dan supaya tanaman limau akan menjadi suatu tanaman yang cukup hebat di Negeri Terengganu dan kita mampu untuk menjadi negeri pengeluar utama limau di seluruh negara, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam kesempatan masa yang masih ada sedikit ini saya juga mengharapkan kepada dalam hal-hal tersebut kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memperuntukkan sebegitu banyak peruntukan bagi maksud latihan-latihan kepada pegawai-pegawai mudah-mudahan pegawai kita akan lebih terus cemerlang sebenarnya, lebih-lebih lagi bila sebut tahun depan sebagai Tahun Pertanian Negeri Terengganu. Pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian perlu diberikan pendedahan dan kursus yang lebih. Saya bimbang kerana melihat kepada tiga jawatan Pegawai Pertanian Daerah Kemaman, Kuala Terengganu dan Besut yang sudahpun di *up-graden* dengan izin, gred G 48 ada tiga daerah tetapi gred itu lebih bersifat KUP untuk penyandanganya, khas untuk penyandang yang ada. Kita bimbang dengan KUP ini menyebabkan pegawai-pegawai yang tersebut jugak berada dalam keadaan tidak berbuat apa-apa kerana ia sudahpun selesai dengan jawatan tersebut. Justeru itu kursus-kursus wajar diberikan kepada pegawai-pegawai tersebut. Biasanya pegawai yang duduk di KUP ini dia rasa tak berapa nak buat kerja lebih dah sebab itu perlu diambil perhatian. Demikian juga Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mudah-mudahan dengan peruntukan

yang demikian dapat diberikan kursus kepada pegawai-pegawai yang lain. Saya teringat bila Yang Berhormat ataupun Wakil Wakaf Mempelam semalam menyebutkan tentang kedudukan pegawai-pegawai yang dikatakan dizalimi. Sebenarnya, pihak Kerajaan tidaklah menzalimi mereka tetapi ada di antara pegawai yang dimaksudkan itu sebenarnya pegawai yang tidak mempunyai kualiti kerja yang benar-benar diharapkan oleh Kerajaan, kita ada bukti waktu dia menjadi Pesuruhjaya Agama tetapi dia sebenarnya bukan Pesuruhjaya Agama yang berkualiti. Saya menjadi kakitangan yang berada di bawahnya. Kita tidak mahu untuk menyebutkan begitu sebab itulah sebenarnya inilah pegawai yang dibela oleh pihak Kerajaan Negeri pada 4 tahun lepas, pegawai hak tidak berapa reti nak buat kerja.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, demikian juga sebenarnya akhirnya saya nak mencelah juga bila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam semalam dalam perbahasan Bajetnya beliau telahpun cuba menarik perhatian kita, seluruh warga Dewan kepada kedudukan Carta 2 di muka surat 2, izinkan saya merujuk kepada buku Bajet 2006, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Anggaran Hasil Tahun 2006 ini dibandingkan dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2006, Carta 3 muka surat 3. Beliau menyebutkan bahawa dalam Anggaran Hasil Tahun 2006, Hasil Cukai RM41.64 juta mewakili 2.68 peratus dan dicampurkan dengan Hasil Bukan Cukai RM97.63 juta mewakili 6.30 peratus di mana bila dicampur kedua-duanya itu jumlah secara keseluruhannya sekitar RM139.27 juta dan jumlah ini dibandingkan dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2006 khususnya untuk membayar emolumen kepada kakitangan Kerajaan sebanyak RM194,518,000 iaitu 12.55 peratus. Apabila beliau menyebutkan tentang kedudukan ini beliau menyatakan ke Dewan ini bahawa Hasil Kerajaan Negeri tidak cukup untuk nak membayar emolumen ataupun gaji kakitangan secara keseluruhannya yang disebutkan bahawa keseluruhannya Terimaan Bukan Hasil yang dikatakan Dana Khas RM1.41 bilion itu adalah hak Kerajaan Pusat. Memang kalau dibuat ukuran begitu nampaknya sebenarnya seolah-olahnya tidak cukup dan digambarkan juga dengan kenyataan Timbalan Menteri Kewangan Kedua yang mengatakan bahawa Negeri Terengganu hampir muflis, lalu disebutkan pula Yang Amat Berhormat Menteri Besar menafikan. Sebenarnya kata-kata beliau itu lebih kepada untuk nak membawa warga Dewan keliru tentang kedudukan yang sebenarnya. Apabila saya merujuk balik kepada Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2004 yang ada di tangan saya ini, rupa-rupanya bila kita tengok tahun 2004 itu Hasil Cukai sebanyak RM48.464 juta iaitu 4.31 peratus memang lebih tinggilah daripada hak ini, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM175.640 juta iaitu 15.62 peratus memang banyak ni, memang banyak sungguhlah RM175 juta Hasil Bukan Cukai, kita tengok hebat rupa-rupanya bila kita *check-check* balik yang menyebabkan mereka ini meletakkan Hasil Bukan Cukai yang banyak sampai RM175 juta lebih ini rupa-rupanya bila kita tengok-tengok apa yang dapat diambilnya ialah lebih kepada mengambil cukai-cukai ataupun mengambil daripada rakyat ataupun daripada harta khazanah Kerajaan yang disebutkan dengan berlakunya tebangan hutan, balak-balak, jual balak dan kontrak baham balak, rupanya pith di situ banyak boleh. Itu yang jadi banyak boleh Kerajaan kita tak berapa dalam keadaan sekarang ini masih mengawal keadaan-keadaan tersebut. Sebagai contohnya saya sebutkan di bawah butiran 73604 - Premium Tanah Biasa, Eorang 5A - RM19.16 maknanya banyak dia ambil ni sebab memang betul-betul kerja dia masa tu

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih dengan data-data yang diberi, saya nak tahu ketika itu Anggaran Belanja 2004 masa itu siapakah yang menjadi Menteri Besar?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat, saya tak nampak dalam ni rasa kalau dia ada cam tapi takdok jadi tak boleh nak camlah tapi bukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar hak duduk di depan saya ni, hak *straight* hak sama dengan saya ni.

Yang Berhormat Dato' saya sambung sikit lagi. Di bawah 73701 – Premium Perhutanan sebanyak RM95.527 juta ini berbanding dengan kita, kita setakat yang kita anggarkan Premium Perhutanan untuk tahun 2006 setakat RM22 juta sahaja begitu juga tentang yang lain, tukar syarat, premium tanah tambahan RM11 juta dan yang lebih menyeronokkan saya apabila saya melihatnya ialah di bawah butiran 73301 – Jualan Harta Kerajaan, ini ada hak kod Jualan Harta Kerajaan. Jualan Harta Kerajaan sebanyak RM548,820 hak cadangan Bajet kitanya

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sekali lagi Yang Di Pertua – Jualan Harta Kerajaan itu adakah termasuk jual sebuah balai raya di Bukit Tinggi?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Barangkali mo'oh, berasa begitulah dah sebab takdok benda, juallah. Jadi sebenarnya inilah yang menyebabkan dia Wakil Wakaf Mempelam menyebutkan tentang dalam ertikata meletakkan bahawa Anggaran Hasil Tahun 2006 dari Kerajaan Negeri ini tak mampu untuk nak membayar gaji dan kita boleh buat begitu. Boleh kita buat dalam ertikata Premium Hutan, Balak yang lebih banyak apa semua tetapi kita tidak membuat secara dalam ertikata orang seumpama gilakan sesuatu dan buat tanpa mengikut aturan, maka memang banyaklah duit masuk ke dalam poket. Inilah yang berlaku sebenarnya sebab itulah sebenarnya tuantuan Bajet kita adalah jauh Bajet lebih berhemat kalau dalam bab ini kita adalah 'Bajet Rakyat Untuk Rakyat' sebab itu kepada saya sebenarnya Bajet yang dibentangkan ini adalah Bajet yang sebenarnya mampu untuk meletakkan pentadbiran dan pengurusan serta pembangunan negeri ke arah yang lebih mampan dan insyaAllah mampu untuk meletakkan negeri kita terus maju di masa-masa hadapan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di atas keizinan kepada saya pada pagi ini mudah-mudahan Dewan kita tetap terus ceria dengan perkhabaran insyaAllah kemenangan di Pengkalan Pasir bagi Barisan Nasional, insyaAllah. (Tepukan Sokongan) Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ya, ada lagi Yang Berhormat nak berucap, dua, lain tak ada? Sila Wakil Jabi dulu.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah syukur kerana saya diberi peluang untuk sama-sama turut membahaskan Bajet 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 5 haribulan yang lepas. Pertama, sekalung tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet yang dikatakan 'Bajet Rakyat Untuk Rakyat' yang melibatkan perbelanjaan RM1.55 bilion. Oleh itu semua objektif yang telah disusun dan strategi yang dibawa adalah merupakan satu halatuju yang sangat baik bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Pertama, kalau dilihat dari segi membangun keupayaan sebagai modal insan yang memfokuskan kepada pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan sebagai teras pembangunan. Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T. yang pertama yang telah diturunkan kepada Nabi kita Muhammad S.A.W. iaitu Iqra' dan kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang kita juga telah menjadi kali kelima berturut-turut untuk mendapat 5A yang terbanyak dan ini tidak lain tidak bukan kerana sokongan daripada Kerajaan Negeri. Oleh itu dalam memfokuskan pendidikan ini, kita percaya dengan usaha-usaha yang sebegini mungkin 5 tahun akan datang, mungkin 10 tahun akan datang kita masih mampu untuk menjadi peneraju 5A di negara kita ini. Dan kita mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan yang telah mewujudkan sekolah elit, premier, intiaz dan sebagainya. Kita percaya pada 3 atau 4 tahun akan datang kita akan melahirkan pelajar-pelajar PMR mungkin 3,000 orang yang akan dapat 8A, mungkin kita akan dapat melahirkan pelajar SPM yang akan dapat 10A1 ataupun 9A1 kerana kita telah menganjurkan sekolah-sekolah ini di masa-masa yang akan datang lebih banyak lagi dengan Bajet yang sebegini baik. Oleh itu saya percaya kita juga ingin melihat pelajar-pelajar kita yang cemerlang akan ditempatkan di sekolah-sekolah elit apabila dibina dengan begitu banyak pada masa akan datang kerana sesungguhnya bidang pendidikan ini amat penting dan kita nak pelajar-pelajar daripada Terengganu yang memasuki institusi pengajian awam pada masa akan datang adalah golongan-golongan yang lahir daripada didikan sekarang ini dan yang paling penting graduan kita adalah graduan profesional. Bukan sahaja graduan sastera dan juga agama kerana sesungguhnya graduan-graduan daripada golongan profesional seperti doktor dan lawyer dan sebagainya kita masih sangat kurang di Terengganu ini. Dan tidak mustahil pada suatu masa nanti Terengganu setiap keluarga akan melahirkan seorang anak yang menjawat jawatan dalam bidang kedoktoran dan perundangan. Kita penuh yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita dapat melaksanakan program ini. Oleh itu, kita juga jangan lupa pelajar-pelajar kita yang gagal ataupun yang kurang cemerlang kerana sesungguhnya dalam UPSR ada yang dapat 5D, kerana sesungguhnya dalam PMR ada yang dapat 8D, dalam SPM yang dalam program SPM Terbuka ini, Sijil Terbuka ada yang tak dapat apa-apa. Oleh itu perlu juga Kerajaan merancang apakah tindakan yang perlu diambil kepada lepasan-lepasan, pelajar-pelajar ini apabila tamat SPMnya. Arah mana, tujuan mana mereka ini akan dibawa kerana sesungguhnya pelajar inilah yang akan membawa masalah, mereka inilah yang akan mendatangkan gejala-gejala sosial dalam masyarakat kita. Merekaalah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, merekalah yang terlibat dengan kes-kes yang tidak bermoral dan juga lain-lain. Oleh itu perlu dirancang apa tindakan Kerajaan kepada golongan ini di masa hadapan. Mungkin kita boleh mengambil model apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat, Pusat Latihan Khidmat Negara dan moduli ini boleh diterapkan kita di Terengganu, cara dan

kaedah yang terbaik untuk membentuk, membimbing mereka kepada satu tahap yang lebih baik dan lebih sempurna kerana kita tidak mahu dalam masyarakat kita besi burukpun hilang, motorpun hilang sekarang ini penyalahgunaan air ketompun tinggi, remaja terlibat dengan Aids dan HIVpun kita tinggi. Dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang akan melaksanakan pada 1.1.2006 nanti pasangan-pasangan yang ingin berkahwin dimestikan menjalani ujian dadah, ujian HIV terlebih dahulu. Ini satu perkara yang perlu kita sama-sama mengucapkan tahniah kepada tindakan Kerajaan. Selain daripada itu juga kalau kita lihat dalam masyarakat kita sekarang ini ramai graduan yang tidak dapat apa-apa pekerjaan kerana mereka berkelulusan dalam bidang-bidang yang tidak mendapat pasaran kerja. Apa salahnya dengan Kerajaan melaksanakan tahun depan adalah merupakan Tahun Pertanian maka mereka ini dibimbing, dididik untuk menjadi Usahawan Tani. Oleh itu, saya penuh yakin bidang pertanian menjamin masa depan yang cemerlang bukan semestinya bidang makan gaji sahaja. Selain daripada itu, kalau kita lihat bahawa dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sasaran utama Kerajaan ialah kepada 88,966 orang petani. Oleh itu saya percaya golongan petani sebahagian besarnya adalah warga emas, mereka sudah uzur, mereka sudah tua, amat sesuai bagi golongan muda yang bermasalah tadi, graduan-graduan tadi untuk diberi peluang bagi mereka menerajui bidang-bidang pertanian kerana saya penuh yakin usaha-usaha ini adalah usaha yang amat baik. Tanah di kawasan luar bandar masih tidak diterokaipun masih banyak, tanah yang diberikan oleh Kerajaan kepada badan-badan berkanunpun yang masih belum diusahakan masih ada. Mungkin saya percaya dalam perbincangan kita di Dewan ini, kita Ahli-ahli Yang Berhormatpun rasa dukacita apabila beberapa banyak soalan daripada rakan-rakan kita yang telah ditolak sebenarnya kerana di dalam soalan itu ada benda yang perlu kita bincang bersama walaupun pahit ada madunya, walaupun racun ada hikmatnya. Saya penuh yakin

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, suka saya nyatakan soalan yang ditolak itu kerana tidak menepati Peraturan Dewan. Jadi tak payah dibangkitkan perkara semua itu.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Oleh itu saya percaya usaha-usaha dalam bidang pertanian ini perlu digiatkan apa yang telah dirancang oleh Kerajaan. Selain daripada itu juga dalam bidang kemiskinan Kerajaan telah menyiapkan beberapa banyak buah rumah baru, baiki rumah dan sebagainya. Apabila Pilihanraya di Pengkalan Pasir kita sangat dukacita kerana Kerajaan Kelantan yang dikatakan Kerajaan dipimpin oleh seorang ulama masih banyak lagi rumah miskin yang saya sendiripun tak boleh nak naik takut runtuh rumah tu (Dewan Gelak) Kalau tak percaya

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pasal apa tak berani nak naik?

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Mungkin rumah itu buruk berkebetulan sayapun besar sikit. (Dewan Gelak) Kalau tak percaya Yang Berhormat boleh lihat, boleh pergi di Banggol Kemiang, Banggol Cicar misalnya satu kes saya tengok seorang tua yang berumur lebih daripada 60 tahun menjual lidi menyara kehidupan seharian. Rumahnya masih lagi beratapkan nipah, berdinginkan buluh bergelegarkan gelegar nibung, buang najispun di tepi sungai. Jadi ini saya percaya

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, laluan – Ada atau tidak rumah-rumah yang sebegitu di seluruh Negeri Terengganu sehingga hari ini?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih. Inilah yang saya nak beritahu bahawa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sudah tidak ada rumah seperti itu (Tepukan Sokongan) kerana kita telah melaksanakan Program Baiki Rumah dan Rumah Baru. Saya minta kepada Yang Berhormat Dato', kalau kita pakat-pakat duit Ahli Yang Berhormat kita pergi binalah rumah orang-orang ni, contoh kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Selain daripada itu juga, apa yang disebut dalam TKPM (Taman Kekal Pengeluaran Makanan) harus dipertingkatkan kerana kita penuh yakin dan percaya orang-orang kampung misalnya mengikut daerah ataupun zoning masing-masing yang mana Daerah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang sampai ke Kemaman kita mempunyai tahap pengeluaran makanan dalam bidang pertanian berbagai-bagai. Misalnya, kalau Kuala Berang mungkin orang terkenal dengan jagung, kalau pergi di Besut orang terkenal dengan ubi. Jadi sudah tentu pengeluaran ini dimaksimakan dan juga perlu dikeluarkan satu produk yang baru untuk kegunaan di peringkat yang lebih global lagi. Saya juga mengharapkan Tahun Pertanian ini tahun 2006 akan menampakkan hasil yang cemerlang kepada kita di Negeri Terengganu.

Dato' Yang Di Pertua Dewan, Kerajaan juga menumpukan kepada infrastruktur. Alhamdulillah, kalau kita tengok jalan-jalan di kawasan kita di Terengganu sebahagian besarnya sudah bertar dan jalannya lebar serta luas kalau nak dibandingkan di kawasan Pengkalan Pasir di bawah Kerajaan pimpinan ulama nak selisihpun tak boleh. Dan kalau kita lihat di bawah Bajet ini sudah tentu peruntukan yang banyak, pada tahun 2005 sekarang balai raya-balai raya dulu yang menjadi tempat kambing, tempat lembu sudah dibaikpulih, sudah dibaiki dengan baik, dengan sempurna dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang memberi perhatian yang khusus kepada infra ini.

Selain daripada itu, saya menarik perhatian kepada syiar Islam kerana saya di Jabi masih ada dua tempat lagi Yang Berhormat Dato' yang sembahyangnya hari Jumaat dua tempat, jaraknya 500 meter antara satu masjid dengan satu masjid. Yang menjadi masalah sekarang Dato' Yang Di Pertua, pada hari Jumaat di kampung-kampung lain sekiranya Imam A itu Umno, ahli-ahli Pas akan pergi sembahyang di tempat lain. Inilah, apakah perlu kita buat? Saya mengharapkan supaya Penguatkuasa Agama buatlah tindakan sekali-sekala kepada mereka ini kerana kita tak nak perpecahan ini berlaku. Begitu juga ada beberapa keluarga di tempat saya

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan? Terima kasih. Kata tadi masalah sembahyang di dua buah masjid berdekatan dalam jarak 500 meter masih berlaku sekarang. Adakah aktiviti berkenaan berlaku semasa zaman 2000 - 2004?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Betulkah dua masjid tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Di tempat saya dua masjid, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Pada 2004 dahulupun berlaku juga tetapi tidak seramai itu. Tapi sekarang melimpah ruah kalau Dato' Yang Di Pertua balik sekali sekala singgahlah tengok di kawasan Pekan Jabi dan juga di Kampung Tok Dak. Saya nak merujuk kepada beberapa

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan Yang Di Pertua, sekali lagi. Ini isu yang serius, adakah pemimpin-pemimpin Pembangkang Pas terutamanya tidak mengetahui ataupun merestui apa yang dilakukan oleh pengikut-pengikutnya ataupun pengikut-pengikut mereka ini di tempat-tempat yang disebutkan itu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya dok tahulah dia restu ke tidak restu tapi dia kadang-kadang jadi Tok Imam di situ (Dewan Gelak) Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya ingin merujuk kepada beberapa keluarga dalam kawasan saya dalam hal sembahyang Jumaat ini. Ada satu kampung tu 3 – 4 orang tak sembahyang Jumaat zaman Pas menang sampai sekarang. Dalam hal ini siapakah yang harus kita pertanggungjawabkan kerana apabila saya jumpa saya tanya, nama dia Pak Him Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, iaitu di Kampung Bukit Jeruk. Nama dia Pak Him, saya tanya dia: "Pasal apa Pak Him tidak pergi sembahyang Jumaat?" Dia kata: "Macam mana saya nak pergi sembahyang Jumaat Cikgu Lan, dulu Tok Guru kata tak boleh masjid Kerajaan". Daripada dulu-dulu, 23 tahun dia tak pernah bersembahyang Jumaat di Masjid Kampung Bukit Jeruk yang dia sembahyang Jumaat ialah di Madrasah Pas yang buat Jumaatnya. Jadi apabila Pas menang, Kerajaan Pas kata boleh sembahyang di masjid Kerajaan dia tak mari sembahyang, alasannya dia kata kena Tok Guru dia mari isytihar dalam kampung ni bahawa boleh dah sembahyang di masjid ni. Sampai sekarang inipun

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Boleh tahu tak Tok Guru mana tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak tahulah Tok Guru mana-mana hak orang duk sebut Tok Gurulah, mungkin tak cam takut takdok dalam ni.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan sekali lagi Yang Di Pertua – Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa yang membawa perpecahan kepada rakyat di Negeri Terengganu ialah parti Pembangkang iaitu Pas.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Lebih daripada betullah. Dato' Yang Di Pertua Dewan, kita harap pimpinan-pimpinan Pas dalam ceramah-ceramahnya cukuplah untuk memecahbelahkan masyarakat sekampung. Keadaan sekampung sekarang harmoni, kalau dibaiki lagi dengan kepimpinan Pas turun ke kawasan-kawasan perbetul balik, yang silap tu kita silap. Kita sebagai manusia sudah tentu kita tak lepas daripada kesilapan. Perbetulkan balik supaya kehidupan kita dalam masyarakat yang sekarang ini

nampak sudah baik ditambah dengan baik lagi. Misalnya kenduri-kendarapun tak apa dah sekarang, boleh makan. Matipun kita boleh pakat sembahyang sekali kalau dulu tak boleh. Jadi saya harap kepada pihak Pembangkang, pimpinan-pimpinan supaya turun ke kawasan untuk membetulkan keadaan ini.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan juga kerana kebetulannya kita Jabatan Pendidikan Negeri mungkin kehilangan Dato' Pengarah, apa salahnya kalau kita Kerajaan Negeri mencadangkan juga penggantinya mestilah daripada orang Terengganu yang tahu tentang kesinambungan, kecemerlangan pendidikan Negeri Terengganu. Kita tidak mahu, bukan kata tak percaya kepada negeri lain, tidak. Kita rasa kita lebih yakin menerajui Jabatan Pendidikan ini biarlah datangnya daripada orang Terengganu. Jadi itulah saja daripada saya, Jabi pohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Ada lagi Yang Berhormat lain? Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut membahas Ucapan Bajet 2006 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 5 Disember yang lalu. Tahniah kepada Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana dapat membentangkan Bajet 2006 yang berjumlah RM1.55 bilion berbanding dengan Bajet 2005 sebanyak RM1.2 bilion, peningkatan sebanyak RM0.35 bilion. Terima kasih dan tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Bajet ini merupakan 'Bajet Dari Rakyat Untuk Rakyat' dan merupakan satu realiti yang akan kita sama-sama saksikan sebagaimana Bajet yang sedang kita lalui iaitu Bajet 2005. Dan tidak seperti Bajet-bajet yang terdahulu Bajet Tahun 2004 yang boleh saya ibaratkan sebagai 'Bajet Mat Jenin' ataupun 'Bajet Khayalan' semata-mata kerana saya dapati termasuk dalam bajet-bajet ini ialah mungkin ada juga yang jual balai raya di kawasan saya di Kampung Tebauk yang berjumlah RM1,500.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Barisan Nasional Terengganu sentiasa memberi perhatian utama kepada pendidikan. Dan dengan Bantuan Dana Khas juga yang kita terima daripada Kerajaan Persekutuan bermula daripada tahun 2001. Walaupun pada ketika itu Terengganu di bawah pemerintahan Pas hasilnya telah dapat kita rasai dengan keputusan cemerlang UPSR 5 tahun berturut-turut. Kejayaan 5 tahun berturut-turut ini merupakan hasil dari kerja kuat, kerjasama dan iltizam dari semua pihak. Terima kasih kepada guru-guru yang komited, ibu bapa dan keluarga yang sudah tentunya banyak berkorban masa dan wang ringgit serta kesungguhan pelajar-pelajar itu sendiri. Juga terima kasih kerana kita menerima Bantuan Dana Khas dari Kerajaan Persekutuan. Dan juga terima kasih di atas kesungguhan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang mahu melihat anak-anak Terengganu cemerlang dan gemilang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berdasarkan kepada rekod Unit Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pendidikan Terengganu sepanjang 5 tahun kebelakangan ini, pencapaian PMR dan SPM iaitu bagi pelajar-pelajar yang lulus semua mata pelajaran adalah hanya sekitar 60 hingga 70 peratus sahaja dan masih jauh mencapai tahap cemerlang. Ini bermakna kecemerlangan yang kita ada di peringkat sekolah rendah, di peringkat UPSR tidak ada kesinambungannya dan amat merugikan. Menyedari masalah ini dan bagi meningkatkan prestasi PMR dan juga SPM, Kerajaan telah berbelanja besar untuk menubuhkan sekolah-sekolah premier dan sekolah-sekolah elit di seluruh Terengganu. InsyaAllah, kita akan dapat lihat hasilnya di tahun-tahun akan datang. Saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk juga memberi perhatian dan tumpuan kepada pelajar-pelajar yang memang lemah dari aspek kognitifnya (pemikirannya) di mana pencapaian akademik mereka memang amat lemah tetapi mempunyai kekuatan *motor skill* dengan izin, yang boleh kita *capitalize*kan supaya mereka tidak terjebak dengan gejala-gejala sosial seperti lepak, dadah, ragut, lumba haram dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, baru-baru ini berlangsungnya Sukan Perahu Layar di peringkat antarabangsa iaitu Monsoon Cup yang berlangsung di Pulau Duyong di kawasan saya dan sebagai Wakil Rakyat dan bagi pihak penduduk Pulau Duyong dan penduduk Bukit Tunggul saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memilih Pulau Duyong sebagai *venue* sukan tersebut. Juga terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Mohamed Awang Tera, Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelancongan Negeri serta Yang Berhormat Encik Wan Hisham, Pengerusi T-Best yang telah dapat melaksanakan pembangunan dan acara tersebut dengan baik dan lancar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Semalam dalam ucapan pihak Pembangkang menyatakan bahawa Monsoon Cup tidak memberi apa-apa faedah kepada rakyat. Yang keduanya, mengatakan bahawa pihak penganjur telah mengadakan Sembahyang Hajat supaya angin ataupun ribut turun, betul ke andaian tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Ini mungkin sahaja untuk meraih sokongan kaum-kaum nelayan yang tidak suka pada angin dan ribut. Jadi adalah tidak benar jika Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengatakan Projek Pembangunan Pulau Duyong dan acara Monsoon Cup telah menimbulkan kegelisahan dan rasa tidak kepuasan hati di kalangan rakyat Pulau Duyong. Sehingga kini tidak ada seoranganpun dari Pulau Duyong ataupun dari Bukit Tunggul yang berjumpa saya dan melahirkan rasa tidak puas hati sebaliknya mereka menerima dan memberi sokongan penuh di atas pembangunan dan acara tersebut. Saya bertanggungjawab kepada DUN Bukit Tunggul dan saya bertanggungjawab kepada warga Pulau Duyong dan saya harap agar Wakil Rakyat Wakaf Mempelam jangan sebarkan perkara-perkara yang tidak benar dan mengelirukan (Tepukan Sokongan) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, cuma saya nak minta Yang Berhormat Wakaf Mempelam memberi tumpuan kepada rakyat kawasannya sendiri kerana saya percaya banyak lagi masalah-masalah rakyat dalam DUN Wakaf Mempelam sendiri yang perlu Yang Berhormat memberi perhatian termasuk kepada sayalah. Kadang-kadang

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Ini rakyat saya ni, dia duduk dalam kawasan saya. Saya bila-bila masa kalau ada masalah boleh berjumpa dengan saya. (Dewan Gelak) Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Yang Berhormat. Kadang-kadang macam saya pula jadi Wakil Rakyat Wakaf Mempelam sebab saya tinggal di kawasan Yang Berhormat ni. Ada hak mari nak Bantuan Sekolah, hak khabar longkang tersumbat, hak kata banjir kilat bila hujan, saya rasa Yang Berhormat mungkin sekali-sekala kena melihat juga kawasan-kawasan perumahan dan di tempat-tempat yang perlu dilihat oleh seorang Yang Berhormat walaupun tak Kerajaan tak apa.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Mana hak betul ni, Wakaf Mempelam minta tolong Bukit Tunggal ke Bukit Tunggal minta tolong Wakaf Mempelam, hak mana se hak betul?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila menjadi Wakil Rakyat, menjadi Wakil Rakyat kepada semua orang dalam kawasan itu, jadi kena turun tengoklah tak kiralah parti apapun. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sesuai dengan pembangunan semasa di Pulau Duyong dan akan menjadi tarikan kepada pelancong di masa akan datang adalah wajar Kerajaan Negeri memperuntukkan sebuah masjid baru untuk menggantikan sebuah masjid yang sedia ada juga diperlukan di Pulau Duyong itu satu tempat ruang niaga yang mencukupi untuk orang-orang tempatan dan sikit sebanyak nanti boleh membantu mereka mempertingkatkan ekonomi mereka. Juga saya menyarankan kepada Kerajaan untuk mengadakan program-program latihan dan galakan berterusan untuk pastikan industri pembinaan kapal layar, orang Terengganu kata buat perahu besar, Terengganu tidak terkubur kerana kita tahu hanya di Pulau Duyong sahajalah di dalam dunia ini pembinaan kapal layar itu masih ada dan orang yang adapun seorang-dua lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memandangkan Parlimen Kuala Nerus sedang berhadapan dengan pembangunan yang begitu pesat dengan adanya KUSTEM, dengan adanya Maktab Perguruan Kuala Terengganu di Batu Rakit, dengan KUSZanya yang akan menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman, dengan pembinaan Kompleks Sukan, pembesaran Lapangan Terbang dan lain-lain, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya membuat kajian segera sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tepoh tadi membina beberapa buah jambatan, bukan satu, beberapa buah jambatan yang saya kira memang patut dibina bagi merentasi Sungai Terengganu. Cadangan pertama saya tadi sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat dari Tepoh, mungkin dia berbisik dah sebelah dia, Seberang Takir ke Tanjung. Yang kedua, mungkin dulu kalau kita ingat di zaman-zaman dahulu kegemilangan Bukit Losong dan juga Bukit Datu hari ini kalau kita boleh membina sebuah jambatan merentasi sungai di situ melalui Pulau Sekati kita boleh bangukan juga Pulau Sekati itu menghala ke Teluk Pasu. Ini juga dapat mengurangkan kesesakan lalulintas yang saya kira memang berlaku di Jambatan Sultan Mahmud dan juga di Jalan Kelantan yang lama. Kalau dulu dari bandar ke Pekan Batu 6 hanya memakan

masa lebih kurang saya ingat dalam 10 hingga 15 minit tapi sekarang di waktu-waktu tertentu kita perlu di antara 1/2 jam sehingga 45 minit untuk sampai dari bandar ke Pekan Batu 6. Ini menunjukkan kita perlu mengkaji untuk membina sebuah atau dua buah jambatan baru bagi merentasi Sungai Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di Kuala Nerus adalah lebih baik jika kita bandingkan dengan perkembangan dan pembangunan di Kuala Terengganu tetapi di Kuala Nerus masih kekurangan kemudahan-kemudahan yang penting seperti Balai Bomba dan Balai Polis. Saya difahamkan kesukaran untuk mendapat kemudahan-kemudahan ini kerana Kuala Nerus hanya mempunyai sebuah kawasan Parlimen sahaja dan bukan sebuah daerah. Oleh itu untuk memudahkan dan untuk mendapatkan peruntukan Pusat, saya menyarankan untuk mewujudkan sebuah daerah baru iaitu Daerah Kuala Nerus.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, merujuk kepada Bajet 2006 saya juga rasa terkilan sedikit di bawah peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak memasukkan pembinaan ataupun pembesaran Pasar Batu 6 yang kini terlalu sesak dan amat tidak selesa yang mana perlu dibesarkan atau dibina baru. Begitu juga dibina sebuah pasar baru di kawasan Kampung Bukit Tunggal yang mana keadaan pasar tersebut iaitu tidak ubah seperti pasar pada tahun 60an, di zaman saya masih kanak-kanak lagi. Pembinaan pasar ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi imej baru Terengganu yang akan dirasai nikmatnya secara terus oleh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, baru hampir 2 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah Terengganu tetapi alhamdulillah kesemua manifesto yang dilaung-laungkan semasa Pilihanraya Kesebelas telah dilaksanakan ataupun dalam proses pelaksanaan, tahniah dan saya ucapkan syabas kepada kepimpinan Barisan Nasional Terengganu dalam merealisasikan manifesto tersebut berbanding dengan manifesto Pas pada Pilihanraya Kesepuluh di mana hanya tinggal manifesto dan juga janji sahaja. Antara manifesto Pas pada Pilihanraya Kesepuluh ialah janji mereka untuk memelihara alam sekitar dan hutan. Tetapi semua orang tahu apa yang terjadi bila mereka memerintah, apa yang terjadi kepada hutan di Negeri Terengganu semasa pemerintahan Pas. Puak-puak Pas ini dia perintah habis, dari Wisma Darul Iman, dari kampung melalui JSR sampai ke hutan dia perintah habis. Tak kira hutan apapun termasuk Hutan Simpan habis dia rintah.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan tapi nak perbetul Yang Berhormat Batu Burok tak ada ni. Kenyataan Yang Berhormat Batu Burok semalam bahawa tayangan video kanak-kanak tadika yang dihalau keluar dari balai raya itu adalah lakonan semata-mata. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Batu Burok, perkara tersebut adalah benar yang berlaku di Kampung Bukit Tok Ris di dalam kawasan saya sendiri. Dan pemimpin Umno untuk pengetahuan Yang Berhormat tidak pernah bersandiwara sebagaimana pemimpin-pemimpin Pembangkang bersandiwara. (Tepukan Sokongan)

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itulah sahaja, saya memohon kepada Kerajaan untuk meneruskan program-program pembangunan negeri dalam masa yang sama membela rakyat walaupun kesemua manifesto Pilihanraya Yang Kesebelas telah ditunaikan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Siapa yang nak berucap lagi? Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Manir untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, hadirin-hadirat yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

Saya insyaAllah akan mengambil kesempatan untuk membahaskan Ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 5 haribulan yang lalu. Ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya untuk saya bincangkan di sini. Yang pertama, dari sudut prinsipnya. Yang Amat Berhormat telah menyebut secara sepintas lalu tentang Bajet yang dikemukakan untuk tahun 2006 dikaitkan dengan Bajet Nabi Allah Yusuf A.S., ini satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Yang pertama, Bajet yang dikemukakan oleh Nabi Allah Yusuf A.S. mempunyai sumber pendapatan yang jelas halalannya dan dibelanjakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Nabi Allah Yusuf A.S. berdasarkan kepada syariat Allah yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Allah Yusuf A.S.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan - Zaman Nabi Yusuf ada Bajet-bajet jugak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Sura yang bertanya tentang zaman Nabi Yusuf ni ada Bajet ke tidak? Itu satu soalan yang boleh memperkenalkan diri yang bertanya itu, siapa dia yang sebenarnya tentang berkaitan ilmu-ilmu ekonomi, kewangan dan juga Islam. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, zaman Nabi Yusuf ada Dewan jugak nak bentang Bajet?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Dewan ni bukan mesti bangunan macam ni, ada tempat mesyuarat dia. Cuba baca kisah Nabi Yusuf tu. Raja Mesir ni bermimpi bahawa 7 ekor lembu yang gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu yang kurus, 7 tangkai yang subur hijau dimakan oleh 7 tangkai yang kering. Jadi Raja ni dia tak tahu nak tadbir mimpi dia apa dia sebenarnya maksud daripada mimpi dia. Dia panggil orang besar-besar dia, ahli-ahli mesyuarat dia, daripada Perdana Menteri dia, Timbalan Perdana Menteri, ahli-ahli mesyuarat dia panggil, dia bentangkan perkara ini kepada mereka tapi mereka tak boleh nak tafsir, tak boleh nak buat ramalan apa sebenarnya. Masing-masing kata ini '*adrothu-ahlan*' mimpi benda bercampur-campur ini tak boleh nak tentu sebab itu Raja Mesir terpaksa mencari sumber yang lain. Secara kebetulannya salah seorang daripada pegawai di istana itu ialah orang yang pernah bersahabat dengan Nabi Yusuf di dalam penjara dan dia pernah mintak tadbir mimpi daripada Nabi Yusuf semasa mereka dalam penjara dan tadbir mimpi itu betul. Jadi bila dah Raja mimpi macam ni, Ahli Parlimen dia, orang besar-besar dia tak boleh nak tadbir,

diapun baru teringat yang dia ada kawan sewaktu dalam penjara dulu yang boleh tadbir mimpi iaitu Yusuf. Jadi Rajapun mengarahkan supaya pegawainya ini pergi jumpa Yusuf, sebab itu dia kata "Yusuf, ayyuhasiddiq", dia kata kawan dia dulu, kawan dia ke orang benar ke apa, dan sebagainya. Jadi 7 ekor lembu yang gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu yang kurus, 7 tangkai yang subur dimakan oleh 7 tangkai yang kering. Dalam bahasa, mungkin kalau kita nak guna bahasa ini Nabi Yusuf kata: "Negara kamu Mesir ini akan menghadapi dua situasi. Situasi yang pertama, 7 tahun yang pertama pembangunan ekonomi bagus, ekonomi subur, bagus, sihat tetapi diikuti 7 tahun yang berikutnya ekonomi meleset." Cuma tadbir tu boleh kita tadbirlah, biar faham dengan bahasa semasa, ini yang perlu

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan Yang Di Pertua – Ini bukan Bajet Nabi Yusuf, ini Bajet Raja Mesir. Kalau Wakil Manir kata ini Bajet Nabi Yusuf yang macam dia ulang tadi rasa tak tepat. Sebab daripada cerita tersebutlah Kerajaan Mesir masa itu Nabi Yusuf tak jadi Kerajaan lagi pada masa itu. Kalau salah perbetulkan saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, nanti saya cerita dulu, ini saya baca hak Yang Amat Berhormat bentang Bajet Nabi Yusuf, nak tahu Bajet Nabi Yusuf atau Bajet tak Nabi Yusuf, kita bincang dulu apa yang berlaku. Bila Nabi Yusuf buat pandangan macam ni jangan cepat-cepat sangat, kalau kita tak tahu nanti orang tahu beritahu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi tahu dah. Yang Berhormat Manir kata tadi ini berdasarkan Bajet Nabi Yusuf, tadi baru sebut sekejap tadi. Melalui cerita-cerita itu Kerajaan Mesir. Jadi maknanya Bajet yang dibuat mimpi itu mimpi Kerajaan Mesir bukan mimpi Nabi Yusuf. Bajet itu bukan Nabi Yusuf, Nabi Yusuf cuma mentafsirkan mimpi Raja Mesir. Jadi nampak Wakil Manir ini Tok Guru dah tapi tak berapa faham jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau bodoh tak usah masuk Dewanlah, senang jadi bodoh berdo'oh lalu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat sekejap. Saya mintak Yang Berhormat tarik perkataan 'bodoh'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya. Yang Berhormat saya tarik balik perkataan 'bodoh' kepada Wakil Ajil. (Tepukan Sokongan)

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Ini Ketua Dewan Ulama ni bercakap begitu saya rasa layak saya jadi Ulama barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, itu tak perlu diiktiraf oleh Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Eem... Zakat bayar ke tak lagi tahun ni? (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, zakat tu banyak, zakat fitrah ke, zakat harta ke, tanya yang mana satu?

Jadi saya nak suruh rujuk kepada Exco Hadhari, tengok saya bayar zakat ke tidak untuk tahun ini.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Boleh tunjuk ke orang, pakai tunjuk-tunjuk. Kena *address* ke Yang Di Pertua, main tunjuk tak sedap nampak ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah, saya hak satni tunjuk, hak ini tak tunjuklah (Dewan Gelak) Kena tunjuk *retek*, tak tunjukkan tak nampak. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila mimpi itu disampaikan kepada Nabi Yusuf, Nabi Yusufpun menceritakan bahawa Negara Mesir akan menghadapi dua keadaan, satu keadaan pertumbuhan ekonomi, kemajuan ekonomi bagus. Yang keduanya, keadaan ekonominya meleset. Sebab itu Nabi Yusuf terus membuat cadangan, cadangan bagaimana nak menghadapi 7 tahun yang meleset sebab itu dalam ayat itu dia kata '*lazro-uma*' ada dalam ayat kalau Wakil Sura boleh ingat, saya tak berapa ayat Quran.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): (membaca petikan Surah Yusuf ayat 47). Wakil Kijal nak apa?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Penjelasan – Tadi saya tengok hebat Wakil Manir beri tafsir mimpi ni. Saya nak minta Wakil Manir tafsir mimpi saya mimpi semalam BN kalah di Pengkalan Pasir, betul ke tidak tak tahulah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini saya royat tadbir mimpi Nabi Yusuf bukan saya tadbir mimpi. Itu faham cakap saya *retek*. Saya semalam mimpi juga Pengkalan Pasir itu, hak di atas bumi ni yang bergerak dalam medan ni Pas memang 6 undi tapi mari Undi Pos ni dok pakai-gawai 135 undi kalah. Ada *tingkah* 129, jadi saya mimpi begitu juga, tapi masalahnya boleh jadi saya mimpi itu betul bukan Wakil Kijal saja mimpi, sayapun mimpi.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, minta laluan sikit – Sebab oleh kerana Wakil Manir tadi minta supaya dijelaskan mengenai dengan fakta bayaran zakat, jadi berdasarkan kepada fakta yang kita perolehi daripada MAIDAM bahawa Wakil Manir, saya sebut di sini iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Harun Taib, i/c. 431120-11-5131 dalam rekodnya dia mula bayar zakat pada 1/2001 dan memberhentikan pembayaran zakat kepada MAIDAM pada bulan 3 tahun 2004. Jadi bermaknanya rekod sebelum pada itu kita tak tahulah dan selepas pada itupun kita tak pasti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Di Pertua, masa itu saya jadi Exco, bayar zakat kepada MAIDAM RM1,114 dipotong pada tiap-tiap bulan, sekarang saya tak jadi Exco dah, nisab zakat sayapun tak sampai macam itu dah. Gaji Wakil Rakyat berapa? Jadi tak sampai nisab, tengoklah Yang Di Pertua tapi zakat fitrah kena rujuk balik ada ke tidak. Jadi saya nak tanya Exco-Exco ini potong ke zakat macam saya potong dulu? (Dewan Gelak) Sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masa itu zakat banyak boleh, Excopun potong, syarikat-syarikat anakpun bayar zakat dan rakyatpun bayar zakat. Rakyat Terengganu masa Pas perintah Terengganu kaya, sebab dia boleh bayar

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Wakil Manir kata dia bayar, sayapun bayar jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih. Bagus Wakil Kijal, hak lain saya tak tahu lagi tu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Wakil Manir, Dato' Yang Di Pertua, zakat fitrah tahun ini bayar ke siapa tu, bayar ke wakil MAIDAM ke bayar ke puak-puak sendiri?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita ada rekod dekat MAIDAM, ada rekod dekat MAIDAM, Dato' Alwi dia tak mari hari ini, kalau Dato' Alwi dia ingat, betullah. Jadi sayapun jadi Pengerusi Zakat, nak majukan zakat, nak dapat RM40 juta ini bukan mudah. Bincang dengan KPE MAIDAM, buat rancangan boleh banyak tapi tahun ini macam mana tak tahulan sikit-sikit. Itu kita cakap kemudianlah hal zakat, saya nak cakap hal Bajet dulu. Biar faham Bajet dulu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Jadi bila nak menghadapi 7 tahun pertama, 7 tahun bagus dan 7 tahun meleset ini nak menghadapinya macam mana? Iaitu dicadangkan oleh Nabi Yusuf (membaca petikan Surah Yusuf ayat 47). Memanglah masa itu hasil negara bergantung kepada hasil pertanian, zaman pertanian (membaca petikan Surah Yusuf ayat 47), masa 7 tahun yang subur itu, bumi subur itu bertanam, bangunkan betul-betul pertanian jangan abaikan. Tetapi (membaca petikan Surah Yusuf ayat 47) semasa kamu dapat hasil itu kebanyakan pada masa itu daripada gandum atau padi, jangan pisahkan biji-biji gandum atau padi itu daripada tangkainya, macam orang kampung kita buat dulu dah sudah tuai padi simpan dalam baloh padi dengan tangkai-tangkainya bertujuan untuk tahan lama. Jadi (membaca petikan Surah Yusuf ayat 47) kalau nak pecahpun hak sekadar nak makan tahun-tahun itu sahaja. Yang mana Bajet ini dibuat hasil 7 tahun untuk dimanfaatkan selama 14 tahun, ini suatu pembentangan Bajet yang sangat bijaksana oleh Nabi Allah Yusuf A.S. Jadi Bajet ini dia kata seimbang boleh RM1.5 juta belanja RM1.5 juta, itu bukan Bajet Nabi Allah Yusuf A.S.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Pohon laluan, Dato' Yang Di Pertua - Saya rasa Wakil Manir dah pergi jauh Dato' Yang Di Pertua yang sebenarnya yang dibawa oleh Menteri Besar berkaitan dengan cerita Nabi Yusuf ini nak khabar ada perancangan, kalau takdok perancangan maknanya kita sedia untuk gagal. Jadi bawa cerita Nabi Yusuf ini bukan nak cerita pelan 7 tahun, 14 tahun ke tidak tapi nak cerita

bahawa Nabi Yusuf ada buat perancangan, jadi kitapun ada buat perancangan. Zaman dia dulu oleh kerana zaman keadaan ekonominya macam itu, macam itulah perancangan yang paling baik ada pada masa itu. Sekarang kita ada perancangan kita yang lebih kurang itu jugak seimbang dari segi pendapatan dengan belanja. Jadi tak timbullah hak tak munasabah nak suruh buat 7 tahun, 7 tahun jugak tu tak timbul cerita di situ. Sekarang bandingannya dia ambil dari segi ada perancangan sebagaimana Nabi Yusuf ada perancangan, hak lain itu kita tak ambillah, aspek banyak kalau kita nak banding ni. Tapi yang dibanding oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di situ, ini duduk bawa cerita Nabi Yusuf 7 tangkai tak tangkai itu tidak kena mengena saya rasa

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia berceramah ke saya ni? (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya perbetul saja Dato' Yang Di Pertua sebab nampak meleret, masa kita pendek jadi kalau duk cerita 7 tangkai, 70 tangkai nak taruh tangkai itu benda

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia bercakap lagi ke saya yang bercakap? Masa untuk saya guna Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua beri kepada saya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Pasal Yang Berhormat bercakap itu meleret sangat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Takdok meleret. Saya cerita Nabi Yusuf saja

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi biar faham, nak bawa cerita biar faham

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Macam ceramah di surau saja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Teruskan Yang Berhormat, jangan buang masa Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, sekarang ni saya nak kata seimbang itu tak betul Bajet Nabi Yusuf, tak betul Bajet Seimbang boleh 100 bayar 100 bukan Bajet Nabi Allah Yusuf.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Seimbang dari aspek lain, Dato' Yang Di Pertua, 7 tahun dengan 7 yang

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau tak reti duduk dulu tak usah bercakaplah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ulama apa yang mengaku dia seorang reti Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memang tak reti sungguh. Ekonomi mengaji ke tidak tak tahu.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Bukan tentang ekonomi tentang seimbang. Banyak benda seimbang, seimbang dari segi pendapatan dengan perbelanjaan, seimbang dari segi 7 tahun simpan. Kerja untuk 7 tahun dan guna selepas daripada itu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Batu Rakit, sila duduk. Saya mintak Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Manir dalam menyampaikan hujah-hujah hendaklah berdasarkan peraturan yang ada, jangan buat ikut Yang Berhormat nak bercakap saja dalam Dewan ni. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dekat mana peraturan tak betul saya guna satni?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Kalau setakat tu Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat kena balik baca banyak lagi Peraturan Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak satni, hak baca, baca, hak satni hak tak betul dekat mana?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Banyak lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau banyak lagi, Yang Di Pertua pun banyak lagi tak betul. Kalau dia ganggu bercakap tak larang

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat bercakap tu duk tunjuk kepada Yang Berhormat di sebelah itu salah satu daripada melanggar prosedur Peraturan

Persidangan Dewan. Itu salah satu, takkanlah Yang Berhormat bekas Excopun tak tahu Peraturan Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak boleh tunjuk?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bakpe nak tunjuk, kerana baca dalam buku ini kata: "Setiap ucapan hendaklah dihalakan kepada Yang Di Pertua Dewan."

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, selepas tu? Hak saya tanya Yang Di Pertua, apakah dia atas saya bercakap tadi

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Peraturan begitu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya Yang Di Pertua, bukan saya tanya dia?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat nak terus ke tidak ucapan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu baru bagus

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Kalau nak terus, teruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan -- Saya nak tanya Yang Berhormat Wakil Manir, semasa Pas membuat pembentangan Bajet dulu adakah mengikut Bajet Nabi Yusuf?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tak pernahpun sebut ini Bajet Nabi Allah Yusuf A.S., ini Bajet Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi sebab itu saya bincang pasal Nabi Yusuf sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan ini Bajet yang mengambil kira Bajet yang dibentangkan oleh Nabi Allah Yusuf A.S., Wakil Kemasik biar reti sikitlah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Laluan sekali lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Di mana dalam teks ucapan ini yang menyatakan ini Bajet Nabi Yusuf, cuba baca muka surat berapa kalau boleh? Jangan cakap lebih kurang begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Janji Ditunai Sejarah Dipahat. Kemudian Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua (1), kemudian "Yang Berhormat Yang Di Pertua (2) -- Tidak ada mana-mana negara dalam dunia yang boleh dibangunkan

tanpa sebarang usaha dan perancangan atau bergantung hanya kepada takdir semata-mata. Oleh sebab itu, manusia digesa untuk merancang sebagaimana pengajaran yang terkandung dalam kisah Nabi Allah Yusuf A.S.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Di Pertua, dengan izin - Yang itu saya kata tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut bahawa Bajet ini dibuat dengan rancangan jadi sama dengan Nabi Yusuf dia ada perancangan. Jadi kita ambil aspek perancangan bukan nak banding hak 7 tahun-7 tahun lepas itu hak tanam gandum apa semua itu tidak kena mengena dah. Jadi duk bawa cerita tu, jadi saya rasa bazir masa Dewan kita Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang tabiat orang Umno ini tak boleh dengar saya baca Quran, tak boleh dengar buat perbandingan dengan Islam

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak betul Yang Di Pertua, tak betul

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak betul, ini kata

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, malulah sikit kopiah atas kepala tu. Soalan saya tadi di mana teks ucapan M.B. yang mengatakan bahawa ini sama dengan Bajet Nabi Yusuf, cumanya pengajaran dan iktibar daripada cerita Nabi Yusuf. Ini kita nak jual ayat Quran buat lebih kurang, ingat dia seorang pandai baca Quran orang lain tak pandai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan buat lebih kurang begitu, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang sakit telinga bila saya baca ayat Quran sakit telinga.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kitapun mengaji jugak. Kena ke orang, bodoh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memanglah, mengaji ni macam begini dok tengah tepi, ada mengaji jugak

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ada jugak Tok Guru Cap Ayam, Tok Guru.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limabt): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini bahasa Mentah-masak mengaji ugama ni. Bila mentah-masak nak makan tak boleh nak beri ke ayampun ayam tak berapa nak ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan, *lok* ke dialah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebab lepas ni nak tembor dah ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, diapun pandai tadbir mimpi juga, dia kata nak tembor (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat Manir, saya bagi peruntukan ada masa 10 minit lagi untuk Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bajet ini tidak boleh nak dibandingkan dengan Bajet Nabi Allah Nabi Yusuf A.S. Yang keduanya, Wakil Tepoh sebut lagi berkaitan dengan apa yang diucapkan oleh Wakil daripada Wakaf Mempelam. Memang kita cakap hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri melalui usahanya. Maka tahun ini adalah amat sedikit berbanding dengan tahun yang lepas. Adapun bantuan Kerajaan Persekutuan itu perkara yang lain. Jadi oleh kerana itu, kita kena faham maknanya kalau dikira hak Hasil Kerajaan Negeri sendiri kira orang kata '*peng lalat*' jugak, *dokrok*, nak bayar gajipun dokrok, tapi harap Pusat bagi saja.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Cuba hurai sikit '*peng lalat*' itu benda apa, tak faham saya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu saya khabar sikit lagilah, masa rehat nanti, insyaAllah. Masa makan nanti kita duduk sekali, kita cerita hal '*peng lalat*'. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mengambil satu-dua bahagian iaitu pertama, pendidikan. Dalam Bajet ini peruntukan-peruntukan pendidikan ini kalau ikut Wakil Kemasik kelmarin dia kata Kerajaan dulu tak buat apa, tak reti, tak buat apa. Kita alhamdulillah, dalam masa 4 tahun, masanya tak panjang, pendidikan ini kita nak mengajak, kita ada matlamat dia, ikut dalam Islam matlamat pendidikan yang jauh ialah (membaca petikan Surah Att-Tahrim ayat 6) "Wahai orang-orang beriman selamatkan diri kamu, keluarga kamu daripada terjerumus ke dalam api neraka." Ini matlamat yang jauh, matlamat yang halus dalam pendidikan Islam. Sebab itulah sahabat-sahabat saya Wakil daripada Kerajaan bercakap tentang pendidikan mengikut Quran yang Allahtaala turunkan kepada Nabi kita Muhammad S.A.W. mula-mula sekali iaitu Iqra' tetapi bukan Iqra' begitu, tetapi '*Iqra' bismirabbiq*', "Baca itu dengan mengingat nama, menyebut nama Tuhan kamu", kamu kenal Allah S.W.T. Jadi sebab itu dalam masa Kerajaan Pas matlamat pendidikan dia, yang pertama ialah untuk melahirkan rakyat Negeri Terengganu ini, penduduk Negeri Terengganu yang terselamat daripada api neraka, itu matlamat kita.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, laluan sekali lagi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang keduanya ialah untuk melahirkan rakyat Negeri Terengganu yang mampu melayari hidup berdasarkan tuntutan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Nak ganggu lagi?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan sekali lagi. Terima kasih. '*Kuanfusaqum wa-ahliqumnao*' *Doh guana* hak ahli-ahli hak sembahyang Jumaat di Jabi, hak dua Jumaat tu, ahli-ahli tu guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini benda lama dah, saya bercakap sokmo doh. Masa Dato' Yang Di Pertua jadi Setiausaha Dewan itu kita balah bab ini jugak. Sembahyang benda ini, benda ibadat, ibadat ini ikut ketenangan jiwa masing-masing. Masa kita memerintahpun ada juga orang-orang Umno yang tak berpuas hati dia buat dua sembahyang sepertinya Surau Gelong Gajah, seperti Surau Gong Pak Jin, seperti Masjid Lama Tengawang, dia sembahyang jugak di tempat lain, nak buat macam mana itu orang Umno, takdokpun ketua daripada Umno katakan wajib kamu tinggal masjid yang dikuasai oleh Pas tapi dia buat.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau saya boleh dapatkan laluan sikit – Sebab Wakil Manir sebut Surau Gelong Gajah dekat kampung saya tu biar saya boleh jelas sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, ya.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua. Yang disebut Surau Gelong Gajah sebenarnya peringkat awal penubuhan dia, nak buat dia dulu memang dah ada cita-cita nak buat masjid dan dari segi syaratnya memang cukup di situ tak macam hak di Kijal sana. Kampung Padang Kemunting ini dia kampung besar, Gelung Gajah itu satu kampung dan masa pemerintahan Pas dahulu Gelong Gajah itu diberi satu JSR maknanya telah diiktiraf sebagai satu kampung yang berasingan. Jadi kita buat masjid di situ sesuai dengan kepadatan penduduk, jarak dia dengan masjid yang sedia ada tak ada masalah hari inipun telah diiktiraf. Cuma orang Pas takmboh iktiraf pada masa itu kerana orang Umno sembahyang di situ.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita tahu jugak pada masa itu saya jadi Pengerusi jadi kita mesyuarat, Pegawai Agama di sinipun ada kita tak ambil tindakan, kita kata usaha kitanya ke arah mengiktiraf surau itu kepada masjid dinaiktarafkan, apa masalahnya kita buat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Bakpe tunjuk ke sayanya, bercakap ke Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kata masa itu Wakil Tepoh masih ada di bawah Pejabat Agama lagi pada masa itu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kalau boleh saya diberi laluan sedikit lagi Yang Di Pertua, sebab Wakil Manir ini dia bercakap pandai sembunyi fakta sebenarnya dia duk nak roboh sebab takdok undang-undang maka sebab itulah zaman Pas dulu dia buat Undang-undang Pentadbiran Masjid, syarat-syarat nak buat masjid dan sebagainya tapi bila kita menang balik, dia terkepit dia pergi buat masjid langgar peraturan hak dia buat sendiri, inilah Pas dia buat peraturan dia langgar asal penting ke dia. Ayat Quranpun dia baca untuk diri dia, kalau tak untung ke dia, dia tak baca dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila kena atas kepala dia, dia rasa berat pulak. Jadi sebab itu kita mengambil tindakan secara bijaksana, tak rombak masjid, tak tangkap Tok Imam. Ini pergi roboh masjid, dulu tangkap Tok Iman, tangkappun jadi apa benda.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, laluan – Saya nak tanya rombak masjid dekat mana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Dewan dulu kita bincang dah, ada rombak masjid dulu. Hak di Kijal itu kita panggil masjid.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Mana ada masjid?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok, kita panggil masjid.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Mana ada masjid, bercakap biar betul ini dalam Dewan yang mulia ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betullah, kita kata masjid hak itu.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Ini susah orang Pas ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Susah, lawan orang Pas ini memang susah. (Dewan Gelak) Kalau kata lawan orang Pas mudah, senanglah. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi dari sudut pendidikan kita adakan Sekolah Rendah Agama Bersepadu tujuannya daripada kecil lagi anak-anak kita ini diperkenalkan, pertama, berkenaan aqidah, di samping itu perkenalkan perkara-perkara asas tentang sains, tentang teknologi, tentang apa-apa, kemudian lanjutan daripada itu kita buka sekolah menengah, Sekolah Menengah itu KOSTAQ (Kolej Sains Al-Quranulkarim), kemudian lepas pada kita dia tukar nama Intiaz ke apa, kemudian selain daripada itu kita buka KIST (Kolej Islam Sains Terengganu)

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan ..

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak beri laluan sebab saya takdok masa kecuali Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua beri masa kepada saya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Duduk? Yang Berhormat beri masa kepada saya, saya tak apa.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Adakah dasar pendidikan Pas termasuk menghalau anak-anak yang baru nak belajar doa, nak belajar alif, ba, ta di Tadika-tadika Kemas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu tak masuk dalam dasar kita dan kita berusaha untuk mendidik anak-anak ini tetapi beberapa insiden berlaku disebabkan oleh sebab-sebab yang tertentu. Jadi ini bukan menjadi dasar, menjadi polisi yang menjadi isu besar kepada Barisan Nasional Negeri Terengganu untuk mengatakan keburukan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) di negeri ini, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Tetapi sekolah-sekolah ini dibiarkan begitu juga macam di KUSZA (Kolej Agama Sultan Zainal Abidin) kita bermacam-macam cara buat untuk menaiktarafkan untuk menjadi sebuah universiti tetapi kita tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan, terutama sekali Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu Wakil Kijal, sekejap, deras nak bercakap. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tahu dulu KUSZA ditubuh di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu, kita boleh buat perancangan, kita boleh buat, kita boleh tingkatkan di bawah Enakmen Kerajaan Negeri, di bawah agama sebab itu kita kata IT, Pengajian Islam IT, Pengajian Islam Perubatan, kita boleh buat. Pada masa itu kita mendapat nasihat daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang dan kita bersedia menghadapi jika Kerajaan Persekutuan membuat apa-apa kepada kita pada masa itu. Dan kita mengadakan hubungan-jalin dengan universiti di luar negara yang diiktiraf. Kita juga mengadakan kursus-kursus di peringkat Ijazah Pertama dan dalam usaha untuk mengadakan Ijazah Kedua dan peringkat PhD pada masa itu tapi Kerajaan berakhir pada awal tahun 2004, itu terpulanglah bagaimana. Begitu juga Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Sekolah SRAB, kenapa anak-anak pegawai-pegawai kerajaan, anak-anak orang, orang (ibu bapa) bersungut sampai berjuang hingga sekarang supaya sekolah itu diteruskan, dilakukan pengambilan pelajar-pelajar baru, saya dengar cerita boleh jadi betul atau tidak betul, boleh dibetulkan oleh pihak Kerajaan. Ada rombongan pergi berjumpa, ibu bapa pergi berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi Yang Amat Berhormat serah pulak kepada Wakil Bukit Payong, Exco Pendidikan tapi sampai sekarang tidak ada layanan bukan sahaja anak-anak orang Pas, anak-anak orang Umno, anak-anak pegawai kerajaan, mereka rasa ada kejayaan dari sudut pendidikan ini, kelainan seseorang

itu anak ramai, satu di sekolah biasa, satu di sekolah ini ada banyak kelainan yang mereka perolehi, memuaskan kepada ibu bapa yang merasa lega hati ibu bapa untuk melihat anaknya untuk masa depan supaya anak-anaknya tidaklah boleh dipengaruhi oleh arus-arus pendidikan *paradigm*. Saya percaya ibu bapa bukan sahaja mengejar kecemerlangan tetapi mereka mengejar ketaqwaan dan keimanan anak-anak mereka supaya anak-anak mereka tidak terjebak dengan gejala-gejala sosial yang begitu hebat melanda negeri kita dalam Negeri Terengganu ini.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Penjelasan, saya sekalilah penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi oleh sebab itu tidak ada sebab sekolah itu tidak boleh disambung, tidak ada sebab tidak boleh diteruskan. Ini mungkin kerana Pengerusi Pendidikan sendiri tidak berminat dengan sekolah itu saya tidak tahu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Begitu juga kita berusaha di peringkat TATI, di zaman Barisan Nasional dulu tidak berdaftar, Kolej ICT dia panggil tidak berdaftar, kita usaha untuk didaftar dan berjalan tapi masa mereka tidak ada gangguan sebab mereka antara bapa dan anak tetapi pada masa kita, bapa tiri dengan anak tiri mereka ganggu. Bagaimana kita pertingkatkan di KUSZA, Pusat Kegiatan Pelajar tidak ada pada masa dulu tetapi kita bina yang memakan belanja kurang lebih RM4 juta kita belanja walaupun dalam keadaan kita ditentang oleh kewangan. Begitu juga TATI, masa dulu saya mengambil alih menjadi Pengerusi TATI tak ada alat peralatan di dalam bilik makmal, tidak ada tapi kita beli

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Minta penjelasan sikit saja

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): kita mintak kerjasama, kita panggil wakil, sahabat-sahabat kita daripada UTM untuk beli peralatan kita untuk kita teruskan pendidikan di peringkat Sarjana Muda. Mereka datang dan mereka berpuas hati untuk memberi kerjasama kepada kita

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Wakil Manir ini bercakap bagi pihak Kerajaan ke Pembangkang?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
..... Banyak fakta tak betul ni, mintak tolong dibaiki

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya beri sikit lagi, saya dah nak habis.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Manir bagi laluan kepada Pengerusi yang Yang Berhormat sebut tadi nak beri

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat duduk, bagi laluan hak Yang Berhormat sentuh tadi hal Pengerusi Pendidikan tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak beri dua patah saja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apalah saya bagi masa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, Yang Berhormat bagi masa, tak apa.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pasal di TATI tadi tu, banyak fakta yang tak betul bila masanya yang Yang Berhormat Manir yang jadi pengerusi itu berapa kali dia bermesyuarat? Tak sampai tiga kalipun dalam masa empat tahun. Yang keduanya, bilangan pelajar cukup menurun sehinggakan pada akhir zaman Pas cuma 100 orang sahaja tiada keyakinan nak pergi ke TATI. Dan yang ketiganya, mesin-mesin di TATI yang ada telahpun dibeli dengan peruntukan Kerajaan Pusat sebelum itu, sebelum tahun 1999.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini masalah pentadbiran. Saya kata kita memperlengkapkan bilik-bilik makmal dengan peralatan yang diperlukan oleh sebuah pusat pengajian yang berteknologi tinggi yang tidak disediakan oleh zaman Barisan Nasional. Kita telah sediakan tetapi malangnya, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Nampaknya macam menjawab soalan saja, Wakil Manir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia bukan menjawab soalan, saya menerangkan kalau saya nak terangkan hak Wakil Kota Puterapun boleh juga tapi saya belum lagi sampai ke situ, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi oleh sebab itu pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, Pendidikan Swasta dengan sewenang-wenangnya menghantar surat kepada UTM supaya jangan beri kerjasama kepada TATI yang pada masa itu di bawah pemerintahan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Jadi jangan seperti kata Wakil Kemasik kata tak reti memerintah, bukan macam Wakil Kemasik, Wakil Kemasik ni wakil yang *frust*, dia yang paling *senior* sekali tapi teruk dilintas oleh Wakil Kijal jugak, sepatutnya Wakil Kijal berilah ke dia sekali jadi Exco boleh jawab soalan-soalan tapi

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Pengerusi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak kira dilantik ke Exco ataupun tidak sebab saya bekerja untuk rakyat tapi Yang Berhormat bekas Exco bersama Menteri Besar turun ke bawah lebih malu daripada itu. (Tepukan Sokongan)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, malu apa, orang berjuang ada menang ada tak menang dan kalah ni, tak menang ni bukan selama-lamanya mungkin tahun 2008 ini menang pula kita tak tahu, itu apa yang menjadi masalah. Kita masuk bertanding dalam pilihanraya kita tahu risiko dia sama ada menang ataupun kalah, seri jarang, itu orang main bola.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan – Ini yang susah ni Wakil Manir, kalau orang beri laluan dia bercakap duduk agah-agah, duduk provok orang itu yang menyebabkan orang duk ganggu kita. Kita sebagai seorang yang Ulama, ingat kepada firman Allah S.W.T. dalam suratul Hujurat (membaca petikan Surah Al-Hujurat ayat 11), kita duk *gelar-gelar* duk acah orang itu bukan status sebagai seorang Ulama, berucaplah dengan secara yang sopan. Janganlah mengagah orang kalau orang campur tangankan marah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila bagi kepada Yang Berhormat Manir, yang akhir dah dia. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak rajin marah orang ganggupun. Takdok orang terbuka macam saya, siapa nak ganggupun boleh, Wakil Tepoh boleh, wakil manapun boleh, saya terima gangguan tetapi saya bersedia untuk memberi jawapan tetapi jawapan saya mungkin terkena kepada orang. Itu dia kena terimalah dia pandai serang saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi kalau kita kata takmboh beri orang serang memanglah Ulama ni *warasatul-anbiyaa'* diserang oleh orang. Takdok Nabi yang tidak diserang oleh orang, semua diserang oleh orang khususnya orang-orang macam tuan-tuan sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kalau tak serang Ulama takdok kerjalah. Yang pertama, hak mengaji sekolah agama, jadi Umno kohor teruk, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan sekali Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Mana tinggi Ketua Dewan Ulama dengan Mursyidul Am, Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apa benda pulak tu? Kena masuk Pas dululah, ada borang ni, boleh tahu apa dia Ketua Dewan Ulama dengan Mursyidul Am

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat, habiskan

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau begitu ramai orang boleh mengaku Ulama

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa Yang Berhormat dah cukup

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cukup dah? Masa kecederaan, saya nak ambil sikit lagi. Dalam soal pendidikan, jadi saya nak ambil sedikit Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini ihsan dan rahmat Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya minta jasa baik Dato' Yang Di Pertua supaya terpaksa *recommend* saya sebab ganggu banyak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Banyak dah ihsan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Masa kecederaan itu banyak sangat. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Pendidikan. Kita rakyat Terengganu dan saya sendiri salah seorang daripada rakyat Terengganu rasa sangat lega bila ada janji di Negeri Terengganu nak tubuh universiti. Sayapun kita kira ada masalah sekolah-sekolah tinggi kita, KYT ada, TATI ada, KUSZA ada, saya ingat dengan Kerajaan Negeri Terengganu dengan mendapat peruntukan yang besar boleh menubuh universiti tidaklah saya sangka bahawa KUSZA diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh KUSZA. Warga KUSZA sangat arif bagaimana masalah yang dihadapi oleh mereka, ini satu kerugian.

Yang kedua, Dato' Yang Di Pertua, saya nak bercakap bab pertanian sedikit. Pertanian ini banyak, ada orang mintak limau, t-torok, t-kayu dan t-apa dan sebagainya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Saya tengok di sini kalau saya banding dengan hak Nabi Yusuf tadi. Maaf, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Nabi Yusuf tanaman utama diutamakan ialah untuk menghadapi dan untuk mengatasi masalah 'keselamatan makanan', makanan utama bagi rakyat Terengganu ialah beras, mereka makan nasi, beras daripada padi. Tumpuan penanaman padi adalah terlalu sedikit, padi-beras kita bergantung kepada orang lain bukan sahaja Negeri Terengganu, mungkin Malaysia bergantung kepada Siam. Apa salahnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, daripada Bajet yang banyak walaupun sudah ditentukan peruntukan ke mana-ke mana, boleh kita perbetul balik, kita alih, kita pindahkan peruntukan yang RM100 juta lebih itu ke arah penanaman padi untuk menyelamatkan rakyat Terengganu jika ada apa-apa masalah, kita mempunyai padi yang sendiri. Ini saya rasa satu perkara yang perlu diambil perhatian, ini berdasarkan kepada perancangan yang dibuat oleh Nabi Allah Yusuf A.S. di dalam ayat-ayat yang dibacakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, banyak serangan-serangan yang diberi kepada saya daripada salah seorang Exco tadi, daripada Ajil bercakap tentang hospital. Ketika Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan Pas

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Hak ni hak akhir dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak akhir dah ni. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita dulu berjanji nak buat hospital pakar kemudian kita memang buat sungguh, kita ambil bangunan MAIDAM dengan *joint venture*, berkongsi usahasama dengan TDM salah satu daripada anak syarikat Kerajaan Negeri yang dikatakan

cemerlang dan berjaya di zaman pemerintahan Pas, ada duit. Anak syarikat yang dulunya berhutang RM235 juta tetapi zaman kita, kita boleh bayar habis. Kita buat hospital jadi 'serampang dua mata'. Yang pertama, untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada rakyat Negeri Terengganu. Yang keduanya, hendak membebaskan dan menyelesaikan masalah bangunan yang dibina oleh MAIDAM dengan wang zakat RM5 juta lebih, dulu berjanji nak beri sewa kepada salah satu daripada institusi pengajian tetapi setelah dibina tak jadi. Institusi pengajian itu dia sewa bangunan lain, terbengkalai, hutang tak dapat dibayar, tak dapat nak dipungut balik dan sebagainya. Maka dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan dan Sosial yang kita tubuh melalui kerjasama dengan TDM kita boleh bayar kepada MAIDAM, kembali semula wang zakat. Banyak wang zakat diselewengkan bukan setakat itu sahaja malah dilaburkan dalam saham Bank Islam. Masa kita nak bina Pajak Gadai Islam, kita nak ambil modal ini, tak beri, Kementerian Kewangan tak bagi. Pajak Gadai Islam adalah suatu perancangan yang rapi yang dibuat oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS), kerana kita tak dapat lesen, kita terpaksa bergabung dengan Persatuan Kakitangan Jabatan Agama. Kita sudah siap deraf-derafnya bagaimana nak buat tapi pelaksanaannya belum dapat kita laksanakan. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang dapat meneruskan jika mengikut prinsip-prinsip Islam

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sekejap, sekejap

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Lesen memang telah diberi tetapi telah ditender dan tak diberi kepada MAIDAM, itu saja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT DATO' Yang Di Pertua, itu lesen hak lama, 5. Lesen hak baru kita tak dapat, yang itu sudah diperbaharukan mula-mula Kerajaan kita sudah diperbaharukan dan belum ada esen baru dan kita mintak lesen baru tak dapat. Itu prosedur pentadbiran, mula-mula kita menang memang ada pembaharuan yang dibuat dan selepas itu bila ada pembaharuan yang kedua, tidak dibenar lagi Kerajaan Negeri Terengganu untuk membuat keputusan untuk membuat pembaharuan ini diambil alih oleh Pusat sebab bila beri kepada kita, kita dapat agih

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, marah bunyinya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT DATO' Yang Di Pertua, semangat sikit Wakil Kijal kata marah selalu. Jadi kalau tak diterang dengan semangat begitu orang sebelah sana payah nak reti. Jadi kena semangat sikit biar dia mudah reti dan kalau mengantuk tu jadi kurang mengantuk sikit, Yang BERTHORMAT DATO' Yang Di Pertua. Jadi inilah yang kita buat

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan fakta Dato' Yang Di Pertua -- Syarikat Takaful itu memang diberi kepada Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri pada ketika itu dia tender dan MAIDAM pun

masuk, MAIDAM masuk RM500 ke RM1000, hak lain masuk RM40,000, dia beri kepada hak RM40,000.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya kata ini proses permulaan peralihan Kerajaan yang dibuat tidak disedari secara langsung oleh Kerajaan Negeri sebelum polisi ini dibuat sebab itu selepas itu pembaharuan lesen itu ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan dia ambil balik tidak beri kepada Kerajaan Negeri kita sebab itu kita nak buat tak boleh lesen mintak lesen tak dapat maka terpaksa kita kena bergabung dengan koperasi. Ini bukan kita tak ingat, dalam kepala saya, saya ingat.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, saya nak tanya sikit – LCD Projector MAIDAM tu duk mana le-ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, itu boleh tanya MAIDAM jangan tanya saya. Saya bukan pegawai duk bagi ke orang-orang ini - tak, boleh tanya MAIDAM, ada KPE dia, ada pegawai dia, boleh tanya duduk di mana-mana, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bajet dibentangkan sesekali rasa betul, sesekali rasa tak betul 'Bajet Rakyat Daripada Rakyat'. Kalau ikut Wakil Kijal, Menteri Kerajaan Tempatan, betullah sebab dia ambil pith daripada rakyat, dia ambil cukai pintu, cukai lain-lain daripada rakyat, nak belanja semula kepada rakyat, Yang Berhormat-Yang Berhormat betullah. Tapi di dalam Bajet ini RM1.33 bilion itu tidak diambil daripada rakyat tapi diambil daripada Kerajaan Persekutuan, jadi saya rasa serba salah nak kata betul ke tidak betul Bajet.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Habis dah?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasihlah Dato' Yang Di Pertua kerana beri masa kecemasan kepada saya. Setakat ini sahaja ucapan saya

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, petang ini nak mari ke tidak tu dengan esok?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, tahniah?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Petang ini nak mari ke tidak tu dengan esok?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Petang ni Yang Berhormat Wakil Alur Limbat boleh tengok, kalau ada, mari kalau takdok tu tak mari(Dewan Gelak) Sekian, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Manir. Ada lagi Yang Berhormat nak berucap ke tidak lepas ni? Oleh kerana petang ini Kerajaan akan mengemukakan berhubung dengan Enakmen Bajet jadi saya benarkan seorang lagi untuk berucap dan Dewan ini akan ditangguhkan pada pukul 1.15 tengah hari. Sila Yang Berhormat Wakil Sura.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah wassolatuwassalam mu-ala rasulillah wa-ala-alihi ajmain. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya warga Dewan yang dihormati sekalian, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Saya dalam Dewan yang mulia ini memohon izin untuk memetik firman Allah S.W.T. menerusi Surah Al-Anbiyaa' ayat 107, Allah berfirman (membaca petikan Surah Al-Anbiyaa' ayat 107) "Sesungguhnya kami yakni Allah mengutuskan engkau wahai Muhammad sebagai rahmat dan nikmat kepada alam sejagat." Inilah misi dakwah kita Muhammad S.A.W. Justeru kita melihat apa sahaja yang datang daripada Nabi Muhammad adalah merupakan gambaran rahmat. Perbuatan baginda, tindakan baginda dan ikrar baginda bahkan ucapan baginda adalah sebagai rahmat kepada alam sejagat. Oleh sebab itu, Nabi S.A.W. tidak pernah mengkurang ajarkan orang lain bahkan terhadap musuh-musuh Musyrikannya, baginda tidak pernah merendah-rendahkan orang lain, seperti ucapan-ucapan yang kita dengar sejak dari semalam sampai tadi, ucapan budak, ucapan bodoh, ucapan peng lalat, ucapan masak-mentah dan macam macam lagi. Hatta semalam juga disebut sebutan perompak, pengkhianat dan sebagainya. Kalau inilah yang menjadi wirid kepada Ahli-ahli Pembangkang maka kita dapat jelas pada ayat yang saya bacakan tadi jauh menyimpang daripada misi dakwah Nabi S.A.W. membawa Islam. Inilah yang perlu kita sedari bahkan inilah yang perlu disedari oleh seluruh rakyat bahawa slogan yang mereka sebut di mana-mana 'Membangun Bersama Islam' itu hanyalah merupakan suatu ucapan yang manis di mulut sahaja. Dato' Yang Di Pertua, Dewan ini disaksikan oleh alam sejagat, warga dunia yang membuka internet bersama kita sejak daripada dua hari yang lepas termasuk hari ini untuk menyaksikan warga Dewan yang mulia ini yang digelar sebagai Wakil Rakyat ada yang tulus ikhlas dalam ucapan mereka, ada yang jujur dan ada yang bercakap berbelit-belit lebih berbelit daripada ular dan *keling* lagi ni.

Dato' Yang Di Pertua, kelmarin dunia menyaksikan seorang Wakil Rakyat Pembangkang bercakap dan berbahas kononnya hendak menjadi seorang wira, kononnya berjuang untuk kepentingan pegawai-pegawai kerajaan, pada hal sejarah mencatatkan dan terpahat, sejak tahun 2000 hingga tahun 2004 semasa mereka memerintah bersama dengan orang-orang yang sewaktu dengannya merekalah orang-orang yang menjeruk orang. Merekalah orang-orang yang memberikan deraan, merekalah orang-orang yang melakukan beberapa perkara yang seolah-olah mematikan semangat pegawai-pegawai kerajaan untuk melaksanakan tugas mereka. Sejarah merakamkan bahawa ada beberapa buah jabatan yang

setengah-setengah pegawai-pegawai kerajaan tidak boleh bergerak, hendak berjumpa dengan orang luarpun agak payah apabila di pejabat-pejabat kerajaan dipasang kamera-kamera perakam. Dipaksa mendengar Tazkirah Politik mereka, ada tazkirah bulanan, mingguan dan seumpamanya. Dibuat pula tuduhan dan gelaran yang tidak bermaruah seperti kita dengar selalu, ada ucapan 'anjing kerajaan', 'syaitan bisu' dan macam-macam lagi. Tidak cukup dengan itu, sejarah telah merakamkan bahawa anak-anak kalau sekiranya mereka ini mati maka Syurgalah untuk mereka yang mana sejarah memperlihatkan anak-anak yang tidak berdosa ini dihalau bagaikan binatang, dikunci pintu balai raya dan lain-lain tindakan. Padahal anak-anak ini kadang-kadang bukan semuanya anak-anak daripada mereka yang berpartikan Barisan Nasional, bahkan kadang-kadang ada di kalangan-kalangan mereka sendiri. Begitulah seterusnya Dato' Yang Di Pertua, dunia menyaksikan drama dan sandiwara mereka semasa mereka memerintah, sebelum mereka memerintah dan hari ini selepas daripada mereka memerintah, dunia menyaksikan ini pe'el perangai Ulama-ulama Pas.

Dato' Yang Di Pertua, begitu juga dunia menyaksikan pembentangan Bajet 2006 yang sihat dan nyaman, yang bukan hanya untuk penyokong-penyokong Kerajaan juga untuk mereka yang menentang apa sahaja usaha yang datang daripada Umno dan Barisan Nasional. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagai rakyat Terengganu saya rasa gembira, kagum dan bertuah kerana upacara Monsoon Cup yang telah diadakan di negeri yang bertuah ini tetapi lagi rasa bertuah sekiranya upacara yang seumpama itu dapat dilakukan di persisiran Sungai Kuala Dungun. Tetapi buat masa ini Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak takut orang marah ke?

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Alhamdulillah, setakat ini orang Dungun sayang dan sentiasa mendoakan kejayaan Monsoon Cup. Dato' Yang Di Pertua, tetapi buat masa ini memanglah Sungai Dungun tidak sesuai kerana daripada banyak lorong kita hanya tinggal satu lorong sahaja yang lain semuanya menjadi cetek. Saya ulang ucapan saya, sekarang hingga kini muara Sungai Kuala Dungun telahpun menjadi cetek hanya tinggal satu lorong sahaja untuk dilalui oleh bot-bot nelayan. Oleh sebab itu Dato' Yang Di Pertua, saya memohon supaya dipercepatkan usaha memperdalamkan Sungai Kuala Dungun dan beberapa kawasan yang sekitar dengannya yang kian cetek. Kesian para-para nelayan Dungun khususnya yang nak masuk ke kuala kadang-kadang kita lihat bot-bot mereka itu seolah-olah macam terpaksa *queue* untuk masuk ke kuala. Dato' Yang Di Pertua, di samping itu sekarang nelayan-nelayan bersungut tentang tangkapan mereka begitu merosot, oleh sebab itu saya juga memohon agar diperbanyakkan binaan tempat pembiakan ikan seperti pembinaan dan pewujudan tukun-tukun untuk faedah para nelayan amnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berasaskan Bajet 2006 juga kita juga berharap masjid-masjid yang sedia ada dapat dipantau, dibaik pulih fizikal bangunannya di samping pembinaan lanskap yang menarik di sekitar halaman masjid-surau, dibaiki pagar-pagar, dibaiki dan dibaik pulih bilik-bilik air dan ditambah bilik-bilik air supaya ianya mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, menerusi Bajet 2006 juga kita sebenarnya akan memahat sejarah, saya mewakili DUN Sura berterima kasih kepada Kerajaan kerana memperuntukkan RM47 juta untuk tujuan kebersihan dan keindahan kawasan Majlis tetapi saya juga berharap diperluaskan kawasan untuk kebersihan dan keindahan ini di seluruh tempat. Untuk itu pada pandangan saya, pasar-pasar adalah menjadi tempat tumpuan orang ramai bukan sahaja dikunjungi oleh orang-orang negeri kita bahkan oleh pelancong-pelancong luar. Oleh itu saya berharap Pihak-pihak Berkuasa Tempatan memberikan tumpuan yang lebih di pasar-pasar kerana ia memberikan imej kepada negeri kita secara amnya sebabnya kalau kita pergi ke negara-negara maju kita dapat dan kita lihat kebersihan begitu jelas di pasar-pasar mereka. Justeru itu sempena Tahun Pertanian ini pasar sebenarnya mampu membawa dan menunjukkan imej yang menggembirakan semua pihak.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebanyak RM1.2 juta kita berharap diberikan latihan juga kepada bakal-bakal Imam dan Bilal juga Imam-imam dan Bilal-bilal yang sedia ada supaya apabila adanya latihan seumpama ini tidak timbul lagi perkara-perkara yang dibangkitkan sekejap tadi berhubung adanya mereka yang tidak amanah dengan ilmu lalu tergamak menjadi Imam-imam di tempat-tempat yang tidak dirasmikan dan tidak diisytiharkan.

Dato' Yang Di Pertua, melihat kepada Bajet 2006 ini juga saya rasa terharu kerana sebanyak RM42 juta untuk tujuan latihan kepada kakitangan awam namun saya juga berharap supaya kekosongan pegawai-pegawai kerajaan di beberapa buah jabatan terutamanya pegawai-pegawai di Jabatan Hal Fihwal Agama Terengganu dapat dipenuhi dengan segera. Kalau kita melihat kepada peruntukan yang ada sepatutnya Pegawai Pejabat Agama yang ada sekarang sepatutnya memerlukan kepada 32 orang pegawai kumpulan 'A' tetapi apa yang berlaku sekarang hanya dipenuhi seramai 18 orang sahaja. Apabila hanya pegawai 18 orang sahaja, separuh lebih sahaja yang ada, lalu bagaimanakah mereka hendak menjalankan tugas mereka dengan baik pada hal dalam masa yang sama kita mendengar bermacam-macam ucapan daripada berbagai-bagai pihak yang mengatakan Pegawai Pejabat Agama lemah, mereka katakan bahawa Pegawai Pejabat Agama tidak efisien, tidak aktif dan seumpamanya. Pada hal keadaan mereka umpama kain yang singkat diangkat ke atas nampak yang bawah, diturunkan ke bawah nampak yang atas dan begitulah seterusnya. Oleh sebab itu, dalam Dewan yang mulia ini saya memohon daripada pihak Kerajaan supaya memandang perkara ini dalam perhatian yang serius dan dipenuhi dengan segera keperluan yang ada di Jabatan Agama secara khususnya.

Dato' Yang Di Pertua, begitu juga dalam Bajet ini kita melihat adanya peruntukan untuk pencahayaan di tempat-tempat awam, selain bandar Dato' Yang Di Pertua saya melihat juga di tempat-tempat lain juga perlu kepada pencahayaan sebagai contohnya ialah tanah-tanah perkuburan. Walaupun isu tanah perkuburan ini tidak sohor, orang tak berapa nak sebut tentang tanah perkuburan ini tetapi kalau kita melihat di seluruh Negeri Terengganu rata-ratanya kubur kita agak terbiar, tidak ada pencaknaan yang khusus daripada mana-mana pihak. Di kawasan saya, di daerah saya, saya kadang-kadang pening kepala apabila berjumpa dengan beberapa orang pegawai, pergi jumpa dengan pihak Majlis, Majlis kata Pejabat Agama perlu urus, berjumpa dengan orang Pejabat Agama, Pejabat Agama kata

orang Majlis yang urus, berjumpa Pejabat Agama, Pejabat Agama pulak katanya ini Pegawai Pejabat Daerah dan begitulah seterusnya main macam catur. Pada hal dalam masa yang sama kita melihat alhamdulillah, bandar-bandar kita diterangi cahaya tetapi kubur-kubur kita dipenuhi dan dinaiki lalang dan seumpamanya. Oleh sebab itu, saya mengharapkan bahawa dengan Bajet yang besar ini mudah-mudahan diberikan perhatian yang khusus terhadap tanah-tanah perkuburan bukan sahaja tanah-tanah perkuburan orang Islam juga tanah-tanah perkuburan bukan orang Islam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Banyak lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Sikit lagi. Dato' Yang Di Pertua, akhirnya saya mengharapkan bahawa dalam Bajet ini juga mengambil kira tentang penubuhan dan pembinaan surau-surau yang baru dan selesa untuk anak-anak kita di Sekolah-sekolah Agama dan juga asrama-asrama mereka. Dengan sebab bila mana kita melihat surau-surau yang ada di dalam Sekolah-sekolah Agama dan juga asrama-asrama kita akan berasa jauh ketinggalan berbanding dengan apa yang ada di Sekolah-sekolah Kebangsaan. Oleh sebab itu, dalam Dewan yang mulia ini saya mengharapkan bahawa mudah-mudahan pihak Kerajaan memberikan perhatian yang khusus dan utama demi untuk melihat bahawa anak-anak kita akan di suatu masa nanti akan menjadi generasi *Ululbab* sebagaimana yang diharap-harapkan.

Dato' Yang Di Pertua, dalam ucapan ini juga saya mengharapkan bahawa rakan-rakan kita daripada Pembangkang kalaulah sekiranya kita berani mengeluarkan ucapan-ucapan, kalaulah sekiranya di kalangan kita Pembangkang ini berani menuduh dengan berbagai-bagai ucapan saya cabar mereka di dalam Dewan yang mulia ini kalau mereka benar, jujur dalam perjuangan mereka, mereka pasti sanggup tunggu sampai ke petang dan sampailah habis sesi Persidangan kita pada hari ini (Tepukan Sokongan) Sekian, saya mohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Sura. Saya ingin tahu sekali lagi berapa lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian untuk Ucapan Belanjawan? Tiga orang lagi.

Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan dan disambung semula pada jam 2.45 petang. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.18 TENGAH HARI.

PUKUL 2.45 PETANG.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula untuk membahaskan Bajet 2006. Saya mohon untuk memulakan Persidangan Dewan pada petang ini, kita mulakan dengan bacaan Al- Fatihah. Sekarang saya buka untuk perbahasan, ada Yang Berhormat ingin berucap? Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kawasan Batu Rakit, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya para Pemerhati, sidang hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Pertama-tama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana masih memberi ruang pada petang ini kepada saya dan beberapa orang sahabat saya yang masih belum sempat untuk mengambil bahagian pagi tadi dan dua hari yang lepas untuk sama-sama turut serta dalam perbahasan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 5 haribulan yang lalu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pertama-tama saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan suatu Bajet yang sangat baik yang menumpukan kepada kepentingan serta kemaslahatan rakyat negeri ini. Bajet yang pertama kalinya dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakyat. Maka memang sesuaiilah Bajet ini dinamakan 'Bajet Dari Rakyat Untuk Rakyat' tidak semestinya bila duit itu datang daripada poket rakyat bayar cukai kemudian dibelanja oleh Kerajaan baru nak panggil 'Bajet Rakyat Untuk Rakyat'. Jika masalah-masalah yang sebegini nak dibincangkan saya kira amat malanglah Dewan kita, nak kata tak betul bukan 'Bajet Rakyat Untuk Rakyat' sebab bukan semua duit daripada rakyat ini saya ingat masalahnya terlalu *lateral* dan saya kira amat membazir masa Dewan kita jika dibincangkan yang sedemikian rupa. Begitulah juga apabila perbandingan-perbandingan dibuat dalam Bajet ini dibandingkan, dibincangkan dengan panjang lebar tanpa mengira aspek perbandingan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Perkara ini yang dibincangkan, yang diperbahaskan oleh Wakil Pembangkang daripada Manir saya kira sangat tidak relevan dan dia tidak memenuhi hasrat orang-orang yang mengundi dia untuk datang ke Dewan ini membincangkan perkara-perkara yang besar serta membawa manfaat kepada rakyat.

Dato' Yang Di Pertua, 'Bajet Daripada Rakyat Untuk Rakyat' adalah merupakan satu Bajet yang sangat rasional apatah lagi dalam suasana negara kita dan sistem pemerintahan negara kita kerana Kerajaan yang memerintah pada hari ini adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Maka apabila Bajet yang dibuat dengan mengambil kira pandangan rakyat ia adalah satu Bajet yang menepati cita-cita rakyat yang sudah pasti akan dapat memberi kepuasan dan kelegaan kepada rakyat yang telah menyokong parti yang membentuk Kerajaan yang memerintah pada hari ini. Mudah-mudahan segala perancangan di dalam Bajet ini dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut sebagaimana yang dijadualkan. Saya juga berharap agar rakyat bersyukur dan mempertahankan Kerajaan ini semoga

dengan bersyukur itu kemakmuran negara ini dan negeri ini khususnya akan bertambah dan nasib rakyat Negeri Terengganu ini akan sentiasa dan terus terbela.

Dato' Yang Di Pertua, 'Janji Ditunai Sejarah Terpahat', tiga fokus telah dibuat dalam Bajet ini dan ia sangat-sangat menepati serta memenuhi tuntutan agama dan ajaran Islam yang kita anuti. Walaupun para Pembangkang tidak mahu menyokong dan menyuarakan kebenaran ini tetapi yang benar tetap akan terserlah dan akan tetap nyata pada pandangan dan orang-orang yang mengerti dan belajar. Dato' Yang Di Pertua, melalui fokus membangunkan keupayaan iaitulah dengan cara menitikberatkan pendidikan, ilmu pengetahuan serta pembangunan minda ini adalah merupakan asas yang utama dalam ajaran agama kita. Agama kita memang mengambil berat tentang pendidikan, tentang pentingnya ilmu bahkan sejarah telah membuktikan tamadun Islam yang didirikan yang terbina dahulu adalah berlandaskan kepada keilmuannya serta kebijaksanaan orang-orang yang memerintah pada masa itu yang memberikan tumpuan kepada pendidikan yang mana ia bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W. yang menitikberatkan kepada pembacaan, belajar membaca, menulis dan sebagainya walaupun baginda sendiri tidak tahu membaca dan menulis. Mudah-mudahan dengan fokus ini kita akan terus berjaya dan Negeri Terengganu akan terus mencapai kegemilangan pada masa-masa yang akan datang. Apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sehingga pada hari ini telah terbukti kejayaannya terang dan telah dapat dirasai dan dilihat. Kejayaan UPSR lima tahun berturut-turut adalah merupakan bukti ataupun merupakan tanda kejayaan awal kita. Adalah diharapkan fokus yang dibuat pada masa akan datang di dalam Bajet ini akan memberi penekanan kepada semua peringkat pendidikan jangan hanya kepada pendidikan rendah. Saya bimbang perkara-perkara lalu yang sering diperkatakan oleh rakyat akan kembali berulang, Negeri Terengganu hanya gah dengan perkara-perkara yang kecil. Kita mempunyai jalan-jalan yang baik tetapi kita tidak mempunyai lebuh raya yang menyambungkan kita dengan ibu kota menyebabkan kita ketinggalan beberapa dekad. Kita mempunyai banyak lapangan-lapangan terbang, di Pulau Redang kita ada lapangan terbang bertaraf antarabangsa, ada kapal terbang secara langsung daripada Singapura, ada dengan Imigresen dan sebagainya. Kita ada banyak lapangan terbang yang kecil tetapi kita tidak mempunyai lapangan terbang yang besar, kita sekali lagi tertinggal. Dan, saya bimbang sekali lagi kita akan berbangga dengan keputusan UPSR yang cemerlang tetapi jika kita tidak memberi tumpuan kepada pendidikan di peringkat yang lebih tinggi kita hanya berbangga dengan UPSR tetapi kita ketinggalan di dalam PMR, SPM dan lain-lain lagi. Maka adalah diharapkan dengan Bajet yang sebegini besar yang lebih kurang RM150 juta untuk pendidikan ini dapat digunakan untuk memfokuskan juga pendidikan sekolah menengah dan juga yang seterusnya. Adalah diharapkan dengan penubuhan sekolah-sekolah elit, premier, imtiaz dan sebagainya ia akan memberi ruang kepada pelajar-pelajar dari Terengganu yang sememangnya telah cemerlang di dalam UPSR untuk meneruskan lagi kecemerlangan mereka di dalam pengajian dan persijilan di peringkat sekolah menengah. Saya percaya perkara ini mampu dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan kita berharap hasil daripada apa yang telah dilaksanakan pada hari ini dapat kita lihat dalam setahun-dua lagi. Maka Dato' Yang Di Pertua, adalah diharapkan dengan peruntukan yang sebegini besar Jabatan Pelajaran Negeri akan dapat memanfaatkan peruntukan ini untuk mempertingkatkan lagi kejayaan dan pencapaian anak-anak Terengganu di dalam semua peringkat pengajian mereka.

Dato' Yang Di Pertua, seterusnya fokus yang diberikan dalam Bajet ini adalah berkaitan dengan membasmikan kemiskinan. Kemiskinan adalah merupakan satu lumrah begitulah keadaan hidup ini ada yang kaya, mesti ada yang miskin. Tetapi kemiskinan tidak sepatutnya dibiarkan begitu sahaja, usaha dan ikhtiar mestilah dilakukan dan usaha untuk membasmikan penyakit kemiskinan ini mestilah berterusan dan dibuat semaksimumnya. Adalah tidak mustahil kemiskinan ini dapat dihapuskan atau dapat diminimalkan ia pernah berlaku dalam sejarah Islam yang mana pernah suatu ketika duit zakat tidak dapat diagih-agihkan di Semenanjung Tanah Arab kerana tidak ada lagi orang mengaku miskin ataupun tidak diketemui orang-orang yang miskin yang layak menerima zakat sehingga wang tersebut dibawa dan diagih-agihkan ke negara-negara di utara Afrika.

Dato' Yang Di Pertua, membangunkan dan meningkatkan bidang pertanian adalah diyakini jika ianya berjaya kemiskinan akan dapat dikurangkan. Ini kerana kemiskinan sering kali dikaitkan dengan petani-petani dan nelayan-nelayan. Dan jika dilihat secara keseluruhannya orang-orang miskin di dalam negeri kita adalah daripada golongan yang tersebut. Maka adalah suatu yang sangat tepat apabila usaha untuk menangani kemiskinan ini dibuat dengan mengambil kira dan mempertingkatkan hasil pertanian dan juga meningkatkan keupayaan pertanian agar ia dapat memberi pulangan dan hasil yang lebih kepada petani-petani kita. Dato' Yang Di Pertua, dalam perancangan membangun dan meningkatkan keupayaan pertanian adalah diharapkan Kerajaan akan membuat perancangan yang lebih berstrategi dan lebih teratur dengan kajian-kajian yang menyeluruh serta dengan perancangan-perancangan yang mengambil kira semua aspek yang berkaitan dengan bidang tersebut. Kita bimbang perkara-perkara yang telah kita lalui pada masa dahulu akan berulang kembali, kita pernah mengadakan beberapa program pertanian dengan tanggapan dan dengan cita-cita ataupun dengan harapan bahawa ia akan menambahkan dan meningkatkan hasil pertanian tetapi ia tidak berjaya. Kita pernah membuat perancangan untuk tanam kayu sentang tapi ternyata sebelum 5 tahun telah tidak ada sentang kerana semuanya telah ditebang kerana dijangkakan pembesarannya tidak seperti yang dijangka. Mungkin sentang ini sesuai di negara jiran kita tetapi tidak sesuai di tanah air kita. Begitu juga dalam bidang pertanian, kita pernah mengadakan program kebun-kebun, kita sebut Kebun Nukleus dan sebagainya tetapi apabila kebun-kebun ini mendatangkan hasil kita dapati masalah yang lain pula yang timbul iaitulah pemasaran dan harga yang tidak boleh kita nak kawal. Di mana pada hari ini kita dapati hasil daripada kebun-kebun yang telah dibuka di Negeri Terengganu, durian, dokong, duku tak termasuk ubi torok ataupun jagung maka kita dapati harganya turun menyebabkan walaupun hasilnya banyak tapi pulangnya tidak sama seperti hasilnya sedikit suatu masa dahulu. Maka ini juga perlu diambil kira dan saya kira dalam hal ini Jabatan Pertanian, Fama, Mardi dan lain-lain jabatan yang berkenaan perlu memikirkan, perlu mencari jalan penyelesaian iaitu sama ada dengan mengadakan industri-industri hiliran untuk menjadikan hasil-hasil tadi lebih tahan lama, boleh dibuat dalam bentuk hasil yang lain dan sebagainya supaya hasil-hasil ini tidak akan terbiar begitu sahaja walaupun ianya datang dalam kuantiti yang banyak tetapi harganya telah tidak sama dengan harga sewaktu kuantitinya sedikit suatu masa dahulu. Ini saya kira perlu diberi perhatian kerana saya bimbang hari ini Jabatan Pertanian bercakap tentang tanaman baru, pokok buah naga lepas itu ada benda-benda lain, jagung dan sebagainya. Saya bimbang jika tidak ada perancangan seperti yang disebutkan tadi, jagung di Kuala Berang tidak popular lagi dahlah harganya akan jadi murah kerana di tempat lainpun tanam jagung dan jagung tidak dapat nak dipasarkan.

Saya bimbang juga pohon-pohon lain seperti yang saya sebut tadi kalau ianya menjadi tanpa ada perancangan dari segi pemasaran dan industri hiliran ia tidak akan ke mana. Maka langkah kita untuk membasmi kemiskinan tidak akan dapat dicapai.

Dato' Yang Di Pertua, saya percaya jika semuanya ini dibuat dengan baik, jika semua perancangan-perancangan yang dinyatakan di dalam buku Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, 5 haribulan yang lalu dilaksanakan dengan penuh teliti dan penuh bijaksana ia akan dapat secara langsung mencapai fokus yang ketiga, membina imej baru Negeri Terengganu. Hari inipun sebenarnya Terengganu telah banyak berubah. Orang-orang pendatang-pendatang luar ataupun pelancong-pelancong telah semakin ramai, suka dan minat untuk datang ke Terengganu dan orang-orang Terengganu sendiripun pada hari ini sudah berubah jauh berbanding dengan tahun-tahun yang dahulu kerana kalau dulu orang Terengganu hendak pergi ke Kuala Lumpur dia tidak suka nak bawa kereta dengan plat Terengganu kerana bila sampai di Kuala Lumpur dia berasa 'komang'. Hari ini orang Terengganu berada di Kuala Lumpurpun kalau beli kereta dia berasa bangga nak daftar kenderaan dia dengan plat Terengganu. Jadi kerana itulah kita dapat pada hari ini pendaftaran plat-plat kenderaan berlaku dengan lebih cepat, kalau dulu satu nombor tu setahun baru habis, hari ini kita tengok setahun boleh berubah dua-tiga angka, TAG, TAJ, TAK, sampai berapa kitapun tak tahu dah hari ini, TAK dah rasanya.

Jadi Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk mengambil peluang dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana mengadakan pembaharuan dan tambahan kepada peruntukan pembangunan bagi Pejabat Daerah Kuala Terengganu. Perkara ini telah banyak kali saya bangkitkan dalam perjumpaan-perjumpaan yang lalu dan ternyata benar seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Bajet ini dari rakyat untuk rakyat. Saya bercakap dari pihak rakyat, maka ternyata percakapan saya, aduan saya telah diterima. Tahun ini dalam Bajet yang telah dibentangkan 5 haribulan yang lalu peruntukan untuk Pejabat Daerah Kuala Terengganu, peruntukan perbelanjaan pembangunan telah ditingkatkan daripada kebiasaannya RM2.7 juta kepada RM8.95 juta, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Saya percaya ini adalah kerana dengan mengambil kira keadaan yang sebenar dan peka dengan aduan serta pandangan yang diberikan. Memanglah tidak adil jika Daerah Kuala Terengganu diberi peruntukan yang sama dengan Pejabat-pejabat Daerah yang lain ini kerana Pejabat Daerah bukan sekadar mentadbir daerah tetapi mentadbir pembangunan rakyat di dalam daerah tersebut. Dan sebagaimana yang kita ketahui Kuala Terengganu adalah merupakan ibu Negeri Terengganu dan yang merupakan daerah yang paling padat penduduknya. Maka dengan keadaan yang sedemikian DUN-DUN di dalam daerah Kuala Terengganupun lebih banyak berbanding dengan DUN-DUN di daerah yang lain, bahkan di dalam Daerah Kuala Terengganu ada dua Parlimen yang penuh dan ada satu DUN daripada Parlimen Setiu dan dua DUN daripada Parlimen Marang dan satu DUN daripada Parlimen Kuala Berang. Jadi kalau dicampurkan keseluruhannya ada hampir sebelas DUN dalam Daerah Kuala Terengganu. Jadi hari ini dengan peruntukan tambahan yang sedemikian rupa saya kira adalah adil dan tidak seperti pada tahun-tahun yang lepas, terima kasih atas pemberian yang tersebut.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana Bajet kali ini mengambil kira pembangunan pra-sarana awam di semua daerah. Alhamdulillah, dalam Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 5 haribulan yang lalu telah meluluskan beberapa perkara di antaranya ialah pasar untuk Maras, yang mana pasar ini telah lama dirancang sebelum pada tahun 1999. Sebelum pada tahun 1999, proses pengambilan tanahnya telah selesai tapi ternyata dalam zaman 4 tahun pemerintahan parti Pembangkang dahulu tidak ada apa-apa yang dapat dilaksanakan. Alhamdulillah, bila kita mengambil kembali pemerintahan Kerajaan Negeri Terengganu pembaharuan terus dibuat, apa yang gagal dilaksanakan sebelum daripada itu diteruskan, alhamdulillah Maras akan mempunyai pasarnya sebagaimana yang dirancang sebelum daripada itu.

Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu saya kira ada beberapa perkara yang mungkin belum dimasukkan dalam Bajet kita ataupun dalam perancangan yang kita buat pada hari ini. Saya selalu menekankan bahawa Wakil-wakil Rakyat yang datang ke Dewan yang mulia ini adalah mewakili pengundi-pengundi rakyat daripada kawasan masing-masing dan mereka ini mewakili kawasan-kawasan yang telah dipecahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya berdasarkan kepada bilangan pengundi dalam kawasan tersebut. Maka yang datang ke sini pada hari ini, Wakil-wakil yang ada dalam Dewan yang mulia pada hari ini mewakili penduduk di dalam kelompok daerah mereka masing-masing dan ianya telah dipecahkan melalui kawasan undi masing-masing. Maka saya kira kalau setiap Pejabat Daerah, ada daerah ada pekan daerahnya maka begitulah juga sepatutnya setiap DUN sepatut ada pekannya walaupun tidak bandar dan sebagainya. Saya cukup tersentuh seperti apa yang disebut oleh Wakil Jabi yang mana katanya Pekan Jabi yang suatu masa dahulu pernah tercatat dalam cerita orang-orang lama tetapi hari ini walaupun kita ada DUN Jabi tetapi tidak ada Pekan Jabi. Begitulah juga dengan DUN Batu Rakit suatu masa dahulu Batu Rakit merupakan pekan ataupun bandar bagi Kuala Terengganu Utara, pernah suatu masa dahulu Jabatan Kastampun wujud, ada di Pekan Batu Rakit, ada Pejabat Pos dan ada macam-macam lagi tapi hari ini Batu Rakit tinggal batunya sahaja. Saya percaya jika tidak diberi perhatian dia lama-lama akan tertinggal jadi buruk macam Batu Burok, kalau dah jadi Batu Burok Pembangkangpun ambil kita dah tak berapa sayang dah. Jadi saya ingat Batu Rakit kena pelihara, kena jaga kerana batu ini masih timbul dan masih boleh ditumpang. Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' ROSCL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Di Pertua, laluan - Batu Rakit takdok sebab hanyut ke guana?

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Batu Rakit tak hanyut lagi Dato', masih setia dan masih timbul, sedia menumpang orang-orang yang memerlukan tempatnya tidak seperti Batu Burok. Dato' Yang Di Pertua, kerana itu saya mohon mencadangkan di dalam Bajet yang akan datang pembangunan untuk pekan-pekan setiap DUN diberi perhatian dan saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh kerana membentangkan Bajet yang sebegini rupa dan saya juga mengambil kesempatan pada perbahasan ini untuk memberi peringatan dan nasihat kepada saudara-saudara kita daripada Pembangkang. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Dewan ini adalah merupakan satu Dewan yang mulia dan kita ke sini mewakili orang-orang, rakyat yang memilih kita menjadi anggota pemerintah

ataupun pentadbir negeri. Adalah amat tidak wajar jika kita yang datang ke sini menggunakan masa yang berharga untuk perkara-perkara yang tidak membina. Saya dapati wakil-wakil daripada Pembangkang hanya datang ke sini hanya untuk melepaskan geram mereka dan hanya untuk mencari salah kita, yang tak salahpun dikatakan salah, yang benar, yang betul, yang baik, mereka tidak akan sentuh, tidak akan tonjolkan. Sehingga dalam Bajet tadipun mereka kritik benda-benda yang tidak berfaedah dan sebagainya dan mereka baca ayat Al-Quran untuk membuktikan kononnya apa yang mereka cakapkan itu betul, mereka tafsir mengikut kepandaian mereka, ikut kemahiran mereka. Hari ini alhamdulillah, dalam Dewan kita ini di pihak Kerajaan ada orang-orang yang boleh baca Quran sama seperti Pembangkang, ada orang-orang yang boleh faham Al-Quran seperti wakil-wakil Pembangkang, ada orang yang boleh tafsir Al-Quran seperti wakil-wakil Pembangkang. Inilah yang agaknye menyebabkan dada mereka semakin sebak, inilah yang menyebabkan ketua mereka semakin tak sedap hati, setiap kali Dewan kalau maripun tak penuh hak dok mari langsung macam kali ini tu kita tak berapa pelik dah. Jadi mereka akan baca Al-Quran untuk kepentingan mereka, mereka akan tafsir Quran untuk kepentingan mereka, jika mana-mana yang tidak kena kepada kepentingan mereka, mereka tidak akan sentuh dan apa sahaja yang kita tafsirkan mereka akan kata tak betul dan sebagainya. Saya ingin nasihatkan bahawa agama adalah panduan hidup kita, agama adalah merupakan alat untuk kita menyuluh hidup kita bukan untuk kita cari kepentingan kita. Mereka sebut tentang roboh masjid dan sebagainya, mereka sebut tentang perbelanjaan haram-halal dan sebagainya. Mereka tak sedar semuanya

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Di Pertua – Apakah hukum mereka yang mentafsir Al-Quran, menggunakan hadis-hadis demi untuk kepentingan golongan mereka ataupun peribadi mereka? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Di Pertua, saya bukan Kadi ataupun Mufti tapi saya kira Wakil Pembangkang tahu kita tidak boleh jual ayat-ayat Al-Quran untuk kepentingan peribadi (membaca petikan Surah Al-Baqarah ayat 41). Mereka baca ayat-ayat Al-Quran untuk menang Pilihan raya, mereka baca ayat Al-Quran untuk buktikan yang kononnya kita buat tidak betul, mereka baca ayat Al-Quran kononnya yang kita buat zalim dan sebagainya. Seperti juga isu perobohan masjid, tadi sekali lagi Wakil Manir sebut masjid, saya sudah sebut beberapa kali masjid memanglah boleh dibuat di mana-mana betul hadis yang Ketua Pembangkang sebut dulu Dato' Yang Di Pertua yang bumi ini boleh dibuat masjid di mana-mana tapi maknanya masjid dalam hadis ini bukan tempat buat Jumaat, bukannya masjid tempat baca khutbah hari Jumaat dan sebagainya. Masjid dalam hadis ini maknanya tempat sembahyang itulah erti masjid pada bahasa, masjid daripada '*sajada*' bererti tempat sujud. Jadi kalau nak buat masjid untuk sekadar sembahyang di mana-mana takdok masalah tapi bila disebut masjid dengan istilah orang Melayu pada hari ini yang digambarkan bila sebut masjid ialah tempat sembahyang Jumaat. Maka ini ada peraturan-peraturannya dan peraturan ini kalau saya nak sebut tak sahupun orang Pembangkang juga yang buat dalam masa 4 tahun yang lalu. Jadi kalaulah peraturan ini sah dan kita tidak ikut maka sudah tentulah ini maknanya kita tidak amanah dengan diri kita sendiri dan kita tidak amanah dengan Kerajaan, kita langgar peraturan-peraturan. Apa yang dibuat oleh Kerajaan selagi dia tidak bercanggah dengan hukum Syara', selagi tujuannya untuk menjaga kemaslahatan ummah, kemaslahatan rakyat, dia wajib dipatuhi, kitapun patuh kepada peraturan hak Enakmen

Masjid, kita tak buat dah masjid baru kecuali dengan kelulusan dan mengikut kepada syarat-syarat yang telah dibuat. Masa kita buat Masjid Padang Kemunting dulu di Kampung Gelong Gajah itu masa itu takdok lagi akta itu tapi kita buat dengan pertimbangan bahawa kawasan itu memang layak terima sebuah masjid, memang layak untuk dibuat sebuah masjid baru tidak seperti masjid-masjid yang dibuat oleh penyokong-penyokong Pembangkang pada hari ini 5 meter daripada masjid yang telah sedia ada dan sebagainya. Ternyata mereka kutuk masjid kita di Gelong Gajah tapi masjid hak pengikut-pengikut mereka buat mereka pejam mata. Jadi ini menunjukkan bahawa mereka tidak adil dalam menghukum orang berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran. Jadi saya rasa cukuplah para Pembangkang hari ini nak bangkang kita boleh bangkang. Saya percaya Kerajaan yang ada pada hari ini amat telus kita boleh terima pandangan kalau daripada orang kampung, rakyatpun kita boleh terima, kalau daripada Ketua-ketua Jabatan, Kerajaanpun boleh terima pandangan dan mengambil pandangan mereka untuk Bajet maka saya percaya kalaulah ahli-ahli Pembangkang ikhlas nak beri pandangan, nak beri saranan, nak memberi cadangan-cadangan yang lebih baik kita boleh terima tetapi gunalah bahasa yang lebih baik, gunalah saluran yang lebih sesuai bukannya duk kata orang ulu, bukannya duk kata orang tak mengaji, masak-mentah, 'dok pok' dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini sudahlah tidak begitu sesuai dalam Dewan yang mulia tetapi lebih daripada itu dia tidak menggambarkan keperibadian saudara-saudara wakil Pembangkang yang datang ke sini dengan gelaran 'Ustaz', gelaran 'Tuan Guru' dan sebagainya.

Dato' Yang Di Pertua, Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada kali ini adalah merupakan Bajet yang paling besar dalam sejarah Dewan ini yang jumlahnya RM1.55 bilion yang insyaAllah diharapkan akan dapat dilaksanakan sebagaimana yang direncanakan. Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kawasan Batu Rakit. Kita harap Batu Rakit tidak tenggelam. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Telemong. Sila.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertama-tamanya saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya dalam masa yang terhad ini untuk sama-sama membahaskan Ucapan Bajet 2006 yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada dua hari yang lepas. Jika diteliti setiap patah perkataan yang terdapat dalam buku Bajet ini kita dapat menilai dan kita dapat melihat bahawa setiap perkataan yang dikemukakan dalam buku ini semuanya telah diperhalusi dan diteliti dengan begitu baik dan saya mengambil kesempatan sebagaimana rakan-rakan saya yang lain ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri serta seluruh kepimpinan Kerajaan yang ada pada hari ini telah berjaya membentangkan suatu Bajet yang begitu

baik, Bajet yang seimbang yang mana telah memperuntukkan RM1.55 bilion untuk dibelanjakan pada tahun 2006 ini dan insyaAllah ianya akan dapat dimanfaati oleh seluruh rakyat Negeri Terengganu tidak kira sama ada Pembangkang mahupun parti daripada Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita juga melihat Bajet pada kali ini merupakan Bajet yang sangat baik dan juga Bajet yang telah mengambil kira pandangan-pandangan daripada rakyat bawahan, daripada seabawah-bawahnya sehinggalah se atas-atasnya. Inilah yang dipanggil Bajet daripada rakyat dan untuk rakyat akan diberikan. InsyaAllah, dengan apa yang telah dipelajari dan pengajaran yang terdapat dalam sejarah Melayu berkaitan dengan 'Todak Melanggar Singapura' tidak akan berlaku dalam dunia yang fana ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jika kita melihat dan menilai semalam yang mana dua orang wakil Pembangkang yang telah membahaskan Bajet yang telah dibentangkan pada dua hari yang lepas, kita dapat melihat bagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat wakil Pembangkang yang telah mengatakan dan juga telah menuduh dengan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya berlaku di dalam Dewan yang mulia ini sebagaimana Yang Berhormat Wakaf Mempelam kalau dulu kita pernah mendengar apa yang dituduh kepada kepimpinan-kepimpinan Umno sebagai Yahudi dan pada hari semalam kita dapat mendengar apa yang mereka tuduh kepada kepimpinan Umno kita sebagai perompak dan juga penyamun. Saya kira kata-kata ini sebenarnya bukan sahaja menyinggung perasaan malah ianya satu penghinaan yang sangat biadab terhadap kepimpinan-kepimpinan Umno bukan sahaja yang berada di dalam Dewan ini, di luar Dewan ini malah di peringkat di seluruh negara Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Yang Berhormat! Kalau betulpun ianya salah bolehlah kita tegur sesama kita dengan perkataan-perkataan yang baik kerana saya yakin dan percaya

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya takmboh ganggu biasanya kawan-kawan kita bercakap tapi kalau takmboh kata perompak, saya mintak dia guna istilah lainlah, benda apa selain daripada perompak? Cuba khabar.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Masalahnya sekarang Yang Berhormat kita tidak pernah merompak, kita bukan merompak, merompak ni kita ambil benda orang, curi terus ini kalau benda orang beri itu bukan benda kita rompak, itu orang beri. Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan soalnya orang beri tak beri, asalnya hak kita, ada akta, ada undang-undang, ada peraturan, 22 ½ tahun sedar-sedar tengah-tengah siang hari hilang begitu sahaja.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat ini

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi cuba beritahu satu istilah bukan merompak tapi hak jenis manis sedikit nak kata apa benda cuba khabar?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat ini berkaitan dengan Mahkamah, biar Mahkamah putuslah

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini bukan soal Mahkamah tak Mahkamah soal istilah hak saya kata itu tidak setuju cuba khabar istilah apa?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Hak sedap, hak lawa sekali, bermadulah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Gapo dia, gapo dia? Allah mentang-mentang kawan saya ni bab nikah ini berahi sungguh dia. Dia dulu cabar saya dulu siapa nak menikah dua, saya bukan takmboh tapi nama Wahid, Wahid erti satu, susah saya jadinya, tak boleh nak buat apa dah. Saya berahi sangat Dato' Yang Di Pertua, nak menikah-nikah lebih ni bukan takmboh tapi soalnya sekarang saya nak guna perkataan apa selain daripada benda hak kita sedar-sedar, takdok peluang, habis, hilang hak kita.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Di Pertua, kalau saya dibenarkan untuk ambil laluan ni? Dato' Yang Di Pertua, soal perompak apa semua ini tak sepatutnya kita sebut dalam Dewan yang mulia dan sebagaimana kita maklum, Kerajaan Pusat ini adalah sebagai bapa kepada Kerajaan Negeri, inipun Wakil Pembangkang selalu sebut 'ayahmu' dia kata Wakil Kerajaan kita. Dalam Islam seorang bapa bila dia beri sesuatu kepada anak dia boleh ambil balik, jadi hak duit minyak ini hak panggil royalti apa semua ini dia ambil balik, dia ada hak

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, saya nak sentuh, ini bukan soal beri ambii balik, beri ambil balik, ini soal hak kita, kita ada maruah, kita ada harga diri.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Hak anak yang diberi oleh ayah, ayah boleh ambil balik

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Adakah royalti petroleum ini hak ayah beri?

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Itu dalam Mahkamah sekarang tapi nama kalau Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam nak tahu nama

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Di Pertua, saya bersyarah ke dia bersyarah ni? Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya masih lagi minta penjelasan,

bukan saya nak ambil alih mengambil tempat nak bersyarah bagi pihak dia. Saya minta penjelasan yang tak setuju istilah 'perompak', cuba khabar satu istilah yang lebih manis, yang agak lebih sopan, yang boleh diterima.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan – Istilah yang paling tepat ialah 'mengambil balik' bukan 'perompak'.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dah sebut tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia bukan boleh ambil-ambil begitu, nak langgar undang-undang begitu saja. Ambil balik itu benda hak dia beri pinjam, bolehlah ambil balik. Saya beri pinjam kepada seseorang, lepas itu saya nak balik, itupun tak manis ambil balik hak orang yang kita beri pinjam dalam keadaan apa yang berlaku sekarang ini berhubung dengan isu royalti.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan – Yang pertama, sebagaimana yang telah dikatakan oleh Wakil Batu Burok semalam, wang itu disalurkan melalui JPP kepada rakyat Terengganu, yang digelar perompak ialah mereka yang diberi kepada Sekolah-sekolah Agama RM50 juta dia ambil buat bayar gaji, buat pergi berjalan, itu merompak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nampak kohor-kohor dok reti, kohor bangang hak ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Karanglah* Yang Berhormat sambung pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Silakan Wakil Telemong, teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya ingin menjelaskan sebenarnya keadaan sekarang apa yang Yang Berhormat beritahu semua yang berada dalam Dewan ini sebagai Yahudi ataupun sebagai perompak, Yang Berhormat sedar ke tidak keadaan apa yang ada pada hari ini sebenarnya adalah dari tangan-tangan yang berada dalam Dewan ini dan juga mereka yang telah berjasa kepada Umno sejak dulu, sejak pada merdeka lagi dah sehingga kini itu adalah daripada tangan-tangan kepimpinan orang-orang Umno yang Yang Berhormat tuduh sebagai Yahudi dan hari ini kalau Yang Berhormat

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan – Barangkali memadai atau mencukupi menjadi pemimpin, penyokong ataupun pengundi Pas secara automatiknya masuk Syurga barangkali?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak tahulah hak tu, dia boleh nilai sendirilah. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang saya ingin sambungkan bahawa apa yang diberitahu oleh Wakil-wakil Pembangkang yang menuduh kepimpinan Umno hari ini sebagai Yahudi. Sebagaimana yang kita dapat ketahui Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari ini berada di tanah suci Makkah Al-Mukarramah untuk memimpin bukan sahaja Negara Malaysia malah menjadi Pengerusi seluruh dunia, Negara-negara Islam yang mewakili 58 buah negara, apakah kalau dengan seorang Yahudi, dengan seorang perompak boleh memimpin Negara Islam di seluruh dunia? (Tepukan Sokongan)..... Ini masalah kita, yang menjadi masalah Pembangkang di Negeri Terengganu yang tidak boleh nak menerima pimpinan yang ada pada hari ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kepada kepimpinan-kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu, saya mencadangkan agar kita buatlah apa yang kita rasa baik untuk rakyat, apa yang kita rasa baik untuk Negeri Terengganu tanpa kita menghirau suara-suara sumbang dari mereka yang kecewa, dari mereka yang dengki dan memangnya mereka tidak mahu melihat kita membawa perubahan kepada rakyat Negeri Terengganu. Sebagai contohnya dan kita akan dinilai oleh rakyat yang ramai di bawah bukan daripada mereka di kalangan 4 orang yang berada di dalam Dewan ini. Kalau kita kata nak buat Monsoon Cuppun buat kerana kita boleh melihat dengan adanya Monsoon Cup baru-baru ini sebagaimana yang kita ketahui seluruh dunia hampir 3 bilion, 2 bilion orang di seluruh dunia dapat mengenali Negeri Terengganu. Apakah kita hanya membaca dengan kerugian yang kita buat semasa, dengan pulangan jangka masa yang panjang, saya yakin dan percaya ianya akan membawa manfaat kepada Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dari segi semasapun kita boleh melihat kalau semalampun pihak Pembangkang kata banyak Kerajaan yang rugi di atas penganjuran tersebut. Apakah pihak Pembangkang sendiri tidak pernah menziarahi ke Pulau Duyong? Saya orang hulu jauh di sanapun saya sempat tengok pembangunan yang dibuat dalam keadaan yang serta merta di Pulau Duyong, apatah lagi dalam masa tempoh seminggu kita dapat melihat dan kita dapat tahu seluruh hotel di Terengganu penuh dengan pelancong-pelancong. Jadi inilah benda-benda manfaat yang rakyat dapat, jangan kita fikir benda yang tak masuk poket kita, kita rasa ini membazir kerana Kerajaan yang ada pada hari ini adalah Kerajaan yang berwawasan dan Kerajaan yang sentiasa melihat ke hadapan. InsyaAllah, dalam tempoh masa 10 tahun akan datang seluruh pelancong dalam dunia ini akan mari ke Terengganu dan kalau tidak ada tempat lain nak anjur Monsoon Cuppun Telemong boleh anjur tahun depan, kita bersedia (Tepukan Sokongan) kerana kita ada jugak laut luas tapi angin tak berapa kuat sikit, tapi kalau dengan baru-baru ini berlawanan dah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merangkaikan ucapan terima kasih kepada seluruh warga pendidikan Terengganu dan seluruh Kerajaan Negeri di Negeri Terengganu ini kerana telah berkerja kuat untuk mempertahankan 5 tahun berturut-turut kecemerlangan dalam UPSR baru-baru ini. InsyaAllah, kini kita akan memburu bukan saja kecemerlangan di dalam UPSR malah kita ingin memburu juga dalam kecemerlangan di dalam peperiksaan SPM, dalam peperiksaan PMR. Saya yakin dan percaya dengan penyusunan yang rapi daripada Kerajaan Negeri Terengganu berhubung dengan Dasar Pendidikan yang telah memperuntukkan sebanyak RM136 juta pada tahun hadapan, insyaAllah dengan menyusun daripada Tadika Cemerlangnya, UPSR cemerlangnya, sekolah menengah ditongkat oleh sekolah elit dan juga sekolah primiernya dan insyaAllah institusi pengajian tinggi TATI, KYT akan dipertingkatkan dan kemuncaknya penubuhan Universiti Darul Iman akan menjelma, insyaAllah Negeri Terengganu akan merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadi sebuah negeri pendidikan yang bertaraf 'world class', belok lidah.

Saya juga mengambil kesempatan dalam masa yang singkat ini khususnya di Hulu Terengganu melalui apa yang Kerajaan telah rancangkan iaitu strategi yang kedua iaitu untuk meningkatkan sektor pertanian. Dan saya ucapkan terima kasih kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah memberi dan juga mengisytiharkan tahun depan merupakan Tahun Pertanian Negeri Terengganu dan ini secara tidak langsungnya kepimpinan Kerajaan pada hari ini memberi perhatian dan juga mengiktiraf bagaimana Jabatan-jabatan Pertanian dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan pertanian untuk mengurus dan juga mentadbir supaya pertanian di Negeri Terengganu ini lebih hebat dan lebih maju pada masa akan datang. Untuk itu khususnya saya mengambil contoh di Hulu Terengganu yang mempunyai kawasan pertanian yang sangat luas iaitu seluas kira-kira '3,800,454,000' hektar (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ulang sekali lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Minta maaf Dato' Yang Di Pertua, saya *kalut* nak deras ni. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kawasan di Hulu Terengganu mempunyai kawasan pertanian yang cukup luas iaitu lebih kurang 87,454 hektar tanah terbiar yang masih lagi terbiar kosong. Jadi saya berharap keadaan tanah terbiar ini akan diusahakan dan akan diberi perhatian yang sewajarnya daripada Kerajaan Negeri khususnya. Pun begitu Dato' Yang Di Pertua, saya juga memohon agar untuk memperkasakan bidang pertanian ini kita juga haruslah kerana kita bercakap soal memperkasakan bidang pertanian tapi apa yang lebih menyedihkan saya, saya melihat pertukaran Pegawai Pertanian Daerah Hulu Terengganu sudah setahun lebih dah Dato' Yang Di Pertua, jadi saya memohon, ini bukan Kerajaan Negerilah, saya memohon kepada Jabatan Pertanian agar mengisi seberapa segera kerana di peringkat Daerah Hulu Terengganu sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Kuala Berang semalam bahawa kita mempunyai penduduk yang begitu ramai terlibat dalam bidang pertanian untuk itu saya kira selepas daripada ini bolehlah kita buat kira hantarlah Pegawai Pertanian itu dan kalau boleh ramai-ramai di Pejabat Pertanian Negeripun takdok guna jugak ramai-ramai sangat, kita hantarlah ke Daerah Hulu Terengganu, Dato' Yang Di Pertua. Selain daripada itu juga

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Laluan, Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Semalam Wakil Batu Burok menyebut di dalam membahaskan soal pertanian, menyebut bahawa di Terengganu ini tidak bersedia untuk program pertanian kerana anak-anak diapun takut ke lintah. Jadi dengan kawasan yang begitu luas di Hulu Terengganu, adakah soal lintah ini menjadi masalah?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Orang-orang Hulu Terengganu ini tidak takut ke lintah lembik, takut lintah keras. (Dewan Gelak)

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengekalkan Taman Laut dan juga pemulihan penyu daripada kepupusan di Terengganu dengan memperuntukkan sejumlah yang sangat besar iaitu lebih kurang RM5.3 juta pada tahun depan untuk tujuan tersebut. Apa yang menarik perhatian saya, saya juga mewakili kawasan Hulu Terengganu juga suka menarik perhatian Kerajaan untuk mencadangkan pemuliharaan penyu ini menjadi satu spesis yang baik dan juga apa salahnya kalau kita

masuk dalam Bajet 2006 ini untuk juga kita melindungi spesies yang sangat baik saya kira iaitu keloh di Tasik Kenyir. Minta maaf kalau saya tidak berjumpa kerana saya check tidak ada, mungkin ada agensi selain daripada Kerajaan Negeri, selain daripada Ketengah dan mana-mana yang boleh memohon untuk itu saya kira Bajet ini perlu dimasukkan kerana untuk pengetahuan sidang Dewan yang saya hormati sekalian keadaan di Tasik Kenyir hari ini pelancongnya sudah menurun, telah menurun sejak beberapa tahun yang lepas lagi dah ini kerana salah satu sebabnya ialah kepupusan keloh di Tasik Kenyir. Saya dulu telah mendengar dari jauh-jauh bahawa Kerajaan Negeri akan cuba memberi komitmen untuk mewujudkan Santuari Keloh di Tasik Kenyir untuk itu saya sekali lagi suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya kita masukkanlah ke dalam Bajet sekiranya ini kita jadikan juga ianya sebagai suatu produk pelancongan yang terbaik di Daerah Hulu Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di sini juga saya mengambil kesempatan dan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah mewujudkan rangkaian Lebu Raya melalui kawasan Hulu Terengganu hinggalah ke Besut dan sebahagian besarnya melalui Daerah Hulu Terengganu. Kami insyaAllah akan mendapat limpah dan nikmat daripada jalan raya tersebut. Namun begitu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, LPT yang kedua ini kalau kita melihat laluan dan *interchange* nya tidak melalui Bandar Kuala Berang, dan Lebu Raya daripada Simpang Pulai juga tidak melalui Bandar Kuala Berang jadi saya takut Yang Berhormat Kuala Berang menangis sekali lagi T'Lezor takdok, T'lipun takdok, jadi hak ini akan tertinggal pulak. Jadi saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan laluan daripada Kuala Berang ke Kuala Terengganu bukannya daripada Kuala Terengganu ke Kuala Berang. *Start* dari Kuala Berang *retek* supaya rakyat Kuala Berangpun boleh melihat dalam Era Terengganu Baru ini bahawa kita juga sama-sama boleh menikmati pembangunan yang sebagaimana ada.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan kerana menggunakan dan juga membangunkan ICT di Negeri Terengganu ini dengan cara yang bersungguh-sungguh. Selain daripada itu juga Kerajaan telah juga sedang berusaha dan bersedia untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia di Pantai Timur yang sedang rancak dibuat. Ini adalah suatu perancangan yang sangat baik untuk rakyat Negeri Terengganu dan rata-ratanya pada hari ini kita telah disediakan dengan Pusat ICT DUN di 32 DUN di seluruh Negeri Terengganu. Saya berharap dengan adanya Pusat ICT ini masyarakat kita di kampung-kampung, Pak Mat, Pak Leh kita di kampung pada suatu masa nanti boleh bercakap tentang ICT, boleh bercakap tentang internet dan inilah yang saya rasa sangat bangga kepada kepimpinan kita yang ada pada hari ini kerana telah menggunakan satu teknologi yang baru, perisian yang baru iaitu perisian terbuka (*open source*) yang saya kira Program *Linux* ini jika diguna dengan meluas tidak keterlaluan jika saya katakan Negeri Terengganu merupakan negeri yang pertama menggunakan dengan cara meluas untuk pentadbiran kerajaan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi untuk itu saya rasa cukuplah untuk kali ini dan saya menyokong penuh Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada dua hari yang lepas dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemong, yang nak berucap lagi berapa orang? Dua lagi. Sila Yang Berhormat Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. pada hari ini kita dapat meneruskan Persidangan Dewan untuk hari yang ketiganya dan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 5 Disember yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam pembentangan Bajet pada 5 Disember yang lalu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah menggariskan 3 objektif dan 5 strategi bagi memenuhi tema Bajet iaitu 'Janji telah ditunai dan insyaAllah sejarah akan terpahat'. Kalau kita meneliti 3 objektif dan 5 strategi ini, kita dapati semuanya adalah sangat relevan dengan ajaran Islam kita yang maha suci. Dengan sebab itu apa yang disebut oleh pihak Pembangkang bahawa kepimpinan kita dalam Dewan yang lalu mereka menyebut bahawa kerajaan hari ini sebagai "Kerajaan Yahudi". Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menyangkal dan menafikan apa yang disebutkan oleh pihak Pembangkang iaitu Wakil daripada Wakaf Mempelam dalam sesi Dewan yang lalu. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa sifat orang Yahudi untuk sama-sama kita meneliti dan kita bandingkan dengan apa yang telah Kerajaan Negeri lakukan khususnya Kerajaan Barisan Nasional. Yang pertama, Yahudi menganggap hanyalah bangsanya sahaja menjadi pilihan Tuhan, adakah kita orang-orang Umno telah menganggap orang Umno sahaja yang betul dalam semua hal, kita orang Umno selalu bersifat terbuka, selalu menerima teguran dan selalu menerima keadaan walaupun musuh kita, walaupun lawan kita sekiranya perkara itu benar, kita tetap mengakui ianya benar. Dan orang Umno dalam sejarahnya tidak pernah mengusung Imam-imam di masjid-masjid tetapi perkara ini sebenarnya telah diamalkan oleh pihak Pembangkang khususnya pihak Pas suatu ketika dahulu bahkan sekarang inipun mereka telah mendakwa bahawa merekalah satu-satunya Parti Islam, yang menentang Pas bererti menentang Islam, tidak masuk Syurga bagi mereka yang tidak masuk Pas dan ini telah terbukti di Pengkalan Pasir baru-baru ini. Kita melihat sepanduknya yang tertulis "Undi Pas Masuk Syurga, Undi Umno Masuk Neraka". Yang kedua, sifat orang Yahudi juga Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, lupakan budi orang, budi Kerajaan dan jangan berterima kasih. Ini juga bukan sifat orang Umno sebenarnya, orang Umno sentiasa mengingati dirinya dan sahabat-sahabatnya supaya sentiasa berterima kasih kepada Kerajaan, kepada orang dan kepada Allah S.W.T. Saya ada bukti kenyataan yang dibuat oleh pemimpin Pas dalam Harakah, 5.3.1999, "Ucapan terima kasih tidak perlu kepada Kerajaan". Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sifat yang ketiga yang saya nak sebutkan di sini ialah putusan silatullahim dengan menyebarkan fitnah dalam masyarakat. Ini memang jelas ada di kampung-kampung, adik-beradik tidak

bertegur sapa kerana mereka berlainan fahaman politik. Kadang-kadang mak ataupun bapa orang Umno bawa gulai, bawa lauk kepada anaknya yang penyokong Pas, anaknya pernah buang lauk ke dalam longkang, ke dalam parit kerana dianggapkan pemberian itu tidak halal kerana dibuat oleh orang Umno. Dan yang keempat, memutarbelitkan firman Allah S.W.T. dan hadis Nabi S.A.W. agar pertelingkahan berlaku sesama Islam, inilah merupakan sifat orang Yahudi dan telah diterimapakai oleh kebanyakan pemimpin-pemimpin Pas dulu, kini dan boleh jadi selama-lamanya dan ia tidak akan menerima apa saja perbuatan baik oleh orang lain, ini juga boleh kita namakan sebagai fanatik. Dengan sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan sebenarnya orang-orang Umno, pemimpin-pemimpin Umno ataupun Kerajaan Umno menyerupai sifat-sifat orang Yahudi tetapi sebaliknya tingkah laku dan gerakgeri serta tutur kata yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin Pembangkang ialah yang lebih mirip kepada sifat-sifat yang ada pada kaum Yahudi. Jadi dengan sebab itu tuduhan mereka kepada Kerajaan sebagai Kerajaan Yahudi adalah sangat tidak tepat bahkan tuduhan tersebut boleh dikatakan kembali kepada diri mereka sendiri.

Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah menggariskan beberapa perkara yang boleh menyemarakkan lagi perkembangan dan kemajuan Negeri Terengganu. Kalau kita melihat dari dalam objektif yang ketiga iaitu membentuk imej Terengganu Baru. Alhamdulillah, sekarang inipun kita telah melihat Kerajaan Negeri telah beransur-ansur dan telah bergerak menuju ke arah imej yang lebih baik. Kalau semasa 4 tahun dahulu bandar-bandar dan pekan-pekan di Negeri Terengganu ini kotor sekarang ini kita telah nampak kebersihan telah ditingkatkan. Kalau dalam tempoh 4 tahun dahulu hutan-hutan yang telah ditebang tanpa kawalan yang menyebabkan keadaan alam sekitar yang tidak terkawal tetapi hari ini pengurusan hutan telah diuruskan dengan berhemah mungkin kalau rakyat Negeri Terengganu tidak menyedari tentang kerakusan pihak pemimpin atau Kerajaan Pas 4 tahun yang dahulu sekiranya rakyat Negeri Terengganu tidak memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional hari ini, saya kira mungkin hutan-hutan kita akan bertukar menjadi padang jarak padang tekukur. Terengganu dahulu tidak terkenal tetapi sekarang Terengganu mula dikenali di seluruh dunia dengan beberapa acara di peringkat antarabangsa. Kalau dahulu Kerajaan Terengganu bercakap untuk melaksanakan ajaran Islam sepenuhnya tapi hanya tinggal cakap sahaja, perancangan dan pelaksanaan tidak pernah berlaku dan tidak pernah wujud tetapi alhamdulillah, melalui Bajet ini jelas dan nyata Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh hari ini telah berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan dan merealisasikan ajaran kita yang maha suci melalui Bajet yang dibentangkan untuk tahun hadapan.

Dato' Yang Di Pertua, dalam Bajet ini juga Yang Amat Berhormat memberi penekanan khusus kepada pendidikan, di antaranya ialah untuk menjadikan tadika di seluruh negeri menjadi Tadika Cemerlang bukan kita biarkan tadika dalam keadaan tidak terurus, jauh sekali untuk menghalau anak-anak kita daripada menduduki kelas-kelas tadika. Tetapi kita menambahbaikkan lagi tadika-tadika tersebut supaya mereka dapat menerima asas yang kukuh untuk mereka menghadapi zaman persekolahan mereka yang sebenarnya. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada hari semalam Wakil Batu Burok telah menimbulkan masalah Bantuan Hari Raya. Beliau menyamakan Bantuan Hari Raya dengan bilangan PPRT, bilangan penerima Bantuan Am yang menyebabkan jumlah kadar kemiskinan

di Negeri Terengganu meningkat. Sebenarnya untuk makluman Dewan, Bantuan Hari Raya bukanlah dibahagikan kepada mereka yang tergolong daripada golongan miskin, Bantuan Hari Raya di bawah Dana Khas ini hanya diberi setahun sekali bagi meringankan beban rakyat Terengganu yang layak dalam menghadapi sambutan hari yang berbahagia itu. Ianya sama juga dengan Bantuan-bantuan Persekolahan, Bantuan Permulaan Memasuki IPTA, Sekolah Berasrama Penuh dan sebagainya. Jadi dengan itu, kita harap Wakil daripada Batu Burok tidak lagi memutarbelitkan keadaan dan mengatakan bahawa penerima Dana Khas itu boleh meningkatkan lagi jumlah orang-orang yang tergolong dalam orang-orang yang miskin.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Bajet itu juga kita melihat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menekankan mengenai dalam sektor pertanian. Sejumlah RM114 juta telah diperuntukkan dan jumlah ini adalah suatu jumlah yang sangat besar yang seharusnya dibelanjakan dengan berhemah dan yang boleh memberikan manfaat yang maksimum kepada petani dan nelayan. Dengan sebab itu, di samping menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk petani dan nelayan saya berharap adalah juga peruntukan diperuntukkan untuk membentuk sikap para nelayan dan petani supaya mereka dapat membuka minda mereka supaya minda mereka berubah untuk menjadi manusia yang boleh berfikir ke arah memajukan diri mereka sendiri dan juga keluarga mereka. Di samping itu, peruntukan yang sebegini besar harus juga dimanfaatkan untuk memberi kemudahan kepada para nelayan dan juga para petani dengan cara membimbing mereka dalam sektor-sektor yang berkaitan. Selain daripada itu, saya ingin menyingkapkan sedikit keadaan nelayan khususnya di Negeri Terengganu atau lebih khusus lagi di Kuala Besut. Kita melihat di Kuala Besut terdapat 31 buah bot laut dalam ataupun dalam kategori C2. Saya perhatikan kebanyakan daripada 'awak-awak' yang bekerja dengan bot tersebut terdiri daripada rakyat asing iaitu khususnya daripada Thailand. Sedangkan dalam masa yang sama ramai daripada nelayan daripada Kuala Besut khususnya pergi bekerja di Johor, pergi ke laut di Kedah, saya kira mungkin ada sesuatu perkara yang tidak betul dalam sistem pekerjaan yang terdapat di sektor bot laut dalam di Negeri Terengganu ini kerana sistem pembayaran upah yang tidak selaras dan selari inilah yang menyebabkan ramai nelayan kita berhijrah ke tempat-tempat lain untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. Dengan sebab itu, satu sistem harus dibentuk oleh Jabatan Perikanan umpamanya supaya kita selaraskan seluruh negeri dan seluruh negara dari segi cara pembayaran upah kepada 'awak-awak' yang bekerja di bot-bot laut dalam ini, taukehnya memang sedaplah sekali masuk RM50 – RM60,000, RM100,000 tapi 'awak-awak' hanya boleh 'sipi-sipi', 'bau-bau' saja.

Yang seterusnya, kita ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri dan juga kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri dengan memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk pembinaan masjid-masjid di seluruh Negeri Terengganu. Tahun 2005 iaitu tahun ini dalam Bajet tahun sudah kita telahpun membina 30 buah masjid dan tahun ini ditambah lagi 30 buah masjid. Cuma apa yang kita harapkan dalam pembinaan masjid-masjid ini janganlah ada di kalangan kita yang merasmikan masjid yang belum siap sebagaimana berlaku pada tahun 2003 yang lalu di Jerneh. Ada masjid hanya rangka masjid sahaja telahpun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu dan kita harapkan pada tahun ini tidak berlaku seperti itu. Dan, kita harap daripada 30 buah masjid ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baik mungkin oleh rakyat Negeri

Terengganu dan inilah membuktikan bahawa Kerajaan kita bukan meroboh masjid sebenarnya tapi berusaha membina masjid, yang diroboh itu bukanlah masjid tetapi bangunan yang didirikan di atas tanah kerajaan yang tidak mendapat kebenaran kerajaan walaupun orang kata masjid tapi dia sebenarnya bukan masjid.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana memberi peruntukan yang khusus untuk Institut Al-Quran Terengganu ataupun IQ Terengganu untuk pembacaan dan penyelidikan Al-Quran itu sendiri. Yang kita harapkan daripada pembukaan ataupun penubuhan institut ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada rakyat Terengganu dan kepada cendekiawan-cendekiawan Al-Quran di Terengganu dari segi memahami Al-Quran itu sendiri supaya ia tidak mudah diselewengkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab tentang makna dan maksud Al-Quran dalam satu-satu ayat Al-Quran. Inilah satu langkah yang baik, langkah yang bijak ke arah memahami Al-Quran kerana ilmu yang ada dalam Al-Quran itu terlalu banyak yang perlu kita cari, perlu diselidiki dari masa ke semasa. Terima kasih dan syabas.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya kira kalau dalam ucapan ini tidak sebut sikit hal-hal kawasan yang kita wakili rasa tak sempurna.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Banyak lagi ke Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Ada sikit lagi Dato'. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi Dato' Yang Di Pertua, di Kuala Besut terdapat bot-bot besar, bot laut dalam C2 lebih daripada 30 buah. Kalau kita nak susun di sekitar Kuala Besut 30 buah bot tidak boleh kerana kawasan yang ada di Kuala Besut itu tidak mampu untuk menampung 30 buah bot ini, apa lagi bot-bot yang kelas-kelas lain berada bersama-sama di Kuala Besut. Ini disebabkan jambatan yang ada sekarang ini telah tidak relevan lagi dengan keadaan di Kuala Besut kerana jambatan ini tidak boleh *dinyurut*, dilalui oleh bot-bot besar di bawah jambatan itu. Dengan sebab itu saya memohon supaya satu jambatan yang munasabah yang tinggi yang boleh dilalui oleh bot-bot C2 ini di bawah jambatan itu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bot nyurut di Kuala Besut, bot ke orang *menyurut* ni? (Dewan Gelak) Yang Berhormat sila duduk dulu, kita sambung balik lepas ni. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan buat sementara sehingga jam 4.15 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.55 PETANG.

PUKUL 4.15 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula untuk membahaskan Bajet 2006. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut untuk meneruskan ucapannya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menyambungkan sedikit lagi iaitu sebagaimana yang sebutkan tadi jambatan yang ada di Sungai Kuala Besut itu sudah tidak relevan lagi dengan keadaan sekarang ini kerana bot-bot terdapat di Kuala Besut semakin bertambah setiap masa dan terdapat 30 buah lebih bot kategori C2 yang tidak boleh lagi melalui di bawah jambatan tersebut atau dengan bahasa kita 'nyurut'. Dengan sebab itu saya ingin mencadangkan untuk Bajet yang akan datang ataupun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ada dimasukkan sebuah jambatan baru di Kuala Besut yang tinggi, yang sesuai, yang boleh dilalui oleh bot-bot besar di bawah jambatan tersebut. Di samping itu di masa yang sama kita harus menyelia mendapan-mendapan pasir yang berlaku di laluan-laluan utama di Sungai Kuala Besut.

Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah membina sebuah Pusat Informasi Pelancongan di Kuala Besut dan diharapkan supaya dengan adanya pusat ini para pelancong mendapat panduan yang baik dan boleh memberi gambaran jelas kepada pelancong-pelancong asing khususnya dari segi kedudukan pelancongan di Pulau Perhentian dan juga di Kuala Besut itu sendiri. Dalam masa yang sama saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri kerana membuat perancangan untuk memberi bekalan air bersih di Pulau Perhentian kerana untuk makluman kita semua di Pulau Perhentian pada waktu ini air tidak mencukupi hanya mampu untuk dibekalkan kepada penghuni-penghuni yang bermastautin di Pulau Perhentian sahaja tetapi untuk para pelancong, untuk pengusaha-pengusaha pelancong mereka telah mendapatkan air dari sumber-sumber yang lain.

Dato' Yang Di Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya ini saya teringat satu peristiwa yang berlaku di Kota Bharu iaitu Konsert Mawi di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah menjemput Mawi untuk mengadakannya konsertnya di Kota Bharu dan telah dibantah oleh kepimpinan Pas di Negeri Terengganu dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mempertahankan dengan konsert tersebut. Apa yang kita nak bawa di sini bahawa perkara Mawi yang begitu kecil menjadi perbalahan yang hangat di antara Ketua Dewan Ulama dengan Mursyidul Am Pas. Inilah kerja orang-orang Pas yang suka mencari perkara yang remeh-temeh untuk menjadi isu sebagaimana yang telah dibuat kepada Kerajaan kita pada hari ini. Jadi dengan itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kuala Besut mahu menyokong Bajet ini. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Saya nak turut rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet Tahun 2006 ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua memang bukan mudah selaku pembahas yang terakhir dan perbahasan telah berjalan hampir dua hari tapi insyaAllah saya tidak akan melepas peluang ini terutama sekali dengan satu pembentangan Bajet Tahun 2006 yang saya lihat dan sepertimana yang telah digambarkan 'Dari Rakyat Kepada Rakyat'. InsyaAllah juga saya tidak akan ambil pendekatan sepertimana Wakil Pembangkang yang merasakan kurang tepat sekiranya tidak memulakan perbahasan ini pertamanya dengan berterima kasih kemudiannya mengucapkan tahniah ke atas Bajet yang baik dan akhirnya bagi kepentingan rakyat melalui Bajet Dari Rakyat Kepada Rakyat tidak pula meminta supaya dan memberi pandangan untuk kepentingan rakyat. Saya percaya dan yakin bahawa budaya tidak bersyukur dan berterima kasih dan budaya 'beri gula kacau, beri kain pakai' ini dan akhirnya pangkah hak dia nak itu telah ditolak dalam Pilihanraya 2004 di Terengganu dan juga ditolak hari ini di Pengkalan Pasir.(Tepukan Sokongan)

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya suka merujuk di muka surat 14 dalam Bajet ini kerana saya duk lihat tak banyak sahabat-sahabat sebelum ini, rakan-rakan yang menyentuh tentang usaha pemulihan penyu dan taman laut. Penyu merupakan hidupan marin yang sinonim dengan Negeri Terengganu. Sudah tentu soal penyu ini kita tidak boleh beri tanggungjawab untuk bercakap tentang penyu ini kepada Pas kerana Pas yang tahunya alih penyu di bulatan hari tu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan kepada kemudahan yang sedia ada di Pusat Marin Dan Eko Sistem ataupun dengan izin TUMEC yang ada di Rantau Abang. Pusat ini adalah satu-satunya pusat R&D yang sudah sedia ada dan saya berpandangan bahawa usaha-usaha penambahbaikan, *value added* dengan izin, dapat dibuat di pusat ini. Penambahbaikan ini, walaupun TUMEC di bawah Kementerian Pertanian tapi saya kira tidak ada masalah bagi Kerajaan yang prihatin yang melihat bahawa penyu ini merupakan sinonim dengan Negeri Terengganu untuk menambahbaikan kemudahan-kemudahan yang telahpun ada di Pusat Marin Dan Eko Sistem ini. Pendekatan yang boleh diambil sepertimana juga soal pendidikan melalui sekolah elit dan sekolah premier penambahbaikan dibuat melalui peruntukan Kerajaan Negeri melalui Bajet 2006 ini yang telahpun ditambah kepada kemudahan asas yang telahpun disediakan oleh Kerajaan Pusat di sekolah-sekolah. Walaupun ada usaha-usaha yang berterusan yang telah dibuat yang saya nak ringkaskan pendekatannya termasuklah mengikut rekod yang ada hari ini bermula daripada tahun 1961 kita telahpun melepas anak-anak penyu ini melebihi 500,000 di Negeri Terengganu dan hari ini kita berhadapan dengan pendaratan beberapa spesis yang sangat berkurangan yang menunjukkan kepupusan. Ada usaha hari itu memasang satelit di atas penyu dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dalam tempoh dua minggu dilepas penyu yang mempunyai satelit di badannya kita telahpun dapat

mengenalpasti pergerakan dua ekor penyu ini dalam tempoh dua minggu yang menghala satunya ke Sarawak dan satu lagi ke Indonesia tapi malangnya bateri atas satelit ini tak tahan lama, empat bulan sahaja

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pergi ke luar negara itu ada passport ke tidak?

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Penyu tak apa *mo'oh*. Tak sampai empat bulan bateri ini tak boleh lagi diguna hilang kuasa maka pergerakan seterusnya penyu yang telahpun dipasang satelit tidak dapat lagi ditentukan

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bateri itu hak cap hijau ke cap biru?

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): *Hijau naung mo'oh*. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, beberapa pendekatan harus terus difikir dalam kesungguhan kita untuk nak menentukan penyu ini tidak pupus walaupun kita terpaksa mencontohi tapi pendekatan supaya yang telah berjaya dibuat di Thailand sebuah kepulauan yang telah mengusahakan Projek Kepungan Laut selama 18 tahun telahpun diusahakan, ini sekaligus dapat menjawab masalah kita yang kita lepas hampir 500,000 lebih anak penyu dan kemudiannya tidak kembali mendarat. Banyak ancaman bagi anak-anak penyu ini sebelum anak-anak penyu ini dapat kembali mendarat. Jadi pendekatan yang boleh difikirkan dan menjadi harapan kita supaya kesungguhan dibuat dalam usaha hendak mengekalkan penyu ini supaya Program Kepungan Laut ini dapat dibuat dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Rantau Abang juga ada satu bangunan dengan izin, *Turtle Information Centre* masalahnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Pusat Penerangan Penyu ini dalam tempoh 3 – 4 tahun baru-baru ini dalam keadaan suasana peruntukan bagi kawasan-kawasan Santuari Penyu ini yang sebelum 1999 berjumlah hampir RM200,000 atas ketidakmampuan Kerajaan pada masa itu peruntukan ini diturunkan kepada hanya RM20,000. Maka keputusan dibuat *Turtle Information Centre* ini dengan izin, telah diserahkan kembali kepada TUMEC. Ada sedikit pembangunan di Pusat Penerangan Penyu ini selepas saya mula bangkit dalam Dewan soal ini tetapi keutamaannya tidak ditentukan mengikut keutamaan yang kita kehendaki. Dibaiki pagar sedangkan apa yang diperlukan ialah pegawai yang berada sepenuh masa di dalam Pusat Penerangan Penyu ini supaya membolehkan pelancong yang datang dapat diberi maklumat, tentulah pagar tidak dapat memberi maklumat. Dalam Dewan yang mulia ini juga sebelum ini saya sebutkan penyu yang dalam tempoh hak *dokrok* 3 – 4 tahun baru-baru ini yang hilang kepala, takdok kepala penyu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi kita sudah ambil pendekatan dah, kita dirikan badan Penyu Belimbing ini, kita tak buat kepala dia tapi kita bagi peluang untuk yang hendak bergambar berdiri di belakang kulit Penyu Belimbing ini lepas itu *bubuh* kepala dia di situ. Jadi dia akan dapat gambar badan penyu dan muka dia. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu lagi pendekatan yang harus difikir ialah tentang mewujudkan satu akuarium yang bersaiz besar supaya pelancong yang terus datang khususnya di Rantau Abang ini walaupun di luar musim ataupun di masa siang hari

dapat melihat kalau tidakpun keseluruhan ataupun Penyu Belimbing itu sendiri tetapi dapat melihat spesies-spesies yang kecil di dalam Akuarium Laut. Adalah menjadi harapan kita supaya soal dan kesungguhan untuk melihat penyu ini dapat dikawal daripada kepupusan dan dapat ditingkat dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu perkara yang juga kita mewarisi daripada Kerajaan yang lepas ialah soal tanah. Mungkin boleh diwarwarkan penyediaan Kerajaan sebelum ini, katanya hendak menyediakan 50,000 lot tanah tetapi apa yang ada khususnya di Dungun kutipan-kutipan duit untuk ukur sahaja yang telah dibayar melalui Pengerusi JSR di surau-surau dan di Pejabat Wakil Rakyat Pas hampir mencecah RM1.65 juta. Sudah tentu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tidak dapat bertanggungjawab kepada duit-duit yang telah dikutip untuk kerja ukur ini. Dijanjikan kepada rakyat tanah dan hari ini saya nak kod Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu daripada insiden rakyat yang hari ini setelah kita kembali menjadi Kerajaan yang datang ke Pejabat Wakil Rakyat, datang ke rumah tunjuk surat, setengah daripadanya memaklumkan dia diberi tanah, sayapun secara proaktifnya kata baiklah kerana menjadi tanggungjawab Kerajaan tidak kiralah Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Pas untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat termasuk soal tanah. Tapi makcik ini yang mari daripada Kampung Nelayan, masalah dia begini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia kata dia pergi tengok dah tanah ni. Dia pergi tengok tanah, tanah ini rupanya berada dalam kawasan berair hapus kepala. Sayapun tanya lagi: "Dah masa nak bahagi tanah tu dok tahu ke?" Jadi makcik ini khabar dia kata yang semasa nak bahagi tanah tu dia tunjuk pelan atas meja, rata tak nampak duduk dalam paya tanah dia. Inilah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kaedah yang diambil untuk menyelesaikan masalah rakyat masa zaman Pas. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab saya kira soal dan masalah yang kita warisi daripada Kerajaan dahulu harus juga kita selesaikan. Maka saya suka mencadangkan beberapa pendekatan supaya data-data soal tanah ini dapat dikemaskinikan di Pejabat-pejabat Tanah dalam usaha nak tingkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik. Hari ini sebagai perbandingan memang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanah di peringkat daerah ada maklumat bagi permohonan tanah yang telahpun menjadi hakmilik tetapi bagi tanah yang Lesen Menduduki Sementara tidak ada maklumat. Jadi adalah baik saya percaya dalam usaha kita yang berterusan untuk menyelesaikan masalah rakyat dalam soal tanah ini supaya kesungguhan dapat dibuat untuk kita mengemaskini data di Pejabat Tanah ini.

Rakyat keseluruhannya dan saya nak mengucapkan terima kasih dan penghargaan sekali lagi kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh atas Program Bina Rumah dan Baik Rumah. Peruntukan melalui Bajet 2006 ialah sebanyak RM30 juta dan saya yakin juga pembinaan rumah PPRT menggunakan bahan komposit ini merupakan satu pendekatan yang paling berkesan untuk mengatasi masalah rakyat miskin ini. Ada rakyat yang sebelum ini tanah LMS tetapi dalam tempoh 3 tahun itu tidak dapat membina rumah kerana kemiskinan. Jadi pendekatan dan penerusan Program PPRT, pembinaan rumah PPRT menggunakan bahan komposit yang telah dimulakan tahun lepas dan diteruskan tahun ini adalah pendekatan yang paling baik untuk mengatasi masalah perumahan rakyat miskin ini. Cuma saya juga suka memberi pandangan kerana dalam satu program yang agak tersusun di dalam DUN saya di dalam satu Perkampungan Hadhari yang mana program kita membina 33 buah rumah PPRT ini yang hari ini disiapkan 7 buah dan dalam program untuk disiapkan seterusnya, saya berhadapan dengan masalah kemudahan-

kemudahan paip air dan juga elektrik kepada rumah-rumah PPRT ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dan untuk makluman Dewan rumah PPRT ini yang hari ini bernilai RM13,200 tetapi bagi kerja-kerja pemasangan paip secara kebetulannya kawasan itu paip dia berada di sebelah sana jalan. Maka setelah kita bincang dan sayapun telah berjanji dengan mereka yang berjaya ini supaya mereka dapat menduduki rumah ini sebelum bulan puasa hari itu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nak maklumkan sebuah rumah saja bagi caj untuk pemasangan paip kerana berada di sebelah sana jalan ialah RM1,000 sebuah rumah tidak termasuk deposit sebanyak RM105.00 menjadikan kemudahan untuk rumah PPRT ini untuk paip airnya berjumlah RM1,105.00 dan bagi sesalur elektrik rumah PPRT sekali lagi kos bagi penyaluran elektrik yang dikenakan oleh TNB ialah sebanyak RM450 dan deposit sebanyak RM80. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kos-kos ini tidak dimasukkan di dalam keseluruhan peruntukan pembinaan sebanyak RM13,200. Dan sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua untuk kita dapat menyiapkan 33 buah rumah lagi dalam Perkampungan Hadhari ini kita tidak lagi dibenarkan untuk menyambung daripada punca paip dan juga elektrik yang sedia ada. Satu program pemasangan paip secara retikulasi dan pemasangan sesalur paip elektrik bersama tiang dan sebagainya perlu dibuat dan peruntukan bagi program ini lebih kurang RM100,000. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon melalui Bajet ini dapat difikirkan semula cara mana, program yang baik ini yang dapat menyelesaikan masalah kemudahan rumah bagi rakyat miskin ini tidak terbantut kerana kos-kos luar jangka yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penggunaan dengan izin, komposit ringan *Autoclaved Lightweight Block*, kerana ini juga bahan yang baru mula digunakan dan kita kebetulan baru-baru ini ada hujan sikit nampaknya kita ada masalah sikit dari segi pembinaan kerana bila hujan lebat ada masalah sikit maknanya pihak yang bertanggungjawab dapat melihat semula cara dan kaedah pembinaan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, program meningkatkan Syiar Islam ada peruntukan sebanyak RM60 juta bagi membina dan menyiapkan masjid. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya kurang bernasib baik di dalam DUN saya ada masjid yang dulunya dimulakan dengan Dana Rakyat tapi *lable* Dana Rakyat itu dah jatuh dah. Saya dah buat siasatan Dana Rakyat yang dikutip hanya RM60,000 walaupun di luar di dalam ceramah-ceramah mereka Pembangkang ini kata tidak ada masalah nak selesaikan masjid ini kerana Dana Rakyat ini hampir RM3 juta tapi saya *check* ada RM60,000 sahaja. Rupanya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ramai yang dapat balak tapi kalau pakat bahagi kulit balak rasanya lama dah siap masjid di Serdang ni. Adalah menjadi harapan saya supaya dengan melalui peruntukan meningkatkan syiar ini melalui pembinaan masjid dapat juga dilihat soal dan masalah masjid yang dimulakan melalui Dana Rakyat ini yang hari ini melalui satu peruntukan yang telah dipohon dan mendapat kelulusan MAIDAM sekurang-kurangnya kita telah dapat siapkan Masjid Serdang ini dengan struktur dia. Tapi cara dan kaedah untuk mengatasi masalah pembinaan masjid ini saya percaya ialah balik kepada cara konvensional iaitu melalui tawaran JKR kemudiannya dibuat tawaran keluar dan dapat disiapkan. Dan adalah penting juga masjid yang telah dimulakan melalui Dana Rakyat dalam tempoh Pas baru-baru ini dapat disiapkan dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak ucapkan penghargaan dan terima kasih sekali lagi juga kepada pihak PBT terutama sekali kerana berjaya mendapat peruntukan besar tahun lepas untuk menyelesaikan kawasan-kawasan kritikal bagi longkang di seluruh

negeri dan juga di Dungun. Adalah menjadi harapan saya juga peruntukan ini bagi *feeder drains* dan sebagainya bagi kawasan-kawasan yang masih belum dapat diselesaikan melalui peruntukan baru-baru ini dapat diteruskan dalam tahun 2006.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, prestasi kakitangan awam, ada *statement* akhbar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh bertarikh 13 November, tentang prestasi kakitangan awam akan diberi ganjaran. Saya percaya ini satu pendekatan yang baik dan secara bersungguh telah dibuat dengan jaminan bahawa sistem pemberian ganjaran itu termasuk dalam konsep TER's yang bakal menjadi teras kepada usaha Kerajaan Negeri memperbaiki perkhidmatan awam di Terengganu. Walaupun kita rasa kita berpuas hati dengan penglibatan dan perkhidmatan Kakitangan Kerajaan tetapi dalam usaha yang berterusan untuk kita terus meningkatkan usaha penyampaian sistem penyampaian pentadbiran rakyat pendekatan yang telah diketengahkan ini harapnya dapat dari masa ke semasa memberi pendedahan yang baik untuk membolehkan kakitangan awam untuk sama-sama meningkatkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Tinggal lagi saya tak faham kenapa TER' tu 's' dia kecil saja. *The shoot part* dengan izin tu kecil sehinggakan dalam Dewan yang mulia ini kita dengar dah beberapa kali dalam Dewan ini diperjuangkan seorang berjawatan tak berapa *sure* Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jawatan dia sekarang? Itu persoalannya, tapi seolah-olah ada kezaliman berlaku dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jawatan Tambah Sentara, dia kata semalam.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Sepatutnya selepas diberi *training, enrichment, empowerment* dan *enrichment* dengan izin, persekitaran kerja yang selesa, ganjaran. Selepas ini berlaku saya harap 'TER' dan 's' ini menjadi sama besar jadi *capital letter and we can shoot them*, dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, akhirnya saya menarik perhatian tentang kawasan-kawasan industri, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Saya duk lihat banyak kawasan-kawasan industri, di Dungunpun ada di Batu 7 tu keluasan yang agak luas termasuklah kalau kata di Paka rasanya kawasan industri ada *reserve* kurang lebih kurang 900 ekar untuk IKS dan sebagainya. Saya suka mencadangkan supaya kesungguhan dibuat melalui pendekatan-pendekatan yang terancang supaya kita dapat menarik pelabur-pelabur untuk melabur di dalam kawasan-kawasan industri kita. Saya percaya apabila pelabur bersedia untuk melabur di dalam kawasan-kawasan industri kita, kita juga dapat sekaligus menyelesaikan sebahagian soal-soal kepentingan dan penyediaan perkerjaan bagi anak-anak Terengganu. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Rantau Abang. Masa Persidangan pada hari ini ada 10 minit saja lagi. Masa ini saya rasa bolehlah kalau kita teruskan sehingga selesai hari ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli Yang Berhormat sekalian, jadi Perbahasan bagi Rang Enakmen Perbekalan Bagi Tahun (2006) 2005 telahpun selesai saya yakin bahawa Yang Berhormat berpuas hati

belaka dapat mengambil bahagian semua. Jadi dalam baki masa yang ada, sekarang saya persilakan pihak Kerajaan untuk membuat Penggulangan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. *Qalam, kasir, wajis*, dengan izin, pendek saja. Yang pertama, saya mengucapkan berbanyak terima kasih terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang telah berjaya membentangkan Bajet 2006 dengan baik dan pada saya menyeluruh iaitu pada dua hari lepas dan ini merupakan satu Bajet yang besar dalam sejarah Belanjawan Negeri. Dan untuk itu sudah tentulah peruntukan yang diberikan untuk pembangunan agama dan hal ehwalnya telah mendapat peruntukan yang besar hampir RM200 juta pada keseluruhannya kerana itu saya dapati bahawa dalam masa dua hari Wakil-wakil Rakyat yang membahaskan tentang Belanjawan ini ataupun Bajet ini banyak menimbulkan komen-komen terutama yang melibatkan pembangunan Islam dan hal ehwalnya. Secara umumnya, suka saya sebut di sini berdasarkan kepada Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, peruntukan yang telah diberikan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sahaja di bawah peruntukan B.08 mencapai angka sampai RM84.6 juta, satu angka yang tak pernah diperolehi oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sejak awal penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu lagi. Demikian juga kalau kita lihat Bajet, peruntukan yang diperolehi oleh Mahkamah Syariah misalnya di mana peruntukan yang diperolehi melebihi RM5 juta iaitu lebih kurang RM5.3 juta yang mana ini merupakan peruntukan yang terbesar yang terima oleh Mahkamah Syariah Terengganu sejak Mahkamah Syariah ditubuhkan, demikian juga oleh Jabatan Mufti dan lain-lain. Untuk peruntukan di bawah B.32 misalkan, untuk Aktiviti-aktiviti Pembangunan Agama Islam dan jugak Hal Ehwal Agama Islam seperti peruntukan di bawah Penyelenggaraan Masjid, seperti peruntukan Aktiviti Bulan Ramadan, seperti peruntukan yang diberikan untuk Tokoh-tokoh Ulama terutama elaun mereka, untuk Guru-guru Agama, Guru-guru Quran, untuk pembangunan Islam keseluruhannya, Bantuan-bantuan Fardhu Haji, mewujudkan Sistem Muasassah Gadaian Islam, Pengurusan Jenazah, program-program berkala seperti Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul, Tilawah Al-Quran dan sebagainya. Kita dapati bahawa Kerajaan telah memperuntukkan satu angka yang besar iaitu melebihi RM7 juta yang mana ini juga tak pernah berlaku dalam sejarah Belanjawan Negeri sebelum ini. Demikian juga untuk pembangunan di bawah P.02 di mana peruntukan yang diberikan untuk pembinaan masjid/surau, untuk pembaikan masjid/surau dan sebagainya mencapai angka RM69 juta. Demikian juga dengan peruntukan-peruntukan yang telahpun diberikan untuk menaik taraf untuk mempetingkatkan lagi pengajian Al-Quran di Terengganu dengan cadangan penubuhan IQ Terengganu ataupun Institut Al-Quran Terengganu sebanyak RM5 juta. Demikian juga peruntukan-peruntukan untuk pembinaan Jabatan-jabatan Agama Negeri Terengganu yang melibatkan RM7.6 juta dan demikian juga untuk menaik taraf Maahad Tahfiz dengan bangunan-bangunan pentadbirannya, dengan peruntukan untuk membina dewannya, dengan untuk membina Asrama Puterinya, dengan suraunya yang melibatkan peruntukan RM1.6 juta, demikian juga untuk Rumah Pelawat dan sebagainya. Yang mana keseluruhannya peruntukan yang diperolehi di bawah P.02 untuk Pembangunan Islam ialah melebihi RM85 juta. Ini bermakna kalau dicampur keseluruhannya peruntukan yang diperolehi oleh agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan Islam dan hal ehwalnya mencapai RM198,938,795 iaitu hampir RM200 juta di mana merupakan sejarah peruntukan yang paling besar untuk peruntukan pembangunan Islam dan hal ehwal Islam bagi Negeri

**Hari Khamis,
8 Disember, 2005**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 215]
2. Soalan-Soalan Lisan. [Muka 219]
3. Rang Undang-Undang:
 1. Enakmen Perbekalan (2006) 2005. [Muka 242]
[Sambungan Perbahasan Enakmen]
4. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:
 1. Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2006. [Muka 287]
 2. Rancangan-Rancangan Kemajuan Bekalan Air Negeri Bagi Tahun 2006. [Muka 296]
 3. Pelantikan Ahli Dewan Negara. [Muka 297]
5. T A N G G U H A N. [Muka 300]
6. LAMPIRAN A. [Muka 301]
[Soalan Bagi Jawapan Bertulis]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN., PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (Dengan Maaf):

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca umul kitab – Al-FATIHAH.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalnya, soalan nombor 2.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua -

Berapakah peruntukan yang diberi kepada NGO Negeri Terengganu bagi menjalankan kegiatan-kegiatan mereka pada tahun 2004 dan tahun 2005?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang dikemukakan adalah berbentuk - *Berapakah peruntukan yang diberi kepada NGO Negeri Terengganu bagi menjalankan kegiatan-kegiatan mereka pada tahun 2004 dan tahun 2005?*

Bagi menjawab soalan ini di mana peruntukan-peruntukan yang disediakan kepada Badan-badan NGO's pada tahun 2004 adalah kosong, tidak ada peruntukan. Manakala bagi tahun 2005, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM500,000 kepada Badan-badan NGO's bagi melaksanakan program-program yang sepatutnya. Dan ini merupakan keprihatinan pihak Kerajaan yang kita ketahui bahawa NGO's adalah merupakan badan yang memainkan peranan penting dalam proses pembangunan pada hari ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sehingga kini ada ke tidak Badan-badan NGO's yang masih belum menerima peruntukan yang dimaksudkan?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mengikut kepada laporan yang diberi melalui Badan-badan NGO's terutama yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan yang kita gunakan sebagai wakil kepada kita, keseluruhan badan-badan yang layak diberi bantuan alhamdulillah telahpun kita sediakan bantuan yang berkenaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Berapakah peruntukan yang sama yang diberikan kepada NGO-NGO Negeri pada tahun 2000 hingga 2003?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mengikut laporan yang ada, bantuan yang diberikan kepada Badan-badan NGO's daripada tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003 juga adalah kosong.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa semasa Pemerintahan Pas tidak ada pembelaan langsung daripada Kerajaan kepada NGO-NGO di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Memang kita bersetuju yang dibela hanya peribadi kepada pemimpin-pemimpin tertentu sahaja. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kemasik. Sekarang saya mempersilakan Wakil Alur Limbat mengemukakan soalnya, soalan nombor 2.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor 2 dalam senarai -

Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi tahap perpaduan antara kaum di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap perpaduan di negeri ini pihak Kerajaan sedang berusaha untuk memastikan supaya setiap daerah mempunyai satu Pusat Aktiviti Perpaduan manakala setiap kawasan Rukun Tetangga mempunyai Pusat Rukun Tetangga masing-masing bagi kegunaan masyarakat setempat untuk menjalankan aktiviti. Selaras dengan ini, pelbagai program perpaduan telah dirancangkan di antaranya ialah Program Bulan Perpaduan, Lawatan Integrasi, Tabikarama Perpaduan yang melibatkan kanak-kanak tabika dari pelbagai kaum dan juga Kempadu Anak Malaysia untuk remaja.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah pelantikan JKKK di setengah-setengah tempat juga turut memberi peluang kepada kaum bukan Bumiputera?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang kaum bukan Bumiputera diberi peluang menyertai JKKK di kampung masing-masing di seluruh negeri.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah kemudahan-kemudahan kebajikan yang pernah disediakan oleh Kerajaan BN kepada kaum-kaum bukan Bumiputera di Terengganu?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang banyak kebajikan telah disediakan untuk kaum bukan Bumiputera di Terengganu termasuk semua bantuan yang kita bagi kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah seperti Bantuan Hari Raya, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah, Bantuan Basikal dan Bantuan Makanan Tambahan dan juga kita telah memberi peruntukan untuk masyarakat bukan Melayu untuk memperbaiki bangunan-bangunan yang buruk. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Alur Limbat. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalnya, wakilnya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekali lagi saya mewakili Wakil Rhu Rendang untuk mengemukakan soalan yang pertama -

Sila nyatakan jumlah kutipan Cukai Pintu Rumah Kediaman di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini pada tahun 2004 dan hingga bulan November 2005?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jumlah kutipan Cukai Pintu Rumah Kediaman di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Terengganu bagi tahun 2004 ialah sebanyak RM755,187.43, pecahan mengikut PBT adalah sebagaimana berikut:

(i)	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	- RM155,217.58
(ii)	Majlis Perbandaran Kemaman	- RM440,553.85
(iii)	Majlis Daerah Dungun	- RM138,645.00
(iv)	Majlis Daerah Besut	- RM 2,327.50
(v)	Majlis Daerah Hulu Terengganu	- RM 5,642.70
(vi)	Majlis Daerah Marang	- RM 8,848.60
(vii)	Majlis Daerah Setiu	- RM 3,950.20

JUMLAH KUTIPAN : RM755,187.43

Manakala bagi tahun 2005, sehingga November 2005 sebagaimana soalan diminta pecahannya seperti berikut:

(i)	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	- RM560,326.66
(ii)	Majlis Perbandaran Kemaman	- RM660,594.60
(iii)	Majlis Daerah Dungun	- RM190,447.50

(iv)	Majlis Daerah Besut	- RM 23,177.00
(v)	Majlis Daerah Hulu Terengganu	- RM 45,087.13
(vi)	Majlis Daerah Marang	- RM 57,235.60
(vii)	Majlis Daerah Setiu	- RM 5,022.48

(JUMLAH KUTIPAN DARIPADA
JANUARI HINGGA NOVEMBER 2005
BAGI KESEMUA PBT NEGERI TERENGGANU)

: RM1,543,890.97

Iaitu peningkatan sebanyak 788,603.54 iaitu melebihi 100 peratus daripada kutipan 2004, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Daripada jumlah yang diberikan tadi tahun 2004 RM700,000 lebih, tahun 2005, saya lupa tadi berapa tapi berapakah *target* ataupun sasaran yang diharapkan oleh pihak Kerajaan dan angka yang diberikan itu berapa peratus daripada *target* yang telah dicapai?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kutipan Cukai Pintu bagi seluruh Negeri Terengganu bagi rumah kediaman sekiranya semuanya dapat dipungut bagi 2005 adalah sebanyak RM1,983,851.00 dan saya nak betulkan tadi sebagaimana yang Wakil Wakaf Mempelam yang mewakili DUN Rhu Rendang iaitu sebenarnya tahun 2004 RM755,000 bukannya RM100,000 lebih, tersalah sebut barangkali. Iaitu mengikut pecahan kalau dipungut kesemuanya:

(i)	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	- RM6 juta
(ii)	Majlis Perbandaran Kemaman	- RM1.4 juta
(iii)	Majlis Daerah Dungun	- RM1.34 juta
(iv)	Majlis Daerah Besut	- RM244,000
(v)	Majlis Daerah Marang	- RM224,000
(vi)	Majlis Daerah Hulu Terengganu	- RM 60,000
(vii)	Majlis Daerah Setiu	- RM 25,000

JUMLAH : RM8,983,000

Dengan pungutan RM1.5 juta saya menjangkakan bahawa hampir 20 peratus telahpun dipungut sehingga kini, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Daripada 20 peratus yang berjaya dikutip berapa peratus pula yang disumbangkan peratus yang dikutip itu berjaya disumbangkan kepada keperluan sebenar Majlis-Majlis Daerah di seluruh negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, pendapatan Cukai Pintu adalah sebahagian kecil daripada sumbangan kepada pihak

pengurusan Majlis-Majlis Daerah. Bagi emolumen sahaja di Pihak Berkuasa Tempatan kita memerlukan iaitu bagi Majlis Daerah kecil seperti Marang, Besut, Setiu dan Hulu Terengganu kita memerlukan kira-kira RM1.5 juta setahun untuk gaji dan emolumen tidak termasuk untuk pembangunan. Bayangkanlah dengan pendapatan ini memang ianya tidak mencukupi sama sekali tetapi sekurang-kurangnya ia dapat menampung sedikit sebanyak kekurangan yang ada pada pihak PBT yang berkenaan. Dan yang paling ketara Dato' Yang Di Pertua ialah Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, pada tahun lepas 2004, pihak Kerajaan Negeri terpaksa mencarum sebanyak RM12 juta untuk pengurusan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu kalau tidak, tidak boleh bayar gaji, tidak boleh menguruskan diri sendiri. Sekian, Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Yang duk sibuk-sibuk tanya ni, boleh tahu ke tidak, Pembangkang ni bayar ke tidak cukai ni, kalau tidak bayar apakah tindakan yang perlu dibuat? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, tidak ada pengecualian dari Cukai Pintu, semuanya perlu dibayar dan bagi mereka yang tertunggak notis-notis akan dikeluarkan kepada semua orang tanpa mengira siapa mereka itu. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakaf Mempelam sebagai wakil mengemukakan soalan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Terdapat beberapa buah sekolah kebangsaan di kawasan pedalaman menghadapi masalah kekurangan pelajar terutamanya di kawasan ladang dan terpencil. Apakah cadangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini kerana bilangan pelajar semakin bertambah kurang dari tahun ke tahun?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, sekolah mengenai Sekolah-sekolah Kebangsaan di kawasan pedalaman yang kekurangan murid terutama di kawasan ladang dan juga terpencil. Apakah yang sedang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Pada menjawabnya terdapat banyak juga sekolah-sekolah yang terpencil terutama di Daerah Hulu Terengganu, Daerah Dungun dan di Daerah Setiu yang mengalami kekurangan pelajar kerana situasi keadaan begitu sebab rumah-rumahnya jauh dari sekolah. Dan untuk mengatasi hal ini pihak jabatan telah membuat beberapa perancangan,

yang pertamanya menyediakan asrama-asrama berkelompok untuk pelajar-pelajar ini. Yang keduanya, kelas-kelas yang kosong juga diisi dengan pelajar-pelajar pra-sekolah sementara kita menunggu kajian lengkap bagaimana untuk mengatasinya. Walaupun sekolah-sekolah yang dikira kurang pelajar tetapi alhamdulillah, pencapaian UPSRnya cukup membanggakan. Sebagai contoh Sekolah Kebangsaan Delong di Dungun ia mengatasi sekolah-sekolah bandar yang lain. Alhamdulillah, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Berapakah bilangan pelajar yang paling minima bagi sesebuah kelas ataupun sesebuah sekolah?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Sekolah Kebangsaan Jongok Batu di Dungun ada 3 kelas, jumlah murid 41 orang. Jadi kalau dibahagi 3 dengan 41, maknanya satu kelas ada 12 ke 13 orang sahajalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tumpang satu soalan - Ketiadaan penuntut ini akibat daripada tidak ada anak sekolahkah ataupun anak-anak ini sudah pergi ke sekolah-sekolah berasrama ataupun tidak ada minat anak-anak atau ibu bapa ini untuk menghantar ke sekolah?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Daripada kajian yang dibuat oleh Jabatan Pelajaran Negeri tidak ada lagi yang tak bersekolah, semua hendak bersekolah. Jadi dalam kawasan itu, itulah bilangan murid yang ada, dia tak keluar ke lain dia bersekolah di tempat yang dia rasa boleh ditampung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tambah sedikit lagi Dato' Yang Di Pertua, penjelasan -- Kalaulah tidak ada lagi yang tidak pergi ke sekolah bagaimana yang berlaku ketiadaan ataupun kekosongan kelas-kelas/darjah. Adakah ini pembangunan melebihi daripada keperluan?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia dalam membuat sekolah, saya perhatikan rekod-rekod di Jabatan Pelajaran bila nak buat sekolah memang ada bancia, dia tidak buat sekolah kalau budak 200 buat untuk 200. Sebagai contoh Sekolah Kebangsaan Kedai Buloh, di tempat sayalah ni. Memang dibanci tahun 1999 berapa yang nak masuk tapi baru 2 tahun masuk, tahun 2004 hari ini sudah penuh, kena buat hak baru balik. Jadi maknanya dari segi perancangan Kerajaan ini tak boleh, kalau budak 200 dibuat untuk 200 dia kena buat 600 supaya anak-anak yang akan datang ini dapat masuk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor 1 -

Terengganu diberi penghormatan untuk menganjurkan Sukan Kapal Layar Dunia melalui 'Monsoon Cup Terengganu' mulai 29 November hingga 4 Disember 2005

- a) Berapakah peruntukan/pembiayaan pihak Kerajaan dalam memastikan kejayaan penganjuran ini?
- b) Apakah 'pulangan' yang diperolehi oleh Terengganu selain daripada tercatat dalam peta dunia?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan daripada Rantau Abang mahu mengetahui tentang berapakah peruntukan/pembiayaan pihak Kerajaan dalam memastikan kejayaan penganjuran *Monsoon Cup* dan yang keduanya apakah 'pulangan' yang diperolehi oleh Terengganu selain daripada tercatat dalam peta dunia?

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dan saya harap Wakil daripada Wakaf Mempelam dengar molek. Peruntukan daripada Kerajaan Negeri hanyalah RM1 juta tetapi saya difahamkan perbelanjaan hanya RM700,000 tetapi kos dan pembiayaan daripada Dana Persekutuan RM4 juta, bantuan daripada Kementerian Pelancongan RM1 juta. Tetapi kos untuk menganjurkan ini ialah di antara RM14 juta hingga RM16 juta. Jadi perbezaan antara RM8 juta hingga RM10 juta ini dibiayai oleh penaja *Monsoon Cup* ini. Jadi untuk kita membayar hanya RM700,000 daripada duit Kerajaan Negeri kita dapat pulangan lebih daripada apa yang kita laburkan. Yang pertama, Dato' Yang Di Pertua ialah ilmu, ilmu yang diperolehi oleh kita kerana penglibatan daripada semua anggota masyarakat sama ada orang kampung ataupun pegawai-pegawai kerajaan, ilmu untuk menganjurkan satu pertandingan peringkat dunia dan mendapat pengiktirafan daripada penganjur iaitu *Sweedish Match Tour*. Yang kedua Dato' Yang Di Pertua, pulangannya ialah rakyat Terengganu telah membuktikan kepada dunia bahawa walaupun diberi tempoh 4 bulan untuk menganjurkan satu pertandingan peringkat dunia, rakyat Terengganu mampu melaksanakan dengan jayanya. Yang ketiga Dato' Yang Di Pertua, pada dua hari yang lepas Wakil Wakaf Mempelam telah mengatakan bahawa tidak ada penglibatan kontraktor tempatan, saya nak beritahu kepada Wakil Wakaf Mempelam jangan menghina pekerja-pekerja daripada Suterasemai yang berkerja siang-malam sampai pukul 2.00 pagi untuk buat *landscaping*, jangan menghina kontraktor yang buat jalan atas sungai yang diberi tempoh 4 minggu tetapi disiapkan dalam tempoh 3 minggu, jangan menghina satu syarikat Terengganu yang mempunyai kilang di Gong Badak yang menyiapkan chalet-chalet yang ada hari ini. Jadi Dato' Yang Di Pertua, untuk menuduh dan mengatakan bahawa penglibatan kontraktor tempatan tidak ada itu adalah merupakan satu fitnah, satu perkara yang cuba dialihkan *attention* ataupun pandangan tentang kejayaan *Monsoon Cup* ini. Begitu juga Dato' Yang Di Pertua, bahan-bahan mentah di Pasar Kedai Payang habis kerana adanya pengunjung-pengunjung yang datang secara luar biasa ke Terengganu. Begitu juga bahan-bahan binaan, bahan-bahan binaan seperti kayu-kayu sawmill, habis kayu-kayu kerana hendak menyiapkan projek itu dalam tempoh yang terdekat. Begitu juga batik-batik dan kraftangan yang hari ini memang popular dan tersebar luas di dalam *website-website* antarabangsa. Begitu juga hotel-hotel, hotel-hotel semasa hari itu penuh

walaupun kita ada hanya lebih kurang 6,000 buah bilik tetapi ianya sudah penuh akibat daripada *Monsoon Cup*. Walaupun pada kebiasaannya pada bulan-bulan tersebut peratus *occupancy* hanyalah di antara 10 – 15 peratus. Dan yang paling penting Dato' Yang Di Pertua, jaringan kita dengan masyarakat dunia luar sebagaimana pendekatan yang dibuat di dalam Islam Hadhari iaitu untuk melihat global, mengantarabangsakan Terengganu. Mungkin ribut tidak melanda semasa *Monsoon Cup* Dato' Yang Di Pertua, tetapi *Monsoon Cup* telah membuat ribut di 175 buah negara di dunia ini. Dato' Yang Di Pertua, kita jangan pandang remeh kepada *publicity* ataupun hubungan awam yang kita buat di dalam *Monsoon Cup* ini. Saya ingin dengan izin Dato' Yang Di Pertua, membaca *t.v. schedule* yang ditunjukkan di luar negara. Antaranya, Euro Sports – *Monsoon Cup Live* pada 3 haribulan, ESPN Asia, ESPN Hongkong, ESPN India, ESPN Taiwan, Philippines, TV3, OLN dan beberapa rangkaian television di seluruh dunia. Dato' Yang Di Pertua, untuk kita mendapat *live* ataupun mendapat *coverage* daripada ESPN untuk selama 12 jam keseluruhannya kalau kebiasaannya ia akan melibatkan kos sebanyak RM3.5 juta Euro ataupun lebih kurang RM17.5 juta. Saya ingatkan sekali lagi Kerajaan hanya membelanjakan RM700,000 sahaja untuk menjayakan *Monsoon Cup* ini.

Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu untuk orang-orang Duyong, kita dapat melihat bagaimana kegembiraan sebagaimana dilaporkan oleh Wakil Bukit Tunggul semalam. Selain daripada mereka mendapat jalan baru, mereka juga dengan usaha gigih yang dibuat oleh Wakil Bukit Tunggul mendapat peruntukan khas daripada penganjur untuk membaiki rumah-rumah dan juga untuk menggantikan rumah-rumah yang usang. Begitu juga dengan peluang-peluang perniagaan yang diperolehi oleh penduduk-penduduk Pulau Duyong. Dengan pulangan-pulangan ini tidak lagi layak untuk mengatakan ianya tidak berjaya, saya tak tahulah. Saya juga ingin ingatkan Dato' Yang Di Pertua, ini merupakan percubaan pertama kita dan kita telah mendapat kontrak bersama *Sweedish Match Tour* selama 8 tahun, maka insyaAllah akan lebih banyak lagilah pulangan-pulangan yang akan kita perolehi apabila kita sudah mempelajari ilmu daripada penganjuran ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang Di Pertua, penjelasan sikit

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Dato'
Yang Di Pertua, soalan tambahan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Saya nak buat penjelasan sedikit saja – Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak penjelasan, mengikut apa yang disebarkan sebagai pengiklanan *Monsoon Challenge* ini akan merentasi Laut Cina Selatan sehingga ke Pulau Kapas, adakah itu berlaku?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang
Di Pertua, *Monsoon Cup* ini saya nak perelaskan sedikit sebab ramai sangat hak jahil ni terutama daripada Pembangkang. *Monsoon Cup* ini merupakan salah satu daripada liga *Sweedish Match Tour*, di dalam pertandingan *Sweedish Match Tour* ini dia ada 9 tempat dan Duyong merupakan tempat keempat dan merupakan satu-satunya tempat di Asia. *Sweedish Match Tour* ini berbeza dengan regatta, regatta sebagaimana Raja Muda

Regatta, sebagaimana regatta-regatta lain yang mana tumpuannya hanyalah yang dipanggil *fleet regatta* ataupun yang bertolak hak banyak-banyak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
..... Dato' Yang Di Pertua, saya tak tanya itu semua

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Ini nak jawablah ni

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Tak, saya tak tanya itu semua, saya tanyanya adakah berlaku sebagaimana yang diiklankan bahawa *Monsoon Challenge* ini pelayaran daripada Kuala Terengganu sehingga ke Pulau Kapas, itu sahaja saya tanya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Tidak pernah ada iklan, saya tak pernah tengok ada iklan ke Pulau Kapas. Itu merupakan maklumat, itu bukan iklan. Itu iklan ke itu? Sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, sama ada dia pergi ke Pulau Kapas ataupun tidak sebab ini merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh *Sweedish Match Tour*, kita tidak ada kena mengena dengan *event* ini. Yang menganjurkan ialah *Sweedish Match Tour*, apabila pada permulaannya memang tujuannya untuk buat daripada Duyong ke Pulau Kapas tetapi apabila melihat keadaannya yang tidak sesuai maka *Sweedish Match Tour* yang membuat keputusan untuk buat di muara sungai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Tak sesuai, apa maknanya tidak sesuai itu?

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, boleh saya teruskan dengan soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Biar saya jelaskan dulu. Dia *Sweedish Match Tour* ini ialah supaya penonton dapat melihat, ia merupakan satu galeri, kalau kita pergi ke *Maestron* atau kita pergi ke mana-mana tempat dia ada galeri supaya orang dapat melihat *match* antara satu lawan satu sebab itu saya nak terang tadi regatta dia berlumba ramai-ramai macam dari Port Klang ke Pangkor, dia tengok permulaan, dia tengok penutup tetapi *match race* ini dia ada arena dia supaya semua penonton dapat melihat bagaimana dia berlawan antara satu sama lain, kalau pergi ke Pulau Kapas orang tak dapat melihat bagaimana dia berlawan, itu saja. Sebab itulah saya kata *Sweedish Match Tour* yang membuat keputusan bahawa ianya tidak sesuai walaupun kita mencadangkan supaya diadakan antara Duyong ke Pulau Kapas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Pulau Duyong terkenal sebagai satu-satunya tempat bagi pembinaan bot tradisional, dengan bangganya, saya nak ulang dengan bangganya saya hendak memaklumkan bahawa sebuah bot pengiring bagi Kejohanan *Power Boat*

di Putrajaya dibina 20 tahun yang lalu di Duyong, soalan saya setakat manakah penganjuran Monsoon Cup ini dapat membantu industri pembinaan bot tradisional di Duyong?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, memang salah satu matlamat Monsoon Cup ini ialah untuk memajukan industri bot tradisional. Saya ingin memaklumkan/mengumumkan di sini bahawa penganjur akan membuat tempahan daripada pembuat bot di Duyong berjumlah RM5 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Rantau Abang. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan nombor 1.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, Wakil Manir telah keluar tetapi saya dimaklumkan olehnya dia ingin menarik balik soalan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak nak soal?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tarik balik, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Program Tadika Cemerlang/Q-dees telah dilaksanakan oleh Kerajaan.

- a) Sejauh manakah prestasi kejayaannya?*
- b) Berapa ramai melibatkan pelajar dalam program tersebut?*
- c) Apakah perancangan masa depan program ini?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jawapan soalan 1 ada tiga pecahan yakni bertanyakan mengenai Tadika Cemerlang dari segi pertamanya, prestasi, bilangan yang terlibat sekarang dan juga apakah perancangan kita untuk masa hadapan.

Adapun bilangan yang terlibat pelajar-pelajar yang berumur 5 – 6 tahun ialah seramai 4,104 orang yakni terdiri daripada pelajar-pelajar Tadika Yayasan Islam Terengganu dan Tadika Kemas. Setakat yang dibuat penilaian bulan Ogos, 2005 oleh satu pasukan penilai daripada Universiti Sains Malaysia dalam bidang pra-sekolah, dia kemukakan kepada kita satu laporan bahawa peningkatan tahap pencapaian pelajar dalam bidang matematik, bahasa Inggeris sebanyak 80 peratus. Begitu juga tahap penguasaan pelajar-pelajar membaca dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris juga lancar. Dan untuk tahun yang berikutnya atas kejayaan ini kita bercadang untuk membuka lebih banyak lagi untuk fasa II yang bermula pada tahun 2006 yang meliputi jumlahnya 348 buah semuanya. Tadika Kemas 300 buah, Tadika Yayasan Islam Terengganu 28 buah, dan yang baru masuk ialah Tadika Perpaduan sebanyak 20 buah. InsyaAllah sedang dilaksanakan sekarang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Dianggarkan berapakah jumlah Tadika Cemerlang ini yang akan diwujudkan di setiap DUN?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia untuk Kemas kita bahagi sama rata. Kalau boleh Yang Berhormat barangkali campur hak baru ini 100 itu, kita campurkan dengan 32 DUN/8 Parlimen, hak inipun 300 bahagi 8, kira-kira begitulah keadilan kita untuk mengagihkan kesemuanya sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon laluan untuk penjelasan satu soalan tambahan – Kita difahamkan bahawa Tadika Cemerlang yang menggunakan kaedah Q-dees ini adalah merupakan suatu program yang mempunyai daya maju yang cukup baik di masa depan. Apakah bagi maksud untuk memastikan tadika ini berjalan dengan baik, apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan ataupun membina bangunan-bangunannya yang sendiri tanpa lagi berada di balai raya? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pihak Kemas dalam proses menepati tujuan ini yakni membina lebih banyak lagi tadika sendiri tidak bergantung kepada balai raya.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan-soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Adakah kajian pengesanan graduan Terengganu Advanced Technical Institute (TATI), Kolej Yayasan Terengganu (KYT) dan TESDEC dilaksanakan? Apakah kadar lakukerja bagi graduan dari institusi-institusi ini?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini bertanyakan tentang graduan daripada TATI, daripada KYT (Kolej Yayasan Terengganu) dan TESDEC dari segi lakukerja.

Bancian dibuat oleh TATI sejak tahun 2005 mendapati bahawa secara puratanya lebih 70 peratus daripada pelajar-pelajar TATI telahpun mendapat pekerjaan. Pecahannya begini, untuk Kursus Teknologi Maklumat – 75 peratus telah mendapat kerja, Mechatronics – 80 peratus, Tool & Die Design (TDD) – 68 peratus, Tool & Die Making (TDM) dalam 60 peratus. Ini yang dapat dikesan, yang telahpun mendapat pasaran kerja ataupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi yakni di peringkat Ijazah. Adapun Kolej Yayasan Terengganu dalam Kursus Diploma Sains – 68 peratus telahpun mendapat pekerjaan dan dalam bidang Diploma Pengurusan Perniagaan sebanyak 80 peratus. Bagi TESDEC pula daripada seramai 17,882 orang yang telah selesai belajar di situ, 11,623 orang – 65 peratus telahpun mendapat pekerjaan dalam bidang yang berkaitan dengan kemahiran dia, 1,800 orang lagi yakni 10 peratus dapat bekerja sendiri, dan lebih kurang 1,000 lagi yang sehingga hari ini belum dapat kerja. Jadi dari segi average itu kita dapati bahawa lebih 80 peratus telahpun mendapat kerja masing-masing, alhamdulillah itu satu angka yang cukup tinggi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah langkah-langkah penjaminan kualiti program yang telah dilaksanakan oleh institusi tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Jaminan kualiti,* yang pertama sekali kita memenuhi persyaran Kementerian yang berkaitan sebagai contoh kalau untuk TATI dengan KYT dia menepati kualiti yang ditentukan oleh pihak LAN (Lembaga Akreditasi Negara), kalau untuk di TESDEC menepati yang ditetapkan oleh MLVK di bawah Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya teruskan dengan soalan nombor 2.

Berapakah bilangan siswazah menganggur yang telah mendaftar di bawah sistem e-siswazah? Apakah gambaran yang diperolehi dari Profil Siswazah Menganggur?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Soalan 2 ini mengenai tentang siswazah menganggur yang didaftarkan melalui e-siswazah. Jadi data yang kita ada setakat ini ialah bilangan e-siswazah yang mendaftar dengan kita ialah seramai 2,554 orang, yang lelaki 926 orang, perempuan ialah 1,628 orang, ini yang daftar tetapi kita tak dapat nak kesan yang telahpun mendapat pekerjaan. Saya yakin oleh kerana bilangan mereka yang berdaftar ini mereka yang mendapat keputusan terbaik dalam universiti sebagai contoh ada mereka yang mendapat Sarjana Kelas 1 – 14 orang dan juga mendapat Master – 38 orang. Kita tidak dapat hendak mengenal pasti sama ada mereka ini telah mendapat pekerjaan tapi saya yakin telah dapat kerana kita cuma daftar namanya sahaja dan tidak membuat susulan kerana mereka dah pergi ke lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah puncanya, adakah pemilihan kerja ataupun tidak ada pekerjaan?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Belum sampai rezekinya lagilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak dengar, Dato' Yang Di Pertua. Saya tanya puncanya, pemilihan kerja ke ataupun tidak ada jawatan kosong kerana semalam dibangkitkan bahawa Negeri Terengganu ini menjadi tumpuan pendedahan-pendedahan asing untuk bekerja.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Puncanya banyak bukannya satu. Ada soal pilih kerja, ada kerjapun mungkin tak sampai tahap kemampuan yang dia ada, macam-macamlah. Tapi setakat yang kita tahu hari ini bilangan yang tidak dapat kerja sebenarnya tidaklah begitu ramai.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah langkah Kerajaan bagi membantu yang tak dapat kerja ini seramai 2,554 yang belum dapat kerja ini, bagaimana?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Ada dua sumber, yang pertama di bawah Kementerian Kewangan Kerajaan Pusat telah juga memberi peruntukan kepada pelajar-pelajar Terengganu lulusan universiti yang masih belum dapat kerja diberi latihan selama 6 bulan atau 1 tahun sebagai contoh dalam bidang Kejuruteraan, mereka ditempatkan di TATI selama 6 bulan ataupun 1 tahun dengan peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Adapun Kerajaan Negeri juga sedar bahawa kita harus memberi bantuan kepada mereka dan insyaAllah mulai bulan Januari ini sebanyak RM7 juta telah diluluskan untuk anak-anak Terengganu dalam pelbagai bidang untuk dilatih, *on job training* di pelbagai agensi sama ada swasta ataupun kerajaan bermula pada bulan satu ini, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Seberang Takir ada lagi soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Tak ada, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengemukakan soalan nombor 1.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor 1 -

Siapakah yang akan menanggung kos pengambilan balik tanah bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan adakah Kerajaan akan memberi penempatan semula kepada mereka-mereka yang terpaksa berpindah?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Batu Burok ingin bertanya mengenai siapakah yang akan menanggung kos pengambilan balik tanah bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan adakah Kerajaan akan memberi penempatan semula kepada mereka-mereka yang terpaksa berpindah?

Dato' Yang Di Pertua, kos pengambilan balik untuk landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dengan anggaran kos sebanyak RM60 juta yang sekarang ini dalam proses pengambilan dan Pejabat Tanah sedang mengkaji dari segi penempatan semula kepada mereka-mereka yang terlibat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah Kerajaan telah kenal pasti bilangan rumah-rumah kediaman yang terlibat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, jumlah yang terlibat ialah lebih kurang 217 lot. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua - Bila penghuni-penghuni rumah-rumah persendirian ini dapat mengetahui tempat-tempat gantian akan diberi ataupun bagaimanakah nasib mereka?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, apabila pengambilan balik dibuat ianya akan dibayar dengan pampasan. Penempatan semula merupakan ihsan kerajaan sahaja. Jadi Dato' Yang Di Pertua, itu terpulang kepada kajian Pejabat Tanah untuk melaksanakannya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Air Putih mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya nombor 1 -

Kerajaan telah banyak membangunkan keupayaan penduduk-penduduk Orang Asli tetapi pelaksanaan yang telah dijalankan ini tidak menunjukkan kemajuan yang begitu ketara kepada penduduk Orang Asli

- a) *Tidakkah Kerajaan bercadang untuk menempatkan penduduk Orang Asli secara lebih tersusun seperti menempatkan mereka bersama masyarakat umum?*

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan daripada Wakil Air Putih itu berkaitan dengan Orang Asli, munasabah dah macam Tok Batin. Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, soalnya berkenaan dengan pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan terhadap penduduk-penduduk Orang Asli sama ada Kerajaan bercadang untuk menempatkan mereka secara lebih tersusun ataupun tidak dan adakah mereka ini perlu ataupun Kerajaan bercadang untuk menempatkan mereka bersama dengan orang-orang yang tidak asli.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya dan sememangnya Kerajaan tidak mengeneikan setiap rakyat di Negeri Terengganu. Atas keprihatinan, kecaknaan dan kesungguhan Kerajaan maka Orang Aslipun diberi penempatan, diberi kelebihan dan diberi semua jenis bantuan untuk memastikan mereka ini menjalani proses asimilasi bersama orang-orang biasa sebagaimana yang kita lakukan di tiga penempatan di seluruh negeri yang mana kita ada tiga kawasan yang didiami oleh Orang Asli. Yang pertama, di Sungai Pergam iaitu di kawasan Y.B. Air Putih, seramai 389 orang penduduk di sana. Yang kedua, di Sungai Berua, di Kuala Berang, Hulu Terengganu, seramai 315 orang. Manakala yang ketiga, di Sungai Sayap, Besut seramai 30 orang. Jadi semua mereka ini disediakan penempatan-penempatan khusus yang mana kalau di Hulu Terengganu, Kerajaan telah membina 37 buah rumah untuk ditempatkan mereka dan rumah ini rumah simen bukan rumah kayu, malangnya mereka ini tidak sesuai duduk rumah simen, mereka buat jugak rumah kayu di belakang, kerana dia kata rumah simen ini tidak boleh nak '*peringat*' api, malam-malam musim sejuk ini dia kena '*diang*', dia kena memanaskan tubuh, jadi dia duduk di rumah belakang pulak, dan rumah yang dibina ini dia naik atas atap dia buat jemur kain (Dewan Gelak) ini yang berlaku. Begitu jugak di Besut, 10 buah rumah dibina dan di Kemaman sebanyak 49 buah dan kita sebenarnya merancang untuk mereka ditempatkan bersama dengan orang-orang biasa, orang yang tidak asli ini. Tapi oleh kerana mereka ini mempunyai rasa rendah diri yang terlalu tinggi '*inferiority complex*' dengan izin Dato' Yang Di Pertua, mereka ini tidak boleh bercampur dan mereka merasakan bila mereka bercampur mereka seolah-olah mereka ini ada perasaan terhina di kalangan mereka. Begitu juga dari segi pendidikan ataupun pelajaran, kita cuba mengadakan percampuran antara pelajar ini dengan pelajar-pelajar biasa malangnya apabila mereka pergi ke sekolah-sekolah biasa mereka tidak boleh menyesuaikan diri. Lantaran itu, mereka kembali ke tempat asal mereka. Pun begitu kita dengan rasa penuh kesedaran memberi bantuan dan juga menyediakan keperluan-keperluan mereka agar mereka tidak hidup lagi berpindah-randah mencari gaharu, mencari rotan dalam hutan dan sebagainya. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak berapa faham maksud orang tak asli tadi, macam Wakil Ajilkah?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Orang dok asli macam orang Paslah. (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Soalan tambahan Yang Di Pertua – Sepertimana yang disebutkan tadi, perasaan rendah diri. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan ataupun mewujudkan perkahwinan campur di antara Orang Asli dengan orang tak asli ini.(Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Satu cadangan yang bagus Yang Di Pertua, proses perkahwinan campur ini dipertimbangkan dan kalau boleh ADUN Air Putih *start* dulu tak apa. Ini yang pelik Dato' Yang Di Pertua, kalau kita beli barang, *spare parts* atau apa-apa kita nak yang asli, beli baju, seluar semuanya nak yang asli tapi bila orang, tak ramai nak Orang Asli, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakil Kijal nak tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya agak tertarik dengan apa yang dijelaskan oleh pihak Kerajaan, Orang Asli ini tidak suka duduk rumah simen, suka duduk rumah kayu tapi bila musim hujannya duduk atas para begitulah dok? Jadi ini satu gambaran betapa masih ada sebahagian rakyat Negeri Terengganu masih kita gagal mengubah pemikiran mereka sedangkan objektif Bajet kita hendak mengubah rakyat Terengganu. Apa yang diterangkan oleh pihak Kerajaan sekejap tadi ini tidak menggambarkan semangat kita, jadi apakah langkah Kerajaan bagi memastikan Orang Asli juga turut sama di arus pembangunan perdana negeri kita.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Hulu Besut, juga mewakili sebahagian daripada Orang Asli, ini penolong Tok Batin barangkali. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita banyak perancangan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri ataupun di Kerajaan Pusat untuk memastikan mereka ini diberi secara evolusi, secara sedikit-sedikit kerana mereka ini kalau diberi secara mendadak mereka tidak akan mengikut kita. Lantaran itu, dengan adanya sekolah-sekolah yang dibina di perkampungan-perkampungan tersebut kita berharap dan kita berdoa insyaAllah ini akan dapat mengubah minda mereka. Contohnya, kalau di Hulu Terengganu kalau dulu pelajar-pelajarnya cuma 3 hingga 4 orang saja walaupun dalam daftarnya ada 40 orang tapi yang ke sekolah cuma 3 - 4 orang, bila ditanya kenapa tak ramai ke sekolah dan jawapan yang diberikan mereka ikut ibu dan bapa mereka ke dalam hutan untuk mencari rotan dan gaharu. Perangai dia orang ini bila pergi ke hutan dia bawa semua sekali termasuk periuk belanga dan pergi 3 - 4 bulan ke dalam hutan dan apabila balik mereka ini masuk balik ke sekolah dan apa yang diajar 3 - 4 bulan dahulu mereka telah lupa. Kalau dulu kenal *a, b, c*, bila balik ini bertukar balik *a, b, c*, jadi ini yang menimbulkan masalah tapi oleh kerana pendekatan dan kesungguhan yang dilakukan oleh Kerajaan, Jabatan Pelajaran dan sebagainya jadi akhir-akhir ini didapati sekolah ataupun kelas di Sungai Berua, khususnya di Hulu Terengganu alhamdulillah, ayah, ibu mereka masuk hutan tapi anak mereka tinggal di kampung untuk bersekolah. Jadi perkara ini memakan masa untuk menyedarkan mereka betapa pentingnya dan kita berharap dan yang telah dilakukan Kerajaan Pusat di Pahang

ada seOrang Asli yang berjaya, kalau dua-tiga hari yang lepas masuk dalam suratkhbar, seorang kontraktor perempuan yang berjaya. Jadi kita berharap hal tersebut jugak berlaku di negeri kita insyaAllah. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adakah pihak Kerajaan pernah melawat ke tempat Orang Asli ini pasal di tempat saya, saya pernah pergi saya bertanya kepada dia, dia kata di sini Kerajaan tak pernah maripun, guru kelaspun dulu ada, sekarang tak ada, jadi ini menampakkan tidak ada usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dia ingat Kerajaan tu lagu mana barangkali, dia tak kenal Kerajaan. Dia ingat Kerajaan macam jenis apa benda, orang tu mewakili Kerajaanlah bukan Kerajaan ini macam jin macam tu.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak maksud saya sepatutnya ada seorang guru yang mengajar di situ untuk membuat perubahan minda tapi setakat ini di Kuala Sayap tak adapun. Jadi saya cadangkan di sini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pihak Kerajaan perlu mengadakan kelas bagi mengubah minda dan mengajak sama masyarakat turut serta dalam pembangunan.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua, itu satu cadangan yang baik, insyaAllah kita akan pastikan selepas ini apa yang berlaku di Kuala Sayap tidak akan terbiar kerana pengalaman di Kuala Berang dan juga di Kemaman perkara ini tidak berlaku. Saya kurang pasti sama ada bangsa Semak Geri di Kuala Sayap ini masih mengamalkan nomadik ini, kalau dulu saya difahamkan memang ada seorang guru agama ditugaskan di situ tapi mungkin barangkali, ini andaian sayalah, mungkin guru agama berada di situ dia orang ini masuk ke dalam hutan tidak ada seorangpun yang ada di kampung tersebut. Jadi lantaran itu mungkin guru ini tidak ada ruang untuk ataupun mungkin kesunyian maka ditarik balik. Saya akan siasat dan kita akan ambil tindakan segera untuk pastikan hasrat dan cita-cita Wakil Hulu Besut akan tercapai insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya ada soalan tambahan

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Di Pertua, saya ada penjelasan sikit

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey terima kasih, sila duduk semua Yang Berhormat. Saya persilakan Wakil Telemong mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum Dato' Yang Di Pertua, saya satni nak mengambil bahagian tu kerana saya juga mewakili kawasan Orang Asli tapi tak apalah kerana masa yang diperuntukkan terlalu singkat. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang pertama. Terima kasih.

Dalam tahun 1990an Terengganu amat popular dengan gelaran (Kuwait Malaysia) satu gambaran membayangkan Terengganu negeri maju, kemiskinan rendah, infrastruktur yang elok dan moden.

- a) Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengatasi kemiskinan rakyat di Terengganu pada masa ini?*
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan tersebut menepati sasaran kemiskinan sifar di Terengganu?*

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Telemong. Wakil Telemong ingin mengetahui berkaitan dengan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi mengatasi kemiskinan di Negeri Terengganu dan yang kedua apakah langkah tersebut menepati sasaran ke arah mewujudkan kemiskinan sifar di Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah, setakat ini sejak kita mengambil alih kuasa sejak 2004 sampai ke hari ini alhamdulillah, kita telah menyediakan banyak peruntukan, banyak langkah-langkah untuk mengatasi kemiskinan rakyat kerana kita tahu kemiskinan ada suatu benda yang perlu diatasi untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan yang selesa, rakyat hidup dalam keadaan yang tidak meminta-minta. Kita juga amat prihatin terhadap kemiskinan ini ataupun membasmi kemiskinan ini dengan menumpukan bantuan-bantuan pinjaman modal dan juga bantuan-bantuan dan program ke arah menjana pendapatan sama ada kepada Ketua Isi Rumah ataupun KIR ataupun kepada ahli isi rumah iaitu anak-anak. Di samping itu yang paling penting Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita dalam usaha untuk membasmi kemiskinan ini yang paling penting ialah kita nak mengajar dan mendidik golongan ini supaya lebih berdikari dan supaya berubah'minda kerana apa yang ditakuti sekarang bukan kemiskinan dari segi harta tapi kemiskinan jiwa dan kemiskinan berfikir. Jadi inilah yang kita takuti kerana dengan adanya kemiskinan jiwa dan kelemahan, kemalasan berfikir ini akan menyebabkan kemiskinan fizikal. Lantaran itu, sebagaimana yang saya katakan kelmarin bahawa hari ini negara kita umumnya dan negeri kita khususnya telah menjadi tumpuan kepada pendedahan asing untuk berkunjung mencari rezeki, menambah pendapatan. Hari ini kalau dikira-kira lebih daripada jutaan ringgit duit kita keluar ke negara-negara asing daripada hasil-hasil pekerjaan sama ada bidang pembinaan, bidang perladangan, bidang perkhidmatan dan sebagainya. Jadi dalam masa yang sama kita mempunyai rakyat yang tidak bekerja, jadi suatu keadaan yang ironi yang berlaku di tempat kita. Lantaran itu, kita mengadakan pelbagai program, kepada Ketua Isi Rumah kita berikan bantuan modal, kepada Ketua Isi Rumah PPRT ini kita berikan bantuan ataupun kursus-kursus motivasi untuk memberikan kesedaran kepada mereka agar mereka minat ataupun bersungguh-sungguh ingin keluar daripada belenggu kemiskinan ini. Tapi oleh kerana duduk di Malaysia ini

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan - Jadi ini termasuk Orang Asli ni?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Termasuk Orang Asli, Orang Ori. Jadi lantaran itu, dengan kursus-kursus ini kita bersungguh-sungguh memastikan

mereka ini nak keluar tapi oleh kerana rakyat kita, bertuahnya rakyat Malaysia, banyaknya kelebihan-kelebihan yang diberi kepada orang-orang yang dikatakan miskin ataupun disenaraikan sebagai golongan miskin sebagaimana yang saya katakan kelmarin subsidi, disebutkan oleh Y.B. Bandar ada bantuan basikal, bantuan pakaian sekolah, bantuan buku teks, serba-serbi bantuan sehinggakan suatu masa dahulu ada bantuan gigi palsu dan sebagainya. Jadi ini yang Di Pertua, rakyat suka tapi Wakil Batu Burok mengatakan bahawa kita nak suruh dia miskin supaya dia sokong kita, tidak. Kita tak suka rakyat kita miskin lantaran itu kita menyediakan pelbagai program. Untuk tahun 2004, Yang Di Pertua, untuk kursus Ahli Isi Rumah, kita hantar kursus iaitu kursus menjadi pekerja di atas kapal yang mana kursus yang kita hantar ini ada pasaran kerja, selepas kursus mereka terus bekerja, alhamdulillah tahun 2004 kita hantar 20 orang anak-anak keluarga PPRT semuanya dapat kerja. Dan yang terbaiknya kursus-kursus di sini dan kerja-kerja di atas kapal ini ialah setiap bulan *company* kepada syarikat-syarikat tersebut terus potong gaji mereka dan disalurkan kepada keluarga mereka di kampung-kampung. Jadi kita berharap dengan adanya sumbangan terus daripada anak mereka yang bekerja di kapal ini akan mengeluarkan keluarga mereka daripada belunggu kemiskinan. Dan dalam tahun 2005, kita ada 206 orang yang sedang berkursus, dan pada pertengahan bulan ini habis kursus mereka *disponsor* sepenuhnya oleh Kerajaan dan 2006 tahun depan dijangka 500 orang lagi anak-anak keluarga yang termiskin ini diberi kursus dan insyaAllah mereka ini dapat membantu mengeluarkan keluarga-keluarga mereka daripada belunggu kemiskinan, insyaAllah. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Oleh kerana 2 – 3 tahun yang lepas kita dapat melihat terutama dalam kawasan saya, dalam Dewan Undangan Negeri Kawasan Telemong banyak penebangan-penebangan balak yang dilakukan oleh kepimpinan Kerajaan pada masa tersebut. Apakah Kerajaan sedang bercadang untuk menyediakan bantuan khusus terutamanya kepada Orang Asli ini kerana hari ini sudah sampainya mereka hilang punca pencarian dia orang, rotan takdok dah, ini baru kita nampak kesan, nak cari tongkat alipun payah dah, nak cari ubat, ubat segala ubatpun susah dah hari ini. Jadi adakah Kerajaan nak sediakan peruntukan khusus nak bela Orang Asli ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Walaupun kurang kaitan dengan soalan yang pertama tapi tak apalah. Oleh kerana Wakil Telemongpun Tok Batin jugak, jadi sebenarnya kita ada perancangan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan, maknanya prihatinnya Kerajaan sebab itu saya katakan kelmarin siapa-siapa yang katakan Kerajaan jahat, Kerajaan tidak prihatin, Kerajaan zalim, orang yang tidak waras saja sebenarnya. Jadi untuk Orang-Orang Asli ini kita menyediakan bantuan menggunakan di bawah peruntukan bantuan Felcra yang mana mereka mendapat sumber pendapatan daripada Felcra yang diberi dan diagihkan kepada mereka untuk menjamin agar mereka ini tidak lagi masuk ke hutan mencari rotan, gaharu, tongkat ali, kacip fatimah dan sebagainya. Jadi sekurang-kurangnya akan menampung sebahagian daripada pendapatan bulanan mereka. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Saya difahamkan setelah Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan telah banyak membayar balik

Bantuan Kebajikan Masyarakat yang telah dipotong semasa kepimpinan Kerajaan dahulu. Soalan saya apakah dengan pertambahan ini dengan pembayaran balik ini yang menyebabkan yang diwarwarkan terutamanya oleh pihak Pembangkang bahawa kemiskinan Terengganu melambung naik tinggi pada hari ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua. Sebenarnya apa yang diwarwarkan oleh Wakil Pembangkang yang mana kemiskinan di Negeri Terengganu meningkat sebenarnya tidak ada fakta yang jelas ataupun sumber daripada maklumat yang tepat dan kalau adapun mungkin kesan daripada tindakan Kerajaan dahulu yang tidak ambil cakna langsung terhadap membasmi dan program-program mengatasi kemiskinan ini selama 4 tahun. Sebab itu saya katakan kelmarin dulu bahawa sejak tahun 2000 sampai 2004 cuma 32 buah saja rumah PPRT yang dibina

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Pas memerintah 4 tahun saja, orang yang beranak dalam masa Pas memerintah baru berumur 5 tahun sampai sekarang tidak terlibat dalam kemiskinan lagi yang terlibatnya rakyat di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional dulu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul, Wakil Manir. Hak beranak zaman Pas dia 4 tahun baru, hak beranak sebelum Pas menderita dan *suffer* ketika Pas memerintah yang ini yang PPRT ini

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan ini kesan peninggalan

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nanti saya jawab tak habis lagi, duduk

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh! Saya kelmarin, saya beri sokmo dia nak cakap, dia nak ganggu.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya akan beri

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita akan beri

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat duduk, dengar jawapan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan kita ada, tembor lari tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak sampai lagi Yang Berhormat Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya jawab dulu, lepas itu baru kita beri, kita *gentleman* kita bukan cap ayam Yang Di Pertua. Yang Di Pertua, jadi apa yang dilakukan tidak ada satu programpun dalam rekod kita yang dilakukan oleh Kerajaan di bawah pimpinan Pas ataupun Barisan Alternatif yang dilakukan untuk membela orang miskin. Tidak ada program Ketua Isi Rumah, tidak ada program motivasi, tidak ada program, takdok yang ada ceramah, dakyah dan sebagainya untuk menguatkan parti, itu yang berlaku. Lantaran itu, kesan daripada hal tersebut maka data yang diberi oleh Wakil Wakaf Mempelam kelmarin dulu mengatakan kadar kemiskinan meningkat tapi apa yang saya perhatikan dan saya banding dengan apa yang saya alami ketika di Pengkalan Pasir yang alhamdulillah kita menang kelmarin bukan kita bukan Pas, kita Umno menang kelmarin. Jadi rumah yang ada di Pengkalan Pasir, Pasir Mas takdok dah di Terengganu, kalau ada di Manir tak tahulah takdok dalam maklumat saya, takdok. Jadi itu menunjukkan bahawa kita cakna, kita ambil berat terhadap apa yang dilakukan, apa yang dialami oleh

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, janji nak bagi

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya akan beri laluan, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia nak bersyarah sampai habis ke, saya nak celah?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya akan beri, saya akan beri

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak buat penjelasan. Ini tidak ada program untuk orang miskin. Maknanya dulu kita beri Bantuan Orang Miskin Belajar, pilih anak-anak orang miskin belajar di TATI, kursus ringkas, tiap-tiap tahun kita bagi yang zaman Barisan tidak pernah buat yang keluar daripada itu boleh kerja mengatasi masalah kemiskinan dia, tak jadi miskin dah. Zaman Pas memerintah rakyat menjadi kaya dia bayar zakat banyak, ini yang kita buat. Tapi Barisan ini dia kata kaya tapi zakat Bila orang tak kaya dia tak bayar zakat, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat ini perbahasan, kalau Yang Berhormat nak buat soalan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Habis dah Yang Berhormat Yang Di Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Habis dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kelmarin orang cakap banyak, masa saya diganggu Yang Di Pertua tidak ganggu, inilah Yang Di Pertua, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Kelmarin saya beri masa ke Yang Berhormat lebih dah Yang Berhormat tak berterima kasih jugak.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Di Pertua, habis dah, puas dah barangkali ni? Terima kasih dengan penjelasan yang diberi menunjukkan bahawa sungguh-sungguhnya Kerajaan dulu. Bila saya tanyakan data berapa orang beri, berapa orang dapat kerja, di mana kerja, saya yakin tak boleh jawab Yang Di Pertua, sebab itu saja yang dilakukan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Di Pertua, semasa saya jadi Kerajaan, saya boleh jawablah sekarang saya tak boleh jawablah saya dah tak jadi Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dengarlah saya jawab dulu macam tak pernah jadi Kerajaan ni nanti saya jawab habis dulu, puas dah satni kan. Yang Berhormat Yang Di Pertua, itulah yang dilakukan sekadar 20 – 30 orang, ini kita bina rumah untuk tahun ini saja 1,500 untuk orang miskin PPRT, 1,500 buah yang harganya RM13,200 sebuah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau nak bandinglah dari segi pembangunan Pas tak usah cakap besarlah memang *dokdang*, jauh langit dengan bumi apa yang telah kita laksanakan untuk rakyat dan apa yang telah dilaksanakan oleh Pas selama 4 tahun, kita ada rekod 4 tahun 32 buah sahaja. Jadi pihak Pembangkang nampaknya hendak menegak benang yang basah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya *takmbah* bercakap panjang sebab sikit lagi bahagian Penggulangan saya

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Tidakkah Yang Berhormat Ajil tahu Rancangan Bantuan PPRT itu pada masa kami Pas memerintah disalur melalui Ketengah oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi sekarang ini disalur melalui kamu, kamu tak tahu? Kita bukan tidak ingat fakta, jangan bersembang begitu Wakil Rakyat Barisan ni mari ke sini bersyarah, minta projek-minta projek, pada hal semua ada dalam Bajet dia bersyarah buat apa lagi. Minta hak benda hak ada dah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Marah ke guana tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak marah, cakap tu biar betul.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ke panas?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bercakap biar semangat.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ulama kena sabar sedikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia semangat ni.(Dewan Gelak) Kita pagi-pagi ini kena semangat sedikit sebab sejuk tadi

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dia Ulama kena sabar, Ketua Dewan Ulama ini kena banyak lagi sabar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini pasal bersabar tak marah tu, kalau tak Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya rasa dah habis dah Yang Berhormat nak jawab?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ya, terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jadi saya terpaksa memberhentikan di sini, minta maaflah Wakil Wakaf Mempelam kerana gangguan, banyak masa diperuntukkan dah lebih dah 3 minit untuk Soalan Lisan, jadi ada 3 orang lagi Yang Berhormat yang tidak dapat mengemukakan Soalan Lisan, masa yang diperuntukkan sejam telahpun selesai. Jadi saya tangguhkan sementara Dewan ini sehingga jam 11.00 pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Saya mempersilakan Wakil Kerajaan untuk menyambung Ucapan Penggulangan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat yang amat mendalam tentang beberapa perkara yang bersabit dengan penjenamaan iaitu di antaranya yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Alur Limbat, Hulu Besut, Kuala Berang, Batu Rakit, Telemong, Rantau Abang dan Manir yang rata-rata memperkatakan tentang penjenamaan ataupun *rebranding* dengan izin. Ada yang memulakan dengan mencari produk ataupun barangan dahulu yang merasakan bahawa perlu dijenamakan semula. Minat Ahli-ahli Yang Berhormat dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, apa yang disebut itu adalah menghasilkan sesuatu amat baik sekali untuk mencapai jenama yang kuat perbezannya ataupun dengan izin, *achieving strong brand differentiation* iaitu berkait tentang brand ekuiti ataupun pengetahuan tentang penjenamaan yang memerlukan perhatian yang lebih daripada Kerajaan dan membentuk imej-imej produk ataupun barangan yang persepsi oleh pelanggan baik dalam keadaan suasana masa kini.

Dato' Yang Di Pertua, penjenamaan Keropok Lekor Terengganu atau T'Lekor, Nasi Dagang Terengganu sebagai T'Dagang merupakan agenda yang diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedua-dua produk ini dapat berkembang secara komersil di seluruh negara dan seterusnya di peringkat yang lebih global. Namun demikian, saya tidak menafikan bahawa kita juga akan berusaha untuk menjenamakan 'T' yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Berang T'Jagung, T'Ubi Torok, T'Pisang dan berbagai-bagai 'T' lagi, ada juga yang menyebut 'T' itu sebagai 'Te'. Dan pengenalan T'Lekor dan T'Dagang setelah dilancarkan pada 25 Jun 2005, sehingga kini enam pengusaha telahpun berjaya di dalam perniagaan kedua-dua produk tersebut, empat di daerah Kuala Terengganu iaitu Restoran Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Telaga Batin, Restoran Terapung Puteri dan Kompleks Makanan Tradisional Terengganu, satu di Subang Jaya dan satu di Cyberjaya. Sebagai usaha mencipta peluang kerjaya keusahawanan, Kerajaan merancang untuk mewujudkan sekurang-kurangnya empat usahawan T'Lekor dan T'Dagang ini dengan jenamanya akan didaftarkan. Sementara itu sehingga November 2005, Kerajaan telah berjaya membantu dan meningkatkan 12 pengusaha keropok di Kampung Losong dengan jenama T'Lekor melalui program penyeragaman konsep pembungkusan, pakaian seragam, papan tanda perniagaan dan kiosk-kiosk yang telah kita hasilkan. Dato' Yang Di Pertua, usaha-usaha awal Kerajaan Negeri dalam menjenamakan produk-produk eksklusif Terengganu kini 12 produk berasaskan makanan telah juga dijenamakan dan dilabelkan sebagai produk yang mampu menembusi pasaran domestik dan antarabangsa. Kajian-kajian serta kerjasama dengan universiti-universiti tempatan telahpun diadakan. Sementara kita juga akan mendaftarkan jenama-jenama tersebut dengan tanda perdagangan ataupun *trade mark* bagi memberi perlindungan undang-undang atau *legal protection* dengan izin, untuk membolehkan usahawan terbabit mendapat hak eksklusif

menggunakan jenama berkenaan ataupun *brand name* dengan izin, dengan lebih baik lagi. Dato' Yang Di Pertua, di dalam kita memperkatakan tentang penjenamaan ini sebagai contoh saya petik di dalam laman web, '*The best brand name in Asia*' dengan izin, di sini kita dapat melihat bahawa *ranking* yang pertama adalah Sony, kedua Cathay Pacific, ketiga Singapore Airline, keempat Royal Selangor Pewter, kelima Giordano, yang keenam Asian Wall Street Journal, yang ketujuh yang mungkin tidak disenaraikan lagi pada saya adalah T-Best yang baru sahaja selesai sebagai *Event Manager* dan inilah sebenarnya konsep penjenamaan, Dato' Yang Di Pertua. Kita mengharapkan bahawa jenama-jenama yang dipaparkan pada layar Monsoon Cup akan menjadi satu *brand* ataupun penjenamaan yang boleh diterima bukan sahaja di peringkat negara kita, malah di peringkat antarabangsa. Ini adalah satu contoh kejayaan kerja-kerja penjenamaan yang baru sahaja kita selesai melaksanakan Monsoon Cup dan kita mengharapkan Dato' Yang Di Pertua, kefahaman sebegini boleh diterima oleh semua orang kerana soal penjenamaan ini adalah suatu perkara baru. Kalau kita lihat di dalam Bajet Kerajaan Pusat juga memberi penekanan kepada soal penjenamaan dan Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan yang amat sangat kepada penjenamaan kepada produk-produk ataupun barangan-barangan yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin kita merasakan kali pertama kita menyebut T'Lekor ataupun T'Dagang ataupun T'Ubi Torok ianya merupakan lawak jenaka tetapi Dato' Yang Di Pertua kalau kita fikirkan kepada satu industri yang boleh memanfaatkan usahawan-usahawan tempatan dan akhirnya kita membuat kajian-kajian yang baik, tidak mustahil perkara yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan menjadi kenyataan. Dato' Yang Di Pertua, minat yang mendalam oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang penjenamaan ini, insyaAllah akan kita *transformkan* dengan izin, akan kita pindahkan dalam erti kata pelaksanaan yang sebenar-benarnya. Kerajaan akan terus membantu masyarakat usahawan IKS dan peniaga-peniaga kecil agar mereka dapat terus berkembang maju dan mampu memiliki daya saing setanding dengan para usahawan dan peniaga di negeri lain. Kita juga membantu di dalam Tabung Pembangunan Usahawan Terengganu, bermula pada April 2004, sebaik sahaja Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih pentadbiran negeri, suntikan sebanyak RM2 juta kepada TPUT 2 (Tabung Pembangunan Usahawan Terengganu 2) yang dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan telah dibuat bagi membantu usahawan IKS dan peniaga kecil negeri yang telah diabaikan sekian lama. Pembiayaan melalui tabung ini merupakan alternatif kepada usahawan IKS dan perniagaan yang hanya berharap pinjaman daripada bank ataupun institusi kewangan. Sehingga kini lima skim TPUT 2 telah diaktifkan semula iaitu Skim Pinjaman Kecil (SPK), Skim Pinjaman Tanpa Faedah, Skim Pinjaman Peniaga Pasar Malam (SPPPM), Skim Pinjaman Usahawan Kilang dan Skim Murabahah *Working Capital Financing*. Dan telah ramai pengusaha-pengusaha yang telah mendapat pembiayaan ini sejumlah RM1.09 juta telah dikeluarkan bagi maksud ini. Kita akan berusaha dan kita akan membimbing usahawan-usahawan dan akan membantu usahawan-usahawan ini untuk memberikan pendedahan yang lebih baik lagi dan mengharapkan bahawa daya maju perniagaan mereka akan lebih baik dengan memberikan pengetahuan-pengetahuan tentang perniagaan yang terkini yang boleh kita terapkan kepada pengusaha-pengusaha ini. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan pandangan yang telah memberikan cadangan-cadangan yang membina kepada Kerajaan. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, silakan Wakil Kerajaan lagi.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu, semua Ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu yang telahpun mencadangkan peruntukan di dalam bidang pertanian yang begitu tinggi di dalam sejarah iaitu mencapai RM114 juta. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian saya juga ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih dan akan memberi perhatian yang begitu rapi di dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai Exco Pertanian kerana di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun memberitahu tentang peringatan mereka, kebimbangan mereka, harapan mereka dan maklumat mereka.

Dato' Yang Di Pertua, ada beberapa perkara yang saya akan jelaskan yang mana tidak ada di dalam buku Ucapan Bajet Tahun 2006 untuk pengetahuan bersama. Yang pertama, saya ingin menjawab kepada soalan yang telahpun ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Langkap mengenai masalah gajah yang dikatakan hampir tidak tahan dan ingin menembak gajah. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat menembak gajah adalah satu perbuatan yang dilarang dan jika menembak gajah hukumannya tidak lebih daripada RM5,000 dan 3 tahun penjara. Oleh yang demikian, oleh kerana kita mengamalkan dasar kasih kepada semua ataupun mesra alam. Adalah lebih baik kepada Ahli Yang Berhormat Langkap menembak orang yang telah meluluskan balak kerana gajah berkeliaran yang menyebabkan tidak ada makanan. (Tepukan Sokongan) Bukan sahaja balak bahkan dengan rotan-rotannya sekali tidak ada. Jadi perkara ini perlu diambil perhatian sebagai Yang Berhormat supaya ujian Allahtaala ini dipelajari dengan begitu betul dan tepat. Walau bagaimanapun saya bercadang supaya 3 Ahli Yang Berhormat di hadapan supaya janganlah ditembak kerana tidak ada mereka tidaklah ada lagi kesukaan di dalam Dewan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, laluan – Bakpe 3 saja, biasakan 4?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sebab yang satu lagi tidak ada. Seterusnya Dato' Yang Di Pertua, soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Manir yang mencadangkan supaya tanaman padi diteruskan. Saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kerana padi merupakan agenda utama Kerajaan Negeri Terengganu yang telahpun kita laksanakan sejak kita memerintah di mana beberapa pembaharuan telahpun dibuat termasuklah menggunakan alat mencedung yang lebih bersistem. Dari eksperimen ini sebanyak 15 hektar telahpun kita buat dan hasilnya telah meningkat kepada 1 metrik tan bagi setiap 1 hektar dengan pulangan sebanyak RM810. Pada tahun ini Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan penggunaan ini kepada 140 hektar lagi dan diharapkan harapan Kerajaan Negeri Terengganu untuk

menambahkan tambahan pendapatan kepada petani RM500 dan ke atas akan menjadi kenyataan.

Dato' Yang Di Pertua, mengenai masalah penyu Kerajaan Negeri telah memperuntukkan pada tahun 2004 dan 2005, sebanyak RM300,000 manakala pada tahun 2006 ditambah RM300,000 lagi termasuk RM5 juta untuk ternakan penyu. Dengan adanya tambahan yang sebegini besar kita harap warisan akan terus tidak pupus dan menjadikan Terengganu termasyhur.

Dato' Yang Di Pertua selain daripada itu, Wakil dari Tepoh membangkitkan soal untuk menambahkan limau. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan satu kawasan lagi seluas 905 hektar di Durian Mentangau untuk tujuan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa berhati-hati kerana dibimbangkan takut-takut terjadi masalah pemasaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan yakin bahawa perkara yang akan kita laksanakan ini adalah merupakan satu kajian yang sangat berhati-hati.

Kepada soalan daripada Wakil Telemong, Kerajaan juga telah meluluskan satu kawasan Santuari Ikan Keloh di Sungai Pertang kawasan Kenyir. Dan diharapkan dengan pemeliharaan Ikan Keloh ini akan menjadi lagi satu warisan yang telah dirosakkan dua, tiga – empat tahun dahulu kerana pencemaran air dapat kita laksanakan. Jadi yang demikian, Kerajaan telah memperuntukkan awal untuk infrastruktur sebanyak RM850,000 bagi tujuan ini dan akan diketuai oleh Ketengah, Perhutanan, Perhilitan dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Dato' Yang Di Pertua selain daripada itu, kita harap sebahagian daripada cadangan-cadangan kalau Wakil-wakil Rakyat kurang mendapat maklum saya bersedia untuk turun ke padang untuk memberi penjelasan serta menerima apa-apa cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuklah daripada Wakil Kerajaan dan juga Wakil Pembangkang. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kerajaan lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Saya ingin memulakan ucapan dengan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana membentangkan satu Bajet yang fokus dengan matlamat yang jelas, strategi yang berpijak di bumi nyata. Bajet hari ini merupakan kesinambungan perancangan dan dasar yang telah mantap. Bajet ini juga telah mengenalpasti penyakit di kalangan kita dan berusaha untuk mencari penawar penyakit itu. Penyakit yang dimaksudkan ialah kejahilan dan kemiskinan. Dato' Yang Di Pertua, kita tidak perlu pergi jauh untuk melihat kejahilan yang berlaku di kalangan masyarakat kita. Hanya dengar perbincangan daripada Pembangkang dengan jelas kelihatan menunjukkan kejahilan mereka di dalam hendak membincangkan hal-hal ekonomi. Dato' Yang Di Pertua, mereka cuba nak tunjuk pandai sebenarnya mereka menunjukkan kejahilan mereka

sendiri. Kalau mereka nak jahil seorang diri tak apa, Dato' Yang Di Pertua, tapi sebenarnya mereka mengajak pengikut-pengikut mereka untuk menjadi jahil sama-sama seperti mereka. Dato' Yang Di Pertua, ketika Kerajaan dan rakyat Terengganu maju ke hadapan pencapaian demi pencapaian dibuat. Kita lihat kejayaan UPSR, kita lihat kejayaan *Monsoon Cup*, kita lihat janji-janji dalam pilihan raya ditepati, kita lihat ketika Nicol David menjadi Jaguh Dunia, kita lihat anak-anak Terengganu menjadi Juara *Future's Racing* dan banyak lagi yang tidak perlu dibincang, Pas masih lagi menyanyi lagu-lagu lama. Lagu yang dinyanyikan semasa mereka menjadi Kerajaan, lagu yang mereka nyanyikan semasa pilihanraya, lagu yang mereka nyanyikan selepas kalah, lagu ini masih kedengaran di dalam Dewan yang mulia ini. Lagu apa Dato' Yang Di Pertua? Lagu yang melabelkan orang-orang Umno sebagai kafir, zalim, tharut, Yahudi, perompak, pengkhianat, dan berbagai-bagai macam lagi tanpa fakta-fakta yang jelas. Dato' Yang Di Pertua, lagu-lagu ini sudah tidak laku lagi, rakyat sudah tidak mahu dengar, rakyat sebenarnya sudah dengar dan rakyat sudah lihat dan rakyat sudah menolak. Rakyat menolak tahun 2004, rakyat menolak di Kuala Berang, dan dua hari lepas rakyat menolak di Pengkalan Pasir. Kenapa mereka menolak? Apabila mereka bercakap pasal rompak, tak laku sebab apa? Yang pertama, kerana rakyat mendapat menafaat daripada Dana Khas ini, mereka tahu mereka mendapat menafaat dekat raya, mereka tahu apabila anak-anak mereka nak pergi ke sekolah mereka mendapat bantuan, apabila mereka nak menghantar anak-anak ke asrama penuh Dana Khas memberikan bantuan meringankan beban mereka, apabila anak-anak mereka hendak pergi ke universiti, Dana Khas membantu meringankan beban ibu bapa mereka. Mereka tidak membantah dan mereka tidak mahu mendengar sebab Dana Khas ini mereka dapat melihat kejayaan 5A dengan perancangan yang baik dari sumber Dana Khas ini. Dato' Yang Di Pertua, nelayan juga tidak mahu dengar kerana nelayan mendapat subsidi bot, mendapat tukun-tukun baru dan mendapat pukuk-pukuk baru, kontraktor-kontraktor juga tidak mahu dengar sebab mereka mendapat rezeki daripada projek Dana Khas ini. Begitu juga dengan petani dan orang-orang miskin, yang hari ini kita lihat sudah tidak ada lagi atap-atap yang bocor dan dinding-dinding yang nak jatuh. Inilah menafaat Dana Khas dan mereka sanggup kata perompak. Sebab itulah Dato' Yang Di Pertua rakyat sudah menolak tetapi rakyat masih lagi belum lupa rakyat masih lagi tidak rela bagaimana wang Dana Khas yang diberi dan disalurkan kepada Sekolah Agama untuk peruntukan komputer sebanyak RM50 juta dirompak dan dirampas oleh Kerajaan Pas ketika itu. Rakyat belum lupa bagaimana anak-anak yang nak belajar *alif, ba, ta* dan nak belajar doa dihalau macam binatang. Mereka tidak pernah lupa bagaimana duit zakat diberi kepada anak-anak Exco, rakyat tidak rela dan rakyat tidak akan lupa. Jadi Dato' Yang Di Pertua, usahlah lagi menyanyi lagu-lagu lama ini, sudahlah kerana tidak laku lagi dah, orang tak mahu dengar lagi dah. Rakyat mahu mengubah nasib mereka, rakyat mahu bebas dari kemiskinan, rakyat mahu bebas dari kejahilan.

Dato' Yang Di Pertua, apabila dalam jawapan soalan *Monsoon Cup* belum lagi menyeluruh dengan ini saya mengambil peluang untuk menjawab sepenuhnya tentang apa yang berlaku di *Monsoon Cup*. Sebenarnya, *Monsoon Cup* ini tidak dilahirkan semena-mena ianya tidak boleh dipisahkan dengan dasar Kerajaan Islam Hadhari Terengganu Bestari. Kalau kita lihat pendekatan Islam Hadhari, bagaimana kita mahu pendekatan mesra, pendekatan yang seimbang, pendekatan yang berakhlak, pendekatan yang progresif dan inovatif, pendekatan yang cemerlang, pendekatan yang berilmu, pendekatan yang moden dan kontemporari. Dato' Yang Di Pertua, sebab itulah kita menggunakan segala pemikiran

yang kreatif dengan idea daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan gerakan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita menggunakan pemikiran yang kreatif, menggunakan sumber yang dianugerahkan oleh Allah untuk dapat mencari jalan penyelesaian. Dan, alhamdulillah, kalau kita tengok Pulau Duyong sejarahnya memang sebagaimana yang diperkatakan oleh Wakil Rantau Abang merupakan tempat industri membuat bot tradisi dan bot tradisi ini bukan dia datang semena-mena kerana 200 tahun yang lalu, rakyat Terengganu ini, darah kita ini darah warisan kaum pelayar yang belayar ke Cina dan belayar ke Thailand. Hari ini kita nak menghidupkan balik warisan yang berguna ini dengan ilmu yang berguna ini kerana ilmu yang hilang dari tangan kita merupakan ilmu milik orang Islam. Begitu juga kita lihat sumber musim tengkujuh, apabila sampai musim tengkujuh kita duduk rumah belaka, kita tidak menggunakan sepenuhnya menafaat yang ada di musim tengkujuh. Tuhan tidak pernah sebagaimana Perdana Menteri kata: "Tuhan tidak pernah memberi bencana kepada kita hanyalah halangan dan terpulang kepada kemahiran kita untuk menghadapi halangan yang datang itu." Sebab itulah kita menggunakan sepenuhnya sumber yang ada ini untuk menafaat rakyat sebab itulah kita adakan *Monsoon Cup* di musim tengkujuh. Apakah matlamatnya? Matlamatnya, pertama ialah untuk memecahkan halangan psikologi terhadap Terengganu di musim tengkujuh. Kalau kita lihat di musim tengkujuh nelayan tidak pergi ke laut, petani tidak pergi ke bendang dan orang-orang yang berniaga di tepi-tepi jalan semuanya merungut kerana tidak ada hasil kerana tidak ada pelancong yang datang ke Terengganu, walaupun kita tahu musim tengkujuh bukanlah seteruk mana. Yang kedua, matlamatnya ialah untuk mengantarabangsakan Terengganu dan hari ini saya nak buktikan bagaimana tanpa kita buat bagaimana sebuah website *Swedish Match Tour* saya nak baca dengan izin Dato' Yang Di Pertua, dia tulis dalam bahasa Inggeris saya cuba terjemahkan: "Apa yang membezakan *Monsoon Cup* ini dengan pertandingan lain ialah kebudayaan. Negeri Terengganu di Pantai Timur Malaysia ialah sebuah negeri Islam. Apabila kalau kita bangun di waktu subuh atau berjalan di waktu subuh kita akan mendengar suara azan memanggil orang sembahyang. Kita lihat wanita-wanita bertudung tidak ada arak, tidak ada *wine*, tidak ada alkohol. Tidak pernah dalam sejarah kita melihat sebuah regatta yang kering, apa yang dimaksudkan dengan kering ialah tidak ada arak, kita tidak bercakap pasal air di atas *deck*. Ini adalah satu pujian yang dibuat kepada Negeri Terengganu. Matlamat yang ketiga, kita mahu menjadikan sukan sebagai pemangkin kepada kegiatan ekonomi termasuk memajukan industri-industri pembinaan bot. Dato' Yang Di Pertua, kadang-kadang kita kellru dengan apa yang ditimbulkan oleh Pembangkang, sekali dia kata kita perlu menjana sumber kewangan sendiri tapi apabila kita buat untuk menjana ekonomi sendiri dia pulak kata tak betul, jadi inilah apa yang dikatakan bercakap berasaskan kejahilan. Dengan memangkinkan pelancongan maka dengan itu satu industri baru akan tumbuh di Negeri Terengganu ini. Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi kita hanya mengambil tempoh masa 4 bulan untuk melaksanakannya, bukan senang, ini merupakan cabaran Perdana Menteri kepada rakyat Negeri Terengganu. Dan alhamdulillah, dengan pendekatan mesra kita kepada *Swedish Match Tour* pada bulan sembilan kita menandatangani dengan mereka, dua bulan sebelum pertandingan. Dan saya nak maklum bahawa T-Best mendapat francise bukan sahaja di Duyong, T-Best mendapat francise untuk menganjurkan *Swedish Match Tour* di seluruh Asia. (Tepukan Sokongan) Ini bermakna kalau Korea nak buat *Swedish Match Tour* mereka terpaksa mari mengadap T-Best dahulu. Begitu juga pembohongan yang mengatakan bahawa tidak ada penglibatan kontraktor tempatan sebagaimana yang saya jelaskan tadi bagaimana

kesungguhan orang-orang Suterasemai yang bekerja bertungkus-lumus, semua barang-barang dia, pokok-pokok dia habis, terpaksa mari daripada Johor, mari daripada Kuantan kerana lakunya pokok-pokok untuk ditanam di Pulau Duyong itu. Dan Dato' Yang Di Pertua, hasilnya hari ini oleh kerana kejayaan *Monsoon Cup*, berjaya ditonton oleh beribu orang manusia maka hari ini penaja-penaja dan hari ini kita bukan bercakap penaja TDM, atau EPIC atau GPQ, kita bercakap pasal penaja BMW, kita bercakap pasal *Zegna*, semua ini branding-branding antarabangsa yang sanggup datang ke Terengganu untuk menaja *Monsoon Cup* ini. Begitu juga kita lihat bilik-bilik hotel yang penuh dan hari ini sudah ramai pelabur-pelabur yang nak buat hotel dan datang berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Begitu juga dengan peruntukan sebanyak RM5 juta yang diberikan oleh penganjur untuk membangun industri bot tradisional. Dato' Yang Di Pertua, kadang-kadang kita keliru antara *Monsoon Cup* dengan pembangunan Pulau Duyong, hasil daripada *Monsoon Cup* ini hadiah yang diberi oleh Perdana Menteri, hadiah istimewa yang kita tidak janji dalam manifesto yang mana Perdana Menteri pada satu ketika datang ke Terengganu dan memberitahu bahawa kita akan membawa pembangunan yang tidak pernah dilihat oleh rakyat Terengganu, inilah yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau boleh diizinkan kepada saya untuk menunjukkan video klip tentang Pembangunan Pulau Duyong untuk seketika.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Berapa lama Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): 5 minit, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ini merupakan sebahagian Penggulangan?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Merupakan sebahagian Penggulangan, untuk memendekkan Penggulangan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila.

..... **[Tayangan Video Pembangunan Pulau Duyong]**

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua atas keizinan. Jadi jelas bahawa Pembangunan Pulau Duyong ini merupakan hadiah istimewa daripada Kerajaan Persekutuan kepada rakyat Terengganu. Kerajaan Terengganu tidak perlu keluar satu senpun untuk pembangunan ini tetapi harta-harta itu merupakan milik Kerajaan Terengganu. Dato' Yang Di Pertua, kita juga melihat bagaimana manfaatnya untuk perumahan kepada rakyat, Kondo Rakyat yang luasnya 850 kaki persegi. Bagaimana kita buat pangkalan nelayan supaya nelayan dapat menjual terus tangkapan mereka di pangkalan nelayan dan berbagai-bagai kemudahan yang diberi kepada rakyat.

Dato' Yang Di Pertua, sudahlah pasal *Monsoon Cup* itu, beberapa isu lagi yang hendak saya jawab berkenaan yang ditimbulkan oleh Pembangkang yang tidak berpuas hati apabila soalan dijawab dia timbul lagi dalam Perbahasan mereka iaitu Loji Air di Kampung Gaung.

Mereka menuduh Kerajaan mencerooboh tanah rakyat, saya nak beritahu fakta. Fakta pertama, Syarikat Air Terengganu ataupun SATU telah membuat permohonan tanah tersebut kepada Pejabat Tanah Hulu Terengganu bagi tujuan pengambilan balik pada 11hb. Julai 2000, SATU yang dipengerusikan oleh Wakil daripada Rhu Rendang pada ketika itu telah menghantar permohonan kepada Pejabat Tanah Hulu Terengganu pada tahun 2000, tahun 2004 takdok benda lagi. Pada ketika itu 50,000 rakyat Kuala Berang menangis dengan masalah air, menangis kerana Kerajaan pada ketika itu tidak peduli langsung apa yang dirasakan oleh rakyat ketika itu sebab itulah kontraktor mengambil keputusan untuk masuk, daripada 8 lot yang dimaksudkan hanya 1 lot sahaja yang membantah. Jadi sebab itulah saya kata jika sekiranya ianya memberi menafaat kepada 50,000 kalau dia nak saman Kerajaanpun samanlah demi kepentingan rakyat Terengganu.

Dato' Yang Di Pertua, isu-isu lain lagi yang

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Di Pertua – Ada kemungkinan ataupun tidak yang Pengerusi SATU ketika itu tak tahu apa yang dilakukan oleh anak buah dia ataupun tak tahu benda satu masa itu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya tak tahulah, laporan-laporan daripada pegawai, apabila mari mesyuarat, lepas "Assalamualaikum", tidur.

Seterusnya isu yang ditimbulkan Dato' Yang Di Pertua ialah dengan Bestari.Com. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ke tak cukup tidur sebab berbini ramai ni?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Itu masalah peribadi dia.

Dato' Yang Di Pertua, mengenai Bestari.Com ini merupakan satu-satunya usaha Kerajaan untuk menjadikan masyarakat celik IT dan kita tahu bahawa penggunaannya hari ini begitu meluas sekali dan kita masih lagi mahu supaya penggunaannya dapat dimaksimumkan semaksimum mungkin. Mungkin masalah keselamatan itu bolehlah diselesaikan sendiri oleh Wakil-wakil Rakyat Kawasan.

Masalah pembangunan di Kuala Berang. Sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, kalau orang boleh bersabar sedikit, pembangunan Kuala Berang akan menjadi dengan izin, *natural growth* tidak *artificial growth*. Saya berkata demikian kerana Kuala Berang menjadi pintu masuk daripada utara dan daripada barat sebab daripada Simpang Pulai ke Kuala Berang, daripada Kuantan ke Telemong dia akan dengan sendirinya akan membangunkan Kuala Berang dengan pembangunan semula jadi.

Begitu juga Dato' Yang Di Pertua, beberapa isu lagi yang dibangkitkan yang mengatakan bahawa sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Manir dia kata Bajet Nabi Yusof dengan Bajet hari ini berbeza sebab Bajet kita Bajet Seimbang. Barangkali Wakil daripada Manir

tidak baca muka surat 41, peruntukan sebanyak RM150 juta untuk Tabung Warisan yang dibuat tahun lepas demi untuk menjamin supaya apabila kita susah masa depan kita dapat menggunakannya. Dato' Yang Di Pertua, begitu juga Wakil daripada Batu Burok yang mengatakan Dana Khas ini tidak dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan. Satu lagi membayangkan kejahilan mereka bahawa sebenarnya Dana Khas itu dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan. Wakil daripada Wakaf Mempelam bimbang Pulau Wan Man dicagarkan, Dato' Yang Di Pertua, tak usahlah mereka-reka cerita, Pulau Wan Man tidak pernah dan tidak akan ditukar milik daripada Kerajaan Negeri. Mengenai masjid di Duyong, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya memang pernah dalam sibuk-sibuk hari itu pergi sembahyang di Duyong memang penuh dan menasabah kalau diperbesarkan masjid itu ataupun dibuat masjid baru. Berkenaan dengan jambatan di Pulau Sekati ataupun jambatan yang menyambungkan Tanjung dengan Syahbandar, sebenarnya Jambatan Pulau Sekati sudah ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan jambatan daripada Tanjung ke Seberang Takir itu memang ada dalam Rancangan Pembangunan Terengganu, kita akan buat satu saja hak mana satu tak tahu lagi. Jadi Dato' Yang Di Pertua, itu sahajalah secara ringkasnya yang ingin saya mengambil peluang untuk menggulung supaya dapat menjelaskan isu-isu yang ditimbulkan. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan lagi Wakil Kerajaan.

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati dalam dan luar.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan di sini pertama-tamanya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Di Pertua kerana memberi peluang dan ini kali kedua saya berucap sepanjang sesi perbincangan daripada bermula 5 haribulan tidak ada, 6 haribulan tidak ada, 7 haribulan tidak ada, dan alhamdulillah ini kali kedua selepas pagi tadi sempat menjawab satu soalan. Ini memberi satu ruang dan peluang kepada saya untuk menyaksikan perjalanan Persidangan yang bermula pada 5 haribulan bermula dengan pembentangan dan seterusnya Perbahasan dan soalan-soalan yang dikemukakan. Saya melalui kesempatan ini sebagaimana menjadi tugas dan tanggungjawab saya yang bertanggungjawab kepada Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan juga Warisan yang ada hubungkait dengan budaya. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Wakil-wakil Kerajaan yang telah membahaskan ucapan yang begitu bernas sekali di sesi Persidangan ini. Ini menggambarkan bahawa Wakil-wakil Kerajaan mempunyai fokus, mempunyai tumpuan kepada apa yang seharusnya dibawa dan seharusnya dibincang di dalam Dewan yang mulia ini demi untuk kepentingan rakyat yang di bawah jagaan masing-masing. Dan ianya amat berbeza daripada apa yang dilaksanakan oleh Wakil Pembangkang yang tidak habis-habis daripada awal-awal lagi bukan di sesi ini sahaja malah sesi-sesi yang lepas terutamanya Wakil daripada Wakaf Mempelam yang sentiasa menunjukkan belang, yang sentiasa mengeluarkan kata-kata yang kesat dan kata-kata yang tidak patut. Walaupun mereka ini bercakap tentang memperjuangkan Islam ataupun perjuangan yang dibawa oleh mereka dahulu adalah berlandaskan perjuangan 'Membangun

Bersama Islam' dan menidakkan perjuangan, menidakkan pendekatan nilai yang dibawa oleh Kerajaan pada hari ini yang memberi penekanan kepada pembangunan yang berteraskan prinsip nilai Islam Hadhari yang mempunyai lapan prinsip berkenaan. Mereka bermati-matian mengatakan bukan Islam Hadhari tetapi Hadharah Islamiahlah yang menjadi perjuangan yang dibawa oleh kumpulan mereka. Adakah cara yang dibawa ini memberi gambaran bahawa mereka ini berjuang atas landasan perjuangan Islam ataupun berprinsip sebagai sebagaimana yang dikatakan berprinsip Hadharah Islamiah tapi saya saksikan memang cara yang dibawa adalah orang kata jauh sekali, tidak tamadun, kalau boleh saya katakan. Begitu jauh menyempit dan terus mengongkong kepada pemikiran rakyat yang seharusnya mereka sebagai seorang Wakil Rakyat yang berjuang membela rakyat sebagaimana yang dibawa hari ini melalui pembentangan Bajet yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang merangkumi semua aspek, semua golongan, semua bentuk elemen pembangunan masyarakat hari ini sama ada pembangunan masyarakat ataupun pembangunan infrastruktur itu sendiri. Tetapi jelas mereka ini tidak mampu berjuang, saya nampak kesianlah, *nyanyalah* kepada rakyat di bawah jagaan mereka, rakyat yang memberi kepercayaan kepada mereka daripada kawasan Batu Burok, daripada kawasan Rhu Rendang lebih-lebih lagi, daripada kawasan Wakaf Mempelam, juga daripada kawasan Manir dan tidak seharusnya ini yang dibawa, seharusnya sebagai Wakil Rakyat kena berjuang untuk kepentingan rakyat bukan berjuang atas kepentingan peribadi. Sebagaimana Bajet yang kita teliti melalui Bajet-bajet yang dibentangkan oleh yang dahulu-dahulunya terutamanya pada proses pembangunan manusia, pembangunan insan yang dikemukakan oleh Wakil daripada Kemasik tadi yang mengatakan berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan hari ini untuk membantu Badan-badan NGO's dan yang terdahulu jelas saya katakan bahawa melalui Kerajaan dahulu memang tidak ada, tidak ada satu senpun, tidak ada satu peruntukkanpun. Bukan kepada Badan-badan NGO's sahaja begitu juga melalui Badan-badan Belia dan juga Badan-badan Kebudayaan dan sebagainya. Yang ada kepada untuk nak memperkuatkan misi perjuangan agenda politik yang nak memecahbelahkan masyarakat yang diperjuangkan oleh kelompok Pas ini. Tahniah kepada Wakil Kerajaan sekali lagi.

Alhamdulillah, saya melalui perbincangan ataupun Perbahasan Ucapan Bajet tidak banyak disentuh melalui portfolio saya. Yang saya sempat mencatat ada dua-tiga perkara, yang pertamanya daripada Wakil Hulu Besut dalam soal yang ada hubungkait dengan proses pembangunan insan yang ada hubungkait daripada permulaannya lagi iaitu dengan menyediakan kemudahan yang dikatakan kompleks sukan ataupun kompleks komuniti. Kita dapati melalui maklumat yang diberi mengikut perancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan, oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pihak Kementerian Belia dan Sukan memperuntukkan sebanyak di antara RM2 juta hingga ke RM3 juta bagi pembinaan Kompleks Sukan Komuniti di setiap kawasan DUN. InsyaAllah, melalui kemudahan-kemudahan ini akan dilengkapi gelanggang futsal, yang ada komponen gelanggang takraw, badminton dan juga jenis-jenis indoor lain yang akan di*integrate*kan sama dalam program pembangunan ini. Dan juga yang disuarakan oleh Wakil daripada Langkap yang bercakap tentang Sekolah Sukan. Saya perolehi maklumat daripada Jabatan Pelajaran yang memaklumkan bahawa yang sebenarnya bukan Sekolah Menengah Pelong dicadang untuk dijadikan Sekolah Sukan yang sebenarnya adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Nenas yang kita lihat sendiri memang dah ada astaka, dah ada padang yang cukup luas untuk dijadikan trek larian dan sebagainya. Dan

insyaAllah, di Sekolah Menengah Bukit Nenas ini mengikut perancangan Jabatan Pelajaran akan membuat pengambilan pertama kepada atlit-atlit daripada tingkatan 1 dan juga tingkatan 4 bermula tahun 2006. Ini menampakkan bahawa betapa prihatinnya Kerajaan, betapa bersungguhnya pihak Kerajaan mengikut apa yang dibahas, dibincang adalah untuk membangunkan masyarakatnya yang ada hubungkaitnya. Begitu banyak lagi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk sukan kecergasan dan sebagainya.

Alhamdulillah, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada anak Terengganu yang mana kita 13 orang menyertai Kejohanan Sukan SEA yang baru berlalu di Manila. Daripada 13 orang, 4 orang daripada wakil Terengganu telahpun merangkul Pingat Emas (Tepukan Sokongan) di mana yang pertamanya ialah Mohamad Hasrul daripada Persatuan Angkat Berat. Yang keduanya, Mohamad Nafizan melalui acara Squash, walaupun kemudahannya tak banyak kita mampu melahirkan jaguh-jaguh yang bertaraf Asia Tenggara dan insyaAllah akan sampai ke peringkat international ataupun antarabangsa dan inilah perancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Selain daripada itu Mohamad Tasmin untuk acara Lumba Basikal, kita juga mempunyai jaguh dalam Sepaktakraw iaitu Mohamad Firdauz juga memperolehi Pingat Emas dalam Pasukan Regu Takraw ini. Di samping itu, kita memperolehi satu Pingat Perak dan juga empat Pingat Gangsa. Ini melambangkan sebagaimana selaras dalam perjuangan yang dibawa hari ini oleh pihak Kerajaan membangunkan masyarakat yang mana ianya juga menjadi agenda yang tidak kurang pentingnya bukan kepada agenda pembangunan material, tetapi agenda pembangunan masyarakat itu diberi tumpuan. InsyaAllah, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada proses pembangunan ini sebagaimana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan yang saya nak nyatakan kepada pihak sebelah sana yang ada 3 orang sahaja wakilnya yang sepatutnya 4 orang, alhamdulillah, melalui sesi ini semua sekali ada, kalau sesi dulu mari sebelah pagi tapi masa nak gulung memang tidak ada sesi-sesi yang lepas tapi hari ini baguslah kerana ada tapi satu daripada awalnya tidak ada tidak tahulah ke mana pergi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, dia dah maklum kepada Yang Di Pertua. Teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua. Melalui program pembangunan yang disediakan peruntukan oleh Kerajaan pada hari ini, saya nak nyatakan melalui sektor Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan juga Warisan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM5.25 juta untuk program pembangunan tahun hadapan. Untuk Pembangunan Belia, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM22.455 juta. Untuk Pembangunan Sukan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.02 juta. Dan untuk membantu Badan-badan NGO's, alhamdulillah kita meningkat sikit daripada tahun lepas peruntukan yang disediakan sebanyak RM0.58 juta menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM31.305 juta. Ini tidak termasuk yang menjadi *flagship* kepada Kerajaan yang menyediakan kemudahan prasarana, kemudahan-kemudahan tempat sebagaimana yang kita ketahui Kerajaan terus menyediakan peruntukan kepada pembangunan Kompleks Sukan Gong Badak. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan lain juga di setiap tempat yang tak sempat saya nak ulas melalui soalan-soalan yang dikemukakan, kita menyediakan banyak kemudahan melalui pembangunan hari ini ke setiap daerah-daerah yang ada dalam Negeri Terengganu

ini. Ini menggambarkan betapa bertanggungjawabnya Kerajaan hari ini, betapa bersungguhnya pihak Kerajaan hari ini berusaha untuk membantu kepada proses pembangunan rakyat. Alhamdulillah, ini menjadi perkara yang begitu mustahak, Kerajaan menjadikan hari ini dalam proses pembangunan memberi keyakinan kepada masyarakat, Kerajaan memperkatakan bahawa dalam meneroka kejayaan tidak ada halangan, insyaAllah, rintangan bukan menjadi kegagalan kepada segala usaha yang akan dijayakan oleh pihak Kerajaan. Jadi setakat itu daripada saya Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Wakil Kerajaan lagi untuk menggulung.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahirrahmanir-rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di dalam sesi Penggulangan Bajet kali ini saya juga ingin mengambil bahagian untuk mengupas atau mengulas serba sedikit apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan dan juga Pembangkang berkaitan dengan portfolio saya.

Dan sebelum itu saya juga ingin mengulas sedikit berkaitan dengan Bajet 2006 ini yang kalau kita lihat ialah satu Bajet yang seimbang, yang juga kalau kita lihat adalah yang terbaik yang pernah dibawa di dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Angkanya yang saya kira berjumlah RM1.55 bilion ini adalah merupakan angka yang terbesar yang pernah dibawa dan meliputi semua aspek pembangunan sama ada aspek pembangunan infra, sosial mahupun pembangunan insan. Dan, ini adalah satu Belanjawan yang saya kira merupakan Belanjawan yang mengambil kira pandangan-pandangan daripada masyarakat daripada bawah untuk dikembalikan kepada rakyat juga. Justeru itu, kita berharap Bajet ini akan mendapat sokongan daripada semua pihak termasuklah daripada Pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkaitan dengan sektor perindustrian adalah merupakan juga satu sektor yang penting. Walaupun kita lihat pada Bajet tahun ini sektor perindustrian tidak berapa menyerlah dari segi peruntukannya ini adalah kerana Kerajaan memberi tumpuan kali ini pada sektor pertanian. Sungguhpun begitu, kalau kita lihat dalam tahun ini kita juga dapat menarik pelabur-pelabur asing datang ke Terengganu dan kita lihat dalam tahun 2005 ini sejumlah RM276 juta telah dibawa masuk ke Negeri Terengganu ini. Dan, kalau kita lihat dari segi pelaburan dalam negeri pula kita berjaya menarik lebih kurang RM196 juta dan yang membawa peluang pekerjaan sebanyak 2,500 orang. Dan, ini menunjukkan kejayaan walaupun tidak seberapa kalau nak dibandingkan dengan tahun sebelumnya, sebelum Pas memerintah dahululah. Sungguhpun begitu kita sudah nampak ada kejayaan yang meningkat dan untuk itu kita masih berusaha untuk membuat promosi-promosi pelaburan yang juga meliputi penganjuran-penganjuran rombongan di luar negara. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada tahun ini saja kita juga telah mengadakan misi rombongan dagang ke luar negara termasuk di Singapura, di Australia misalnya, di Cina dan ini telah membuka ruang kepada rakan-rakan kongsi kita daripada luar negara bersama-sama syarikat dalam negara untuk melabur di Negeri Terengganu ini. Program ini kita akan teruskan lagi pada tahun 2006 dan kita jangka untuk itu kita telah menyediakan beberapa tapak kawasan baru untuk kita majukan di Negeri

Terengganu ini. Beberapa kawasan baru yang akan kita majukan termasuklah kawasan di Kerteh, apa yang kita panggilkan Lot Q, dan juga di kawasan Gong Badak, apa yang kita panggilkan Kawasan Gong Badak Tambahan dan ini kita jangkakan akan dapat meningkatkan lagi pelaburan-pelaburan ke Negeri Terengganu ini. Misalnya, untuk kawasan Lot Q ini yang kita menjangkakan untuk menampung syarikat-syarikat IKS, Kerajaan Negeri di dalam Bajet tahun ini telah memperuntukkan lebih kurang RM8 juta dan ini sedikit sebanyak akan mempercepatkan proses menyediakan kawasan perindustrian ini. Kerajaan Negeri juga yang saya kira amat mesra pelabur telah mengambil inisiatif juga untuk membina satu jambatan bertingkat di kawasan Perindustrian Teluk Kalong untuk mengelakkan kesesakan lalulintas dan juga menjaga keselamatan pekerja-pekerja di kawasan perindustrian tersebut. Untuk permulaannya peruntukan sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan dan kita harap projek ini akan dapat dipercepatkan untuk menyenangkan kawasan tersebut dilalui oleh lori-lori dan juga kenderaan-kenderaan berat di kawasan tersebut. Satu lagi dasar ataupun perubahan dasar yang akan dibuat pada tahun hadapan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ialah berkaitan dengan kawasan industri juga di mana Kerajaan Negeri akan mengkaji semula kawasan-kawasan industri yang dahulu dibangunkan secara penswastaaan yang sekarang ini tidak mendapat sambutan daripada pelabur-pelabur. Untuk menyeragamkan permintaan pelabur-pelabur daripada luar negara mahupun di dalam negara, permohonan-permohonan untuk tapak industri yang ada sekarang ini sama ada swasta mahupun yang dimiliki oleh Kerajaan akan diselaraskan dan diproses melalui UPEN. Kerajaan Negeri berharap kawasan-kawasan ini boleh dipercepatkan pertumbuhannya. Satu lagi perkara yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan Dato' Yang Di Pertua ialah berkaitan dengan industri-industri yang sekarang ini ditapakkan di atas tanah-tanah TOL yang berselerak di beberapa daerah termasuklah di Kuala Terengganu, di Kemaman, di Dungun yang kita rasakan menjadi masalah kepada orang ramai. Kita juga akan kenalpasti kawasan ini dan kita akan jadikan kawasan-kawasan tersebut jika sesuai sebagai kawasan industri yang dilesenkan ataupun yang dirancang dengan baik supaya kita dapat mengadakan infrastruktur yang baik untuk syarikat-syarikat yang ada ini. Kita berharap dengan adanya perancangan yang baik ini insyaAllah sektor industri akan dapat menyumbang dengan lebih banyak lagi kepada ekonomi Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin menyentuh serba sedikit berkait dengan sektor pelancongan yang di bawah bidang saya yang walaupun telah diulas serba sedikit oleh beberapa Yang Berhormat khususnya berkaitan dengan *Monsoon Cup* tadi. Ada lagi perkara yang banyak yang boleh dibangkitkan berkaitan dengan sektor ini yang saya kira sekarang ini menjadi satu daripada *catalyst* yang besar untuk membangun Negeri Terengganu ini. Kita lihat pada tahun 2005 ini sektor pelancongan ini telah berkembang dengan baik sekali, dengan amat positif yang kita lihat kehadiran pelancongnya telah meningkat begitu baik sekali. Dan indikator kepada pembangunan sektor pelancongan ini adalah kehadiran pelancong. Jadi kita lihat pada tahun 2003 hanya lebih kurang 1.38 juta pelancong sahaja yang hadir. Dalam tahun 2004, lebih kurang 1.58 juta hadir ke Terengganu ini tetapi pada tahun 2005 ini sehingga bulan Oktober kita telah dapati seramai 1.598 juta orang sudah datang ke Terengganu ini sehingga bulan Oktober iaitu peningkatan sebanyak 17.5 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya dan kita jangka dengan mengambil kira kehadiran pelancong-pelancong khususnya pelancong asing baru-baru ini semasa *Monsoon Cup* dan sebagainya kita akan dapat melebihi atau melepasi jangkakan kita

kenaikan sebanyak 20 peratus yang kita jangkakan untuk tahun 2005 ini. Dato' Yang Di Pertua, sektor pelancongan juga akan diberi tumpuan sepenuhnya mulai daripada tahun ini sehinggalah tahun 2008 iaitu Tahun Melawat Terengganu. Kita juga Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam usaha-usaha untuk mempromosi Terengganu sebagai negeri yang patut dilawati kita telah mengadakan banyak penganjuran-penganjuran khususnya dalam acara-acara pelancongan yang bertaraf antarabangsa mahupun bertaraf kebangsaan dan telah sedikit sebanyak berjaya merancakkan semula sektor ini dan telah berjaya mewujudkan dengan izin, *awareness* ataupun kesedaran di kalangan pelancong yang Terengganu itu wujud di dalam peta pelancongan. Sepanjang tahun 2005 kita telah mengadakan lebih kurang tujuh acara yang boleh dikirakan acara peringkat antarabangsa. Antaranya termasuklah yang kita sebut Pesta Candat Sotong yang kita adakah di Pulau Redang dan secara tak langsungnya kita memperkenalkan Pulau Redang. Yang keduanya, kita adakah Kapas-Marang International Swimathon di Pulau Kapas yang juga dengan sendirinya memperkenalkan Pulau Kapas ini kepada pelancong-pelancong asing kepada seluruh dunia. Ketiga, kita adakan Kenyir Lake International Triathlon yang diadakan di Pengkalan Gawi di Hulu Terengganu dan dengan sendirinya kita memperkenalkan Hulu Terengganu kepada pelancong-pelancong luar. Kita adakan juga Tasik Kenyir Mountain Bike juga diadakan di Pengkalan Gawi. Kita adakan Perhentian Island Challenge yang diadakan di Pulau Perhentian dan dengan sendirinya juga memperkenalkan Pulau Perhentian. Dan, baru-baru ini kita adakan Monsoon Cup Terengganu yang saya rasa tak perlu saya ulas lagi telah diulas dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Exco Infra tadi yang juga ditunjuk dipapar di skrin tadi. Dan yang akhir adalah Terengganu 4 x 4 Rainforest Challenge ini juga merupakan satu acara antarabangsa yang melibatkan kenderaan-kenderaan empat roda yang juga tidak kurang pentingnya tetapi sedikit sebanyak telah terkebelakang disebabkan oleh Monsoon Cup Challenge yang begitu hebat dari segi pelancarannya, dari segi kempennya. Sungguhpun begitu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin sebutkan di sini sedikit untuk makluman kita bersama yang Rainforest Challenge ini juga merupakan satu acara yang penting, yang besar, yang melibatkan 120 orang peserta dari seluruh dunia, sekurang-kurang 25 buah negara di seluruh dunia ini termasuklah daripada negara-negara EU, negara-negara Cina, Mexico, Afrika, Australia dan sebagainya. Dan mereka ini merancang untuk datang ke Terengganu sudah 2 – 3 bulan sebelum ini dan ada satu peserta daripada Mexico terpaksa oleh kerana lambat mereka membuat perancangan terpaksa mengangkut kenderaan pacuan empat roda mereka itu melalui kapal terbang, ini menunjukkan satu keghairahan mereka untuk bertanding acara ini di Negeri Terengganu yang merupakan tempat final dari segi acara 4 x 4 Challenge ini, Terengganu dijadikan tempat final dan apabila ditanya baru-baru ini daripada peserta-peserta ini mereka mengatakan Terengganu Rainforest Challenge ini merupakan *adventures* yang paling mencabar berbanding dengan apa yang mereka lalui di tempat-tempat lain khususnya di kawasan Kenyir. Mereka melalui di kawasan ini dan sebahagiannya telah tersangkut di kawasan tersebut baru-baru ini sehinggakan tidak dapat sampai dalam masa yang ditetapkan sehinggakan mereka terlewat untuk hadir di Jamuan Makan Malam bersama-sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu baru-baru ini. Ini menunjukkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, betapa banyaknya kawasan-kawasan yang sesuai, yang baik, yang boleh kita jual ataupun dapat kita promosikan sebagai kawasan pelancongan di Negeri Terengganu ini.

Sepertimana juga *Monsoon Cup* itu yang telah disebutkan tadi insyaAllah, melalui beberapa acara international, dalam peringkat kebangsaan juga insyaAllah kita akan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong datang ke Terengganu ini selaras dengan cadangan kita untuk menganjurkan Tahun Melawat Terengganu 2008. Sebagai susulan kepada penganjuran Tahun Melawat Terengganu 2008 ini pada tahun hadapan Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sedikit Bajet sebanyak lebih kurang RM800,000 untuk pastikan kita dapat mempromosikan Tahun Melawat Terengganu ini dengan lebih baik lagi, dengan lebih terancang. Dan kita jangka kita akan dapat sebelum sampai sebagai *prelude* kepada Tahun Melawat Terengganu ini kita akan dapat meningkatkan kehadiran pelancong ke Negeri Terengganu ini mulai pada tahun hadapan lagi. Kita jangka kita akan dapat meningkatkan kepada 25 peratus daripada pelancong yang kita dapat pada tahun ini. Dato' Yang Di Pertua, sepanjang tahun 2005 ini beberapa projek besar, projek berasaskan pelancongan telah dimulakan ini termasuklah Projek Grand Bazaar di hadapan Pasar Kedai Payang, Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man, Pembangunan Pulau Duyong sendiri dan beberapa projek lain lagi yang apabila kita integrasikan dengan Projek Persisir Sungai di Kampung Balik Bukit akan dapat mengintegrasikan Bandar Kuala Terengganu sebagai suatu bandar yang juga sesuai dipromosikan sebagai Bandar Pelancongan. Dijangkakan bandar ini apabila siap dengan semua projek-projek mega ini akan mampu bersaing sepertimana Bandar Paris, Venice mahupun London. Kita mahulah berjiwa besar dan kita berharap Terengganu juga boleh dijadikan satu daripada bandar yang akan kita promosikan untuk dilawati oleh pelancong-pelancong asing ini. Dalam masa yang sama produk-produk pelancongan yang lain yang sedia ada akan dibuat penambahbaikan, akan kita tingkatkan keselesaan pengunjungnya termasuklah menyediakan tandas-tandas awam, bilik-bilik persalinan, tempat-tempat berehat, laluan pejalan kaki dan sebagainya. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah membelanjakan lebih kurang RM1/2 juta untuk kemudahan asas di Sekayu yang telah dibangkitkan semalam oleh Wakil daripada Kuala Berang yang mengatakan kawasan Sekayu itu mungkin kurang baik sekarang ini dan kita telah mengadakan peruntukan ini di samping peruntukan sebanyak RM8 juta lagi pada tahun hadapan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas ini dan ini tidak termasuk lagi peruntukan yang dikeluarkan ataupun yang diadakan di bawah Penguasa-Penguasa Tempatan ataupun Majlis-Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada promosi yang dibuat Kerajaan Negeri juga telah menerima banyak permohonan untuk mendirikan hotel-hotel dan bilik-bilik penginapan di Terengganu ini dan setakat ini Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan lima projek pembinaan hotel baru dan resort di seluruh Negeri Terengganu ini dan sekiranya kelima-lima ini berjalan lancar kita akan dapat menambah lebih kurang 600 buah bilik lagi dan ini insyaAllah akan dapat menampung keperluan-keperluan pelancong yang kita kira sekarang ini amat mendesak. Kita lihat pada musim-musim tertentu, cuti sekolah dan sebagainya bilik hotel penuh masa *Monsoon Cup* sahaja kita lihat hotel penuh kalau tak penuhpun hampir penuh semua hotel-hotel yang bertaraf 3 bintang, 4 bintang, 5 bintang dan kita harap dengan pembinaan hotel ini kita akan dapat menampung keperluan-keperluan tambahan yang insyaAllah akan datang pada tahun 2006, 2007 dan berikutnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu sahajalah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ucapan saya dalam sesi Penggulangan ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan yang membangkitkan cadangan dan insyaAllah pada tahun hadapan sepertimana

yang disarankan oleh Yang Berhormat Kuala Berang saya akan pergi melawat ke banyak tempat lagilah ke kawasan-kawasan peranginan bukit dan sebagainya sebab tahun ini sibuk sikit dan tak dapat melawat semua sekali. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat dan saya persilakan lagi Wakil Kerajaan untuk membuat Penggulangan seterusnya. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Syukur alhamdulillah, saya turut saya menyokong Ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 5 haribulan yang lalu dan ini bukan sahaja merupakan Bajet yang terbesar dalam sejarah Negeri Terengganu tetapi merupakan Bajet yang pertama dalam sejarah negara dan negeri-negeri di dalam Malaysia ini yang mana peruntukan Pembangunan mengatasi Belanjawan Mengurus. Tidak pernah berlaku di mana-mana negeri malah di Malaysia sendiri bahawa Belanja Mengurus memberikan sebanyak hampir 52 peratus kepada keseluruhan Bajet sebanyak RM1.55 bilion dengan jumlah RM789.84 juta yang mana kebiasaannya mana-mana Bajet sekalipun dibuat sebelum ini Belanja Mengurus mengatasi Belanja Pembangunan. Ini menggambarkan keprihatinan dan kesungguhan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri untuk melihat pembangunan Negeri Terengganu dipercepatkan bagi menggantikan tempoh 5 tahun yang lalu yang kita ketinggalan jauh kebelakang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga merasa sedih dan dukacita bila memerhatikan soalan-soalan dan juga hujah-hujah yang dikemukakan oleh barisan Pembangkang dalam Bajet ini. Ini menggambarkan mereka begitu dangkal dan tidak mampu menghayati Bajet itu sebenarnya malahan apatah lagi keempat-empat mereka ini tidak pernah menyediakan Bajet sebab itulah mereka menentang habis-habisan dan seolah-olah memperkecilkan Bajet Pembangunan ini kerana katanya RM1.3 bilion ini adalah hasil pemberian Dana Khas bukannya usaha dari Kerajaan. Kepada keempat-empat Wakil Pembangkang sukalah saya ingin menyampaikan gurindam ringkas saya pada pagi ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua:

*Wakil Wakaf Mempelam dan juga Rhu Rendang,
Kalau tidak faham jangan cuba tunjuk temberang,
Wakil Manir dan juga Batu Burok,
Kalau tidak tahu jangan cuba berloyar buruk.*

Dalam Bajet Dato' Yang Di Pertua, mana-mana Bajet sekalipun kita tahu hasil Kerajaan terdapat dari tiga sumber. Pertama, merupakan Hasil Cukai. Kedua, Hasil Bukan Cukai. Dan yang ketiga, merupakan Terimaan Bukan Hasil. Ini bermakna RM1.33 bilion Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah merupakan Terimaan Bukan Hasil dan ini merupakan sebahagian komponen Bajet mana-mana Bajet

sekalipun Dato' Yang Di Pertua. Inilah standard Bajet yang ada tetapi tidak difahami oleh Wakil-wakil Pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita melihat bahawa dari masa ke semasa Barisan Nasional ingin menjadikan pembangunan sebagai satu agenda yang menyeluruh bagi Negeri Terengganu. Dan, sebab itulah dalam hal ini kita melihat bahawa pertambahan peruntukan dari tahun ke tahun telah diberikan seumpamanya bagi tahun 2006 nanti sebanyak RM35 juta telahpun disediakan bagi pusat-pusat pertumbuhan baru sebanyak RM25 juta telah disediakan bagi memastikan longkang-longkang dan pihak PBT diberi tumpuan berbanding dengan RM14 juta pada tahun 2005. Ini menggambarkan bahawa Kerajaan bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa masalah banjir, masalah air bertakung akan dapat di atasi dari masa ke semasa sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Tepoh semalam. Di samping itu kita melihat bahawa soal kebersihan telah disediakan sebanyak RM47 juta bagi keseluruhan PBT iaitu termasuklah kerja-kerja kebersihan di kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu yang akan mula diswastakan mulai tahun 2006. InsyaAllah, sebahagian besar Bandar Kuala Terengganu akan kita keluarkan kerja-kerja kebersihan memotong rumput, mencuci longkang, angkat sampah, membersihkan kawasan dan sebagainya yang menelan belanja kira-kira RM8 juta. Saya sedar bahawa peruntukan ini masih belum mencukupi insyaAllah, sebahagiannya akan dapat kita lihat perubahan di dalam kawasan Perbandaran Kuala Terengganu. Di samping itu, peruntukan khusus juga diberikan sebanyak RM5 juta kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu untuk menyediakan longkang-longkang yang terlebih teratur dan tersusun di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Di samping tambahan RM5 juta lagi untuk disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan longkang di kawasan PBT-PBT yang lain. Dan menjadi tradisi kita yang memerintah Negeri Terengganu sejak dulu dan tahun ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telahpun menambah peruntukan untuk persiapan kita menghadapi banjir untuk mencuci parit dan longkang dalam PBT. Kalau tahun lepas sebanyak RM1 juta diperuntukkan dan tahun ini RM1.5 juta telahpun kita belanjakan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam soal kebersihan ini juga kita melihat bagaimana seriusnya Kerajaan menyediakan kemudahan untuk rakyat sebab itu dalam peruntukan Bajet bagi tahun hadapan sebanyak RM5.04 juta telahpun disediakan untuk menyediakan lori-lori kompektor sebagaimana tahun-tahun sebelumnya. Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut Bajet khusus disediakan untuk membeli lori-lori kompektor ini. InsyaAllah, menjelang tahun 2007 masalah ketidakcukupan lori pengangkut sampah di PBT akan dapat diatasi di samping RM1 juta diperuntukkan untuk menyediakan tong-tong sampah di PBT.

Dato' Yang Di Pertua, di samping itu kita juga melihat bagaimana seriusnya Kerajaan untuk menjaga kebersihan dan keindahan sebab itu sebanyak RM5 juta telahpun diperuntukkan. Inilah antara program-program dan perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa pembangunan PBT terus berlaku di samping menyediakan peruntukan khusus untuk pasar-pasar baru termasuklah Pasar Kedai Buloh yang telah zaman berzaman tidak diambil cakna dan insyaAllah kita akan buat pasar baru, Pasar Maras dan juga Pasar Paka di samping Pasar Tembila.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada hari semalam Wakil Kuala Berang telah menyuarakan bahawa keprihatinan beliau untuk melihat lebih banyak pembangunan

dibawa ke Kuala Berang apatah lagi sebagai adik bongsu kepada rakan-rakan yang lain. Saya telah meneliti dalam Belanjawan yang telah disediakan pada tahun 2004 dan sebenarnya saya tahu untuk pengetahuan penduduk Kuala Berang supaya terus memberi sokongan kepada Wakil Rakyat Kuala Berang ini yang berjuang untuk mereka bahawa peruntukan telah disediakan secara langsung kepada DUN Kuala Berang bagi tahun 2006 sebanyak RM6,910,000. Ini tidak termasuk peruntukan yang akan disalurkan awal tahun depan iaitu pembinaan longkang-longkang baru dan juga geran jalan yang akan kita agihkan. Berbanding dengan Kijal Dato' Yang Di Pertua, Kijal cuma dapat RM4.175 juta, banyak Kuala Berang lagi. Tahniahlah kepada Wakil Rakyat Kuala Berang, insyaAllah majoriti akan bertambah pada masa akan datang.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Penjelasan Yang Di Pertua – Terima kasih kepada Wakil Kerajaan kerana begitu prihatinlah tentang pembangunan Bandar Kuala Berang dan juga Hulu Terengganulah. Jadi saya memang sangat gembiralah dan juga saya memang berpuashatilah sebenarnya dengan Wakil Kerajaan tadi iaitu Wakil Kijal memanglah dia ini memang pemurah. Selama ini kalau kita mintak rasa-rasanya setakat ini lulus belaka dah saya rasa. Cuma begini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak menjelaskan bahawa kalau kita lihat Bajet untuk tahun 2006 untuk pembangunan berjumlah lebih kurang RM789 juta. Dan saya telah perincikan dalam ini ada 9 vot iaitu yang khusus untuk Hulu Terengganu RM17,130,000 maknanya persennya 2.19 persen bukan saya kata Terima kasihlah hak yang beri tu, saya nak beritahunya dalam konteks RM789 juta dengan RM17 juta ini cuma 2.16 persen. Kemudian saya telah semak Bajet ini yang boleh dikategorikan dalam empat kategori. Pertamanya, khusus yang disebut tadi yang khas, kemudian yang mungkin boleh dibahagi-bahagikan dalam semua daerah, satu lagi yang *special case*. Jadi di sini saya nak bandingkan pulak dengan tahun 2005, jalan-jalan sekarang berjumlah apa yang kita dapat RM307 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri, Hulu Terengganu yang khususnya sebanyak RM7 juta

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nak bahas lagi ke ni?

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi maknanya persennya ialah 2.15 ini itu yang saya dapat, saya memang menyokonglah Bajet Kerajaan ini cuma saya mahu melihat supaya kalau kita lihat Bajet Tahun 2004 baru-baru ini yang diperuntukkan ada 8 yang khusus

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tahun 2004 ke 2005?

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): 2005 yang berjalan sekarang iaitu satunya diperuntukkan dalam Vot yang pertama, RM320,000 untuk Padang Setenga, Tajin. Yang keduanya, Masjid Kampung Buloh RM500,000. Yang ketiganya, Jalan Bukit Tok Bat RM1 juta. Yang keempat, Pelan Induk JPS RM500,000. Yang kelima, Pemodenan Sistem Pam Air Di Kampung Kepah RM150,000. Yang keenam, Pejabat Daerah untuk peruntukan yang dibahagi-bahagikan bagi Projek-projek Kecil RM2 juta. Yang ketujuh, Hutan Lipur Sekayu RM170,000. Yang kelapan, Dewan Sivik Batu 24 RM300,000. Itu yang khusus untuk Hulu Terengganu, jadi kalau maknanya kita

lihat di sini maknanya kalau nak kejar sebagaimana yang dikatakan oleh PM, PM menyatakan bahawa kita akan lihat satu pembangunan yang tak pernah kita mimpi, saya rasa mungkin di Hulu Terengganu itu mimpi sajalah, meleleh air liur sajalah jawab dia.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak perhatian supaya perkara ini tidak menjadi Perbahasan, dia boleh mencelah sekejap untuk bertanya bolehlah, jangan bincang pulak dengan panjang ni.

Dato' Yang Di Pertua, saya bersetuju dengan Wakil Kuala Berang tadi tapi 2 peratus lebih ini daripada keseluruhan projek kalau nak dibandingkan dengan projek besar tidak bolehlah. Kalau kita tengok dalam Bajet keseluruhan kita, Stadium saja RM1 juta jadi kalau nak banding begitu tidak mampulah kerana ini ada projek-projek *flagship* kita dan sebagainya menyebabkan peratusannya turun tapi berbanding dengan keadaan sebenar itulah hakikatnya.

Dato' Yang Di Pertua, bagi Wakil Pengkalan Berangan yang menyatakan bahawa perlunya pusat-pusat pertumbuhan diberi perhatian. Dan sebab itulah kita melihat bahawa dalam Bajet Tahun 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebanyak RM35 juta telahpun diperuntukkan dan sebagaimana kita sedia maklum pusat-pusat pertumbuhan yang telah sedia ada seperti Pasir Akar di Besut, Guntong di Setiu, Pengkalan Berangan di Marang, Ajil di Hulu Terengganu dan Tepoh di Kuala Nerus tetapi malangnya semasa kita kalah dahulu projek-projek ini semuanya terbengkalai hanya dua sahaja yang sempat kita laksanakan iaitu Pusat Pertumbuhan Pasir Akar yang telahpun selesai dibuat pengambilan balik tetapi tak sempat untuk dibuat pembangunan. Manakala di Guntong di Setiu kita cuma menjalankan kerja-kerja pengambilan balik dan tambunan tanah serta pembinaan longkang, yang lain masih belum dapat dilaksanakan. Insyallah; Dato' Yang Di Pertua, permintaan dan permohonan Wakil Pengkalan Berangan ini akan diberi perhatian.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bagi Wakil Bukit Tunggal yang menyuarakan keprihatinannya mengenai masalah Pasar Batu 6 dan juga Pasar Bukit Tunggal, walaupun tidak dimasukkan ke dalam Bajet 2006, insyaAllah akan diberi perhatian pada Bajet yang akan datang.

Bagi Wakil Sura yang membangkitkan persoalan mengenai masalah bersih dan indah yang mana kita tahu bahawa sebanyak RM47 juta telah diperuntukkan kepada PBT pada tahun hadapan. Dan masalah yang dibangkitkan mengenai masalah tanah-tanah perkuburan yang tidak diuruskan. Saya juga turut sama merasa dukacita tentang sikap kita bersama walaupun sebahagiannya merupakan tanggungjawab PBT tetapi merupakan juga tanggungjawab orang ramai termasuk keluarga si mati. Apa yang menyedihkan apabila orang tua kita meninggal anak-anaknya hanya membersihkan kawasan kebun-kebunnya, kalau ada kebun durian, kebun durianlah Dato' Yang Di Pertua, musim berbuah dia pergi bersih. Tetapi kubur arwah ayah dia, dia tidak pergi bersihpun, inilah sikapnya. Kalau kita sama-sama pergi bersih kubur ayah kita di kawasan perkuburannya maka bersihlah dia. Tapi walaubagaimanapun ini tidak bermakna Kerajaan ingin lari dari tanggungjawab itu dan mulai pada tahun hadapan insyaAllah semua tanah-tanah perkuburan utama di setiap

daerah akan diambil alih pengurusannya oleh pihak PBT berkenaan untuk menjaga kebersihan.

Mengenai masalah pengagihan tanah yang dibangkit dan disuarakan oleh Wakil Rantau Abang. Di zaman Pas dikatakan ribuan tanah LMS hendak diagihkan kepada rakyat dan diambil duit rakyat untuk dibuat bayaran upah ukur sebanyak kira-kira RM1.2 juta, tanah tidak tahu dekat mana. Inilah sikap pemimpin Pas Dato' Yang Di Pertua, tidak pernah beritahu rakyat hakikat yang sebenarnya iaitu memang benar mereka bayar untuk kerja-kerja upah ukur tetapi tanah tidak tahu di mana. Inilah masalahnya kerana antara upah ukur dengan permohonan tanah adalah dua perkara yang berbeza, ia tidak pernah jelaskan kepada rakyat. Bagi pihak Kerajaan bila kita meluluskan tanah kepada rakyat apabila dikeluarkan Jadual 5A Dato' Yang Di Pertua, ada empat komponen yang perlu disempurnakan. Pertama, bayaran premium tanah iaitu harga tanah. Yang kedua, bayar upah ukur. Yang ketiga, bayar tanda tanam batu sempadan. Dan, yang keempat ialah cukai tahun pertama. Lepas diselesaikan bayaran itu semua sekali barulah Jadual 5A turun dan kita bayar lepas itu didaftar hakmilik. Tetapi yang berlaku di zaman Pas mereka bayar upah ukur, tanah tidak tahu di mana, harga tanah berapa, batu sempadan nak tanam bila tak tahu sebab upah ukur diserahkan Juru Ukur swasta, dia boleh kerja nak duit, siapa mahu bayar duit, orang ramai yang bayar duit, tanah tak tahu ke mana. Sebab itu Juru Ukur kata tugas dia ukur dan terima bayaran, soal bahagi tanah soal Kerajaan bukan soal dia. Jadi rakyat tertipu, "Tipah tertipu", Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tipah ke Pas, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pas tidak tertipu, penipu yang tertipu Tipah. Dato' Yang Di Pertua, saya merasakan bahawa sikap pemimpin Pas yang tidak bertanggungjawab terus berlaku secara berleluasa. Bukan sahaja semangatnya tidak ada, bukan sahaja sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa mereka sebenarnya dengki dan khianat kepada Umno/Barisan Nasional. Kita bentang Bajet, kita beritahu RM1.3 bilion diberi Dana Khas seolah-olah mereka tidak mengiktiraf, ini bukan duit Kerajaan dan macam-macam lagi. Sebab dia dengki, zaman dia naik begitu jugak Dato' Yang Di Pertua, bilion juga Bajet dia tapi duit tak kunjung tiba, bila kita masuk bilion duitnya sampai, itu saja bezanya sebab itu dia dengki. Dia hanya menggunakannya semata-mata untuk politik sebab itulah Tuhan tidak merestui perjalanan-perjalanan seterusnya oleh pemimpin Pas.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Haji Hanafi Mohamad calon Barisan Nasional Pengkalan Pasir yang menang kelmarin dan takziah kepada Pas.

Bagi Wakaf Mempelam telah menyuarakan mengenai Plaza Bunga Raya. Inginlah saya menjelaskan supaya tidak berlaku kekeliruan di kalangan rakyat supaya perkara ini tidak diberi ceramah-ceramah kepada rakyat yang akhirnya timbul kekeliruan dan sebagainya. Projek Plaza Bunga Raya Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, bukan Bunga Raya Dato' Yang Di Pertua, Paya Bunga, Allah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya minta maaf, silap sebut.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takdok masalah, tidak menjejaskan kredibiliti. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Projek Plaza Paya Bunga, kita tanam Bunga Raya sokmo le-ni itu yang saya ingat sangat tu. Projek Plaza Paya Bunga Kuala Terengganu dibiayai melalui pinjaman bank itu AM Bank dan sumber dalaman. Anggaran kos projek RM57.235 juta. Pinjaman pertama telah diluluskan sebanyak RM37.673 pada 26 Disember 1995 dan hanya RM28.07 juta dibelanjakan setelah projek itu dihentikan oleh kerana kegawatan ekonomi tahun 1990an. Ini diikuti oleh dengan pinjaman kedua yang diluluskan sejumlah RM18 juta pada 1 September 2004 bagi membiayai semula pembinaan tersebut sehingga 31 Disember 2005 sejumlah RM6,582,609 bagi membiayai kemajuan projek tersebut. Jumlah pembiayaan pinjaman, anggaran kos projek tersebut ialah RM57.235 juta, pembiayaan bank yang pertama ialah RM28.77 juta, yang kedua RM18 juta menjadikannya RM46.077 juta. Peratus pembiayaan bank ialah 80.5 peratus. Nilai projek bangunan apabila siap sepenuhnya dan nilai semasa ialah kira-kira RM69 juta. Ini bermakna nilai aset projek masih melebihi nilai liabiliti. Dan, peruntukan kepada Permint diperuntukkan sejumlah 44 unit ruang perniagaan kepada Permint sebagai balasan penswastan tetap-kekai dan pihak bank telah menyatakan akan menghormati perjanjian penswastan dan akan memperakui hak-hak yang sepatutnya diterima oleh Permint dalam soal ini. InsyaAllah, walaupun perlahan projek Plaza Paya Bunga dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2006.

Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, sekali lagi saya dengan rendah diri mengucapkan jutaan terima kasih kepada Wakil-wakil Kerajaan yang telah memberi teguran membina untuk memastikan bahawa pihak Kerajaan Tempatan dapat terus berjalan dengan sempurna dan lancar. Di samping itu, sebanyak

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon laluan seketika. Saya tunggu lama tadi, Yang Berhormat Wakil Kijal beritahu Kuala Berang adik bongsu, saya nak tanya yang saya duk bahaskan kelmarin sebelum pada ini tentang Majlis Daerah Kuala Nerus ni. Apakah sudah mengandungi, kalau mengandungi bilakah dia nak lahir? Sebab Kuala Berang kata hak bongsu dah, ada hak bongsu lagi tu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, menikahpun belum bertunangpun belum, macam mana boleh mengandungi? Mengenai Majlis, ucapan yang disebut oleh Wakil Tepoh itu dalam proses kajian pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada rakan-rakan yang telah membahaskan, memberi pandangan-pandangan mengenai pihak PBT dan saya juga ingin menyebut bahawa dalam peruntukan 2006 telah disediakan sebanyak RM47 untuk rumah kos rendah kepada rakyat Negeri Terengganu.

Di atas keprihatinan secara berterusan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk melihat rakyat Negeri Terengganu terus terbela dan mempunyai rumah-rumah yang mencukupi akan kita laksanakan sebaik mungkin, insyaAllah.

Akhirnya, saya ingin menyampaikan juga satu gurindam terakhir barangkali untuk hari ini:

*Anak itik Tok Wi, mandi dalam kolam,
Sakit apa Wakil Rhu Rendang,
Selalu tiada dalam Dewan.*

Sekian, wabillahitauфик walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Yang Di Pertua, saya mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada tak lagi Yang Berhormat untuk menggulung? Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama sekali saya ingin menyampaikan rasa terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada rakan-rakan sama ada dari Kerajaan ataupun pihak Pembangkang yang menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan portfolio saya iaitu Kebajikan, Kesihatan, Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita yang mana secara keseluruhannya berkisar kepada benda yang sama iaitu berkaitan dengan isu kemiskinan, isu rumah PPRT, isu bantuan dan sebagainya. Saya tidak berhajat Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mengambil masa yang panjang dalam Penggulungan ini cuma saya ingin memberi beberapa respon terhadap soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya mengandaikan dan menganggap apa yang ditimbulkan itu adalah satu kritikan yang membina. Satu kritikan ke arah memperkasa dan memperkukuhkan lagi Kerajaan terutamanya kepada Wakil-wakil Rakyat Pembangkang yang dua-tiga hari yang lepas menuding jari menuduh saya orang Hulu, tak apalah orang Hulupun. Yang mengatakan saya ini tak berapa cerdik, tak apalah saya mengaku saya tidak berapa cerdik. Lantaran itu saya perlu kepada tunjuk ajar, bantuan dan juga panduan rakan-rakan untuk memastikan Kerajaan yang ada hari ini terus berkuasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkaitan dengan kemiskinan, untuk tahun ini Kerajaan menyediakan sebanyak RM105 juta dalam usaha untuk memastikan golongan yang miskin yang dikatakan berjumlah 26,000 sama ada miskin dan miskin tegar akan keluar daripada belunggu kemiskinan ini kerana kita berkonsepkan kepada ayat *At-amahum-mimju'* iaitu memberi makan kepada orang-orang lapar. Yang mana kita menganggap bahawa orang miskin ini ialah orang-orang yang lapar yang perlu diberi bantuan sama ada bantuan fikiran, bantuan modal ataupun bantuan motivasi untuk memastikan mereka ini keluar daripada kelaparan dan kemiskinan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Alur Limbat membangkitkan masalah lantai, dinding, atap dan juga bayaran elektrik dan air yang tidak termasuk dalam bajet yang diberikan. Kita menyedari hal tersebut dan kita telah menyediakan satu peruntukan Tabung TDI untuk pastikan hal tersebut tidak berlaku. Jadi hal yang sama juga dibangkit oleh Wakil daripada Rantau Abang semalam. Berkaitan dengan masalah lantai, dinding dan atap, pihak kita akan berbincang dengan kontraktor yang telah diberi tanggungjawab untuk pastikan ianya akan dapat dilaksanakan dengan baik. Alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, atas rasa syukur dan penuh rasa rendah diri, rumah yang dulunya 500 kaki persegi kini atas berkat kesyukuran kerana Allah dah berjanji *La-insyaqartum la-azidanaqum*, jika bersyukur ditambah lagi, maka hari ini rumah PPRT ditambah lagi daripada 500 kaki persegi diperbesar dan diperluaskan menjadi 560 kaki persegi, alhamdulillah. Saya yakin dan saya bangga melihat orang-orang yang dikatakan PPRT ini gembira mendapat rumah yang semakin luas dan semakin selesa ini.

Dato' Yang Di Pertua, Wakil Wakaf Mempelam ada membangkitkan berkaitan dengan data kemiskinan yang diwarwarkan bahawa sejak Kerajaan Umno dan Barisan Nasional memerintah negeri ini, peningkatan kemiskinan meningkat daripada 10 persen kepada 16 persen, cuma saya nak tanya Wakaf Mempelam data mana yang diambil ataupun daripada unit mana, badan mana yang membuat kajian yang mengatakan bahawa peningkatan kemiskinan di Terengganu ini sebanyak sejumlah itu. Kerana apa yang ada pada kita bahawa pada tahun 2002 iaitu semasa Kerajaan Pas memerintah data yang dikeluarkan oleh EPU (*Economic Planning Unit*) mengatakan bahawa ketika itu kemiskinan di Terengganu ialah sebanyak 10.7 persen dan 10.7 persen kemudian 2004 menurun menjadi 10.06 persen ertinya dalam masa dua tahun cuma turun 0.1 persen sahaja. Dan dikatakan hari ini oleh kegagalan kita tujuan mereka adalah menunjukkan kegagalan kita kepada rakyat bahawa kita telah gagal dalam mengendalikan dan menguruskan orang-orang miskin ini sehingga sekarang meningkat jadi 16 persen. Cuma persoalan saya di manakah data ataupun sumber mana yang digunakan oleh Wakil Wakaf Mempelam menggunakan data tersebut kerana apa yang saya bandingkan sebagaimana yang saya katakan kelmarin dan tadi. Apabila kita bandingkan dengan apa yang kita alami di Terengganu Darul Iman, dibandingkan dengan apa yang berlaku dan dilihat di Kelantan Darul Naim yang baru-baru ini diisytiharkan sebagai Bandaraya Islam rupanya indah khabar dari rupa, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Indah khabar dari rupa, indah cerita dari yang benar yang mana apabila kita pergi ke sana terutama apabila kita pergi ke Pasir Mas hujan sejam saja banjir dah melimpah ruah, air cor, air limbahan berada di merata-rata, parit-parit tersumbat dan yang malangnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masih ada lagi orang Islam berbangsa Melayu duduk di rumah beratap daun, berdinding buluh cincang mungkin ramai tak kenal buluh cincang barangkali, dan berlantai bergelegarkan buluh atau batang nibong, masih wujud lagi di sana Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Sebuah negeri yang dikatakan di bawah pemerintahan Ulama, jadi inilah kalau dikatakan Ulama menasabah kalau Ketua Dewan Ulama duduk di sinipun dokrok jugak barangkali sebab sebuah negeri yang dikatakan diperintahkan oleh Ulama begitulah keadaan. Di Terengganu kita bukan Ulama tapi kita tak banyak bercakap, kita banyak berkerja. Lantaran itu, hari ini, tahun ini sahaja kita menyediakan 1,500 buah rumah PPRT yang luasnya 560 kaki persegi kepada semua mereka yang layak tanpa mengira parti walaupun ada kita tahu hak beri itu *kerkoh* (gigit) kita, kita tahu, hak beri itu maki ke kita, kita tahu tapi kita dengan dada besar, kita pemimpin berjiwa besar kita tak kisah apa dilakukan cuma kita harap agar apa yang diberi

itu mereka terimalah dengan rasa syukur, bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada manusia, jangan *kerkoh* tangan-tangan yang menyuap nasi, Yang Di Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu ingin saya nyatakan juga di sini berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam iaitu Pegawai Tambah Sentara. Nampaknya Wakil Wakaf Mempelam jadi hero kepada pegawai ini. Alhamdulillah, cuma persoalan saya sebab apa semasa zaman dia perintah mula tidak lantik pegawai ini duduk di jawatan hak tinggi? Lantiklah jadi PTG ke, kalau tak jadi SUKpun. Tapi masa itu tidak diberi tugas itu jugak tapi masa sekarang apabila kita kenakan sedikit tindakan, tindakan kita bukan membenci tapi sedikit pengajaran maka di Dewan yang mulia cuba dijadikan perkara ini sebagai satu bahan dan pembelaan. Ini satu benda yang saya rasa tidak wajar kerana masa diberi ruang kepada mereka memerintah 4 tahun dahulu pegawai ini telah ada dan pegawai ini walaupun kanan tidak dinaikkan pangkat selayaknya dengan jawatan yang mereka ada ketika itu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya apa yang cuba digambarkan, cuba diberi imej buruk kepada kita walaupun kita tahu majoriti rakyat Terengganu kita pada hari ini sedar apa yang kita lakukan, apa yang telah kita buat untuk pastikan kesenangan, keselesaan, kesejahteraan umat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu, masalah dibangkitkan jugak berkaitan dengan hal-hal kemiskinan ini oleh Wakil Langkap yang mengatakan bahawa petani miskin, anak tidak cerdik. Kita, Yang Berhormat Yang Di Pertua, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan yang cakna dan prihatin, kita pastikan tidak ada seorangpun anak-anak yang tercicir hatta anak-anak Orang Asli. Kita tak benarkan walaupun seorangpun yang ada dalam maklumat kita tercicir kerana masalah kemiskinan. Kita ada pelbagai bantuan bermula daripada bantuan makanan tambahan, bantuan wang amanah pelajar miskin, kita ada bantuan pakaian sekolah, semua ada bantuan. Tetapi kalau mereka tidak bersekolah kerana kemalasan kita tidak boleh buat apa-apa. Tak bersekolah kerana malas kita tak boleh buat apa-apa tapi bersekolah kerana miskin tidak ada. Dan kita harap semua mereka yang bertanggungjawab sama ada JKKK, Imam-Bilal dan sebagainya agar mengambil perhatian agar tidak ada lagi anak-anak bangsa kita di Negeri Terengganu Darul Iman ini tercicir persekolahan kerana tidak ada kewangan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itulah baiknya Kerajaan bermula dari mengandungnya seorang ibu sampai mati yang berkerja Kerajaan, matipun diberi pencen lagi, itulah yang saya kata baiknya Kerajaan padahal mati tu tak payah beri pencen dah. Pun ada lagi orang kata Kerajaan jahat, kita tak tahulah orang hak kata jahat itu dia itu baiknya macam mana.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Seberang Takir. Terima kasih dengan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah kemiskinan secara komprehensif dan secara *detail* dengan memberi perancangan dan cadangan-cadangan. Antara cadangan-cadangan yang diberikan ialah dikatakan bahawa program yang membantu miskin ini mestilah berterusan. Alhamdulillah, kita mempunyai berbagai agensi yang membantu golongan miskin ini bermula daripada UPEN, adanya MAIDAM, YPK, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya. Semuanya ini beri modal, beri peruntukan mereka memantau peruntukan-peruntukan yang diberi agar mereka ini tidak menyeleweng modal/peruntukan tersebut. Lantaran itu, kita adakan satu sistem, kalau Amanah Ikhtiar dia ada sahabat-sahabat, yang mana sahabat-sahabat ini bertanggungjawab kepada orang-orang yang

meminjam. Begitu juga dengan YPK di bawah program Jayadiri dan semua ini berjalan dengan lancar, kutipan pulangan pinjaman memberangsangkan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada peminjam-peminjam wanita di Terengganu yang tidak sukar untuk membayar hutang mereka ini cukup setia dan membayar hutang kerana mereka tahu bahawa orang yang memberi itu cukup berbudi kepada mereka. Di samping itu, dicadangkan juga oleh Wakil Seberang Takir untuk membawa masuk sektor-sektor moden ke luar bandar. Alhamdulillah, di bawah portfolio yang berkaitan telah mengambil inisiatif untuk memastikan kawasan-kawasan terutamanya di kawasan Hulu Terengganu juga tidak ketinggalan dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan juga mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Selain daripada itu Yang Berhormat Yang Di Pertua, Wakil Batu Burok kelmarin kata saya orang Hulu, tak apalah saya mengaku saya orang Hulu yang bercakap pasal peruntukan 2002, 2003, kemudian mempertikaikan Dana Khas yang diberikan oleh Kerajaan. Kita sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok. Dia kata Kerajaan memang bela orang miskin ini dan apabila mengundi nak suruh dia pangkah kita kalau kita nak bela orang miskin ini Dato' Yang Di Pertua, kita tak buat rumah PPRT kalau kita nak suruh orang-orang ini miskin selama-lamanya, kita tak buat program-program di bawah Amanah Ikhtiar, di bawah YPK, di bawah MAIDAM, agar Pilihanraya 2008 ini mengundi kita balik, tidak, itu bukan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita sebuah Kerajaan yang berwibawa, kita hendak memberi kesedaran kepada mereka, kita memberi ilmu kepada mereka dan insyaAllah, apabila mereka berilmu, apabila mereka ada harta, mereka kaya, mereka tak akan sokong Pas lagi kerana mereka tahu apabila berada di bawah Pas Dato' Yang Di Pertua, tidak ada apa yang mereka dapat, semuanya janji-janji Syurga yang belum tentu betul atau tidak. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi lantaran daripada itu, saya menyerulah kepada rakyat agar jangan tertipu dengan apa yang dilakukan dengan menggunakan ayat dan hadis untuk meraih sokongan kerana apa yang kita buat hari ini daripada sekecil-kecil rakyat sampai se tua-tua rakyat kita bela untuk pastikan mereka ini merasa hidup selesa dan harmoni.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Batu Burok juga ada mengatakan bahawa beliau bertanggungjawab dengan menghalau anak-anak tadika, dengan tepuk dada dia kata dia bertanggungjawab. Dan semasa saya menjadi Pembangkang dahulu dia mengaku dia bertanggungjawab, tanggungjawab yang macam mana, apa erti tanggungjawab? Kerana dalam senarai yang saya ada jumlah tadika ini dan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk baiki balairaya-balairaya. Yang dihalau secara paksa keluar oleh JSR ketika itu ialah 46 buah dan bajet yang dikeluarkan

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Pohon penjelasan - Semalam Wakil Batu Burok mengatakan dia bertanggungjawab dan dia kata dia berbincang selama dua tahun dengan Kemas sebab dia nak buat balai-balairaya ini sebagaimana asal. Adakah matlamat nak buat balairaya itu untuk tempat orang menghisap dadah, untuk tempat orang membuat maksiat, untuk tempat kambing-kambing, itukah matlamat asal nak buat balairaya?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Wakil Ladang. Jadi kalau dengar tanggungjawab itu sepatutnya hak rosak-rosak dia baiklah tetapi tidak Yang Di Pertua, buruk, rosak, pecah, hak kawasan saya itu Dato' Yang Di Pertua, dia cat bulan atas atap. Maknanya, ini hak saya kata ni golongan bukan sahaja telan bendera tapi telan bendera dengan tiang-tiang ni. Letak bulan atas, cat hijau putih di tengah tapi apabila saya tanya lambang Pas ini apa benda gok makna takdok seorangpun

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Mohon laluan, Dato' Yang Di Pertua – Kes letrik kena potong agaknya yang bubuh bulan atas tu biar cerah.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh jadi betul jugak tu sebab banyak kena potong tapi bulan tu tak cerah, jenis bulan *mamba*. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nampak kepada tepuk dada kelmarin, bertanggungjawab. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Kerajaan sepanjang tahun ini sahaja kerana banyak balai raya yang rosak, balai raya yang bocor, banyak balai raya yang terpaksa dibuat baru cermin tingkap dan *wiring*, kita belanja tahun ini sahaja RM1.6 juta. Maknanya kalau bertanggungjawab, mari berilah pith itu ke kita RM1.6 juta untuk kita buat, dokrok nak beri. Kalau sekadar tanggungjawab-tanggungjawab, bertepuk dada saja dokrok, cap ayam jugak Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi inilah apa yang berlaku. Oleh kerana ketidakmampuan, ketidaksungguhan dan ketidak ada perancangan dalam mengurus dan mentadbir negara, berbalah pasal hal-hal kecil-kecil, maka berlakulah apa yang berlaku yang amat memalukan kita bangsa Melayu berbalah antara Ketua Dewan Ulama dengan Mursyidul Am pasal hal Mawi. Kita bercakap pasal *Monsoon Cup*, global, kita bercakap pasal *Rainforest Challenge*, global, 26 negara, 30 negara masuk, tiba-tiba orang Pas di Terengganu dan Kelantan berbalah hal Mawi, benda yang remeh-temeh diperbesar-besarkan untuk nak menunjukkan bahawa takdok perancangannya, komangnya, benda hal kecilpun cara. Sepatutnya tak boleh buat begitulah sebagai Ketua Dewan Ulama, Mursyidul Am. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tanya siapa yang lebih tinggi, Mursyidul Amkah atau Ketua Dewan Ulama? Wakil Manir kata masuk Pas, saya rasa empat kali hidup, empat kali mati tak masuk Pas dah barangkali. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang ini Wakil Ajil masuk sebagaimana Allahtaala kata *Qatamallaahu-alaqulubihim*, hak *rubber stamp* dah siap hati dia hak takmboh menerima perjuangan Islam.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): *Qatamalla*, hak bercakap tu tak berapa faham *Qatamalla* tu, hak bercakap tu Tok Guru, kan kalau saya mengajar Tok Guru, malu pulak Tok Guru. Malu Ketua Dewan Ulama, kalau Ulama tak apa, ini Ketua Dewan Ulama, Dato' Yang Di Pertua. Kalau Ulama boleh saya mengajar kalau Ketua Dewan Ulama ini susah sikit nak ajar sebab jenis '*keras keng*', dia '*keras keng*' ini '*keng tembaga*' ni, petir saja sebenarnya.

Selain daripada itu Yang Dato' Yang Di Pertua, Jabi membangkit isu Sembahyang Dua Imam, Sembahyang Dua Jumaat, hak ini saya tak tahulah ni hak *Qatamalla*, dok *Qatamalla* ni. Hak Pak Him ni, sehinggakan dia kata selagi Tok Guru tak tarik balik fatwa itu dia tak pergi sembahyang. Jadi saya mintakiah nasihat daripada Ketua Dewan Ulama, khabar ke Tok Guru sebelah dia itu yang tak mari hari ini, khabar supaya pergi tarik balik fatwa tu agar orang itu tak berdosa. Saya takut dosa itu berkait jugak dengan Tok Guru yang memberi fatwa tersebut. Pak Him ini kesian dia, berapa tahun dah Wakil Jabi khabar kelmarin tak pergi Sembahyang Jumaat kerana fatwa Tok Guru kata masjid yang dibina oleh Kerajaan tak sah Jumaat. Ayat mana yang dia guna *wallahua'lam*, saya tak tahu. Setakat yang saya belajar, betullah saya belajar setengah masak, mungkin sebab itulah saya tak jumpa cari ayat-ayat yang mengatakan tak sah sembahyang di masjid Kerajaan, Peristiwa Memali mati syahid dan sebagainya. Jadi sayapun tak tahulah, inilah yang dikatakan bila kita kata begitu dia katakan Umno yang buat perpecahan tapi sebenarnya dialah yang melakukan perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam, umat Melayu di Negeri Terengganu Darul Iman. Jadi saya mintak dengan jasa baik Ahli-ahli Pembangkang *royat*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Hak sebelah sana tu hak yang berlaku di sebelah Besut tu ada seorang tu kita dah pecat, kita dah beri ke Umno dah le-ni Tok Guru tu, takdok dah dalam kita, kita beri ke Umno dah, Umno ambil alih pulak.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Manir tak faham. Duduk dalam Dewan lama dah tak faham lagi. Dia kata Tok Guru hak duduk di Rusila nun khabar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia tak kata Tok Guru Rusila, dia kata Tok Guru, Tok Guru tu ramai salah seorangnya kita beri dah ke Umno di Besut tu, kita dah pecat dia daripada Parti Pas kemudian Umnopun ambil, kutip pulak hak begitu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Begitu pulak kalau begitu, maknanya hak Tok Guru khabar ni hak tu hak kita dah, takdok masalah hak itu. Masalah sekarang ini hak Tok Guru khabar tak sah sembahyang ni, dia kata tak sah sembahyang, sembahyang dua Imam di Telagapun ada lagi, kawasan sayapun ada di Tok Dor, bila menang saja buat surau baru ini apa benda cerita ni Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Kena betul belaka ni, Ketua Dewan Ulama bertanggungjawab ni kalau tidak Malaikat Mukar-Nakir tanya dalam kubur esok ni, kena bedal masuk sampai *dahap* dalam nun, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mukar-Nakir dia, Wakil mana tadi Hulu Besut ke apa baru dua-tiga hari dia cakap dah, besok bila Mukar-Nakir tanya "Siapa Tuhan kamu, apa ugama kamu?" Jawapan berbeza, mungkin orang di sebelah balik Pas ini kata Islam ugama kami tapi di sebelah balik Umno kata Islam Hadhari agama kami. Jadi pada masa tu Malaikat berfikir 'Islam Hadhari' barulah dia kenal Terengganu, "Oh Orang Terengganu", kenal Malaysia, peta Malaysiapun masuk dalam kepala dia, Islam Hadhari takdok dekat lain, ada di Malaysia saja.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, cap ayam jugak Ketua Dewan Ulama ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apa? Saya kurang dengar.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cap ayam, cap ayam. Ayam Brand.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cap ayam. Tak apa, tahi ayam, tahi itikpun asal ada menafaat, tak apa. Kalau tahi gajah takdok guna nak buat benda.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab itu saya kata cap ayam, menasabah.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Kita tak boleh pesan Mukar-Nakir ni, KK orang kita ni. Kita khabar sekali, KK orang kita ni, Islam Hadhari orang kita ni, tak boleh pesan begitu?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh pesan Yang Di Pertua, orang Pas dia letak bendera bulat-hijau, dia kata KK ini orang kita ni. Sikit lagi saya rasa kena SMS pulak ke Mukar-Nakir, orang Pas saja boleh buat begitu, orang kita tak boleh buat. Boleh .pesan, ada ke boleh pesan-pesan, komang Ketua Dewan Ulama, malu ke orang. Malu ke orang, ini dunia tengok ni Yang Di Pertua ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT DATO' Yang Di Pertua, hak KK ni takdok dah le-ni, ganti hak lain dah

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Takdok le-ni, dulu adalah maknanya. Le-ni takdok, dulu ada, masa menang dulu ada benda ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak KK ni takdok dah dalam Dewan ni, sebab hak KK tu bukan daripada kami cakap hak KK, mereka bercakap di sana dalam Perhimpunan Agung Umno, dia kata orang Pas kata KK, KK takdok, dalam Perhimpunan Umno tapi takdok dalam Dewan ni kalau ada dalam Dewan ini kami boleh cakap begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak apa Yang Di Pertua, ada takdokpun hakikatnya masyarakat tahu benda itu ada. Kawasan saya, saya boleh khabar di mana ada. Wakil Manir tak berjalan sebenarnya, dia tak mengaku. Inilah spesis-spesis yang dilahirkan oleh Pas, jenis spesis bila buat salah dia tak nak mengaku.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masa panjang dah. Selain daripada itu Yang Di Pertua, saya haraplah dan benar-benar berharap agar apa yang saya katakan tadi perpecahan-perpecahan ini dapat dikurangkan. Sembahyang 500 meter, dua Jumaat apa benda cerita. Jadi kita bercakap hal perpaduan-perpaduan tapi dalam masa yang sama sembahyang, bila menang orang-orang yang menyokong parti Pembangkang pergi ke surau-masjid lain yang merasakan bahawa apa yang berlaku ataupun apa yang disemai tersebut mungkin tak sah dan sebagainya. Jadi ini suatu benda yang malanglah kepada bangsa, kepada agama yang berkiblatkan sama, bertuhankan sama, bernabi dan berasalkan yang sama, saya rasa ini suatu benda yang amat tidak wajar.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, ada Rasul takdok wahyu ada jugak.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ada, ada, hak bercakap satni Rasul takdok wahyulah ni. Kita akui, ada tapi harap ke Harun Taib, tak *tayyib* mana nampaknya. (Dewan Gelak) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Pohon laluan, bukan Harun Taib, Harun Tahī (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Orang sebelah sana, biar pape asal gaye ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Manir boleh duduk, jadi saya mintak Yang Berhormat Kuala Berang perkara yang menyentuh sebegitu saya rasa tak elok diucap di dalam Dewan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Di Pertua, saya tarik balik perkataan(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua. Tengok pemimpin yang berwibawa buat salah tarik balik, mengaku salah itu pemimpin yang hebat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkaitan dengan Manir menjawab berkaitan hal Hospital Pakar. InsyaAllah, tahun hadapan kalau tidak ada apa-apa aral, Negeri Terengganu akan mempunyai dua Hospital Pakar. Yang pertama, akan dikendalikan oleh TDM. Dan, yang kedua, akan dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta yang menggunakan bangunan Perkaya di Batas Baru sebagai Hospital Pakar yang mana di situ dikatakan akan

mempunyai Dewan Bedah, akan mempunyai 12 – 13 orang Doktor Pakar, akan mempunyai sebanyak 80 katil yang akan menampung masalah ataupun kekurangan ataupun akan menjadi *compliment* dan *supplement* kepada hospital yang ada. Kita yakin ini menunjukkan bahawa keyakinan pelabur-pelabur setelah kita memerintah mereka datang dan melabur di tempat kita untuk memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Terengganu. Alhamdulillah, ianya insyaAllah akan menjadi kenyataan dalam bulan Jun dan bulan September tahun depan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkenaan Hospital Pakar saya ada maklumat yang dibuat ketika zaman Pas dahulu yang mana *renovation* yang dilakukan menggunakan duit TDM di bangunan Maidam sebanyak RM2.8 juta yang diberi pembaikannya kepada ANZ, kalau tak betul saya mintak Wakil Batu Burok betulkan maklumat saya ini sebanyak RM2.8 juta dan mempunyai wad yang mana wad tersebut cuma digunakan sekali sahaja iaitu oleh Menteri Besar ketika itu semasa Pilihanraya semasa sebab dada nak kalah barangkali dia berehat di wad tersebut. Ini maklumat yang kita terima walaupun pembinaan tersebut tidak pernah masuk dalam *board* TDM, perancangan tersebut. Jadi ini yang saya katakan bahawa masa Pas dulu buat sesuatu benda tidak merancang, dia tak buat satu perancangan, dia tak buat satu pelan, dia rasa nak buat dia buat, *bulldoze*, pakai kokok, sodok saja dia rasa nak buat dia buat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itu saja apa yang ingin saya kongsi bersama pada hari ini dan insyaAllah kalau tidak menjadi keberatan kepada kita semua bahawa saya merayu sekali lagi kepada pihak Pembangkang agar marilah bersama-sama berusaha membasmi kemiskinan, membasmi kejahilan, membasmi kejumudan rakyat kerana ada kedapatan rakyat, terutama penyokong-penyokong kuat Pembangkang yang telan bendera dengan tiang-tiang ni apabila kita beri bantuan dia kata tak apalah, takdok api elektrik, kita kata nak beri api elektrik, pergi rumah dia nak tolong beri api elektrik secara percuma, airpun bantuan percuma, bulan-bulan kena bayarlah, dia kata tak apalah biar gelap di dunia asal cerah di akhirat. Saya yakin takut-takut gelap di dunia, gelemat jugak di akhirat, Dato' Yang Di Pertua. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itu saja apa yang saya kongsi saya mintak maaf banyak-banyak kepada semua rakan-rakan, kepada Wakil-wakil Rakyat sama ada pihak Kerajaan ataupun Pembangkang sepanjang kita bersidang selama 3 – 4 hari ini ada suatu yang terkasar bahasa, tersasul bicara, yang baik daripada Allah saya cuma sampaikan, yang lemah, yang cacat memang kelemahan dan kekurangan saya sendiri sebagaimana Wakil Manir kata saya tadi saya nama saja Rosol, tak maksum ada salah dan silap di mana-mana. Sekian, terima kasih. Minta maaf banyak-banyak. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian.

Pukul 1.00 lebih sikit dah ni. Saya tidaklah panjang sangat Dato' Yang Di Pertua. Izinkan saya mulakan dengan Perbahasan Bajet ini, Penggulangan dengan satu rangkap pantun.

Jarang berpantun orang Sains tapi tak apalah, bersama-sama dengan Wakil Ajil buat sikit. Bunyinya begini:

*Bajet '06 Bajet Rakyat,
Atas kebijaksanaan Menteri Besar dan Exco,
Menteri Besar berpandangan jauh dan tepat.
Dalam Mesyuarat Exco tidak pernah tidur.*

Ini pantun ringkas saja. Dato' Yang Di Pertua, saya terus kepada Perbahasan ini untuk menjawab Wakil-wakil yang telah menyentuh Pendidikan ramai juga ada dua-tiga isu yang saya nak sentuh di sini. Yang pertama sekali ialah sentuhan daripada Wakil Wakaf Mempelam mengenai 2 anak Exco dapat tajaan Yayasan Terengganu. Barangkali nak dikaitkan dengan 5 anak Exco dapat Zakat dulu barangkali begitulah kira-kira. Sebagai latar belakang ringkas kedua-dua anak Exco ini mendapat 5A UPSR dan mereka mendapat 8A, semua A dalam PMR dan ini suratkhbar Berita Harian tanggal 31.12.02, antara pelajar terbaik Terengganu, 10 terbaik Terengganu anak Exco dua orang ini. Mereka belajar di Sekolah Asrama Penuh, pada SPM mereka juga alhamdulillah, cemerlang, terbilang dan 20 terbaik Terengganu sebagaimana suratkhbar pada 11.3.05, ini juga antara terbaik di Malaysia dan Terengganu. Apabila mereka memohon untuk mendapat tajaan Yayasan Terengganu yang dinilai oleh panel, 3 profesor dari Universiti Kebangsaan diketuai oleh Profesor Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman, Dekan Fakulti IT. Ada tiga elemennya, pertama dari segi esei/karangan. Yang kedua, ujian attitude. Yang ketiga, temuduga. Mereka mendapat nombor enam dan nombor tujuh di antara 61 orang calon yang memohon sebab itu adalah tidak menasabah dan tidak adil untuk menidakkan hak mereka kerana adalah pelajar terbilang Negeri Terengganu dan Malaysia. Ini nak kait hak ni hak zakat. Zakat, anak Exco ada 5 orang zakat tapi tak ada proses macam ini. Prosesnya pakai beri sajalah semasa zaman Pas sebab itu jauh bezanya ketelusan yang dibuat oleh Yayasan Terengganu di bawah Kerajaan Barisan Nasional dengan yang dulu di bawah Kerajaan Pas. Ini fakta yang ada dan tuan-tuan dan puan-puan, Wakil Rakyat semua bolehlah tengok rekod mereka di Yayasan Terengganu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Benarlah kecemerlangan, kecerdikan itu ada tapi kita yang berada ini berilah laluan ke orang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Jadi dari segi peluang pendidikan sama ada *parent* itu kaya ataupun miskin sama saja tertakluk kepada kebolehan pelajar. Malah untuk masuk ke sekolah elit dan sekolah primierpun kita beri yang 5A tidak kira sama ada ibu bapa mereka berada ataupun tidak malah saya nak beritahu untuk kemasukan 2005 ini di sekolah elit ada anak Excc dan Wakil Rakyat yang tidak dapat kerana tak dapat 5A, kita tak mahu sumbat macam cara sumbatan yang dibuat oleh pihak Kerajaan dulu yang masuk KUSZA 38 orang takdok SPM, itu tak baik, tak elok nasib baik KUSZA tak tutuppun mujur. Itu yang pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan niat saya untuk nak kaitkan dengan bekas anak Exco hak dulu kata dapat zakat. Soalnya Zakat tidak kira anak siapa

kita beri belaka semua dapat, tidak ada seorangpun yang mengaji kerana dia termasuk dalam yang berhak mengaji ugama yang memohon itupun Exco yang berkenaan tak tahu yang anaknya pohon pasal yang pohon atas nama persatuan di Timur Tengah tempat mereka belajar. Kita beri belaka ini sekadar 21 orang kalau nak beri, berilah belaka. Tak tahulah kalau kitapun rasa macam anak orang lain tak layak padahal dari segi keputusan dari segi kelulusan, cemerlang belaka.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Mana cemerlang belaka, ini keurutan. Saya ada yang untuk zakat ni, ada 5 orang dapat zakat ni dia mohon, bukan Kerajaan Pas beri saja, dia mohon.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, budak-budak itu memohon yang saya kata ni, kita betullah cemerlangnya anak kita tetapi siapa kita, siapa anak hak nelayan tu, anak hak petani tu. Kalaulah anak kita dapat cemerlang *double-double*, yang ini dapat tak cemerlang lebih dia lagi. Ini *morality*.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Baru *morality*, terima kasih. Kalau

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yes.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Apabila menyebut soal *morality* ataupun peluang, saya teringat di zaman Pas dulu apabila Perumahan Rakyat ini hendak diberikan kepada rakyat maka satu perjanjian yang perlu dibuat melalui satu Lawyer di mana Kerajaan Negeri memutuskan Syarikat Wan Muttalib Embong untuk menjadi panel kepada pembeli-pembeli ini. Apakah pada waktu itu tidak ada peguam lainkah yang perlu diberi keutamaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana saya ada di sini, saya dah jelas di dalam Dewan yang dulu kesemua pemohon, 18 ketika itu dijadikan panel untuk undang-undang itu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih, jawab sendirilah tu. Yang kedua, Dato' Yang Di Pertua ialah tentang KUSZA dengan TATI banyak juga hujah-hujah yang dihujahkan oleh Wakil Manir tentang apa yang dibuat di TATI semasa beliau menjadi Pengerusi KUSZA dan Pengerusi TATI. Tapi oleh kerana Pengerusi TATI pergi ke TATI 6 kali sahaja, saya minta maaf semalam 3 kali saya kata, 6 kali sebenarnya mengikut rekod kita selama 4 tahun jadi banyak kelam-kabut di TATI. Pertamanya, sampai Pengarahpun dibuang, dipecat. Yang keduanya, mesin TATI hilang, tak tahulah Pengerusi tahu ke tak tahu dan dijumpai semula di Serdang tahun 2001, peralatan makmal yang ada

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, jumpa bila tu?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): 2001.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lepas tu hilang bila?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tahun 2000.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Takut hilang 1999 kot.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita ada rekod semua sekali. Peralatan makmal

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, saya rasa hilang 1999, jumpa pada 2001, zaman kita jumpa, kita cari.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Peralatan makmal, kimia dan sebagainya dibeli dengan menggunakan Dana Khas Persekutuan yang dibeli oleh TATI semasa tahun 2001, 2002 kerana Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan kepada TATI sebanyak dalam RM10 atau RM8 juta setahun dan inilah wang untuk dibeli peralatan. Begitu juga Kerajaan Pusat menyalurkan RM30 juta terus kepada Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri tapi sepertimana dikata oleh Wakil Ladang duit itu telah di istilah yang saya nak guna, dipakai oleh Pembangkang, dirompak oleh Kerajaan Negeri ketika itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Kerajaan Pusat bagi itu bukan hak dia, hak negeri tetapi dirompak lepas itu dia beri balik ke kita.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Ya, jadi Kerajaan Negeri masa tu tak rompak? Ambil sajalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, ini perakaunan, bila duit daripada Pusat mari ke kena masuk Akaun Negeri dahulu. Semalam saya dah baca peruntukan Perlembagaan, 'Mana-mana duit yang diterima mestilah dimasukkan ke dalam suatu akaun yang dinamakan Kumpulan Wang Yang Disatukan'.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dah, kenapa yang hak TATI tak ambil. Hak TATI tak ambil, hak itu ambil. Barangkali TATI keras sikit barangkali sebab itu Pengarahnya kena pecat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT DATO' Yang Di Pertua, bukan begitu, kita kena faham TATI itu syarikat swasta, adapun hak

Pejabat Agama ni di bawah pentadbiran Kerajaan dia sudah ada peruntukan sebab itu bila sampai duit ini dia hantar balik ke Perbendaharaan. Kalau nak tahu boleh tanya Yang Berhormat Dato' SUK yang pada masa itu menjadi Pesuruhjaya Agama.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): TATI diminta jugak hantar tapi TATI tidak diberi. Saya tahulah Pengarah TATI pergi rumah saya nak beli mesin. Pengarah TATI Dr. Zaki dan Dr. Saiful datang ke rumah saya untuk tanya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betul, Kerajaan Negeri minta diambil balik tetapi Pengerusi berkerjasama supaya duit itu tidak diambil balik.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Oh, begitu pulak, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Teruskan Penggulungan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Okey. Kemudian di KUSZA, di KUSZA juga ada masalah, Wakil Manir lagi. Dia kata banyak dia buat dekat KUSZA ni selama 4 tahun Wakil Manir jadi Pengerusi tidak ada satupun usaha yang dibuat oleh pihak KUSZA untuk mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Pusat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di KUSZA termasuk kursus yang dibuat dengan Universiti East London tak dapat. Dan ada empat surat daripada Kementerian Pendidikan untuk suruh KUSZA, tukar KUSZA daripada status yang ada kepada IPTS dan kalau tidak buat dia kena tutup. Tapi pihak pengurusan KUSZA kata

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betullah, pihak Kerajaan Pusat ugut tapi kita tak tutup kita terus berjalan. Ijazah yang diterima oleh pelajar-pelajar KUSZA yang dapat daripada UEL diiktiraf oleh Kerajaan, takdok masalah. Pasal kita tahu pada masa itu kita tidak serupa dengan Kerajaan Persekutuan sebab itu apa-apapun permohonan dia tak beri. Kelulusan yang dibuat dia tarik balik iaitu KUSZA kali pertama berdaftar sebagai IPTK (Institut Pengajian Tinggi Kerajaan) tapi selepas itu dia tarik balik. Lepas itu dia suruh mintak pula berdaftar di bawah IPTS. Kita tahu pada masa itu kita mendapat nasihat daripada LA bagaimana kita nak buat, dan kita rasa enakmen kita KUSZA di bawah Eriakmen Kerajaan Negeri itu boleh kita teruskan, jadi sebab itu kita terus belum kena tutup lagi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia banyak *gelabut*, Dato' Yang Di Pertua, ambil tak ada SPM buat masuk, itu satu daripada pelanggaran syarat masuk. Kalaupun KUSZA itu sebagai IPTS sudah tentu ini akan menyebabkan kolej ditutup mengikut peraturan yang ada sekarang. Jadi kursus-kursus yang ada di KUSZA alhamdulillah, baru dua minggu lepas diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga JPA selepas pengurusan KUSZA sekarang memajukan kepada pihak JPA pada bulan 1, 2005 baru-baru ini. Itu tentang KUSZA.

Yang ketiga, tentang Universiti Darul Iman. Ini banyak yang barangkali masih tertanya-tanya kerana semalam Wakil daripada Wakaf Mempelam mati-matian tidak bersetuju

dengan KUSZA menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman. Dan juga kalau tidak salah Wakil daripada Manir juga tidak setuju.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya menafikan itu. Saya kata saya mahu KUSZA menjadi sebuah universiti di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, tidak KUSZA itu diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Di bawah Akta Pendidikan Kerajaan Negeri tidak boleh membina Universiti Awam. Universiti Awam hanya boleh dibuat, dibina oleh Kerajaan Pusat, faham jugak sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, ini undang-undang boleh dipinda untuk kepentingan rakyat dan negara.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Hak ni nak pinda hak lain takmbah pinda.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Parlimen boleh meluluskan, takdok masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Jadilah, cukuplah tu. Jadi untuk Universiti Darul Iman, Universiti Kerajaan Pusat dan terbinanya adalah atas usaha-usaha Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ketika itu Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Terengganu. Terima kasih. KUSZA dijadikan sebahagian daripada universiti, dia tidak hilang KUSZanya tu, nama tetap nama KUSZA tetapi diberi, kalau ikut Exco daripada IKS *rebranding*, namanya Universiti Darul Iman, diploma-diploma belajar di KUSZA, sijil-sijil di KUSZA, belajar-belajar di KUSZA tapi Ijazahnya, Ijazah Universiti Darul Iman Malaysia. Ini

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, ini nak singkatkan

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nak singkatkan perjalanan, nak ambil yang sudah *established* masuk ke dalam tu cepat sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Nanti nak cerita dulu, tak habis lagi

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, minta penjelasan – Berapa banyakkah penjimatan wang Kerajaan Negeri bila KUSZA ini diserahkan kepada Universiti Darul Iman, setahun?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Perkataan 'serah' itu tidak tepat kerana kita masih berbincang. Tetapi penjaminannya adalah kira-kira dalam RM82 juta setahun. Ini peruntukan yang diguna sekarang datang daripada Kerajaan Negeri. Jadi ini

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – KUSZA bukan dibina oleh Pas tetapi Pas mengiktirafkannya. Jadi sekarang ini menghujah kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Umno yang dahulu yang nak membatalkan usaha-usaha mereka, itu sahaja bendanya.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Betullah, KUSZA dibina di bawah *Enactment State* Kerajaan Negeri pada tahun '81, cuma dipinjam sebentar 4 tahun kepada pengurusan Pas, memanglah tetapi *duk bolo' pulas-cawah* sekali masa tu, kita nak betul balikhlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat saya rasa kalau duk berhujah begini, ini bukan masa berhujah. Teruskan dengan Penggugulan.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Okey. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua atas teguran tadi. Jadi KUSZA adalah jenama baru Universiti Darul Iman Malaysia dan kita telah berjumpa dengan kesemua sekali staf KUSZA berjumlah 543 orang ni, Pensyarah 210 orang, 8 peratus telah ada PhD, Sarjana 62 peratus dan pentadbirannya seramai 333 orang, mereka semua setuju dan *looking forward* untuk KUSZA sebagai universiti. InsyaAllah, tahun depan ada Profesor, Profesor Madya dan mereka dapat menimba ilmu dengan adanya program Sarjana, PhD dan Ijazah. Ini yang sedang dibuat sekarang, jenama dan Universiti Darul Iman sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, di muka surat 10, perkara 30 itu konsepnya, konsep universiti terkenal dunia Oxford, Cambridge, London ataupun Azhar begitu yang merupakan sistem kolej yang tidak ada lagi di Malaysia hari ini, Universiti Malaya bukan, UKM bukan, USM bukan, inilah janji Perdana Menteri nak beri sesuatu yang tidak pernah difikirkan oleh rakyat Terengganu dulu, inilah janji dia yang kita tak percaya barangkali janj Pak Lah dulu. Ini yang diberi, kita mintak sikit dia beri banyak. Kita mintak sebuah universiti saja yang kecil tetapi dia beri universiti sistem kolej yang mana boleh menjadi besar yang tidak ada lagi di Malaysia pada hari ini Terengganulah negeri yang pertama mendapat konsep universiti seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kemudian ringkas lagi, Dato' Yang Di Pertua, minta maaf panjang sikit ni. Pencapaian UPSR, terima kasihlah di atas sambutan daripada semua sekalian rakyat kita mendapat hampir 12 peratus UPSR 5A tapi barangkali yang ramai tidak tahu ialah kita UPSR ini ada yang dapat 5A, ada dapat 4A, ada dapat 1A, ada dapat C dan sebagainya. Tapi yang saya rasa yang paling baik di Terengganu ialah gagalnya yang paling sedikit dibandingkan negeri lain di Malaysia. Inilah orang tak tahu, gagalnya cuma 32 peratus sahaja, kita dengan Wilayah Persekutuan, seri hak bandar besar, negeri lain komang belakalah dari segi itu. Jadi yang mendapat C ke atas ialah 68 peratus, Terengganu yang terbaik di Malaysia, alhamdulillah, orang tak tengok hak ni. Jadi diberi saranan tadi supaya yang tidak dapat C ini, yakni yang mendapat E barangkali kita ada perancangan untuk membela mereka ini

supaya pada masa akan datang apabila mereka masuk ke peringkat PMR insyaAllah, dapat dibantu dan mereka juga akan dapat meningkatkan kualiti pendidikan mereka. Adapun bagi pelajar-pelajar Terengganu sejak tahun '01 yang mendapat 5A di UPSR Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sedang dibuat *research study* kita sedang tengok sekarang di mana mereka berada dan tahun ini mereka di tingkatan 4, tahun depan di tingkatan 5 dan kita akan semak sama ada mereka di Terengganu atau di luar Terengganu bagaimana pencapaian mereka dalam SPM mereka, insyaAllah sedang kita buat sekarang.

Wakil Batu Burok di akhir ucapan dia, disentuh pasal suratkhbar di Utusan Malaysia tentang Perpustakaan. Saya/kami sudah semak, saya Pengerusi Perpustakaan kebetulannya. Memanglah ada seorang nak masuk pada hari itu, dia tak beri masuk kerana dia tak cukup syarat. Syaratnya ialah yang pertama sekali ialah ahli. Yang kedua, kena bawa kad pengenalan diri sama ada pasport, ic, kalau ada lesen memandu dia kena *deposit* atau kena letakkan di tempat pengawal supaya kita dapat *control* pergerakan mereka. Maknanya kalau nak masuk pinjam buku ke, nak baca buku ke tapi yang ini tak mahu lagu tu jadi tak dapat masuklah. Itulah sikit sebanyak dibuat tentang perpustakaan.

Kemudian Wakil Jabi ada sentuh pasal budak-budak SPM yang kurang baik, cemerlang. Saya nak beritahu bahawa setakat yang ada hari ini kita alhamdulillah telah membuat satu perancangan yang teliti untuk mereka yang kurang cemerlang. Yang cemerlang telahpun masuk ke IPT melalui matriku.asi, pra-universiti, diploma dan lain-lain. Yang tidak cemerlang masih berada di rumah. Dan melalui program latihan kemahiran, melalui institusi-institusi swasta yang dikendalikan oleh pihak Yayasan Terengganu kita dapat menampung lebih 3,000 orang tahun ini yakni yang dapat kurang 5C dalam SPM dapat ditampung. Sebab itu mereka yang masih berada di rumah yang tidak ke mana-mana tidaklah begitu ramai sangat dan dengan cara ini kita yakin masalah sosial di kampung kerana tidak ada tempat untuk belajar, tempat untuk menyambung pelajaran tidak ada makin berkurangan dan akan meningkatkan lagilah sedikit sebanyak ketenangan di kampung-kampung kerana mereka telahpun diasuh dan diberi pendidikan lanjutan, insyaAllah.

Hak yang Pegawai TCS tadi tu saya nak sebut sikitlah kerana saya ada data di sini. Ini bukan soal kes diskriminasi dia buat salah, dia *nyanya* diri dia, pagipun tak masuk kadang-kadang, pukul 8.00 dia tak masuk, dia balik cepat. Jadi kalau pihak Kerajaan membiarkan kaedah-kaedah, kes-kes begini akan melemahkan lagilah moral pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi kita terpaksa kena ambil sedikit sebanyak tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan sekarang. Dia tak menghormati ketua, ada *function* pun tak mari, jadi susah, nak jaga dia seorangpun susah, jadi terpaksa di ambil sedikit sebanyak tindakan walaupun pihak Wakil Wakaf Mempelam duduk membelanya semalam. Saya ingat itu saja

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya bukannya nak membela sesiapa pasal bila gambaran itu berlaku bila ada masalah, adakah pegawai yang berkenaan dipanggil untuk diberi nasihat ke, apa-apa ke, sebelum tindakan dibuat?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Rekod ini menyatakan bahawa SS panggil, Ketua Jabatan duk panggil, dia duk tak berapa nak mari. Jadi kalau saya, saya buang dah tapi almaklum sajarah ini Kerajaan baik. Yang Di Pertua, sekian sajarah ucapan saya, saya ucap terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri, sila.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahar Rang Enakmen Perbekalan (2006) 2005 yang telah memberi pandangan-pandangan yang bernas, yang patut diterima dengan secara positif oleh kakitangan Kerajaan, Ahli-ahli Exco dan sebagainya. Memang saya mengatakan saya dengan penuh rendah diri dan *tawadu'* sebagai seorang manusia yang lemah menerima kritikan-kritikan dan pandangan-pandangan positif dan memang ada kebenarannya, saya tidak mengatakan yang Kerajaan tidak pernah membuat kesilapan. Tapi kita tidak mengatakan bahawa tidak ingin mengubah jika ada kesilapan kita tidak ingin mengubah kelemahan-kelemahan kita sebenarnya. InsyaAllah, saya ingin pastikan semua Ahli-ahli Exco memberi perhatian kepada pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sama ada daripada Barisan Nasional juga bagi pihak Pembangkang yang betul kita terima, yang tak betul kita letak ke tepi sekejap. Tapi yang mustahak ialah kita harus faham bahawa Bajet Negeri yang berjumlah RM1.55 bilion ini hanya merupakan satu Bajet dengan izin, *complementary* dan *supplementary* kepada Bajet Persekutuan sebenarnya kerana Bajet Persekutuan ia lebih RM100 bilion itu ialah Bajet yang lebih besar, ini harus difahami. Jadi apa juga perancangan yang dilaksanakan itu di dalam bentuk *complementary* dan *supplementary*. Ini harus difahami kerana bila dirasakan ada kawasan-kawasan, *area-area* dengan izin, yang perlu peranan Negeri diambil kira itulah sebabnya kita memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang dirasakan tidak diberi tumpuan oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kakitangan Kerajaan yang telah menyediakan kedudukan Penyata Kewangan. Saya ingin mengucapkan tahniah, terima kasih kerana pada tahun ini nampaknya semua agensi-agensi telah dapat menyediakan Penyata Kewangan mereka, tahniah kepada semua kakitangan Kerajaan sebenarnya. (Tepukan Sokongan) Yang anihnya dulu tak boleh, sekarang ini semua sudah siap, saya tengok tahun 2004, laporan yang saya dapat, Perpustakaan siap, Muzium, KUSZA, Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Terengganu, Yayasan Terengganu teruk dulu ni, empat tahun tak buat tapi boleh buat tu okeylah. Yayasan Islam, Perbandaran yang memang daripada dulu okey, Tabung Amanah Warisan, SEDC/PMINT, dulu tak boleh sekarang boleh. Itulah saya katakan saya nak mengucapkan Pesuruhjaya Perkhidmatan dan kepada mereka yang telah berjaya melaksanakan tugas mereka dengan baik. Saya juga ingin mengatakan kepada syarikat-syarikat kita yang nampaknya telah juga memberi prestasi yang baik sebenarnya. Sebagai contoh, dua contoh yang saya nak berikan di sini ialah Golden Pharos Berhad yang dahulu tahun-tahun dulunya kerugian sebanyak RM14.3 juta tapi 9 bulan berakhir 30 September

telah menampakkan keuntungan sebanyak RM10.9 juta sebenarnya. Sama juga dengan Primula, Primula tahun lalu dan sebelumnya, tahun lalu hanya untung RM36,000. Tahun ini 10 bulan pertama telah menunjukkan, kalau tahun dulu RM36,000 tahun ini telah menunjukkan keuntungan RM1.42 juta, ini merupakan kenaikan 3,844 peratus. Terima kasihlah kepada Exco Pelancongan nampaknya berjaya menarik pelancong-pelancong datang ke Terengganu. Janganlah kembang banyak sangat. (Dewan Gelak)

Saya juga ingin memberi sedikit penerangan tentang perkara yang diungkitkan tentang Qari dan Qariah kita, adakah mereka akan diberi pendedahan. Sebenarnya Kerajaan merancang pada tahun 2006 ini akan membina sebuah institut yang kita panggil Institut Quran Terengganu kerana kita percaya bahawa Quran itu harus dilihat sebagai satu kitab Allah yang menyeluruh yang bukan hanya untuk dibaca tapi dibaca dengan sebaik-baiknya dengan taranumnya. Kalau perlu kita mengambil guru-guru daripada luar negara untuk mengajar pembacaan yang sempurna agar Terengganu dalam masa dua-tiga tahun sekali lagi bukan hanya menjadi jaguh Malaysia tetapi menjadi jaguh dunia dalam Tilawah Al-Quran, insyaAllah. Bukan hanya untuk membaca tapi juga untuk memahaminya, untuk memahami isi kandung Al-Quran itu sendiri dengan lengkap, dengan pengajian Bahasa Arabnya, lengkap dengan penghafazan, tahfizya, lengkap dengan penyelidikannya R&D-nya dengan izin, kalau tidak kita tidak memahami apakah sebenarnya *maqasid syariahnya*, apakah sebenarnya tujuan syariah Al-Quran itu sendiri, jadi kita bergaduh tentang perkara yang kecil-kecil. Dan juga merangkumi kesenian Al-Quran itu sebagaimana Al-Quran itu ditulis, khat Al-Quran itu sendiri, bunga-bunga dalam Al-Quran itu sendiri, jadi insyaAllah, kita harap IQ Terengganu ataupun Institut Al-Quran Terengganu ini akan memastikan, menggambarkan kesucian, keindahan dan keagungan Al-Quran itu sendiri.

Juga ada Yang Berhormat yang membangkitkan tentang Bestari.Com yang saya berani mengatakan ini saya telah melihat banyak negara bukan negeri dan saya melihat cara kita melaksanakan Bestari.Com di setiap DUN ini dengan 13 komputer, dengan latihan-latihan diberi, saya berani mengatakan ini merupakan, baru-baru inipun saya ke Extra-Madura di Sepanyol dan saya lihat apa yang sedang kita laksanakan di Terengganu ini kalau tidak terbaik dalam duniapun, antara pusat-pusat komputer yang terbaik di dunia sebenarnya Yang Berhormat-Yang Berhormat: sekalian. Dengan menggunakan perisian terbuka dan itulah saya nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka yang melihat menggunakan pancaran siaran terus daripada Bestari.Com pada masa kini yang sedang meneliti perjalanan kita di Dewan masa kini.

Tadi banyak juga diungkitkan tentang Sistem Penyampaian sebab itulah Negeri akan menggunakan cara Sistem Penyampaian dan memastikan Konsep TER's yang Wakil Rantau Abang tidak begitu gemar kerana katanya 's' itu kecil sangat. Memang itu tidak menjadi budaya kita bukan kita ingin memecat sesiapa tapi jika itulah alternatif yang perlu dilaksanakan saya rasa insyaAllah, Dato' SUK perlu melaksanakan perkara tersebut.

Tentang Pembangunan, Ahli-ahli Yang Berhormat ada seorang Yang Berhormat Batu Rakit itu banyak sangat bimbangya dalam ucapannya semalam. Tapi jangan bimbang banyak sangat Yang Berhormat, insyaAllah kita akan rancangkan dengan baik, dalam ucapannya banyak bimbang-bimbang, takut banyak sangat bimbang tak buat benda satu nanti.

InsyaAllah kita akan pastikan akan dirancang dengan baik. Berhubung dengan Pembangunan Pusat Pembangunan baru. Ini telah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Exco ADUN Kijal.

Juga saya nak mengatakan tentang Laporan Ketua Audit Negara sebenarnya yang diungkitkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Burok sebenarnya dalam muka surat 5. Sebenarnya tidak ada komen yang mengatakan ada kesilapan tentang cara Dana Khas itu dimasukkan dalam Laporan Kewangan itu sebenarnya tidak begitu tepat dan tidak ada teguran, cuma dikatakan memang adanya satu kod khas yang Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan yang digunakan nama Dana Khas, tidak ada masalahnya tidak dikatakan itu masalah sebenarnya. Dan juga saya nak menyatakan bahawa

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya nak minta penjelasan sikit?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apa yang saya perelaskan semalam, Ketua Audit Negara telah mencadangkan bahawa sekarang ini sumbangan Terimaan Daripada Kerajaan Pusat di bawah Dana Khas ini disalurkan *direct* secara langsung kepada Negeri. Kemudian saya mencadangkan supaya kita mematuhi Perlembagaan supaya ianya kembali kepada kod asal iaitulah menjadi Hasil kita bukannya sekadar Terimaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dia sebenarnya ada dua perkara yang diungkitkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Burok semalam. Satunya, ialah dikatakan bahawa *statement* jelas semalam mengatakan bahawa ianya tidak dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri, sebenarnya wang Dana Khas itu dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Negeri di bawah Kod 82385. Saya ingin nak membetulkan *statement* yang silap yang dikemukakan oleh Yang Berhormat semalam takut Ahli-ahli kitapun yang mendengar di kampung-kampung juga mengatakan kita tak masukkan, kita sorokkan wang tersebut, jelas, ini jelas. Wang itu telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri di bawah Kod 82385, jelas dan tak perlu dipersoalkan lagi.

Berhubung dengan rumah PPRT. Ini Rantau Abang juga mengatakan tentang masalah rumah PPRT dan saya bersimpati dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Rantau Abang dan saya memberi komitmen bahawa semua rumah PPRT yang mempunyai masalah sambungan air dan letrik, Kerajaan akan memastikan sambungan itu akan dibiayai oleh Kerajaan, insyaAllah.

Satu lagi diungkitkan ialah tentang Bajet Nabi Yusuf. Saya tahulah saya bin Jusoh bukan Yusuf. Saya tak pernah mengatakan dan saya tahu dan saya mengatakan bahawa kita ini amat dhaif dan bukannya sampai ke peringkat nak mengatakan kita sama dengan Nabi Yusuf dan berani mengemukakan Bajet. Tapi jelas dalam ayat di muka 2 mengatakan "Digesakan untuk merancang" kerana apa yang dikatakan dalam Surah Yusuf itu jelas mengatakan keperluan untuk merancang. Inilah saya mengatakan *maqasit syariah*,

memahami tujuan syariah itu sendiri. Apabila dikatakan 7 tahun di mana akan ada hasil yang melimpah, 7 tahun akan adakan hasil yang berkurangan, inilah yang dikatakan dalam putaran ekonomi yang juga tidak dimasukkan dalam buku-buku penulisan Ulama-Ulama agar inilah yang dikatakan kefahaman itu sendiri. Bila kita faham maksud Al-Quran itu sendiri, inilah yang dikatakan perancangan yang harus ada di kalangan orang-orang Islam. Dia tidak mengatakan bahawa ekonomi akan berterusan baik, jelas mengatakan itulah yang dikatakan *economic cycle* dengan izin, Yang Berhormat Yang Dato' Di Pertua. Dan itulah yang dikatakan perlunya konsep simpanan dalam Islam itu sendiri yang tak pernah diuraikan dalam ucapan-ucapan Ulama-Ulama. Sebab itulah saya mengatakan dalam penubuhan Institut Quran Terengganu itu mengapa perlunya kita faham *maqasid syariah*, tujuan syariah itu sendiri, mendalami. Bila kita bercakap tentang Surah Yusuf tadi apa yang dikatakan Nabi Allah S.W.T. itu sendiri apakah maksudnya. Maksudnya adanya perancangan ekonomi, adanya keadaan ekonomi baik, ada keadaan tidak baik. Untuk mengatasi masalah ketidakbaikan itu, harus adanya simpanan di dalam negeri tersebut, harus adanya simpanan di kalangan individu-individu untuk mengatasi masalah-masalah di masa kesempitan.

Isu Yang Berhormat daripada Tepoh dan Kuala Nerus. Yang Berhormat Bukit Tunggal juga mengatakan tentang Majlis Daerah Kuala Nerus. Sebenarnya perkara itu di dalam perhatian Kerajaan, kita belum membuat keputusan lagi, beranak ke, memining ke, tak tahulah cara yang hendak dikatakan tetapi memang dalam perhatian. Saya tidak memberi janji apa-apa dan kita akan melihat tentang keperluannya. Yang Berhormat boleh balik ke kampung mengatakan Yang Berhormat telah bercakap dalam Dewan dan telah ada di dalam perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dia takut sangat balik kampung, takut orang kampung kata tak bercakap dalam Dewan ni.

Juga saya mengatakan di peringkat awal ucapan saya *An-uridul islah-hamastato'*, saya akan cuba sebaik-baiknya yang perlu di buat. Memang saya katakan nafsu itu besar tapi duitpun terbatas bukan kata walaupun duit boleh RM2 bilion-pun tapi terbatas sebenarnya, kemampuan kita terbatas. Dan kita faham bahawa kita sebagai Wakil Rakyat, kita dipilih oleh rakyat kita akan laksana apa yang terbaik untuk rakyat dan walaupun kita lihat ada orang yang sentiasa membangkang, orang yang sentiasa membuat kritikan hanya untuk mengkritik tapi saya mengatakan di sini bahawa satu-satu bangsa tidak akan menjadi satu bangsa yang maju jika kita hanya pandai mengkritik. Satu-satu bangsa tidak akan menjadi satu bangsa yang maju jika kita tidak pandai membina budaya bangsa itu sendiri. Sebab itulah ada perkara yang anih tapi benar dalam masyarakat kita masa kini kerana orang yang membina masjid sampai nak bina 30 hingga 60 masjid itu dihina oleh orang yang bina satu masjid. Orang yang mendirikan 5 – 6 Pajak Gadai Islam itu dihina oleh orang yang tak bina Sistem Pajak Gadai. Orang yang bina 32 rumah PPRT menghina orang yang membina 1,000 rumah PPRT. Orang yang bercakap tentang *iqra' bismirabbiqullazi-ghalag* menghalau pelajar-pelajar tadika. Ini anih tapi benar, ini nak beritahu ni. Orang yang berkata *iqra'* tadi juga yang menjatuhkan imej KUSZA, orang yang bercakap tentang *iqra'* itu juga yang melihat bagaimana terhakisnya imej TATI itu sendiri. Orang yang berkata pelabur-pelabur sudah tidak minat kepada negeri kita menghina orang yang membawa pelabur-pelabur datang ke negeri kita, orang yang membina kembali bangunan Paya Bunga yang sekarang ini insyaAllah akan siap pada pertengahan tahun hadapan ini dihina oleh orang yang tak buat apa-apapun semasa mereka memerintah, orang yang memberi elau

yang lebih kepada Imam-Bilal dihina oleh mereka yang tidak membuat apa-apapun. Inilah satu perkara yang kita kena faham pelik tapi benar berlaku di negeri kita, tuan-tuan dan puan-puan. Saya mengatakan biarlah rakyat yang membuat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Saya rasa tak berapa kena Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kata tentang Imam-Bilal kita tak buat apa-apa. Dulu zaman Barisan dulu, RM180 saja Tok Imam, RM150 Bilal. Pada zaman kita, kita naikkan RM350 Imam, RM300 Bilal. Sekarang ini dia naik balik sebab Tok Imam dibayar oleh Pusat, Tok Bilal saja dibayar oleh Negeri. Jangan kata tak buat apa-apa, tak buat apa-apa belaka. Mana jatuhnya imej KUSZA? Mana jatuhnya imej TATI? Yang Amat Berhormat tentu sedar dia ahli ekonomi bagaimana sekatan Kerajaan Pusat terhadap pelabur-pelabur yang hendak datang ke Terengganu. Ini jangan tutup mata, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih, Wakil Manir. Terima kasih di atas pembetulan yang dibuat tadi tapi daripada RM350 naik dah kepada RM650. Dan, memang jelas kalau kita lihat KUSZA dan TATI tak boleh dinafikan pelajar-pelajar KUSZA berkurangan, tak boleh dinafikan. Nak bahas boleh dibahas tapi memang jelas bahawa pelajar-pelajar KUSZA berkurangan dan pelajar-pelajar TATI berkurangan kerana keyakinan kepada kedua-dua institusi itu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Tahun terakhir, kita boleh *check* balik berbanding dengan tempat-tempat lain tetapi KUSZA dan TATI menghadapi Kempen daripada pihak tertentu supaya orang tidak yakin kepada KUSZA. Kempen KUSZA hendak ditutup, tidak diiktiraf sehingga ke merata-rata tempat yang saya pergi ke negeri lain macam mana KUSZA hendak ditutup. Ini kempen besar-besaran yang dibuat oleh Umno yang hasad dengki Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua sebagaimana kempen Umno supaya Kerajaan Persekutuan membatalkan royalti petroleum dan gas. Ini ternyata di dalam ucapan yang disampaikan. Takdok *hoo*, saya tak peduli *hoo*-pun, saya mari ke sini saya berani lawan *hoo* dan lawan *hoo*, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Itu merupakan tuduhan-tuduhan, tapi yang jelasnya pada penghujung 2004 apabila kita mengambil alih memang imej KUSZA teruk, imej TATI teruk tapi tak guna kita

Dan biarlah rakyat yang membuat penilaian. Yang anihnya juga ialah orang inilah yang memanggil kita Yahudi, orang yang menggunakan agama untuk politik mereka yang memanggil kita bodoh, memanggil kita perompak, alhamdulillah, saya mengatakan alhamdulillah kepada mereka dan saya di depan-depan merekalah, saya maaflah tak apa hari ini bukan saya nak berdendam sebenarnya. Panggillah apa-apa, yang saya kata alhamdulillah tadi saya maaf lagi. Sebab itulah ada hadis yang mengatakan bahawa (*yang bermaksud*) “Allah tidak melihat kepada rupa, pakailah baju lagu manapun, buatlah lagu manapun, Allah akan melihat hati dan kalbu kita sendiri”. Kalau kita nak lihat pemimpin-pemimpin kita, inilah baju di Dewan, kalau di London baju inilah, kalau di kampungpun baju inilah, kalau nak tengok Idris Jusoh di mana-manapun di Jerneh lagu tu-lah, di London lagu tu-lah, kalau Kuala Terengganu lagu tu-lah, tak berubah. Tak macam setengah-setengah tu, turun-naik kapal terbang nampak sampai saja airport buang habis dah, pakai t-shirt. Saya nak mengatakan bahawa

ini jelas, bukan nak mengata apa-apa. Tapi saya maafkan sebab saya mengatakan bahawa Allah memandang kepada niat dan hati suci kita. Saya harap rakyat tidak akan terpedaya dengan keadaan-keadaan tersebut. Satu lagi saya nak mengatakan bahawa apa yang diimpikan oleh rakyat sejak 15-20 tahun yang lalu sudah menjadi kenyataan, impian yang menjadi kenyataan. Kalau kita lihat 10-20 tahun yang lalu orang Terengganu mahukan stadium, orang Terengganu mahukan lebuh raya, orang Terengganu mahukan lapangan terbang, orang Terengganu mahukan universiti, alhamdulillah dengan kerjasama dan doa kita dengan izin Allah S.W.T. orang Terengganu telah mendapat ini semua dan ianya di dalam pelaksanaan, alhamdulillah. Itulah saya nak kata dan ulang lagi kerana kita lupa, bahawa ini merupakan impian orang-orang Terengganu dahulu dan sekarang ini sudah menjadi satu realiti, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Sekarang kita lihat bahawa Terengganu sudah ada dalam kaca mata dunia. Apa yang dikatakan 'Membawa Terengganu Ke Dunia' ataupun 'Membawa Dunia ke Terengganu' dengan izin, '*Bringing Terengganu To The World*' or '*Bringing The World To Terengganu*', Dato' Yang Di Pertua. Jelas macam tak sempat saya nak buat canggih macam Exco Infrastruktur tadi, nak tunjuk video, pasal baru kelmarin baru ni. Jelas bahawa 200 juta satu hari seluruh dunia melihat Terengganu. Jelas bahawa Kejohanan Perahu Layar julang nama Terengganu, ini jelas. Dan kita lihat dikatakan akhir *Monsoon Cup*, 1 bilion orang telah mengenali Terengganu. Orang mendengar, melihat, bagaimana dalam televisyen-televisyen di seluruh dunia bagaimana Peter Gilmore, bagaimana Russel Kurtz kita lihat dalam ni, mereka tak tahu di mana kadang kadang mereka dengar '*you can see know Peter Gilmore overtaking*', dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini ulasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila, sila.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak ingat pulak. '*Peter Gilmore overtaking one boat away from Russel Kurtz, Russel Kurtz bringing down the Pinicles and Pinicles* this is *Monsoon Cup Terengganu, Malaysia*' (dalam intonasi Pengulas Sukan) itulah yang berlaku sebenarnya. Ini saya, pasal banyak kali dengar barangkali jadi begitulah. Nak mengatakan 12 jam yang tak pernah dimimpikan orang Terengganu sampaikan apabila suatu ketika VJ Montgomery, The Voice of American Cup terlupa cakap nak bagi tahu Malaysia, saya bagi tahu dia kena kata Terengganu, Malaysia. Dia kata, *Monsoon Cup Terengganu, Monsoon Cup Terengganu*, saya kata Malaysia, lepas itu barulah *Monsoon Cup Terengganu, Malaysia* lepas pada tu. Inilah nama Terengganu sudah menjadi di bibir mulut tidak kurang juga baru-baru ini dengan *Monsoon Rainforest Challenge* yang merupakan satu lagi extension daripada *Camel Trophy* yang mana 25 buah negara mengambil bahagian yang mana ada seorang peserta yang datang ke Terengganu yang tak sempat menghantar pacuan empat rodanya dengan kapal, terpaksa mengangkat pacuan empat rodanya dengan kapal terbang dengan belanja angkat pacuan empat roda sahaja RM100.000 hanya untuk datang mengambil bahagian di Terengganu, itulah hebatnya Terengganu masa kini.

Tidak kurang pula kalau dilihat bagaimana apa yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran bahawa contohilah pelajar Terengganu dan kejayaan-kejayaan orang-orang Terengganu. Saya lihat satu lagi artikel dalam Straits Times yang mengatakan bahawa Terengganu telah termasuk dalam program '*The World's Best Brand*'. Terengganu telah mula diiktiraf

sebagai antara 'The Best Brand In The World'. Ini jelas mengatakan apa yang berlaku sekarang ini. Tapi yang saya nak mengatakan dahulu tidak pernah terfikir perkara-perkara ini bagaimana orang Terengganu yang miskin, bagaimana orang-orang Terengganu yang hidup dalam kawasan pedalaman, bagaimana orang-orang Terengganu yang tidak pandai berbahasa Inggeris, saya ingat masa saya pergi ke sekolah asrama penuh dahulu dahlah cakap orang putih memang tak bolehlah, cakap Melayupun broken, mari daripada Besut mana reti cakap Melayupun tak berapa betul. Dia kata: "Mu Deris, *not only you cannot speak English, you speak broken Malay*" dia kata, dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi itulah nak mengatakan bahawa sekarang orang Terengganu dalam keadaan-keadaan yang tidak tahu berbahasa Inggerisnya, yang lemah dan tidak cukup infrastrukturnya tapi Allahtaala percaya bahawa kita boleh, ini mustahak. Inilah juga dalam keadaan musim tengkujuh yang dahulu dikatakan sebagai satu halangan kepada kita, sekarang halangan itu sudah menjadi satu peluang. Dan ini berlaku kerana orang Terengganu berani mencabar norma-norma terdahulu. Ini kerana kita percaya bahawa Allah tidak menjadikan sesuatu dengan sia-sia, apa yang dijadikan oleh Allah S.W.T. memang ada banyak kebenarannya, ada banyak kebaikannya.

Dan saya insyaAllah, saya tidak akan gentar dengan kritikan, apa yang saya pernah katakan dahulu, apa yang baik untuk rakyat baiklah untuk saya dan yang penting saya ingin melihat perubahan pemikiran orang-orang Terengganu itu dahulu, berubah kerana inilah produk daripada perubahan pemikiran orang-orang Terengganu. Penjenamaan semula Terengganu ini ialah melihat bahawa kita telah mula mengubah pemikiran sebagaimana yang dikatakan oleh Malekbennabi, 'Daifikri walqasab'. Saya tidak mahu ada di antara kita yang malas berfikir, yang daif pemikirannya dan malas berusaha. Jika kita boleh mengatasi masalah-masalah daif berfikir dan malas berusaha ini, insyaAllah saya percaya kita boleh mengatasi apa juga masalah kemiskinan yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya bertekad untuk mengubah pemikiran rakyat Terengganu. Biarlah saya diukur bagaimana saya dapat mengubah pemikiran rakyat Terengganu. Saya ada bagi tahu kepada Perdana Menteri baru-baru ini tentang niat saya dan saya bagi tahu kepada dia niat saya untuk mengubah pemikiran rakyat Terengganu ialah bukan suatu perkara yang senang dan saya juga berkata kepada dia apa guna satu jawatan yang tinggi jika kita tidak berani memikul cabaran tersebut.

Begitulah gulungan saya dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli, Kakitangan Kerajaan, rakyat yang sentiasa memberi sokongan kepada saya dan kita doakan agar insyaAllah kita akan sentiasa dirahmati dan diberi petunjuk oleh Allah S.W.T. Sekian, Yang Berhormat Yang Di Pertua.

YANG BERTUHON DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telahpun selesai membahas Rang Enakmen Perbekalan (2006) 2005. Sekarang saya buka untuk undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UTNUK PERBELANJAAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2006 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2006 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2006 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 3 Tahun 2005.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri
Bagi Tahun 2006**

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat
Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan:

*"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan
Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini
membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan
Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2006
sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-*

JADUAL						
Maksud	Tajuk Maksud	Negeri	Diganti Oleh Persekutuan	Pinjaman (Negeri)	Pinjaman (Pusat)	JUMLAH
P.02	Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri	519,326,300.00	-	-	-	519,326,300.00
P.04	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5,000,000.00	-	-	-	5,000,000.00
P.10	Jabatan Kerja Raya Negeri	52,798,000.00	-	-	-	52,798,000.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran Negeri	13,500,010.00	-	-	-	13,500,010.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,100,000.00	-	-	-	2,100,000.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	2,130,000.00	-	-	-	2,130,000.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	8,095,000.00	-	-	-	8,095,000.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	2,190,000.00	-	-	-	2,190,000.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	2,100,000.00	-	-	-	2,100,000.00

P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri	30,000,000.00	-	-	-	30,000,000.00
P.29	Pejabat Perhutanan Negeri	3,550,000.00	-	-	-	3,550,000.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	1,500,000.00	-	-	-	1,500,000.00
P.31	Jabatan Pertanian Negeri	3,500,000.00	-	-	-	3,500,000.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	103,000,000.00	-	-	-	103,000,000.00
JUMLAH BESAR:		752,789,310.00	-	-	-	752,789,310.00"

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 24/2005. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Pertama-tamanya saya ingin berkongsi sama pendapat yang mengatakan bahawa Bajet Pembangunan yang dibentangkan pada hari ini adalah yang terbesar pernah dilihat bagi Negeri Terengganu. Kalau kita lihat Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, RM764 juta adalah suatu jumlah yang paling besar tetapi saya ulangi apa yang saya katakan semalam iaitulah ini merupakan usaha tertunggak yang sekian lama Terengganu dinafikan untuk membangun dengan keupayaan hasil yang sepatutnya diperolehi oleh Negeri Terengganu. Yang saya kata semalamnya ialah kira-kira hasil yang telahpun disimpan lebih kurang RM7 bilion pada hari ini dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kali yang pertama ini dapat membawa balik sebanyak RM764 juta campur daripada RM7 bilion yang telahpun dinafikan kepada rakyat dan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan – Kalau Menteri Besar pada masa itu maksud saya 2000 – 2004, boleh bawa tak sebanyak ni, RM764 juta ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, kalaulah tidak ada kerja-kerja khianat oleh Umno dan Barisan

Nasional yang merampas, merompak harta rakyat, hak rakyat, lebih daripada ini kita boleh buat.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Sekarang ini siapa yang khianat, RM434 juta yang sebelum ini pernah diberikanpun tak tahu sampai ke hari inipun tak pernah dengan izin, *accounted for*, siapa yang khianat, Pas ke Umno?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, RM423 juta kita boleh lihat dalam Laporan Audit ada di situ bukan dipoket masuk, maaf Dato' Yang Di Pertua, saya ingin teruskan dengan ucapan saya.

Dato' Yang Di Pertua, peruntukan-peruntukan yang saya ingin membawa peringatan bersama:

1.	P.02	- Menteri Besar dan SUK	=	RM519.32 juta
2.	P.10	- Jabatan Kerja Raya	=	RM52.79 juta
3.	P.11	- Jabatan Parit & Saliran	=	RM13.5 juta
4.	P.19	- Pejabat Tanah & Galian	=	RM30 juta
5.	P.32	- Pelbagai Pembangunan	=	RM103 juta

yang lain-lain saya kira perkara-perkara yang susulan dan seterusnya. Yang pertama sekali Dato' Yang Di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana peruntukan yang telah diberi untuk PPRT sebanyak RM30 juta. Ini suatu kesedaran disebalik dunia telah mengenali Terengganu. Terengganu telah diduniakan, diglobalizekan dengan izin, tetapi di sana kita lihat 160,000 rakyat Terengganu yang terpaksa berbaris untuk menyambut hari raya, mengapa? Mengapa, selama 37 tahun BN/Umno, *alliance* dengan izin, memerintah inilah *product* yang kita perolehi, minda manusia. Mungkin mereka ini tak layak menerima tetapi kita

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Program PPRT itu memang RM30 juta, yang berbaris itu bukan daripada PPRT, jadi lain, itu lain. Jangan duk kait begitu semua, nak dapat duit raya, dekat Scotlandpun ada, dekat Englandpun ada, dia tak panggil Wang Ihsan, dia panggil wang lain, banyak yang dia dapat, tiap-tiap dua minggu dia dapat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, *Social States* dengan izin, berbeza. Saya kata dari mana mereka-mereka ini datang? Di mana hati kecil mereka untuk menerima habuan ini, adakah mereka ini miskin? Kalaulah miskin ianya ialah orang-orang Umno sahaja kerana pemberian kepada 160,000 orang itu tak boleh kepada orang Pas, kena masuk borang Umno dulu, kena lulus JKKK dulu

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Salah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya akan beri rekod orang-orang Pas Kedai Buloh yang dapat Dana Khas. Saya akan beri dan jugak orang-orang Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya alu-alukan jika sekiranya itu benar melainkan ianya telah disokong oleh JKKK

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Benar belaka tu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ditawan hati mereka, dibenarkan boleh ini kerana ada perjanjian kerana orang yang tidak ditandatangani oleh JKKK ini tidak diberi. Dato' Yang Di Pertua saya ingin teruskan dengan ucapan saya.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan sekali lagi Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih Wakil Batu Burok. Yang Berhormat Yang Di Pertua, Wakil Batu Burok ini banyak pelawok dah. Dua kali dah pelawok, hari ini kata orang Umno saja yang boleh, jadi pelawok lagi. Jadi saya tak fahamlah bercakap ayat Quran, perompak semua sekali, cakaplah betul-betul. Ada yang boleh, kawasan sayapun ramai orang-orang Pas yang telan bendera dengan tiang-tiangpun kita beri. Jadi Allah, saya tak tahu nak kata dah, Wakil Batu Burok ni, batu buruk barangkali.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya harap Dato' Yang Di Pertua, membenarkan gangguan mengikut kaedah dan peraturan *Standing Order*, dengan izin dan bukan untuk mencerca, mengata benda-benda yang tak betul hanyalah mengganggu saja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Teruskanlah ucapan tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menekankan bahawa PPRT sama ada tegar ataupun tak tegar, 27,000 orang yang telah dikenal pasti oleh Yang Berhormat Wakil Ajil. Saya hanya untuk memberi *caution* dengan izin Dato' Yang Di Pertua, peristiwa-peristiwa yang pernah dilaporkan dan berlaku supaya ianya tidak berulang. Yang pertama, kejadian Taman Orkid Integrated Bukit Besi, di mana mangsanya Ketua Setiausaha, Kementerian dua tahun penjara. Yang kedua, dalam Laporan Audit kalau tak silap saya tahun 1998 dan Yang Berhormat Kemasik kerana dia yang paling lama dalam Dewan ini mungkin dia ingat telah diperjelaskan bahawa daripada Dana PPRT diguna oleh JKKK untuk membina rumah sewa, membesarkan rumah keluarga dan berbagai-bagai lagi dengan gambarnya sekali. So, saya harap hati nurani yang dinukilkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar itu tadi tidak akan berulang peristiwa ini. Yang ketiga, diskriminasi politik dan umpan politik janganlah dijadikan peruntukan PPRT ini semata-mata jalan singkat untuk mendapat layanan dan sokongan politik, *be fair* dengan adil.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, 2000 – 2004 baru-baru ini tak pernah jadi umpan benda-benda macam ni, wang zakat, apa begitu-begini yang kepada mereka yang tak layakpun diberi kerana semata-mata untuk mengumpun bakal penerima supaya memberi sokongan kepada parti memerintah pada masa itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, di dalam tempoh pemerintahan Pas November 1999 sehingga 21 Mac 2004, tidak ada disyaratkan sesiapa yang mahukan peruntukan bantuan dan sebagainya, kena masuk borang, semuanya dibagi sama ada zakat, fitrah, rumah, tanah dan sebagainya.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan, nampaknya Dewan ini *dimislead*, dengan izin, *misleading*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak mahu bagi lagi, sekejap lagi biar saya selesaikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Program aktiviti ekonomi pertanian dan ternakan, ini suatu lagi *the grey area*/kawasan kelabu, Dato' Yang Di Pertua. Rancangan Pawah Kerajaan sekarang ini satu daerah, satu industri yang dulunya satu orang seekor lembu. Ianya bermula awal tahun '60an, saya masih ingat saya berkhidmat di Pejabat Haiwan sampai hari ini adakah dan apakah kejayaan dan kemajuan di bawah Skim Pawah ini? Oleh itu saya pohon di dalam kita memberikan peruntukan dan menjadikan Tahun Pertanian Negeri Terengganu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara ini perlu dilihat semula sejauh mana kejayaan kita dan apakah kita mahu benar-benar rakyat kita di Terengganu ini bukan dia diikuti lembu ataupun dia mengekori seekor lembu. Oleh itu, Skim Pawah/Sistem Pawah yang telahpun diperkenalkan 45 tahun dahulu biarlah ianya menjadi suatu usaha dan tindakan pertanian-ternakan yang akan membawa petani-petani, penternak-penternak kita kepada tahap yang boleh membanggakan. Dan saya dimaklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bilangan lembu ataupun *cattle population* dengan izin, di Terengganu menurun kerana kurangnya sambutan dan peserta-peserta penternak lembu ini kerana tidak ada bimbingan, susulan, perhatian

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan – Boleh Wakil Batu Burok bagi *figure* itu menurun daripada berapa ke berapa? Ke pakai sebut begitu saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya perlu notis, Dato' Yang Di Pertua. Dan begitulah juga dalam ruang-ruang yang lain, ternakan ikan berapa banyak duit rakyat, harapan rakyat biasa yang membina kolam-kolam ikan tetapi selepas daripada itu yang memakmurkan kolam-kolam ikan ini hanyalah memerang dan biawak riang. Ini kehampaan rakyat Dato' Yang Di Pertua, dan saya harap melalui pembangunan yang begini besar peruntukannya silalah pihak Kerajaan dengan pegawai-pegawai teknikal melihat kepada ruang-ruang ini supaya kita boleh membanggakan kepada kemajuan dan perkembangan pertumbuhan di dalam sektor pertanian dan asas tani ini.

Yang ketiga, Dato' Yang Di Pertua, aktiviti yang ingin saya katakan ialah infrastruktur. Di bawah aktiviti ini dengan peruntukan yang begitu banyak yang diberi kepada JKR RM52.79 juta, Pejabat Tanah dan Galian RM30 juta ini, sampailah masanya keprihatinan Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri melihat jalan-jalan di kampung-kampung yang pada ketika ini lebih daripada 80 peratus ihsan tuan punya tanah yang terpaksa mengikut laluan-laluan yang turun temurun, zaman berzaman diikuti jalan ini belum melalui proses pembayaran pampasan ataupun di *formalize* kan dengan izin, sebagai jalan awam. Jadi untuk itu saya mengharapkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kesemua Pentadbir-Pentadbir Tanah diberi suatu dasar untuk menilai semula jalan-jalan kampung yang pada hari ini dan pernah saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini ianya lebih merupakan sebagai belakang ular sawa. Kalaulah kita meniti sendirian tak jatuh tetapi apabila sebuah kenderaan lalu, berselisih dengan basikal anak sekolah mesti turun di bawah, ini keperluan yang *immediate* dengan izin, yang terdesak di kampung-kampung. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya berharap

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, minta laluan – Boleh khabar kampung mana tu? Hak saya jumpa baru-baru ini di Pasir Mas banyak jalan begitu di Terengganu takdok rasanya macam tu. Tolong khabar kampung mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tidak nak bergurau, saya boleh bawa, di Ajil ke, di Wakaf Tapai ke, di mana-mana saja, ini adalah hakikat yang ada. Tanyalah semua Wakil-wakil Rakyat ini

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pelawok sokmo ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak mahu Dato'Yang Di Pertua, kalau boleh

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di Ajil tidak ada satu batangpun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau boleh biar manusia ini ada maruah dia, Dato' Yang Di Pertua. Daripada dia Pembangkang itu hari sampai ke hari ini, inilah perangai yang baiknya daripada Rasul yang tidak ada wahyu ni.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ha, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan, tak bagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sila, duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan cakap pelawok, kena cakap molek.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, sekarang ini dengan peruntukan yang diberi kepada JPS yang saya kira-kira dalam peringkat permulaan ini memadai untuk melihat semula bahawa kita di Terengganu khususnya di kawasan Kuala Terengganu mempunyai begitu luas kawasannya, tanah-tanah yang terbiar yang tidak diusahakan khususnya tanah-tanah padi. Sedangkan pemilik-pemilik masih lagi membayar cukai berkenaan dengan sumbangan air tetapi tanah mereka tak dapat diusahakan untuk tanaman padi. Jadi di dalam perspektif ini saya memohon daripada Kerajaan dengan kewangan yang begini besar melihat semula keutamaan-keutamaan untuk mengguna semula secara alternatif tanah-tanah yang terbiar yang pada hari ini menjadi suatu kesulitan dan kesusahan, dalam bahasa Inggeris *hazard* dengan izin Dato' Yang Di Pertua, tempat pembiakan ular sawa, biawak dan sebagainya yang mengancam penduduk-penduduk kita pada hari ini. Oleh itu, dengan peruntukan JPS ini, perparitan-perparitan

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Saya nak tanya berapa orang dah di Terengganu ni mati kerana ular sawa ni. Ada statistik?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya tak mahu layan yang itu.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini dakwaan di dalam Dewan yang mulia ini. Khabarlah kalau ada kes.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan saya dakwa, saya kata tanah-tanah yang terbiar ini menjadi tempat pembiakan musuh-musuh manusia.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Benda pulak dah, satni kata ada jadi mangsa, satni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Memang kalaulah ditangkapnya boleh

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kalau dah jadi mangsa, berapa orang kena belit di ular sawa, mati ke, kena telan ke, khabarlah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dia Wakil Kijal sekejap lagi dekat rumah dia tu turun ikut bukit itu, saya pernah tengok turun itu hari ular sawa.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Taklah, cakuplah boleh sikit dalam Dewan ni, cakap lembut dah ni. Tolong khabar berapa orang?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tengok dah ular sawanya yang turun daripada rumah Yang Berhormat tu turun ke sini dilanggar lori. Saya tengok sendiri dengan mata lendir sendiri.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya tahulah tu tapi saya nak tahu berapa orang kes mangsa yang disebut tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tapi mungkin Yang Berhormat dia ada pistol dia tembak ke apa, saya tak tahulah dia hambat lari.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pistol air adalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya diganggu saya nak membincangkan infrastruktur tadi. Saya tengok di bawah PAKR ini, 9 projek yang memerlukan peruntukan-peruntukan yang digambarkan dan dijelaskan di sini, 9 projek perumahan yang dilaksanakan pembinaannya semasa Pas memerintah jumlah kesemua 1,982 unit. Dan ditunjukkan di sini Mengabang Lekor, Mengabang Lekor dibina oleh penyokong kuat Umno yang paling corot sekali selain daripada Hubungan Raya di Pulau Serai, Ensidesa yang paling corot sekali pembinaan dan pelaksanaan. Padang Air, Pasir Gajah, Padang Setenge, Anak Ikan, Gong Tengah, Lak Lok, Sungai Kerak, tertinggal satu Banggol Peradong, saya tak tahu macam mana boleh tertinggal sedangkan status pembinaannya saya masih ingat dalam keadaan yang sama. Apa yang saya nak bagi tahu rumah ini semasa ketinggalan kita, Mac 2004, selain daripada Mengabang Lekor, Ensidesa dan Hubungan Raya yang kesemuanya Padang Setenge 98 peratus. Yang lain kesemuanya ke atas 80 peratus, sekarang ini BN telah memerintah balik hampir dua tahun tetapi belum lagi dibahagi-bahagikan kepada rakyat. Saya harap keadilan akan datang di sini supaya ianya tidak menjadi isu politik dan hanyalah orang-orang dan penyokong-penyokong Umno, orang-orang yang bersedia menandatangani borang Umno sahaja yang akan diberi rumah-rumah yang telah disiapkan ini.

Dato' Yang Di Pertua, suatu pengalaman mengenai dengan penyelenggaraan rumah-rumah kos rendah ini. Semasa kami diberi kuasa untuk memerintah Negeri Terengganu dulu, sebagai contoh Yang Amat Berhormat Dato' Seri, peruntukan-peruntukan rumah murah ini diberi kepada orang yang tidak benar-benar memerlukannya yang tidak benar-benar layak tetapi ada dalam keadaannya satu orang JKKK dapat dua unitpun ada, satu unitpun ada. Dan berlaku perisytwa ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di Rumah Pangsa Batas Baru diberi sewa dengan harga RM300 tetapi bayaran kepada PERMINT tidak dibayar dan sehingga hari ini Flat Gelong Bilal masih lagi dalam keadaan yang paling mendukacitakan, puluhan tahun belum lagi mendapat CF, belum sempurna dan dibebankan kepada Kerajaan untuk menyenggarakan bangunan ini sehingga hari ini yang sepatutnya diatasi ianya bukan *our baby, not our baby* bukan anak kita Dato' Yang Di Pertua tetapi anak BN sebelum Pas memerintah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, bini nak anak takmboh jaga.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kita jaga adik Mat weh tapi adik Mat duk menginding semacam tak begitu, sikit-sikit mari.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sikit lagi. Dato' Yang Di Pertua, dalam peruntukan yang begini banyak yang dibanggakan sebagai Bajet Pembangunan yang terbesar *everseen* yang belum pernah dilihat sebelum ini dan bukan sahaja di Negeri Terengganu, di negeri-negeri di Malaysia belum ada peruntukan yang sebegini besar. Saya tak tahu dan saya dah ucap tahniah acap kali, duit ini datang daripada duit kita dan sekarang inilah untuk membuktikan semula kepada rakyat jangan jadi 1999 sehingga rakyat *jebih* ke kita. Betullah sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat BN mendapat 28 kerusi dan kita semua tahu dalam peristiwa Kerajaan datang dan pergi. Sokongan rakyat juga datang dan pergi. Dengan keupayaan yang ada pada hari ini walaupun kami dinafikan ketika itu saya mengharapkan suatu keadilan diberi kepada rakyat kita. Rakyat Negeri Terengganu kurang daripada 1 juta bilangannya dan dengan peruntukan yang besar, peruntukan yang tertunggak yang ada pada kita pada hari ini Terengganu mungkin mampu 27,000 manusia yang dikatakan miskin ini diberi bantuan khas, bantuan bulanan yang mencukupi untuk membiayai keluarga-keluarga mereka tanpa menjadikan mereka ini mangsa tekanan politik dan sebagainya. Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada sesiapa lagi yang hendak berucap. Kalau tidak ada, dipersilakan pihak Kerajaan kalau ada untuk membuat Penggulungan/jawapan. Tidak ada. Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri
Bagi Tahun 2006

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2006 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

<u>JADUAL</u>			
Tajuk Perkara	Perbelanjaan Negeri	Pinjaman Pusat	JUMLAH
Pembangunan Perbekalan Air	12,000,000.00	25,050,050.00	37,050,050.00'

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 25/2005. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada Ahli-ahli yang mahu berucap dipersilakan. Tidak ada. Terima kasih. Sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Pelantikan Ahli Dewan Negara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agung telah memaklumkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa akan berlaku dua kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu. Kekosongan ini ialah disebabkan tempoh perkhidmatan kedua-dua Ahli Dewan Negara sekarang akan tamat pada 22 Disember 2005 dan meminta supaya dipilih dua Ahli Dewan Negara yang baru.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya diadakan pemilihan dua orang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih dua orang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat mengemukakan cadangan. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan memohon untuk mencadangkan:-

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih Yang berbahagia Dato' Haji Wan Ahmad Farid bin Dato' Haji Wan Salleh sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan.”

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai calon yang saya kemukakan tadi untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini ke Dewan Negara. Adapun latar belakangnya secara ringkas ialah Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Ahmad Farid bin Dato' Haji Wan Salleh dilahirkan pada tanggal 13 November 1962 di Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Terengganu dan menyambung pelajarannya sehingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University Thames Valley di London dan pada tahun 1997 menjadi Peguambela dan Peguamcara, Peguam Syarie dan Setiausaha Jawatankuasa Peguam Negeri Terengganu. Beliau juga mendapat pengalaman dalam kerjayanya di antaranya ialah menghadiri Seminar Musim Panas di University Cambridge dalam bidang Undang-Undang Antarabangsa, mengikuti Pilihanraya President George Bush dan Algore di Amerika Syarikat, Wakil daripada Asia Tenggara. Membentang kertas kerja tentang ancaman keganasan di Asia Tenggara dan Pengerusi Asean People Assembly di Manila dan pada 2003 menjadi tetamu Kerajaan Australia untuk berucap dalam Forum Malaysia selepas Mahathir.

Adapun dalam bidang politik, Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Ahmad Farid sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda Umno Bahagian Kuala Terengganu pada tahun 1995, Ketua Pemuda

Bahagian pada tahun 1998, 1999 dia menjadi Exco Pemuda Umno Malaysia. Pada tahun 2001 Timbalan Ketua Umno Bahagian Kuala Terengganu dan pada tahun 2003 hingga sekarang dilantik sebagai Setiausaha Politik Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. 2004 dia menjadi Ketua Bahagian Umno Negeri Terengganu.

Dalam bidang sukarela dia menjadi Presiden Persatuan Badminton Negeri Terengganu dan juga Presiden Persatuan Squasy Negeri Terengganu. Atas jasa-jasa itu beliau jugak dianugerahkan pada tahun 1996 dengan gelaran Dato' Paduka Mahkota Terengganu (DPMT) oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Haji Wan Hisham bin Wan Salleh (Wakil Ladang) dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera (Wakil Cukai) telah keluar meninggalkan Dewan dan tidak mengambil bahagian semasa pengundian cadangan pelantikan dan membuat keputusan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

CADANGAN INI DITERIMA.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin mengemukakan satu cadangan lagi iaitu

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin menyampaikan sedikit sebanyak ringkasan latar belakang calon yang saya kemukakan ini untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ke Dewan Negara. Beliau adalah Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie. Berusia 31 tahun, berasal daripada Kuala Ibai, Kuala Terengganu, status berkahwin dan suaminya seorang Peguam. Latar belakang pendidikan beliau bermula di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman I, Kuala Terengganu. Kemudian menyambung pelajarannya ke Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu dan menyambung lagi pelajarannya di peringkat SPM di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor. Dan kecemerlangan beliau disambung dalam bidang Matrikulasi UIA dan mendapat Sarjana Muda Kelas Kedua Atas (Kepujian) Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam. Kemudian menyambung pelajaran lagi di peringkat Sarjana iaitu Sarjana Syariah pada 2000 hingga 2005.

Dari segi pengalaman kerjaya, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Khas Kepada Timbalan Perdana Menteri. Kemudian menjadi Penolong Pengarah (Operasi), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), dan sekarang menjadi Pegawai Seranta (FELDA) di Jabatan Timbalan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Persekutuan, Putrajaya.

Kemudian di dalam penglibatan bidang politik beliau adalah seorang Ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno juga selaku Exco Pergerakan Puteri Umno Malaysia dan juga Ketua Pergerakan Puteri Umno Negeri Terengganu. Dalam bidang NGO atau Badan-badan Bukan Kerajaan, beliau seorang memegang jawatan Pengerusi Persatuan Wanita Melayu Muda Terengganu ataupun WARDAH. Juga sekarang menjadi Naib Pengerusi Belia 4B Negeri Terengganu. Beliau juga telah dianugerahkan Bintang Ahli Mahkota Terengganu (A.M.T.) pada tahun 2005. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan nama tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

CADANGAN INI DITERIMA.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mengisytiharkan Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Ahmad Farid bin Dato' Haji Wan Salleh dan Puan Nordiana binti Datuk Haji Mohd Shafie telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada mulai 23hb. Disember, 2005.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas kerjasama yang telah diberikan kepada saya selama 4 hari dalam Persidangan Dewan kali ini.

Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca surah Al-Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 2.45 PETANG.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KETIGA
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2005 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

- SOALAN 1 : Difahamkan KUSZA akan menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman Malaysia. Sila jelaskan mengenai perkembangan tersebut.
- JAWAPAN : Perkembangan terkini KUSZA yang akan menjadi sebahagian daripada UDM ialah membuat persiapan awalan seperti menggubal kokurikulum untuk program peringkat Ijazah di KUSZA. Setakat ini 9 program peringkat ijazah telah disiapkan dan hanya menunggu ketibaan Naib Canselor UDM dan pasukan penggeraknya untuk memulakan operasinya. Selain itu, hal-hal yang bersangkutan dengan perundangan sedang diselesaikan bersama antara Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Begitu juga dengan skim perjawatan kakitangan KUSZA sedang ditangani oleh pihak KUSZA dengan Kementerian Pengajian Tinggi.
- SOALAN 2 : Jika dilihat tanah perkuburan Islam di negeri ini nampak bagaikan tidak diurus dengan sempurna. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menyeragamkan perkara tersebut agar ia memberi imej yang baik dan menjadikan "institusi" perkuburan lebih bersih dan tersusun.

JAWAPAN

: Di antara usaha Kerajaan Negeri dalam menyeragamkan tanah-tanah perkuburan Islam ialah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Peringkat Negeri dan Daerah bagi tujuan memastikan tanah-tanah perkuburan diselenggara dengan baik dari segi :-

- a. Kebersihan.
- b. Keceriaan.
- c. Layout/Susunatur liang lahad.
- d. Keselamatan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah :-

Bagi Daerah Kuala Terengganu :

- a. Pihak Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) telah melantik empat (4) kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan di empat tanah perkuburan Islam utama bermula 1 Oktober 2005 iaitu :-
 - i. Perkuburan Islam Syekh Ibrahim.
 - ii. Tanah Perkuburan Islam Tok Pelam.
 - iii. Tanah Perkuburan Islam Bukit Kecil.
 - iv. Tanah Perkuburan Islam Jalan Batas Baru.
- b. Kerja-kerja mengecat semua batu nisan bagi menampakkan keseragaman dan keceriaannya akan dikendalikan melalui jabatan-jabatar yang dikenalpasti. Antaranya :-
 - i. Jabatan Kerja Raya.
 - ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat.
 - iii. Polis Di Raja Malaysia.
 - iv. Pejabat Daerah.

Bagi Daerah lain, Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Peringkat Daerah akan mengadakan mesyuaratnya dan mengambil tindakan yang serupa dalam masa terdekat.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun 2005 dan perbandingannya dengan tahun lepas dan apakah usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan jumlah kutipan zakat.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Satu program galakan membaca telah dilancarkan di peringkat kebangsaan tidak lama dulu. Program ini juga telah dilancarkan di peringkat negeri. Bagaimanakah perkembangan program ini sekarang?

JAWAPAN : Program galakan membaca di peringkat negeri adalah berterusan dan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu iaitu:

- i) Wacana Intelektual bertajuk Diskusi buku "Mahathir Mohamad – achieving true globalisation".
- ii) Pertandingan "Bercerita Kisah-Kisah Nabi" untuk kanak-kanak sekolah rendah sempena Sambutan Maal Hijrah 1426H/2005M.
- iii) Kem Keluargaku Keluarga Membaca untuk jabatan/agensi-agensi kerajaan di Negeri Terengganu.
- iv) Seminar "Internet Surfing" untuk pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan kakitangan agensi-agensi/kerajaan sekitar Kuala Terengganu.
- v) Bengkel Teknik Bercerita Kanak-Kanak "What make a story: di Bilik Seminar Perpustakaan Negeri.

- vi) Pertandingan Mewarna/Melukis untuk kanak-kanak Pra Sekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Rendah dan Atas Peringkat Negeri Terengganu.
- vii) Kem Mesra Komputer untuk kanak-kanak luar bandar di daerah Kemaman.
- viii) Pertandingan Melukis untuk kanak-kanak Sekolah Rendah Sempena Kem Mesra Komputer.
- ix) Pelbagai aktiviti kanak-kanak iaitu persembahan boneka, sesi kraftangan, kuiz, uji minda dan sebagainya secara bulanan di Bilik Aktiviti Kanak-Kanak di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah Mekanisma yang telah digunakan di dalam pengagihan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan Belia, Sukan, Kebudayaan dan Badan-badan NGO's di Negeri Terengganu.

JAWAPAN : 1. Bantuan melaksanakan program kepada persatuan itu sendiri.

2. Bantuan Pentadbiran – untuk pengurusan seperti surat menyurat, mesyuarat, pentadbiran dan keahlian.

3. Program Jabatan – Peruntukan disalurkan kepada persatuan belia untuk melaksanakan program jabatan (Kerjasama diantara jabatan dengan persatuan)

SOALAN 3 : Terengganu bakal menjadi tuan rumah untuk Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2008. Namun begitu kita masih lagi kekurangan atlit-atlit yang berkemampuan. Apakah persediaan yang telah dan sedang kerajaan lakukan untuk mencungkil bakat-bakat baru serta dapat merangkul seberapa banyak pingat dan menjadi juara sukan tersebut.

JAWAPAN

: Sebagaimana yang telah sedia maklum, Terengganu bakal menjadi tuan rumah SUKMA pada tahun 2008. Sebagai tuan rumah, kita mestilah membuat persiapan rapi untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 4 terbaik di kejohanan itu nanti. Selain daripada program pembangunan yang telah tersedia ada, Majlis Sukan Negeri Terengganu telah dan akan melaksanakan beberapa program pembangunan bagi memantapkan lagi persiapan. Sudah semestinya kerjasama persatuan-persatuan sukan negeri diperlukan bagi menjayakan program tersebut. Program yang telah sedia ada ialah:-

i. **Program Tunas Harapan - sejak tahun 1991**

- Program latihan berterusan melatih atlit yang berumur 9 - 14 tahun di seluruh daerah.

ii. **Program Bintang Cemerlang - 1996**

- Program insentif kepada atlit cemerlang berumur 15 - 21 tahun untuk membantu atlit menjalani latihan berterusan.

iii. **Program Pembangunan di Peringkat Persatuan**

- Bantuan diberikan kepada persatuan-persatuan untuk membentuk pasukan pelapis bakat baru menjalani latihan secara berterusan sepanjang tahun.

iv. **Program Pendedahan Kepada Atlit-atlit Remaja**

- Atlit remaja sentiasa dihantar keluar untuk menyertai kejohanan sebagai pendedahan.

v. **Program Insentif Bagi Atlit Elit**

- Pelaksanaan telah dibuat untuk mengumpul dan memanggil balik atlit-atlit cemerlang yang berada di luar Terengganu untuk terus berkhidmat di negeri ini dengan pembayaran elaun dan insentif yang berpatutan.

vi. **Program Jangka Pendek**

- Kem-kem latihan telah diadakan dan akan terus diadakan setiap bulan bagi memastikan kecemerlangan atlit berterusan disamping mencungkil bakat-bakat baru sehingga SUKMA 2008 dan selepas itu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(c)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ALIAS BIN ABDULLAH
WAKIL ALUR LIMBAT

- SOALAN 1 : a) Berapakah jumlah tanah terbiar milik Kerajaan di seluruh Negeri Terengganu?
- b) Apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan kawasan tanah terbiar tersebut bagi mendapatkan pulangan ekonomi yang boleh emmanfaatkan Kerajaan Negeri dan rakyat Terengganu?

JAWAPAN : Senarai Tanah Terbiar Milik Kerajaan di seluruh Negeri Terengganu adalah seperti berikut:-

DAERAH	KELUASAN
Kuala Terengganu	-
Kemaman	97,887.58 ha.
Dungun	1,473 ha.
Besut	1,475 ha.
Hulu Terengganu	6,718 ha.
Marang	11,549 ha.
Setiu	280 ha.
JUMLAH	119,382.58 ha.

- b) Tanah terbiar berkenaan dicadangkan dijadikan Rancangan Tanah Berkelompok dan sebahagiannya disimpan/rizab bagi kegunaan masa hadapan.

SOALAN 2 : a) Apakah status pembangunan Paya Bunga Plaza Kuala Terengganu?

b) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri ke arah menangani masalah pembangunan Paya Bunga Plaza yang telah lama terbengkalai?

JAWAPAN : a) Projek Plaza Paya Bunga telah dibangunkan semula dan pembinaannya dimulakan pada 1 Mac, 2005. Ia dijangka Kemajuan kerja pembinaan bagi tempoh sehingga 30 Oktober 2005 ialah 91.0% dan kemajuan kerja adalah mengikut jadual.

b) Kerajaan Negeri telah menggerakkan pemaju untuk menyelesaikan masalah pembiayaan projek dan pembinaan semula projek pada tahun 2004. Semua urusan sudah diselesaikan dan pembinaan semula telah dimulakan pada 1 Mac, 2005. Pada masa ini pembinaan projek lancar dan dilaksanakan mengikut jadual.

SOALAN 3 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi kemahiran ilmu pengetahuan dan mutu perkhidmatan Imam/Bilal seluruh Negeri Terengganu?

JAWAPAN : 1. Perancangan Jangka Masa Panjang

Menubuhkan PusatLatihan dan Dakwah Negeri Terengganu dengan mengambil balik kawasan dan bangunan Sek. Men. Agama Batu Rakit, Kuala Terengganu.

1.1 Tindakan dan Perjalanan

1.1.1 Persetujuan Mesyuarat MAIDAM Kali Keempat 1998 pada 23 November 1998.

1.1.2 Kertas Cadangan JHEAT.02-014/48-(16) bertarikh 22 Disember 1998.

1.2 Keputusan

Ditangguhkan dahulu sehingga pembinaan Sek. Men. Agama Batu Rakit yang baru siap sepenuhnya.

Rujukan surat UPEN.TR.290/01/02-(45) bertarikh 26 Januari 1999.

2. Perancangan dan Tindakan Jangka Masa Pendek

- 2.1 Kursus dan Bengkel Peningkatan Mutu Pembacaan Khutbah Program Berkala JHEAT.
- 2.2 Kursus Peranan dan Tanggungjawab Imam/Bilal di peringkat semua daerah – JHEAT.
- 2.3. Seminar Kepimpinan dan Kemasyarakatan Di Kalangan Imam/Bilal di semua daerah – JHEAT.
- 2.4 Menghadiri Kelas “Tafakkuh Fin Din” mendalami agama di masjid-masjid utama setiap daerah sekali seminggu.
- 2.5. Menghadiri kursus-kursus anjuran agensi agama seperti JAKIM/YADIM dll.
- 2.6 Menggalakkan menyambungkan pelajaran ke IPT/IPTS seperti UKM, UM dll.
- 2.7 Penghargaan melalui Program Pemilihan Tokoh Imam/Bilal Terbaik Sempena Sambungan Maal Hijrah setiap tahun.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2005 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (d)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS
WAKIL LANGKAP

SOALAN 1 : Apakah rancangan jabatan-jabatan dalam sektor pertanian (pertanian, perkhidmatan haiwan, perikanan) untuk membangunkan masyarakat luar bandar dalam tempoh Rancangan Malaysia 9. Sila jelaskan perancangan besar yang telah disusun mengikut daerah.

JAWAPAN : 1. Dalam Rancangan Malaysia 9, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah merancang 8 program utama untuk meningkatkan pendapatan petani di seluruh Negeri Terengganu. Di antara projek-projek tersebut ialah :-

- Program Pembangunan Dusun Nukleus dan Pemulihan Dusun Kelompok.
- Program Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).
- Program Pembangunan Industri Sayur Komersil dan Tanaman Kontan.
- Program Pembangunan Industri Kelapa.
- Program Pembangunan Peningkatan Hasil Padi.
- Program Pembangunan Industri Tanaman Berpotensi.
- Program Pembangunan Industri Asas Tani.
- Program Pembangunan Pemasaran.

Bagi menjayakan program-program tersebut, anggaran peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM116.0 juta sepanjang tempoh RMK 9 yang meliputi Peruntukan Negeri dan Persekutuan (termasuk Peruntukan Dana Khas). Agihan peruntukan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

Daerah	Besut	Dungun	H.Trng.	Kemaman	K.Trng.	Marang	Setiu	Jumlah
Jumlah Anggaran Peruntukan (RM juta)	21.0	13.0	16.0	17.0	14.0	17.0	18.0	116.0

2. Dalam tempoh Rancangan Malaysia 9 khususnya tahun 2006, Jabatan Perikanan telah merencanakan beberapa program bagi maksud untuk membangunkan masyarakat nelayan, di antara program-program berkenaan adalah seperti berikut :-
 - (i) Program peningkatan pendapatan nelayan melalui aktiviti kuakultur marin. Program ini melibatkan Daerah Besut, Dungun, Marang dan Kemaman.
 - (ii) Pilot projek pemeliharaan ikan marin berkualiti tinggi berkonsepkan 'Fish Protech' iaitu konsep 'zero exchange water'. 3 projek yang dikenalpasti iaitu di kawasan TKPM, Setiu, Jenang dan Paka.
 - (iii) Program penjanaan pendapatan kumpulan Ekonomi Nelayan pantai iaitu satu KEN bagi setiap daerah.
 - (iv) Program Usahawan iaitu peningkatan projek anak angkat Jabatan Perikanan Pemprosesan berasaskan produk berkenaan.
3. Perancangan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 yang besar adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Projek	Daerah	Peruntukan (RM)
1.	Program Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Pelbagai Daerah	8,000,000
2.	Program Pembangunan Industri Lembu Kerbau	Pelbagai Daerah	7,000,000
3.	Program Pengeluaran Makanan Ruminan	Pelbagai Daerah	1,470,000
4.	Program Pengeluaran Makanan Unggas	Pelbagai Daerah	4,000,000
5.	Program Transformasi Bidangusaha Ternakan	Pelbagai Daerah	5,000,000
		JUMLAH	25,470,000

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(e)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan tahap kejayaan kempen Sure Kerja yang telah dilancarkan dari segi sektor-sektor yang terlibat dan jumlah mereka yang telah mendapat kerja hasil daripada kempen tersebut mengikut pecahan umur, kelulusan dan daerah.

JAWAPAN : Hasil dari Program Sure Kerja Peringkat Negeri Terengganu 2005 adalah sebanyak 18 buah syarikat swasta seluruh Malaysia telah menyertai Program Sure Kerja ini yang terdiri daripada 17 buah syarikat dari sektor pembuatan, 5 buah syarikat dari sektor perkhidmatan, 3 buah syarikat di sektor jualan/runcit dan 3 buah syarikat dari sektor perhotelan/resort. Syarikat-syarikat ini telah mengadakan temuduga secara terbuka dan telah menawarkan sebanyak 707 jawatan bagi calon siswazah dan 1,004 jawatan bagi bukan siswazah. Jumlah keseluruhan kekosongan yang telah diisi adalah sebanyak 1,711 jawatan.

SOALAN 2 : Setakat manakah tahap pembangunan semula yang telah dilaksanakan di Pulau Bidong dengan menyatakan:

- a) Jenis projek
- b) Pihak-pihak yang terlibat
- c) Jumlah anggaran kos
- d) Jangkaan siap.

JAWAPAN

- : a. Sehingga sekarang tiada sebarang projek yang telah dilaksanakan di Pulau Bidong kecuali untuk kerja-kerja pembersihan laluan ke monumen sebanyak RM18,000.00. Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya pulau ini dijadikan Pulau Sejarah dan pembinaan sebarang resort adalah tidak dibenarkan sama sekali. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa kemudahan asas yang akan disediakan sebagaimana di bawah:
- i. Melaksanakan kerja-kerja restorasi dan pemuliharaan.
 - ii. Mengadakan sebuah Mini Muzium Bidong.
 - iii. Menyedia/membangunkan tempat-tempat keperluan asas:-
 1. Laluan pejalan kaki dan tangga.
 2. Menyedia/membaiki jeti.
 3. Membina tandas.
 4. Membangunkan tempat-tempat berteduh (wakaf).
 5. Mengadakan papan kenyataan dan tunjuk arah.
- b. Pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan semula Pulau Bidong ialah:-
- i. Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.
 - ii. Pejabat Daerah Kuala Terengganu.
 - iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu.
 - iv. Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Terengganu.
 - v. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.
 - vi. Muzium Negeri Terengganu.
- c. Jumlah anggaran kos pembangunan semula Pulau Duyong adalah sebanyak RM1,000,000 hingga RM2,000,000.00.
- d. Projek-projek ini dijangka akan siap dalam tempoh 1 tahun hingga satu tahun setengah.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2005 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Setiap tahun Kerajaan Negeri melalui MAIDAM telah mengagihkan pemberian zakat setiap tahun. Berapakah jumlah penerima zakat tahun 2005, 2004, 2003, 2002 dan 2001 mengikut Daerah dan DUN.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Melalui Program Ternakan Lembu Pawah Kerajaan, telah ramai peserta terlibat, berapakah jumlah penternak yang terlibat mengikut Daerah dan DUN bagi tahun 2005, 2004, 2003, 2002 dan 2001.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Rancangan Malaysia Ke-9 (RM Ke-9) bermula tahun 2006.

- a. Adakah Projek membina dan menyiapkan Jalan Keruak ke simpang Jalan Kuala Berang/Gua Musang diberi keutamaan oleh UPEN dan dimasukkan dalam RM Ke-9.

- b. Adakah pembangunan LA Hot Spring dan Lata Tembakah di Hulu Besut diberi keutamaan oleh UPEN serta dimasukkan dalam senarai RM Ke-9 dan berapakah peruntukan yang telah diperuntukan bagi kedua-dua pusat pelancongan di atas.

JAWAPAN

- a. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, pembinaan Jalan Keruak ke simpang Jalan Kuala Berang/Gua Musang telah diberi keutamaan (ke 2 selepas pembinaan LPT) dan telahpun dimasukkan dalam perancangan RM Ke-9.

- b. UPEN sentiasa memandang serius pembangunan dan penyelenggaraan produk-produk pelancongan di seluruh negeri. Senarai projek-projek di bawah Kementerian Pelancongan di dalam RMK 9 belum lagi diputuskan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan di bawah RMK 9 sebanyak RM3,870,000.00 bagi menaik taraf Air Panas LA dan sebanyak RM5,675,000.00 bagi projek pembangunan Hutan Lipur Lata Tembakah. Dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelancongan sentiasa menyalurkan peruntukan penyelenggaraan bagi kedua-dua produk pelancongan ini.

Pada tahun 2005 Kementerian Pelancongan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM100,000.00 untuk penyelenggaraan Air Panas LA dan Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM30,000.00 untuk membaiki surau dan tapak perkhemahan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(g)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapa ramaikah pelajar Terengganu yang berjaya memasuki ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sepanjang tahun 2005. Sila nyatakan jumlah pelajar yang berjaya mengikuti kursus di dalam bidang perubatan, perundangan dan kejuruteraan. Berapa ramaikah dalam setahun Yayasan Terengganu menaja pelajar cemerlang ke luar negara dan apakah bentuk program susulan kepada mereka?

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah Pusat Penjagaan Kanak-kanak yang dijangkiti HIV Aids yang telah diwujudkan oleh kerajaan setakat ini. Apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan kanak-kanak tersebut terselamat dan bebas daripada penyakit tersebut.

JAWAPAN : Setakat ini kerajaan belum lagi mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS.

Bayi atau kanak-kanak boleh mendapat jangkitan HIV melalui 2 cara utama iaitu:-

- i) Dari ibu mengandung HIV positif kepada bayi di dalam kandungan atau semasa proses kelahiran dan penyusuan susu ibu.

- ii) Melalui pemindahan darah atau hasil darah (blood product) yang tercemar dengan HIV.

Langkah-langkah yang diambil bagi mencegah jangkitan HIV dari Ibu HIV positif kepada bayi di dalam kandungan ialah:-

- i) Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan ujian saringan HIV kepada ibu-ibu mengandung yang mendapat jagaan antenatal (kandungan) di klinik-klinik kesihatan kerajaan.
- ii) Ibu mengandung yang didapati HIV positif diberi rawatan ubat antiretro viral sepanjang tempoh mengandung, semasa proses kelahiran dan digalakkan bersalin secara pembedahan (caesarean section). Langkah-langkah pencegahan yang diambil ini didapati boleh mengurangkan risiko jangkitan HIV dari ibu kepada bayi daripada 30% kepada 8%.
- iii) Ibu HIV positif juga tidak digalakkan menyusukan bayi dengan susu ibu. Untuk tujuan ini Kementerian Kesihatan Malaysia memberikan bantuan susu formula bayi selama 6 bulan kepada setiap bayi yang dilahirkan oleh ibu HIV positif.
- iv) Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan rawatan antiretro viral percuma kepada ibu-ibu yang dikesan HIV positif semasa mengandung.

Langkah-langkah yang diambil bagi mencegah jangkitan HIV melalui pemindahan darah atau hasil darah:

- i) Semua darah yang didermakan dijalankan ujian saringan HIV disamping beberapa ujian jangkitan yang lain.
- ii) Darah yang didapati tercemar dengan HIV atau jangkitan lain akan dilupus dan tidak digunakan.

Penjagaan bayi/kanak-kanak yang didapati HIV positif:

- i) Kanak-kanak yang dikesan HIV positif dirujuk kepada Pakar Perubatan Kanak-kanak atau Pakar Perubatan Keluarga untuk rawatan dan penjagaan susulan sama ada di klinik kesihatan atau hospital
- ii) Kebanyakan daripada mereka tidak memerlukan jagaan sebagai pesakit dalam (in-patient) di hospital, kecuali keadaan kesihatan semakin merosot.
- iii) Penjaga (care takers) terbaik untuk kanak-kanak HIV positif ini adalah ibubapa atau ahli keluarga sendiri. Penjaga-penjaga ini memerlukan sokongan dalam berbagai aspek seperti pengetahuan tentang penyakit dan perawatan (HIV/AIDS), psikososial, logistik dan kewangan. Sebahagian dari kanak-kanak/bayi HIV positif atau disyaki (sementara menunggu siri-siri keputusan ujian HIV) tidak hadir untuk rawatan dan penjagaan susulan kerana masalah stigma di sekeliling keluarga dan masyarakat serta "ignorance".
- iv) Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan rawatan antiretro viral percuma kepada bayi/kanak-kanak HIV positif.

SOALAN 3 : Kerajaan Negeri juga telah berjaya memberi bonus kepada kakitangan selaras dengan Kerajaan Persekutuan.

- a) Sejauh mana tahap pencapaian prestasi kakitangan kerajaan terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.
- b) Berapa ramaikah jumlah kakitangan kerajaan yang telah diambil tindakan disiplin dan tamat perkhidmatan. Sila nyatakan kesalahan yang dilakukan.
- c) Apakah langkah kerajaan ambil bagi memastikan kecemerlangan kakitangan dalam bidang tugas.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(h)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID
WAKIL AIR PUTIH

- SOALAN 1 : Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program/projek dan menyalurkan bantuan kewangan untuk menjayakan dasar pembangunan di kawasan Ketengah.
- a) Berapa banyakkah jumlah peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk tujuan berkenaan?
- b) Huraikan agihan peruntukan mengikut kawasan atau DUN.
- JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Mengikut kepada unjuran kepadatan penduduk Ketengah Jaya dan Cheneh Baru, tidakkah kerajaan bercadang untuk menempatkan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi seperti penambahan lot-lot perniagaan dan lain-lain di kawasan tersebut?
- JAWAPAN : Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan menggalakkan pelabur tempatan dan asing untuk melakukan pelaburan di kawasan selatan negeri Terengganu yang bersempadan negeri Pahang.

Pada masa ini Kerajaan negeri telah mengenal pasti satu kawasan di Perasing (berhampiran Ketengah Jaya dan Cheneh Baru) untuk ditempatkan industri asas tani yang mencakupi keluasan seluas 800 ekar. Ianya akan dimajukan oleh Pihak swasta.

Diharapkan projek ini nanti menjadi pemangkin kepada penjana ekonomi di kawasan setempat.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(i)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah pengeluaran padi bagi Negeri Terengganu mengikut daerah bagi tempoh lima tahun terakhir (2000 – 2005)?

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah keluasan tanah padi yang tidak lagi diusahakan dalam Negeri Terengganu mengikut daerah dan apakah rancangan Kerajaan Negeri berkait dengannya?

JAWAPAN : Maklumat mengenai jumlah keluasan tanah padi yang tidak lagi diusahakan mengikut daerah adalah seperti dalam Jadual di Lampiran 1.

Di antara rancangan-rancangan Kerajaan terhadap kawasan padi yang tidak diusahakan adalah seperti berikut:-

- a) Mewujudkan Program Sawah Integrasi di mana kawasan padi yang ditanam sekali setahun dan kawasan yang tidak diusahakan disyorkan untuk ditanam dengan tanaman kontan dan tanaman singkat masa. Matlamatnya adalah agar petani terus beralihy mengusahakan tanaman kontan dan singkat masa secara sepenuh masa. Kerajaan akan sentiasa mempertingkatkan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan yang diusahakan oleh petani.
- c) Menggalakkan petani mengusahakan kawasan tersebut dengan tanaman-tanaman komersil lain.

- d) Menggalakkan usahawan-usahawan sama ada individu atau swasta mengusahakan tanaman padi secara komersil di kawasan tersebut dengan menyewa atau usahasama.

SOALAN 3 : Sila nyatakan bilangan petani yang melibatkan diri dengan pengeluaran padi mengikut daerah dalam Negeri Terengganu bagi tempoh lima tahun terakhir (2000 – 2005)?

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Sila nyatakan bilangan mengikut Daerah kelulusan dan pemberian Lesen Menduduki Sementara (LMS) dan pengurniaan hak milik tanah kepada rakyat Negeri Terengganu/luar Negeri Terengganu sejak Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan Negeri Terengganu 22hb. Mac, 2004?

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Sedarkah Kerajaan bahawa Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu telah mengeluarkan arahan dasar pada 22hb. Mac, 2004 iaitu sebelum pembentukan Kerajaan baru selepas Pilihanraya Umum Kesebelas, yang mengarahkan semua Pentadbir Tanah Daerah dalam Negeri Terengganu supaya mentawakofkan semua urusan berkaitan dengan penerimaan bayaran kelulusan, sambungan LMS dan pengeluaran (geran) hak milik bagi mereka-mereka yang telah memenuhi syarat-syarat kelulusan?

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

LAMPIRAN 1

Bil.	Daerah	Keluasan Pasel Padi (ha.)	Keluasan Bertanam (ha.)	Keluasan Tidak Bertanam (ha.)
1.	Besut	8,206	7,150	1,056
2.	Dungun	316	6	310
3.	Hulu Terengganu	2,335	314	2,021
4.	Kemaman	265	145	120
5.	Kuala Terengganu	7,540	1,553	5,987
6.	Marang	2,841	904	1,937
7.	Setiu	1,758	609	1,149
	JUMLAH	23,261	10,681	12,580

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER, 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(i)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. KHAZAN BIN CHE MAT
WAKIL BATU RAKIT

SOALAN 1 : Pelancongan di pulau-pulau Terengganu telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

- a) Apakah Kerajaan mempunyai rancangan menaikkan taraf jeti-jeti pelancongan di Kuala Terengganu, Merang dan Besut.
- b) Apakah alternatif Kerajaan terhadap jeti Merang yang tidak berfungsi?

JAWAPAN : a) Jeti Pelancongan Shah Bandar, Kuala Terengganu dan Jeti Pelancongan Kuala Besut telah beroperasi dengan baik. Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf kedua-dua jeti berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa memantau keperluan untuk penyelenggaraan kedua-dua jeti berkenaan.

- b) Bagi jeti Merang yang tidak berfungsi, Kerajaan Negeri akan menyediakan asas rujukan (Term of Reference) bagi pembangunan keseluruhan kawasan jeti berkenaan. Pembangunan semula jeti ini dicadangkan dilaksanakan secara penswastaan, dimana ianya perlu diwujudkan satu aktiviti ekonomi yang boleh merangsang pembangunan ekonomi khususnya berasaskan sektor pelancongan.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang wujud di Terengganu?

- a) Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan pusat pemulihan sendiri dengan kaedah tersendiri memandangkan pusat-pusat yang sedia ada tidak begitu berkesan.

JAWAPAN : Jumlah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang wujud di Terengganu ialah satu (1) sahaja.

- a) Pada masa sekarang sebanyak 28 buah Pusat Serenti sedang beroperasi di seluruh negara bagi penghuni menjalani program rawatan dan pemulihan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2005 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(k)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Di dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Berang pada Ogos 2004 yang lalu, kerajaan telah berjanji untuk membina sebuah pasar baru yang moden di Kuala Berang. Rakyat ingin mengetahui perkembangan dan sering membangkitkannya. Bilakah kerajaan akan membina pasar tersebut.

JAWAPAN : Pihak Majlis telah memohon peruntukan sebanyak RM3 juta bagi menaiktaraf dan mengubahsuai bangunan Pasar Besar Kuala Berang di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Terengganu (RPNT) 2004 – 2008 yang dicadang untuk dilaksanakan dalam tahun 2006/2007.

Menurut maklumat yang diperolehi oleh pihak Majlis, pengumuman yang dibuat oleh Y.B. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada masa itu adalah berkaitan dengan pembinaan Kompleks Arked MARA bersebelahan dengan Pasar Besar Kuala Berang. Mengikut maklumat yang didapati daripada Pegawai MARA Negeri, memang ada cadangan untuk membina ARKED MARA di tapak bersebelahan Pasar Besar Kuala Berang iaitu 24 unit bangunan dua (2) tingkat dengan anggaran kos sebanyak RM3.9 juta di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

SOALAN 2 : Semenjak Barisan Nasional (BN) mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2004 yang lalu, kerajaan telah mengeluarkan satu dasar baru berkaitan dengan tanah mulai tahun 2005. Sila nyatakan bilangan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) yang telah boleh dibayar lesen menumpang sementara (LMS) mengikut daerah-daerah.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Terdapat projek-projek pembangunan kerajaan dilaksanakan tanpa terlebih dahulu menyelesaikan bayaran pampasan kepada tuan-tuan punya tanah. Nyatakan bilangan projek-projek tersebut mengikut daerah dan punca kenapa perkara tersebut berlaku.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Terdapat banyak lampu jalan di seluruh Negeri Terengganu terutamanya di Hulu Terengganu rosak dan tidak menyala kerana tidak diselenggarakan dengan baik. Keadaan ini akan mengakibatkan pembangunan yang dilaksanakan tidak dapat dinikmati dengan maksimum oleh rakyat dan sudah tentu pembangunan yang berlaku merugikan kerajaan. Apakah langkah kerajaan bagi menangani perkara tersebut.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS (BAJET)
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(I)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila senaraikan jumlah dan nama-nama sekolah di negeri ini mengikut pecahan daerah yang pelajarannya kurang dari 150 orang?

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah kelas-kelas Tadika/Tabika KEMAS di negeri ini dan berapakah jumlah kelas yang masih menggunakan balai raya untuk dijadikan kelas tempat belajar mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : (a) Jumlah kelas-kelas Tadika/Tabika KEMAS di Negeri Terengganu pada tahun 2005 berakhir 30 Oktober, 2005 adalah berjumlah 790 buah kesemuanya.

(b) Jumlah kelas yang masih menggunakan balairaya untuk dijadikan kelas tempat belajar mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

Besut	-	40 buah
Setiu	-	16 buah
Kuala Nerus	-	42 buah
Kuala Terengganu	-	24 buah
Marang	-	41 buah
Hulu Terengganu	-	17 buah
Dungun	-	Tiada
Kemaman	-	20 buah

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah pelajar sekolah yang dilapor dan tidak dilaporkan (tetapi ada dalam makluman pihak sekolah dan Jabatan Pelajaran Daerah dan Negeri) yang bunuh diri dan cuba bunuh diri di negeri ini.

JAWAPAN : Soalannya DITOLAK menurut Perkara 26(2)(d) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sejak bulan Mac 2004 hingga kini, sila senaraikan lawatan dan rombongan keluar negara yang disertai oleh YAB. MB, Exco dan Adun BN, serta tujuan lawatan dan kos yang dibelanjakan.

JAWAPAN : Soalannya DITOLAK menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah kos dan nyatakan sumber kewangan untuk:-

- a) Menganjurkan Kejohanan Perahu Layar Monsoon Cup di Pulau Duyong.
- b) Pembangunan infrastruktur, termasuk marina, jeti, pembinaan resort lima bintang dan chalet sempena Kejohanan Perahu Layar Monsoon Cup di Pulau Duyong.

JAWAPAN : a) Anggaran kos penganjuran Monsoon Cup ialah RM6 juta.

Sumber kewangan ialah:-

Dana Khas Persekutuan	=	RM4.0 juta
Peruntukan Kerajaan Negeri	=	RM1.0 juta
Bantuan dari Kementerian Pelancongan		RM1.0 juta

- b) Kos pembangunan infrastruktur Pulau Duyong ialah RM249 juta.

Sumber daripada Dana Khas Persekutuan.

2019/01/01



Gang. Barok, 21300 Kuala Temenggong, Temenggong
Tel: 09-969 0611, 690 1652, 690 1501, Faks: 09-969 2621, 690 1663